

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**KESAN PENGAJARAN PENDIDIKAN
ISLAM SECARA MODULAR
TERHADAP PENGUASAAN
PENDIDIKAN ISLAM DALAM
KALANGAN MURID DI SEBUAH
SJKC**

FATHIAH BINTI MOKHTAR

MA

Jun 2026

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**KESAN PENGAJARAN PENDIDIKAN
ISLAM SECARA MODULAR
TERHADAP PENGUASAAN
PENDIDIKAN ISLAM DALAM
KALANGAN MURID DI SEBUAH
SJKC**

FATHIAH BINTI MOKHTAR

Tesis dikemukakan bagi memenuhi keperluan untuk
ijazah

Sarjana Pengajian Islam Kontemporari

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Jun 2026

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA

Saya sahkan bahawa Panel Pemeriksa yang telah bermesyuarat pada 15 Ogos 2025 untuk mengendalikan peperiksaan akhir Fathiah Binti Mokhtar bagi tesis Sarjana yang bertajuk “Kesan Pengajaran Pendidikan Islam Secara Modular Terhadap Penguasaan Pendidikan Islam Dalam Kalangan Murid Di Sebuah SJKC.” berdasarkan Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173). Panel Pemeriksa telah mencadangkan pelajar tersebut layak dianugerahkan ijazah yang tersebut. Panel Pemeriksa adalah seperti berikut:

Mohd Hapiz Mahaiyadin, PhD
Profesor Madya
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA
(Pengerusi)

Fatin Nabilah Abdul Wahid, PhD
Pensyarah Kanan
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA
(Pemeriksa Dalam)

Zaharah Hussin, PhD
Professor
Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
(Pemeriksa Luar)

**PROFESSOR DR HJH ZURAEDA
IBRAHIM**

Dekan
Institut Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi MARA
Tarikh: 30 Jun 2026

DEKLARASI PENULIS

Saya mengakui bahawa penghasilan tesis ini dilakukan mengikut peraturan Universiti Teknologi MARA. Ia adalah asli dan dapatan hasil usaha saya sendiri, melainkan dinyatakan sebaliknya atau diberikan penghargaan sebagai hasil rujukan. Disertasi ini tidak pernah diserahkan kepada mana-mana institusi akademik atau bukan akademik untuk apa-apa ijazah atau kelayakan.

Saya, dengan ini, menyatakan bahawa saya telah mengikuti Kaedah dan Peraturan Akademik bagi Pasca Siswazah, Universiti Teknologi MARA, sepanjang melakukan pengajian dan penyelidikan saya.

Nama Pelajar : Fathiah Binti Mokhtar

No. Pelajar : 2023299486

Program : Sarjana Pengajian Islam Kontemporari – IC780

Fakulti : Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Tajuk Disertasi : Kesan Pengajaran Pendidikan Islam Secara Modular Terhadap Penguasaan Pendidikan Islam Dalam Kalangan Murid Di Sebuah SJKC.

Tandatangan Pelajar :

Tarikh : Jun 2026

ABSTRAK

Kajian berkaitan Pendidikan Islam di SJKC masih kurang dilaksanakan walaupun bilangan murid muslim semakin meningkat. Kajian ini bertujuan menilai tahap penguasaan Pendidikan Islam murid muslim di SJKC sebelum dan selepas pelaksanaan pengajaran secara modular, serta menganalisis perbezaan tahap penguasaan berdasarkan pelaksanaan pendekatan tersebut. Pendekatan dipilih berdasarkan Teori Konstruktivisme Vygotsky dengan Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) dan scaffolding menyokong pembelajaran berpusatkan murid, serta Teori Pemikiran Ibn Khaldun melalui konsep tadarruj (pembelajaran berperingkat) dan malakah (pembentukan kemahiran) dalam Pendidikan Islam. Kajian tindakan ini melibatkan 22 murid muslim tahun satu di SJKC Kuang Hwa, Kuantan selama 20 minggu. Fasa 1 modular linear (8 minggu), tempoh penyesuaian (4 minggu), dan Fasa 2 modular bukan linear (8 minggu). Data dikumpul melalui pentaksiran lisan, pentaksiran bertulis dan pentaksiran amali, dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan ujian Wilcoxon Signed Rank. Dapatan menunjukkan kedua-dua pendekatan berkesan dengan majoriti murid mencapai gred cemerlang. Pendekatan bukan linear lebih berkesan dalam pentaksiran bertulis ($Z=-2.729$, $p=0.05$), manakala pendekatan linear lebih berkesan dalam pentaksiran amali ($Z=-2.174$, $p<0.05$). Secara keseluruhan, tiada perbezaan signifikan antara kedua-dua pendekatan ($Z=-1.885$, $p>0.05$). Dapatan ini memberi implikasi penting kepada transformasi kurikulum Pendidikan Islam di sekolah vernakular bagi memenuhi keperluan murid minoriti muslim di SJKC.

Kata Kunci: Pendekatan modular, Pendidikan Islam, SJKC, Pendekatan Modular Secara Linear dan Pendekatan Modular Secara Bukan Linear

ABSTRACT

Research on Islamic Education in SJKC remains limited despite growing muslim student enrolment. This study aims to evaluate mastery of Islamic Education among muslim students in SJKC before and after modular teaching, and to analyse differences in mastery levels by approach. Both approaches were grounded in Vygotsky's Constructivism Theory through the Zone of Proximal Development (ZPD) and scaffolding, and Ibn Khaldun's Theory of Thought through tadarruj and malakah. This action research involved 22 year one muslim students at SJKC Kuang Hwa, Kuantan, over 20 weeks. Phase 1 linear modular (8 weeks), adjustment period (4 weeks), and Phase 2 non-linear modular (8 weeks). Data were collected through oral, written, and practical assessments, analysed using descriptive statistics and the Wilcoxon Signed Rank Test. Findings show both approaches were effective, with the majority achieving excellent grades. The non-linear approach was more effective in the written assessment ($Z = -2.729$, $p = 0.05$), while the linear approach was more effective in the practical assessment ($Z = -2.174$, $p < 0.05$). Overall, no significant difference was found between both approaches ($Z = -1.885$, $p > 0.05$). These findings have important implications for Islamic Education curriculum transformation in vernacular schools to meet the needs of muslim minority students in SJKC.

Keywords: Modular Approach, Islamic Education, SJKC, Linear Modular Approach, Non-Linear Modular Approach

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, segala puji bagi Allah SWT yang telah menganugerahkan kekuatan dan hidayah dalam menyempurnakan disertasi ini.

Penghargaan istimewa buat belahan jiwa, suami tercinta Akmal bin Ibrahim, yang telah menjadi lentera dalam setiap langkah perjalanan pengajian ini. Infiniti kasih sayang, sokongan dan pengorbanan menjadi kekuatan dan inspirasi utama dalam mengharungi setiap cabaran.

Kepada anak-anak yang dikasihi, Maryam, Khaulah, Razan dan Lubabah, penghargaan tidak terhingga atas kefahaman dan kematangan luar biasa kalian sepanjang tempoh pengajian ini telah menjadikan setiap detik perjuangan sangat indah dan bermakna.

Limpahan terima kasih dan penghargaan juga buat ibu dan ayah serta mertua atas setiap untaian lafaz doa dan restu kalian yang menjadi pelita menerangi jalan sehingga tamat pengajian.

Penghargaan tidak berbelah bahagi juga kepada penyelia utama Dr. Mohd Amzari bin Tumiran dan penyelia bersama Dr. Mahfuzah binti Mohammed Zabidi atas bimbingan dan tunjuk ajar yang berkesan sepanjang proses pengajian berlangsung.

Terima kasih juga kepada sahabat seperjuangan, Ustazah Fadzlina atas kasih sayang, sokongan dan kebersamaan bagi memastikan pengajian ini berlangsung dengan indah dan bermakna.

Penghargaan yang tidak terhingga juga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah menaja pengajian ini di bawah program Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) serta Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang telah menyediakan ruang, peluang dan kemudahan semasa pengajian sehingga tamat pengajian.

Akhir kata, selautan penghargaan buat semua jiwa mulia yang telah menyumbang secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan pengajian ini. Semoga Allah SWT membalas segala kebaikan dengan rahmat dan keberkatan yang melimpah ruah.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SIMBOL	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
JADUAL TRANSLITERASI	xix

BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	4
1.3.1 Jurang Penyelidikan	7
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Hipotesis Kajian	10
1.6.1 Hipotesis Nol (H_0)	10
1.6.2 Hipotesis Alternatif 1 (H_1)	11
1.7 Kerangka Teoretikal Kajian	11
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	13
1.9 Signifikan Kajian	14
1.9.1 Penerapan Pendekatan Modular secara Bukan Linear ke Institusi Pendidikan Lain oleh KPM	14

1.9.2	Penambahbaikan kepada Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum oleh BPK	14
1.9.3	Perancangan Strategik Pengajaran Khusus bagi Murid Muslim di Sekolah Vernakular oleh Bahagian Pendidikan Islam (BPI)	15
1.9.4	Penyediaan Kerangka Panduan Praktikal oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah	15
1.10	Skop Kajian	16
1.10.1	Pelaksanaan Pendekatan Modular secara Linear dan Bukan Linear dalam Proses PdPc Pendidikan Islam di SJKC Kuang Hwa, Kuantan	16
1.10.2	Pengukuran Tahap Penguasaan Pendidikan Islam Murid pada Ujian Pra dan Pasca Intervensi di SJKC Kuang Hwa, Kuantan	17
1.10.3	Perbandingan statistik keberkesanan kedua-dua pendekatan modular dalam konteks SJKC.	18
1.11	Definisi Operasi	19
1.12	Rumusan	21
BAB 2	SOROTAN LITERATUR	22
2.1	Pengenalan	22
2.2	Kaedah Pengajaran dalam Pendidikan Islam	22
2.2.1	Kaedah Konvensional	23
2.2.2	Kaedah Kontemporari	24
2.2.3	Cabaran Pelaksanaan Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam di SJKC	26
2.2.4	Keperluan Pendekatan Baharu	26
2.3	Konsep Pendekatan Modular dalam Pendidikan Islam	28
2.4	Kerangka Teori Kajian	33
2.5	Kerangka Konseptual kajian	37
2.5.1	Diagram Kerangka Konsep	37
2.5.2	Hubungan antara Pembolehubah Kajian	38
2.6	Kesan Pendekatan Modular terhadap Penguasaan Pembelajaran Pendidikan Islam di SJKC	38
2.6.1	Konsep Penguasaan dalam Pendidikan Islam	40

2.6.2	Kesan terhadap Domain Kognitif	41
2.6.3	Kesan terhadap Kemahiran Amali	41
2.6.4	Kesan terhadap Pembentukan Sikap dan Nilai	42
2.6.5	Faktor Mempengaruhi Keberkesanan Pelaksanaan	42
2.6.6	Kajian Empirikal Berkaitan Kesan Pelaksanaan	43
2.7	Konteks Pelaksanaan di SJKC	44
2.7.1	Latar Belakang SJKC	44
2.7.2	Cabaran Pengajaran Pendidikan Islam di SJKC	46
2.7.3	Amalan Semasa Pelaksanaan di SJKC	47
2.7.4	Keperluan Khusus Murid Muslim di SJKC	50
2.8	Perbandingan Keberkesanan Pendekatan Modular Secara Linear dan Bukan Linear dalam Pendidikan Islam di SJKC	51
2.8.1	Ciri-ciri Pelaksanaan Linear	51
2.8.2	Ciri-ciri Pelaksanaan Bukan Linear	51
2.8.3	Kajian Perbandingan Keberkesanan	52
2.8.4	Kesesuaian dalam Konteks SJKC	52
2.8.5	Kelemahan dan Cabaran Pelaksanaan Pendekatan Modular Secara Linear dan Bukan Linear dalam Konteks SJKC	53
2.8.5.1	Kelemahan Pendekatan Modular Secara Linear di SJKC	54
2.8.5.2	Kelemahan Pendekatan Modular Secara Bukan Linear di SJKC	57
2.9	Jurang Kajian	59
2.10	Rumusan	60
BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN		62
3.1	Pengenalan	62
3.2	Reka Bentuk Kajian	62
3.3	Pensampelan	64
3.3.1	Kaedah Pemilihan Sampel	64
3.3.2	Kriteria Serta (Kemasukan atau <i>Inclusion</i>) dan Kriteria Singkir (Pengecualian atau <i>Exclusion</i>)	64
3.3.3	Populasi dan Sampel	65
3.4	Pelaksanaan dan Instrumentasi Kajian	69

3.4.1	Pelaksanaan Pendekatan Modular Secara Linear dan Bukan Linear	69
3.4.2	Pengumpulan Data	70
3.4.3	Pembinaan dan Pengesahan Instrumen Pentaksiran	72
3.4.4	Analisis Data	74
3.5	Kaedah Analisis	74
3.5.1	Analisis Statistik Deskriptif	74
3.5.2	Ujian Wilcoxon Signed Rank	75
3.5.3	Variabel dalam Analisis Data	76
3.6	Prosedur Kajian	77
3.6.1	Fasa 1: Penentuan Sampel dan Kelulusan Kajian	78
3.6.2	Fasa 2: Taklimat dan Persediaan Pelaksanaan	78
3.6.3	Fasa 3: Pelaksanaan Pendekatan Modular Secara Linear dan Pengumpulan Data Ujian Pra Objektif Kajian 1	79
3.6.4	Fasa 4: Tempoh Penyesuaian Kumpulan Rawatan	79
3.6.5	Fasa 5: Pelaksanaan Intervensi dan Pengumpulan Data Objektif Kajian 2	80
3.6.6	Fasa 6: Analisis Perbandingan Data Objektif Kajian 3 dan Pelaporan	80
3.6.7	Carta Alir	82
3.7	Limitasi Kajian	82
3.7.1	Saiz sampel yang kecil	83
3.7.2	Limitasi kawalan eksperimental	83
3.7.3	Cabaran pelaksanaan dan konsistensi	83
3.7.4	Kekangan Pemilihan Tajuk PdPc Pendekatan Modular Secara Bukan Linear dan Pembinaan Instrumen Pentaksiran	84
3.7.5	Isu Validiti Kajian	85
3.8	Rumusan	85
BAB 4 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN		87
4.1	Pengenalan	87
4.2	Dapatan Pengesahan Panel Pakar	88
4.3	Latar Belakang Objektif Kajian 1	91

4.3.1	Keputusan Objektif Kajian 1 Tahap Penguasaan Fasa 1 Ujian Pra (Pendekatan Modular Secara Linear)	91
4.3.2	Perbincangan Objektif Kajian 1 Tahap Penguasaan Fasa 1 Ujian Pra (Pendekatan Modular Secara Linear)	98
4.4	Latar Belakang Objektif Kajian 2	114
4.4.1	Keputusan Objektif Kajian 2 Fasa 2 Ujian Pasca (Pendekatan Modular Secara Bukan Linear)	114
4.4.2	Perbincangan Objektif Kajian 2 Tahap Penguasaan Fasa 2 Ujian Pasca (Pendekatan Modular Secara Bukan Linear)	121
4.4.2.1	Justifikasi Pemilihan dan Susunan Topik dalam Pendekatan Modular Secara Bukan Linear	128
4.5	Latar Belakang Objektif Kajian 3	142
4.5.1	Keputusan Objektif Kajian 3	142
4.5.2	Perbincangan Objektif Kajian 3	148
4.5.3	Gambaran Keseluruhan Pelaksanaan Pendekatan Modular Fasa 1 dan Fasa 2	150
4.6	Rumusan	158
BAB 5 KESIMPULAN		160
5.1	Pengenalan	160
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	160
5.3	Implikasi Kajian	162
5.3.1	Implikasi Teoretikal	162
5.3.2	Implikasi Praktikal	167
5.3.3	Implikasi Metodologikal	169
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	171
5.5	Penutup	172
RUJUKAN		174
APENDIK		213
PROFIL PENULIS		318

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Muka Surat
Jadual 2.1	Perbezaan Peruntukan Waktu Mata Pelajaran Pendidikan Islam di SJK dan SK	46
Jadual 3.1	Kriteria Serta dan Kriteria Singkir	65
Jadual 3.2	Jumlah Murid Muslim Tahun Satu di SJKC dan SJKT dalam Daerah Kuantan, Pahang Sesi 2024/2025	66
Jadual 3.3	Perincian Justifikasi Pemilihan SJKC Kwang Hwa	67
Jadual 3.4	Ringkasan Proses Pengesahan Instrumen Pentaksiran Oleh Pakar	74
Jadual 3.5	Ringkasan Prosedur Pelaksanaan Kajian	80
Jadual 4.1	Singkatan Istilah Kajian	88
Jadual 4.2	Dapatan Pengesahan Pakar Bagi Instrumen Pentaksiran	89
Jadual 4.3	Dapatan Pengesahan Pakar Bagi Instrumen Pentaksiran	90
Jadual 4.4	Perbandingan Pelaksanaan Pendekatan Modular Fasa 1 (Linear) dan Fasa 2 (Bukan Linear)	90
Jadual 4.5	Analisis Statistik Deskriptif Tahap Penguasaan Pendidikan Islam Fasa 1 Ujian Pra (Pendekatan Modular Secara Linear) (n=22)	92
Jadual 4.6	Pencapaian Pendidikan Islam Fasa 1 Ujian Pra (Pendekatan Modular Secara Linear)	92
Jadual 4.7	Singkatan dan Item PLK	93
Jadual 4.8	Keputusan Pentaksiran Lisan Fasa 1 Ujian Pra (PLK) Mengikut Item	94
Jadual 4.9	Singkatan dan Item PBK Singkatan dan Item PBK	94
Jadual 4.10	Keputusan Pentaksiran Bertulis Fasa 1 Ujian Pra (PBK) Mengikut Item	95
Jadual 4.11	Singkatan dan Item PAK	96

Jadual 4.12	Keputusan Pentaksiran Amali Fasa 1 Ujian Pra (PAK) Mengikut Item	96
Jadual 4.13	Keputusan Pentaksiran Keseluruhan Tahap Penguasaan Pendidikan Islam Fasa 1 Ujian Pra (Pendekatan Modular Secara Linear) (n=22)	97
Jadual 4.14	Standard Pembelajaran (SP) dan Standard Kandungan (SK) Pembelajaran Fasa 1 - Pendekatan Modular Linear	99
Jadual 4.15	Rumusan Teknik Pengajaran Mengikut Bidang dalam Fasa 1 (Pendekatan Modular Secara Linear)	104
Jadual 4.16	Analisis Statistik Deskriptif Tahap Penguasaan Pendidikan Islam Fasa 2 Ujian Pasca (Pendekatan Modular Secara Bukan Linear) (n=22)	114
Jadual 4.17	Pencapaian Pendidikan Islam Fasa 2 Ujian Pasca (Pendekatan Modular Secara Bukan Linear)	115
Jadual 4.18	Singkatan dan Item PLR	115
Jadual 4.19	Keputusan Pentaksiran Lisan Fasa 2 Ujian Pasca (PLR) Mengikut Item	116
Jadual 4.20	Singkatan dan Item PBR	117
Jadual 4.21	Keputusan Pentaksiran Bertulis Fasa 2 Ujian Pasca (PBR) Mengikut Item	118
Jadual 4.22	Singkatan dan Item PAR	119
Jadual 4.23	Keputusan Pentaksiran Amali Fasa 2 Ujian Pasca(PAR) Mengikut Item	119
Jadual 4.24	Keputusan Pentaksiran Keseluruhan Tahap Penguasaan Pendidikan Islam Fasa 2 Ujian Pasca (Pendekatan Modular Secara Bukan Linear) (n=22)	120
Jadual 4.25	Perbandingan Standard Pembelajaran (SP) dan Standard Kandungan (SK) Mengikut RPT dengan SP dan SK yang Dipilih dalam Pendekatan Modular Secara Bukan Linear (Fasa 2)	121
Jadual 4.26	Ujian Wilcoxon Signed Ranks Pentaksiran Lisan (K1_R1): (a) ranks; dan (b) test statistics	143
Jadual 4.27	Ujian Wilcoxon Signed Ranks Pentaksiran Bertulis (K1_R1): (a) ranks; dan (b) test statistics	144

Jadual 4.28	Ujian Wilcoxon Signed Ranks Pentaksiran Bertulis (K1_R1): (a) ranks; dan (b) test statistics	145
Jadual 4.29	Ujian Wilcoxon Signed Ranks Pentaksiran Keseluruhan (K1_R1): (a) ranks; dan (b) test statistics.	145
Jadual 4.30	Analisis Umum Ujian Wilcoxon Signed Ranks “K1_R1”	146
Jadual 4.31	Ujian Wilcoxon Signed Ranks Pentaksiran Amali_Bertulis (K1_R1): (a) ranks; dan (b) test statistics	147
Jadual 4.32	Rumusan Keputusan Pengujian Hipotesis Komponen Pentaksiran	147

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Muka Surat
Rajah 1.1	Kerangka Teoretikal Konstruktivisme Vygotsky	12
Rajah 1.2	Ibn Khaldun (1377) (Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002); Syaubari et al., (2018) (Ajmain et al., 2020)	12
Rajah 1.3	Kerangka Konseptual Kajian	13
Rajah 2.1	Kerangka Teoretikal Konstruktivisme Vygotsky	34
Rajah 2.2	Ibn Khaldun (1377) (Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002); Syaubari et al., (2018) (Ajmain et al., 2020)	35
Rajah 2.3	Kerangka Konseptual Kajian	37
Rajah 3.1	Carta Alir Prosedur Kajian	82
Rajah 5.1	Ringkasan Dapatan Kajian	162
Rajah 5.2	Aplikasi Teori Konstruktivisme Vygotsky dan Teori Pemikiran Ibn Khaldun dalam Pendekatan Modular Secara Linear dan Bukan Linear	165

SENARAI SIMBOL

Simbol

H_0	Hipotesis Nol
H_1	Hipotesis Alternatif
n	Sampel
N	Populasi
ρ	Rho
Z	Taburan Data/Sampel

SENARAI SINGKATAN

Singkatan

BPI	Bahagian Pendidikan Islam
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
K1	Fasa 1 Ujian Pra (pendekatan modular secara linear)
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PAK	Pentaksiran Amali Ujian Pra
PAR	Pentaksiran Amali Ujian Pasca
PBK	Pentaksiran Bertulis Ujian Pra
PBR	Pentaksiran Bertulis Ujian Pasca
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PLK	Pentaksiran Lisan Ujian Pra
PLR	Pentaksiran Lisan Ujian Pasca
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
R1	Fasa 2 Ujian Pasca (pendekatan modular secara bukan linear)

RPT	Rancangan Pengajaran Tahunan
SISC+	School Improvement Specialist Coaches (Jurulatih Pakar Peningkatan Sekolah)
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SK	Standard Kandungan
SP	Standard Pembelajaran

JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	A	ز	Z	ق	Q
ب	B	س	S	ك	K
ت	T	ش	Sh/Sy	ل	L
ث	Th	ص	S	م	M
ج	J	ض	D	ن	N
ح	H	ط	T	و	W
خ	Kh	ظ	Z	هـ	H
د	D	ع	‘	ء	
ذ	Dh	غ	Gh	ي	Y
ر	R	ف	F	ة	T/..h

VOKAL PANJANG	VOKAL PENDEK	DIFTONG
آ A, a	— َ — A, a	أُ aw
أ U, u	— ُ — U, u	أَيَّ ay
إ I, i	— ِ — I, i	إَيَّ iy

Perkataan bahasa Arab yang sudah menjadi sebutan umum bahasa Malaysia dieja mengikut kaedah Dewan Bahasa dan Pustaka, kecuali beberapa perkataan penting berkaitan bidang kajian supaya menepati makna asal istilah.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Tema pendidikan merupakan perkara utama yang mempengaruhi perkembangan individu bagi menyokong pertumbuhan sosial, budaya dan ekonomi sesebuah negara (Ghandi, 2022). Perkembangan sistem pendidikan yang mampan mampu melahirkan generasi dengan tahap intelek yang tinggi bagi meneruskan legasi kemajuan kepemimpinan negara pada masa hadapan. Justeru, Revolusi Industri 4.0 telah membawa transformasi dalam pelbagai sektor termasuk pendidikan (Roblek et al., 2016; Baratta et al., 2023). Pendidikan di era ini memerlukan transformasi kurikulum melalui pembelajaran abad ke-21 yang memberi fokus kepada ilmu pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku (Martinez, 2022; Rahayu et al., 2022).

Pendekatan berpusatkan murid pula merupakan tunjang utama dalam pendidikan abad ke-21 (Bael et al., 2021), dengan pelbagai kaedah inovatif diperkenalkan seperti pendekatan bertema (Pulene, 2022), pembelajaran berasaskan projek (Saimon et al., 2023) dan pendekatan modular (Ambayon & Millenes, 2020). Pendekatan modular khususnya semakin mendapat perhatian kerana keberkesanannya dalam meningkatkan sikap positif dan pencapaian murid (Caballes & Delos Reyes, 2022; Roque, 2022).

Di Malaysia, pendekatan modular telah diaplikasikan melalui pembinaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017 dalam bentuk modul Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi memenuhi kepelbagaian keperluan pembelajaran murid. Pendekatan ini menawarkan fleksibiliti pelaksanaan sama ada secara linear mahupun bukan linear, membolehkan guru menyesuaikan pengajaran mengikut keperluan dan konteks pembelajaran (BPK, 2018).

Pendekatan linear menekankan pembelajaran berturutan mengikut hierarki yang ditetapkan dalam DSKP, manakala pendekatan bukan linear membolehkan gabung jalin kandungan mengikut keperluan semasa dan kebolehan murid. Kepelbagaian pendekatan ini membuka ruang kepada guru untuk menyesuaikan pengajaran mengikut

konteks sekolah melibatkan sekolah kebangsaan, sekolah vernakular, sekolah pedalaman dan sebagainya.

Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan langkah transformasi utama sistem pendidikan Malaysia pada masa kini dalam usaha mencapai pendidikan bertaraf dunia (Hamid, 2022). Antara komponen dalam PPPM untuk merealisasikan pendidikan bertaraf dunia ialah menerusi Anjakan Ketiga yang menggariskan kepentingan untuk melahirkan rakyat yang menghayati nilai dengan memperkukuh kurikulum Pendidikan Islam (KPM, 2013). Seajar dengan aspirasi ini, kajian ini bertujuan meneliti keberkesanan pendekatan modular dalam meningkatkan penguasaan Pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Transformasi sistem pendidikan Malaysia ke arah pendidikan bertaraf dunia telah digariskan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Hamid, 2022) yang menekankan kepentingan melahirkan rakyat yang menghayati nilai melalui pengukuhan kurikulum Pendidikan Islam (KPM, 2013). Selaras dengan hasrat ini, usaha pembaharuan kurikulum telah dilaksanakan melalui pengenalan KSSR Semakan 2017 secara berperingkat bermula tahun satu pada 2017 (BPK, 2016).

Pembaharuan kurikulum ini menampilkan pendekatan modular sebagai salah satu kaedah utama dalam proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc), termasuk bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. KPM telah mengiktiraf pendekatan modular sebagai bentuk kurikulum bersepadu yang sesuai untuk peringkat rendah dan menengah (BPK, 2018). Pelaksanaan kurikulum modular ini direalisasikan melalui pembinaan DSKP yang mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, di samping memasukkan secara eksplisit elemen Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) (BPK, 2015). Kepentingan pendekatan modular ini turut ditonjolkan semasa program KPM Perkasaku yang dilaksanakan antara September 2021 hingga Februari 2022 sebagai strategi memulihkan tahap penguasaan murid selepas pandemik Covid-19 (Nordin et al., 2023; KPM, 2021).

Keistimewaan pendekatan modular terletak pada fleksibiliti dan ketersusunannya yang memudahkan perancangan proses PdPc oleh guru dan murid (Ab Kadir, 2023). Pendekatan ini membolehkan penyampaian isi pelajaran dilaksanakan

dalam pelbagai situasi pembelajaran, termasuk secara tidak bersemuka (Subri et al., 2021). Lebih penting lagi, pendekatan modular menawarkan dua kaedah pelaksanaan iaitu secara linear dan bukan linear (BPK, 2018). Pelaksanaan secara linear mengikut turutan yang ditetapkan dalam DSKP dan Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT), manakala pelaksanaan bukan linear membenarkan gabung jalin beberapa Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) berdasarkan keperluan semasa dan kesesuaian konteks pembelajaran.

Keperluan untuk menguji keberkesanan pendekatan modular bukan linear ini menjadi lebih signifikan dalam konteks Pendidikan Islam di SJKC. Hakikat bahawa Pendidikan Islam merupakan proses penghayatan nilai hidup berlandaskan Al-Quran dan Al-Sunnah tidak boleh dipandang ringan (Fakhruddin & Awang, 2020). Pelbagai terminologi seperti tarbiyah, ta'lim, tadrīs, ta'dīb dan tazkiyah walaupun berbeza dari sudut bahasa, namun berkongsi matlamat yang sama iaitu melahirkan Muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia (Syihabudin & Najmudin, 2019).

Pandangan ini selaras dengan perspektif sarjana Islam terkenal, Al-Ghazali, yang menggariskan Pendidikan Islam sebagai proses menyempurnakan akhlak dan pembentukan peribadi berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah (Niamah, 2021; Kirabaev & Al-Janabi, 2023). Kepentingan penguasaan ilmu pendidikan turut ditegaskan melalui wahyu pertama yang diturunkan kepada Rasulullah SAW dalam Surah Al-'Alaq ayat 1 hingga 5, yang menekankan kewajipan menuntut ilmu sebagai tanggungjawab setiap insan tanpa mengira lokasi atau keadaan (Aziz et al., 2021). Firman Allah SWT di dalam Al-Quran:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ الَّذِي
عَلَّمَ بِالْقَلَمِ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ

Maksudnya:

“Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan, Dia telah menciptakan manusia dari sebuku darah, Bacalah, dan Tuhanmulah yang paling Pemurah, Yang mengajar manusia dengan pena dan tulisan, Dia mengajarkan kepada manusia apa yang belum diketahuinya.”

(Surah Al-'Alaq, 96:1-5)

Berdasarkan prinsip teologis ini, Al-Ghazali menegaskan bahawa reka bentuk kurikulum pendidikan perlu diselaraskan dengan peringkat pertumbuhan dan perkembangan murid bagi memastikan pengalaman pembelajaran yang bermakna dan boleh diaplikasikan dalam kehidupan harian (Suban, 2020; Rahman et al., 2021; Mansyur, 2022).

Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk meneliti keberkesanan pendekatan modular bukan linear dalam meningkatkan penguasaan mata pelajaran Pendidikan Islam, khususnya dalam kalangan murid muslim di SJKC.

1.3 Penyataan Masalah

Tahap pencapaian murid dalam subjek Pendidikan Islam di SJKC adalah rendah (Abdullah Hadi & Hamzah, 2020). Walaupun bilangan murid muslim di SJKC secara amnya kurang berbanding Sekolah Kebangsaan (SK), laporan-laporan pencapaian murid muslim di SJKC masih tidak mencapai tahap terbaik. Hal ini dibuktikan oleh laporan pencapaian j-Qaf 2020 di sekolah rendah Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Petaling Perdana yang menunjukkan keputusan daripada 13 buah SJKC hanya memperoleh 70.18% berbanding SK yang memperoleh 88.09% (Salleh, 2020). Analisis pencapaian keseluruhan e-Pelaporan j-Qaf pada tahun 2019 turut mendapati sebahagian besar murid muslim di SJKC masih berada pada tahap penguasaan yang rendah dalam bacaan al-Quran (KPM, 2019), manakala kemahiran menulis Jawi dalam kalangan murid muslim di SJKC juga berada pada tahap yang tidak memuaskan (Sharifudin & Razak, 2022). Dapatan-dapatan ini menunjukkan wujudnya keperluan mendesak untuk meningkatkan tahap penguasaan Pendidikan Islam dalam kalangan murid muslim di SJKC.

Faktor ini disebabkan oleh kekangan masa pengajaran di SJKC yang lebih singkat berbanding SK (Hashim et al., 2015; Rahman & Razak, 2020; Abdullah Hadi & Hamzah, 2020; Ismail, 2017). Bagi tahap satu di SJK, peruntukan waktu bagi mata pelajaran Pendidikan Islam adalah sebanyak 120 minit (4 waktu), manakala bagi tahap dua di SJK adalah sebanyak 150 minit (5 waktu), berbanding SK sebanyak 180 minit (6 waktu) untuk tahap satu dan dua (BPK, 2021). Perbezaan peruntukan masa sebanyak 60 minit seminggu untuk tahap satu dan 30 minit seminggu untuk tahap dua ini menyebabkan guru Pendidikan Islam di SJKC menghadapi cabaran untuk

menyampaikan kandungan kurikulum yang sama dengan SK dalam masa yang lebih singkat. Kekangan masa ini menuntut pendekatan pengajaran yang lebih efisien dan berkesan bagi memastikan murid muslim di SJKC dapat menguasai Pendidikan Islam dengan baik walaupun dalam tempoh pembelajaran yang lebih terhad.

Situasi tersebut akhirnya menyumbang kepada penurunan motivasi murid, terutamanya apabila mereka gagal mengikuti pelajaran secara berkesan (Rahman & Razak, 2020). Motivasi menurut Chaplin (1985) dalam Mohamed (2010) adalah perkara-perkara yang diaplikasi untuk menjelaskan tentang faktor-faktor dalaman yang mempengaruhi perbuatan seseorang untuk mencapai sesuatu matlamat. Penurunan motivasi murid dalam pembelajaran Pendidikan Islam berpotensi menjejaskan prestasi akademik mereka, memandangkan motivasi merupakan faktor penting yang mendorong murid untuk fokus dan mencapai tahap penguasaan yang tinggi semasa proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) (Farida, 2021). Tahap kecenderungan minat terhadap pendekatan pengajaran yang digunakan turut mempengaruhi penguasaan Pendidikan Islam di SJKC (Rahman & Razak, 2020), justeru pendekatan pengajaran merupakan antara perkara utama yang perlu ditambah baik bagi meningkatkan motivasi murid (Jaafar & Maat, 2020). Pendekatan pengajaran dilihat sangat penting untuk meningkatkan fokus dan minat murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam (Muawanah & Muhid, 2021), menjadikan pemilihan pendekatan pengajaran yang tepat dan berkesan sebagai perkara kritikal dalam konteks SJKC yang menghadapi kekangan masa dan cabaran pencapaian tersebut.

Bagi menangani cabaran tersebut, pendekatan modular yang diperkenalkan dalam KSSR Semakan 2017 menawarkan alternatif yang berpotensi mengatasi cabaran pengajaran Pendidikan Islam di SJKC. Pendekatan ini merujuk kepada penyusunan kandungan pembelajaran dalam bentuk modul-modul kecil yang membolehkan murid belajar secara berperingkat dan mengikut keperluan mereka (Ambayon, 2020). Rahman (2022) menyatakan bahawa pendekatan modular merupakan trend terkini dalam falsafah pendidikan yang mengubah kaedah pengajaran tradisional kepada paradigma pembelajaran berorientasikan pencapaian dengan memberi autonomi kepada pelajar untuk mengawal pembelajaran mereka sendiri. Kelebihan utama pendekatan modular terletak pada fleksibiliti pelaksanaannya yang membolehkan guru menyesuaikan pengajaran mengikut konteks dan keperluan murid (BPK, 2018), sekaligus sesuai untuk mengoptimumkan masa pengajaran yang terhad di SJKC (Subri et al., 2021). Dalam konteks Pendidikan Islam, pendekatan modular selari dengan konsep tadarruj

(pembelajaran berperingkat) yang menekankan penyampaian ilmu secara beransur-ansur mengikut tahap perkembangan dan kesediaan murid (Khairundin et al., 2021; Basir, 2023).

Namun begitu, terdapat dua pendekatan modular yang berbeza dalam pelaksanaannya. Perkembangan terkini dalam pelaksanaan pendekatan modular telah memperkenalkan dua pendekatan berbeza, iaitu pendekatan modular secara linear dan bukan linear. Pendekatan modular secara linear memberikan penekanan kepada pembelajaran berturutan yang tersusun rapi dengan setiap modul dibina berdasarkan modul sebelumnya secara hierarki, terbukti berkesan untuk memastikan penguasaan asas ilmu yang mantap sebelum murid beralih ke peringkat seterusnya (Pomelov et al., 2025; Syu'aib & Husni, 2025). Namun begitu, struktur hierarki yang ketat menyebabkan pendekatan ini kurang responsif terhadap kepelbagaian tahap penguasaan murid, di mana murid yang telah menguasai sesuatu kemahiran terpaksa menunggu rakan sekelas yang masih memerlukan lebih masa (Lu, 2025; Vuyk et al., 2024), serta terbukti terhad dalam pembelajaran holistik kerana menyukarkan integrasi kandungan merentas bidang pembelajaran Pendidikan Islam yang saling berkait rapat (Makamure, 2025). Manakala pendekatan modular secara bukan linear pula membolehkan fleksibiliti pembelajaran yang memenuhi kepelbagaian keperluan dan minat murid melalui pelbagai sumber dan kaedah pembelajaran (Egorova et al., 2021), di samping memberi kelebihan dari aspek peningkatan motivasi dan keyakinan membuat keputusan (Mehranmanesh et al., 2024).

Walau bagaimanapun, Rahman (2022) menegaskan bahawa pelaksanaan pendekatan modular yang berkesan menghadapi beberapa cabaran utama, termasuk kebimbangan guru untuk mencuba teknik pengajaran yang berbeza daripada kaedah tradisional berpusatkan guru, kesukaran untuk mempengaruhi murid ke arah pembelajaran mendalam (deep learning), serta keperluan untuk melaksanakan pentaksiran berterusan yang berkesan. Cabaran ini menjadi lebih kompleks dalam pendekatan bukan linear kerana murid mungkin berada pada modul yang berbeza-beza dalam masa yang sama, dan dalam konteks SJKC yang menghadapi kekurangan guru Pendidikan Islam (Abdullah Hadi & Hamzah, 2020), kesukaran memantau perkembangan setiap murid secara konsisten meningkatkan risiko ketidakselarasan dan pembentukan jurang pembelajaran jika tidak dirancang dengan teliti (Rohrig et al., 2021). Pendekatan bukan linear juga memerlukan beban perancangan dan penyediaan bahan pengajaran yang jauh lebih besar (Kulmagambetova et al., 2025), yang boleh

melampaui kapasiti guru di SJKC yang sudah menghadapi kekangan sumber dan kekurangan bahan bantu mengajar yang sesuai.

Banyak kajian telah dilaksanakan berkaitan pelaksanaan pendekatan modular dalam Pendidikan Islam (Basri, 2022; Hassan, 2022; Darus, 2022; Ishak, 2022; Hasan, 2022), namun masih kurang kajian yang memfokuskan kepada pendekatan modular secara spesifik dalam konteks SJKC. Kajian-kajian tersebut lebih bertumpu kepada pembinaan modul dan kesan penggunaannya sahaja tanpa mengukur kesan sebenar pendekatan modular secara empirikal, serta tidak memperincikan sama ada pendekatan modular linear atau bukan linear yang digunakan. Kajian perbandingan seperti Mehranmanesh et al. (2024) pula dilaksanakan dalam konteks yang berbeza dan bukan khusus untuk Pendidikan Islam di sekolah vernakular. Kekurangan bukti empirikal ini menyebabkan guru tidak mempunyai panduan yang jelas untuk memilih pendekatan yang paling sesuai, situasi yang menjadi lebih kritikal memandangkan konteks unik SJKC yang menghadapi kekangan masa pengajaran, kepelbagaian budaya, dan status minoriti murid muslim. Justeru, kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanan pengajaran Pendidikan Islam secara modular terhadap penguasaan Pendidikan Islam dalam kalangan murid di SJKC.

1.3.1 Jurang Penyelidikan

Jurang penyelidikan dalam kajian ini menepati tiga (3) jenis jurang penyelidikan yang dinyatakan oleh Miles (2017) iaitu: (a) Jurang populasi kajian; (b) Jurang praktikal pengetahuan; dan (c) Jurang empirikal.

a) Jurang Populasi Kajian

Jurang populasi dalam kajian ini adalah berikutan pelaksanaan kajian Pendidikan Islam di SJKC masih kurang dilaksanakan (Rahman & Razak, 2020). Hal ini turut dinyatakan oleh Abdullah Hadi & Hamzah (2020) dan Sharifudin (2022) bahawa kajian secara khusus berkaitan Pendidikan Islam dan Jawi dalam kalangan murid muslim di SJKC masih kurang dilakukan. Majoriti kajian sedia ada lebih memfokuskan kepada SK dan institusi pengajian tinggi, manakala kajian di sekolah vernakular khususnya SJKC masih terhad. Kekurangan kajian di SJKC ini

menyebabkan pemahaman yang terhad tentang cabaran unik yang dihadapi oleh murid muslim minoriti dalam persekitaran kepelbagaian budaya, seterusnya menghalang pembangunan strategi pengajaran yang berkesan dan konteks spesifik untuk sekolah vernakular.

b) Jurang Praktikal Pengetahuan

Jurang praktikal pengetahuan wujud antara dasar dan pelaksanaan pendekatan modular. Walaupun Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) telah menerbitkan Buku Panduan Pendekatan Modular pada tahun 2018, kajian-kajian yang melibatkan pelaksanaan pendekatan modular dalam PdPc masih sukar untuk dikenal pasti. Kajian-kajian pendidikan yang lepas lebih bertumpu kepada pembinaan modul dan kesan penggunaan modul sahaja (Basri, 2022; Hassan, 2022; Darus, 2022; Ishak, 2022; Hasan, 2022) tanpa mengukur kesan sebenar pendekatan modular secara empirikal. Jurang antara teori dan amalan ini menyebabkan guru-guru di lapangan tidak mempunyai panduan praktikal yang jelas tentang kaedah untuk melaksanakan pendekatan modular dengan berkesan, khususnya dalam konteks SJKC yang mempunyai kekangan masa dan sumber yang unik.

c) Jurang Empirikal

Jurang empirikal yang paling kritikal ialah kekurangan kajian kuasi-eksperimental atau kajian tindakan yang mengukur perubahan tahap penguasaan Pendidikan Islam sebelum dan selepas pelaksanaan pendekatan modular. Kajian-kajian lepas yang melaporkan kesan positif penggunaan modul tidak memperincikan reka bentuk kajian yang mengukur kesan intervensi secara sistematik melalui ujian pra-pasca intervensi. Berdasarkan sorotan literatur pada bab 2, kajian berbentuk eksperimental yang mengukur kesan pendekatan modular terhadap penguasaan Pendidikan Islam dalam konteks SJKC tidak dapat dikenal pasti justeru mewujudkan jurang empirikal yang signifikan dalam bidang kajian ini.

Lebih kritikal lagi, tiada kajian yang secara sistematik membandingkan keberkesanan pendekatan modular secara linear dan bukan linear dalam konteks Pendidikan Islam di SJKC. Walaupun kajian oleh Mehranmanesh et al. (2024) membandingkan keberkesanan pendekatan linear dan bukan linear terhadap faktor

psikologi pembelajaran, namun kajian tersebut dilaksanakan dalam konteks yang berbeza dan bukan khusus untuk Pendidikan Islam di sekolah vernakular. Kajian-kajian tempatan yang sedia ada seperti Basri (2022), Hassan (2022), Darus (2022), Ishak (2022) dan Hasan (2022) pula tidak memperincikan jenis modul yang digunakan sama ada linear atau bukan linear, sekaligus tidak dapat memberikan gambaran yang jelas tentang kelebihan relatif setiap pendekatan dalam konteks pembelajaran Pendidikan Islam.

Kekurangan bukti empirikal yang kukuh ini menyukarkan guru Pendidikan Islam di SJKC untuk membuat keputusan berasaskan data tentang pendekatan modular yang paling sesuai dengan konteks mereka yang unik - termasuk kekangan masa pengajaran, kepelbagaian tahap penguasaan murid, dan persekitaran pembelajaran minoriti. Justeru, kajian berbentuk kuasi-eksperimental yang membandingkan kesan kedua-dua pendekatan modular (linear dan bukan linear) terhadap penguasaan Pendidikan Islam di SJKC menjadi satu keperluan dalam bidang Pendidikan Islam di Malaysia.

Oleh itu, pelaksanaan kajian ini dilihat perlu bagi memperluas pengetahuan berkaitan Pendidikan Islam di SJKC dan menguji secara empirikal kesan pendekatan modular yang telah diketengahkan oleh KPM. Kajian ini akan menggunakan reka bentuk kajian tindakan dengan ujian pra-pasca untuk mengukur dan membandingkan perubahan tahap penguasaan Pendidikan Islam dalam kalangan murid muslim di SJKC. Perbandingan kedua-dua pendekatan modular ini dijangka dapat membantu guru Pendidikan Islam di SJKC memilih strategi pengajaran yang paling berkesan mengikut konteks sekolah mereka, sekaligus membantu meningkatkan tahap pencapaian murid muslim di SJKC dalam menghadapi cabaran masa pengajaran yang terhad dan persekitaran pembelajaran yang unik.

1.4 Persoalan Kajian

Bahagian ini mengemukakan beberapa persoalan kajian:

- i) Apakah tahap penguasaan Pendidikan Islam murid di SJKC sebelum pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam secara modular?

- ii) Apakah tahap penguasaan Pendidikan Islam murid di SJKC selepas pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam secara modular?
- iii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penguasaan Pendidikan Islam murid berdasarkan pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam secara modular di SJKC?

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i) Menilai tahap penguasaan Pendidikan Islam murid di SJKC sebelum pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam secara modular.
- ii) Menilai tahap penguasaan Pendidikan Islam murid di SJKC selepas pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam secara modular.
- iii) Menganalisis perbezaan tahap penguasaan Pendidikan Islam murid berdasarkan pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam secara modular di SJKC.

1.6 Hipotesis Kajian

Kajian ini mengemukakan dua (2) hipotesis kajian, iaitu: (a) hipotesis nol (H_0) dan (b) hipotesis alternatif 1 (H_1):

1.6.1 Hipotesis Nol (H_0)

Tiada perbezaan yang signifikan dalam tahap penguasaan Pendidikan Islam murid berdasarkan pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam secara modular di SJKC.


1.6.2 Hipotesis Alternatif 1 (H₁)

Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penguasaan Pendidikan Islam murid berdasarkan pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam secara modular di SJKC.


1.7 Kerangka Teoretikal Kajian

Kajian ini menggunakan dua kerangka teoretikal utama yang saling melengkapi dalam merancang dan melaksanakan pendekatan modular untuk Pendidikan Islam di SJKC. Pertama, Teori Konstruktivisme Vygotsky yang menetengahkan konsep Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) dan scaffolding sebagai asas pembelajaran berkesan (Voon & Amran, 2021; Saputra et al., 2024). Guru berperanan membantu murid mencapai tahap pengetahuan yang lebih tinggi melalui bimbingan yang disesuaikan dengan tahap kesediaan murid (Teoh & Ng, 2022).

Kedua, Teori Pemikiran Ibn Khaldun yang menekankan pembelajaran berperingkat (tadarruj) dan pembentukan kemahiran melalui latihan berulang (takrār) untuk mencapai malakah atau penguasaan kemahiran yang mantap (Daulay et al., 2021; Osman, 2024). Ibn Khaldun mengemukakan empat peringkat perkembangan akal manusia yang bermula dari Al-'Aql al-Tamyīzī (pembezaan asas), berkembang melalui Al-'Aql al-Tajribī (pengalaman praktikal), Al-'Aql al-Nazarī (penilaian kritis), hingga mencapai Al-Ḥakīkah al-Insāniyyah (kesempurnaan kemanusiaan) yang menghayati Islam secara menyeluruh (Bahy & Taufiq, 2023). Gabungan kedua-dua kerangka teoretikal ini memberikan justifikasi yang kukuh untuk pelaksanaan pendekatan modular secara linear yang menekankan pembelajaran berturutan mengikut hierarki, dan pendekatan modular secara bukan linear yang memberikan fleksibiliti sambil memastikan asas yang mantap pada setiap peringkat pembelajaran. Kerangka teoretikal kajian ini dapat dilihat seperti pada rajah di bawah.



Rajah 1.1 Kerangka Teoretikal Konstruktivisme Vygotsky




Rajah 1.2 Ibn Khaldun (1377)
(Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002); Syaubari et al., (2018) (Ajmain et al., 2020)

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan kerangka teoretikal di atas, kajian ini membangunkan kerangka konseptual (Rajah 1.3) yang menghubungkan pendekatan modular dalam PdPc Pendidikan Islam (pembolehubah bebas) dengan tahap penguasaan Pendidikan Islam murid (pembolehubah bersandar). Pembolehubah bebas merangkumi dua bentuk pendekatan modular: pendekatan modular secara linear yang melibatkan pembelajaran berturutan mengikut hierarki Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT), dan pendekatan modular secara bukan linear yang memberikan fleksibiliti dalam pemilihan dan penyusunan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) mengikut keperluan murid.

Kedua-dua pendekatan ini disokong oleh Teori Konstruktivisme Vygotsky (ZPD dan scaffolding) dan Teori Pemikiran Ibn Khaldun (tadarruj, takrar, malakah) yang berfungsi sebagai asas teoretikal bagi merancang dan melaksanakan pengajaran yang berkesan. Pembolehubah bersandar pula merangkumi penguasaan Pendidikan Islam murid yang diukur melalui tiga komponen pentaksiran: pentaksiran lisan, pentaksiran amali dan pentaksiran bertulis. Kerangka konseptual kajian ini ditunjukkan dalam Rajah 1.3 dan perbincangan terperinci terdapat dalam Bab 2, subtopik 2.5.2.



Rajah 1.3 Kerangka Konseptual Kajian

1.9 Signifikan Kajian

Kajian ini mengemukakan empat (4) signifikan kajian: (a) penerapan pendekatan modular secara bukan linear ke institusi pendidikan lain oleh KPM; (b) penambahbaikan kepada garis panduan pelaksanaan kurikulum oleh BPK; (c) perancangan strategik pengajaran khusus bagi murid muslim di sekolah vernakular oleh Bahagian Pendidikan Islam (BPI); dan (d) penyediaan kerangka panduan praktikal oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah.

1.9.1 Penerapan pendekatan modular secara bukan linear ke institusi pendidikan lain oleh KPM

Melalui dapatan kajian ini, KPM memperoleh maklumat berharga mengenai keberkesanan pendekatan modular secara bukan linear dalam konteks sebenar pembelajaran Pendidikan Islam di SJKC. Bukti yang dikumpulkan ini dapat membantu KPM menilai kesesuaian pendekatan ini untuk diperluaskan ke institusi pendidikan lain, sekaligus mendukung aspirasi transformasi pendidikan dalam PPPM 2013-2025 dan Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026–2035. Dapatan kajian juga membantu KPM merealisasikan hasrat untuk mewujudkan ekosistem "murid ceria, guru bahagia, sekolah bitara dan negara sejahtera" seperti yang dinyatakan dalam SPI Bil. 5/2023. Pendekatan yang fleksibel ini meningkatkan penglibatan aktif murid dalam pembelajaran, memudahkan proses penyimpanan maklumat, dan pada akhirnya meningkatkan tahap pencapaian pembelajaran mereka.

1.9.2 Penambahbaikan kepada garis panduan pelaksanaan kurikulum oleh BPK

Hasil kajian eksperimental ini memberikan BPK wawasan bernilai mengenai pelaksanaan pendekatan modular secara bukan linear menggunakan kurikulum dan sistem pentaksiran sedia ada dalam konteks sebenar. Data yang dikumpulkan membolehkan BPK menambah baik garis panduan sedia ada serta memperluaskan skop aplikasi pendekatan ini merentas kurikulum berdasarkan bukti empirikal. BPK juga dapat memanfaatkan dapatan kajian untuk menambah baik reka bentuk kurikulum

modular, terutama dalam konteks sekolah vernakular yang mempunyai kekangan masa pengajaran, dengan menyesuaikan cadangan strategi pelaksanaan pendekatan modular secara bukan linear untuk mata pelajaran lain berdasarkan model keberkesanan yang telah diuji dalam kajian ini.

1.9.3 Perancangan strategik pengajaran khusus bagi murid muslim di sekolah vernakular oleh Bahagian Pendidikan Islam (BPI)

Dapatan kajian ini menyediakan bukti kepada BPI tentang keberkesanan pendekatan modular secara bukan linear dalam meningkatkan penguasaan Pendidikan Islam di SJKC, yang seterusnya boleh digunakan untuk merancang strategi pengajaran khusus bagi murid muslim di sekolah vernakular. BPI dapat memanfaatkan hasil kajian sebagai rujukan untuk membangunkan modul latihan guru Pendidikan Islam di SJK, memperluaskan amalan terbaik yang dikenal pasti kepada semua guru Pendidikan Islam di sekolah vernakular seluruh negara. Pendekatan yang telah diuji keberkesananannya ini juga membantu BPI mengatasi cabaran peruntukan masa terhad untuk mata pelajaran Pendidikan Islam di SJK, yang merupakan salah satu faktor utama mempengaruhi tahap pencapaian murid muslim di sekolah tersebut.

1.9.4 Penyediaan kerangka panduan praktikal oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah

Implementasi pendekatan modular secara bukan linear seperti yang diuji dalam kajian ini memberi JPN, PPD dan pihak sekolah satu strategi berkesan untuk mengatasi masalah peruntukan waktu terhad bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di SJKC dan SJKT. Pendekatan ini memberi autonomi kepada guru untuk merancang proses PdPc dengan lebih fleksibel. Guru boleh menyesuaikan pengajaran mengikut keperluan dan konteks pembelajaran murid. Menurut Isa et al. (2020), fleksibiliti dan autonomi dalam pendekatan ini meningkatkan komitmen guru serta pencapaian murid. Hal ini sekaligus mengurangkan bebanan kerja guru yang telah menjadi isu berterusan dalam profesion keguruan. Kamarudin & Taat (2020) menyatakan bahawa bebanan kerja telah menjadi isu dalam profesion keguruan. Masalah ini berpunca daripada pelbagai perubahan

dalam senario pendidikan semasa bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh dunia. Fleksibiliti ini selari dengan aspek ketujuh dalam 7 langkah KPM untuk mengurangkan beban guru, yang membenarkan mereka merancang pengajaran dan pentaksiran berdasarkan DSKP (Majlis Keselamatan Negara, 2023).

1.10 Skop Kajian

Skop kajian ini membataskan kepada tiga (3) aspek utama, iaitu: (a) pelaksanaan pendekatan modular secara linear dan bukan linear dalam proses PdPc Pendidikan Islam di SJKC Kuang Hwa, Kuantan; (b) pengukuran tahap penguasaan Pendidikan Islam murid pada ujian pra dan pasca intervensi di SJKC Kuang Hwa, Kuantan; dan (c) perbandingan statistik keberkesanan kedua-dua pendekatan modular dalam konteks SJKC.

1.10.1 Pelaksanaan pendekatan modular secara linear dan bukan linear dalam proses PdPc Pendidikan Islam di SJKC Kuang Hwa, Kuantan

Skop ini merangkumi pelaksanaan pendekatan modular secara linear dan bukan linear kepada kumpulan murid yang sama dalam pengajaran Pendidikan Islam di SJKC Kuang Hwa, Kuantan:

a) FASA 1 - Pendekatan Modular Secara Linear

Pembelajaran berturutan mengikut hierarki RPT Pendidikan Islam Tahun 1. Setiap SK dan SP yang digunakan dalam proses PdPc adalah berdasarkan modul sebelumnya secara berperingkat. Fasa ini melibatkan pengajaran tujuh (7) bidang (Al-Quran, Hadis, Aqidah, Ibadah, Sirah, Adab dan Jawi) yang ditetapkan dalam DSKP mengikut urutan linear RPT. Pengukuran tahap penguasaan pada akhir fasa ini berfungsi sebagai penanda aras untuk perbandingan.

b) FASA 2 - Pendekatan Modular Secara Bukan Linear (Intervensi)

Pembelajaran fleksibel yang membolehkan gabung jalin bidang dan tajuk mengikut keperluan murid, minat, dan kesesuaian konteks pembelajaran tanpa terikat kepada urutan berturutan. Walaubagaimanapun, setiap SK dan SP yang digunakan dalam proses PdPc Fasa 2 masih berdasarkan modul dalam DSKP melibatkan pengajaran tujuh (7) bidang (Al-Quran, Hadis, Aqidah, Ibadah, Sirah, Adab dan Jawi). Fasa ini merupakan intervensi pengajaran yang diuji keberkesannya berbanding pendekatan modular secara linear dalam Fasa 1. Pengukuran tahap penguasaan pada akhir fasa ini kemudian dibandingkan dengan pengukuran pada Fasa 1.

Elemen inklusif dalam skop ini merangkumi pelaksanaan modul kurikulum KSSR Pendidikan Islam yang dibangunkan oleh KPM, pengajaran tujuh (7) bidang Pendidikan Islam dalam kedua-dua fasa, murid muslim Tahun 1 di SJKC Kuang Hwa, Kuantan yang mengikuti kedua-dua fasa secara lengkap, serta tempoh pengajaran yang setara untuk kedua-dua fasa bagi memastikan perbandingan yang saksama.

Sebaliknya, elemen eksklusif melibatkan kaedah pengajaran yang tidak berasaskan pendekatan modular seperti pembelajaran berasaskan projek atau pendekatan bertema, strategi pengajaran yang tidak menggunakan modul DSKP KPM, pelaksanaan serentak dua pendekatan berbeza kepada kumpulan yang berbeza, serta analisis keberkesanan pedagogi khusus yang tidak menggunakan modul KSSR.

1.10.2 Pengukuran tahap penguasaan Pendidikan Islam murid pada ujian pra dan pasca intervensi di SJKC Kuang Hwa, Kuantan

Skop ini memberi tumpuan kepada pengukuran tahap penguasaan mata pelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan murid muslim Tahun 1 di SJKC Kuang Hwa, Kuantan pada dua titik masa berbeza untuk tujuan perbandingan:

a) Ujian pra (Selepas Fasa 1)

Mengukur tahap penguasaan murid selepas menerima pengajaran menggunakan pendekatan modular secara linear. Data ini berfungsi sebagai penanda aras untuk perbandingan dengan ujian pasca menggunakan Wilcoxon Signed-Rank Test.

b) Ujian pasca (Selepas Fasa 2)

Mengukur tahap penguasaan murid yang sama selepas menerima intervensi pengajaran menggunakan pendekatan modular secara bukan linear. Data ini dibandingkan dengan ujian pra untuk menilai kesan intervensi.

Kajian meliputi pengukuran tiga pentaksiran penguasaan menggunakan instrumen yang konsisten untuk kedua-dua fasa iaitu pentaksiran bertulis, pentaksiran lisan, dan pentaksiran amali.

Elemen inklusif dalam skop ini merangkumi murid muslim Tahun 1 di SJKC Kuang Hwa, Kuantan yang mengikuti kedua-dua fasa kajian secara lengkap, murid yang hadir untuk kedua-dua sesi pentaksiran (pra dan pasca), serta penggunaan instrumen pentaksiran yang setara untuk kedua-dua fasa bagi memastikan kesahan perbandingan.

Sebaliknya, elemen eksklusif melibatkan murid bukan Islam, murid muslim tahun lain, iaitu; tahun dua (2), tahun tiga (3), tahun (4), tahun lima (5) dan tahun enam (6), murid yang tidak hadir untuk salah satu sesi pentaksiran, murid yang berpindah sekolah atau tidak hadir dalam tempoh kajian, sekolah selain SJKC Kuang Hwa, Kuantan, serta mata pelajaran selain Pendidikan Islam.

1.10.3 Perbandingan statistik keberkesanan kedua-dua pendekatan modular dalam konteks SJKC.

Skop ini menumpukan kepada analisis perbandingan statistik keberkesanan antara pendekatan modular secara linear pada Fasa 1 dan pendekatan modular secara bukan linear pada Fasa 2 terhadap tahap penguasaan Pendidikan Islam murid yang sama di SJKC Kuang Hwa, Kuantan.

Kajian membandingkan kedua-dua pendekatan dari segi analisis statistik bukan parametrik yang melibatkan perbandingan skor ujian pra dan pasca untuk setiap pentaksiran bertulis, pentaksiran lisan dan pentaksiran amali menggunakan ujian Wilcoxon Signed-Rank Test. Kajian turut melibatkan interpretasi keberkesanan melalui analisis peningkatan atau penurunan tahap penguasaan dari ujian pra ke ujian pasca, mengenal pasti bidang pembelajaran yang menunjukkan perubahan signifikan, dan penilaian kesesuaian pendekatan modular secara bukan linear dalam konteks kekangan masa pengajaran di SJKC Kuang Hwa, Kuantan.

Elemen inklusif dalam skop ini merangkumi perbandingan statistik berpasangan menggunakan data murid yang sama dalam dua fasa berbeza, analisis deskriptif dan

ujian Wilcoxon Signed Rank, interpretasi keberkesanan dalam konteks spesifik SJKC Kuang Hwa, Kuantan yang melibatkan persekitaran minoriti muslim dan kekangan masa pengajaran, serta perbincangan implikasi pedagogi berdasarkan dapatan statistik.

Sebaliknya, elemen eksklusif melibatkan perbandingan dengan kumpulan murid berbeza, perbandingan dengan sekolah kebangsaan atau sekolah lain, perbandingan dengan mata pelajaran lain selain Pendidikan Islam, kajian faktor luaran yang tidak dikawal seperti latar belakang keluarga, sokongan ibu bapa, atau pendedahan agama di luar sekolah, analisis mediasi atau moderasi pembolehubah lain dan kajian hubungan antara kualiti bahan pengajaran dengan pencapaian murid

1.11 Definisi Operasi

Bahagian ini membincangkan definisi operasi bagi istilah-istilah penting dalam kajian: (a) pendekatan modular; (b) pendekatan modular secara linear; (c) pendekatan modular secara bukan linear; (d) tahap penguasaan Pendidikan Islam; (e) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

a) Pendekatan Modular

Modul merujuk kepada komponen pecahan daripada tajuk utama pembelajaran yang membolehkan murid menguasai pembelajaran dengan lebih berkesan walaupun dengan bimbingan guru yang minimum (Puspitasari, 2019; Subri et al., 2022). Pendekatan modular pula ialah kaedah pengajaran yang menggunakan modul berkonsepkan gabung jalin dan fleksibiliti untuk merangsang murid mengintegrasikan pelbagai maklumat pembelajaran (Aleas & Salleh, 2021; Subri et al., 2022). Berdasarkan definisi tersebut, kajian ini mengaplikasikan pendekatan modular merujuk kepada konteks kurikulum Pendidikan Islam sekolah rendah yang telah dibina dan digubal dalam bentuk modul bagi Semakan Kurikulum 2017 seperti yang digariskan oleh BPK (2018).

b) Pendekatan Modular Secara Bukan Linear

Menurut BPK (2018), pendekatan modular secara bukan linear merupakan kaedah penyampaian kurikulum yang tidak mengikut turutan kebiasaan dalam DSKP, boleh dilaksanakan merentas mata pelajaran atau gabung jalin kemahiran-kemahiran tertentu dalam sesuatu mata pelajaran berdasarkan kebolehan murid, keperluan semasa dan situasi setempat. Pendekatan ini melibatkan murid secara aktif dengan guru berperanan sebagai fasilitator dalam interaksi sosial yang aktif bersama persekitaran (Perez-Munoz et al., 2023). Dalam konteks kajian ini, pendekatan tersebut diaplikasikan melalui gabung jalin pelaksanaan proses PdPc Pendidikan Islam tahun satu berdasarkan tujuh (7) bidang dan kemahiran-kemahiran tertentu daripada DSKP tahun satu mengikut peruntukan waktu PdPc Pendidikan Islam di SJKC.

c) Pendekatan Modular Secara Linear

Menurut BPK (2018), pendekatan modular secara linear membawa maksud pelaksanaan proses PdPc yang disampaikan mengikut turutan yang telah ditetapkan dalam DSKP. Turutan DSKP tersebut telah dibina mengikut hieraki ilmu itu sendiri di mana konsep baru akan diajar selepas sesuatu kemahiran, nilai atau tahap tertentu telah dikuasai oleh murid. Pendekatan ini memastikan kesinambungan pembelajaran yang sistematik dan berstruktur bagi memudahkan proses pemahaman dan penguasaan ilmu secara berperingkat dan menyeluruh. Dalam konteks kajian ini, definisi tersebut diaplikasikan kepada guru Pendidikan Islam tahun satu yang melaksanakan PdPc mengikut turutan bidang dan kemahiran yang telah ditetapkan dalam DSKP dan Rancangan Pengajaran Tahunan Pendidikan Islam tahun satu di SJKC.

d) Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dalam Pendidikan Islam

Proses PdPc dalam Pendidikan Islam melibatkan interaksi guru-murid dalam bilik darjah dengan guru berfungsi sebagai fasilitator, mentor dan kaunselor yang bukan sahaja menyampaikan pengetahuan tetapi juga membantu pembinaan kreativiti dan kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan murid (Alwayi et al., 2021; Riabets, 2022). Peranan guru sebagai pemudahcara ini memerlukan kualiti seperti menjadi pendengar yang baik, sabar, rendah hati dan positif untuk mewujudkan persekitaran kondusif bagi pembelajaran aktif (Yepikhina, 2021; Koroh et al., 2023). Pendekatan ini selaras dengan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang merupakan proses berterusan

untuk mengumpul maklumat perkembangan murid dan menentukan tahap penguasaan mereka berdasarkan hierarki dari tahap 1 (kemahiran asas) hingga tahap 6 (kreatif dan inovatif) berdasarkan kurikulum yang ditetapkan (BPK, 2019; Juan et al., 2023). Kajian ini mengguna pakai definisi PdPc yang bertumpu kepada pendekatan yang digunakan oleh guru dalam menyampaikan isi pelajaran Pendidikan Islam secara berkesan.

e) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)

SJKC merupakan sekolah bantuan kerajaan yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama, diiktiraf di bawah Akta Pelajaran 1961, dan mengikuti kurikulum yang dikawal selia oleh KPM (Chee & Thock, 2017). Walaupun majoriti muridnya adalah kaum Cina, terdapat peningkatan bilangan murid muslim yang bersekolah di SJKC dari 9.15% (2010) kepada 15.33% (2020) (Wan & Kutty, 2023). Mata pelajaran Pendidikan Islam di SJKC menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan wajib disediakan jika terdapat sekurang-kurangnya seorang murid muslim (KPM, 2015).

1.12 Rumusan

Struktur tesis ini merangkumi lima bab utama yang disusun secara sistematik. Bab 1, Pendahuluan, membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan dan objektif kajian dan kerangka teoretikal serta skop dan definisi operasi yang berkaitan. Bab 2, Sorotan Literatur, mengulas aspek pendekatan modular dalam Pendidikan Islam dari segi konsep, teori, kesan dan cabaran pelaksanaan pendekatan modular dan perbandingan keberkesanan pendekatan modular secara linear dan bukan linear. Bab 3, Kaedah Penyelidikan, memperincikan reka bentuk kajian tindakan, pensampelan dan kaedah analisis yang digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data. Bab 4, Dapatan Kajian, membentangkan hasil analisis dua (2) objektif kajian yang telah ditetapkan, diikuti dengan perbincangan yang mendalam mengenai dapatan tersebut. Bab 5, Kesimpulan, merumuskan dapatan kajian dan membincangkan implikasi teoretikal, praktikal, dan metodologikal serta mengemukakan cadangan untuk perkembangan Pendidikan Islam di SJKC melalui pendekatan yang fleksibel.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Sorotan literatur ini mengemukakan ulasan berkaitan lapan (8) aspek utama, iaitu: (a) kaedah pengajaran dalam Pendidikan Islam; (b) konsep pelaksanaan pendekatan modular dalam Pendidikan Islam; (c) kerangka teori kajian; (d) kerangka konseptual kajian; (e) kesan pendekatan modular terhadap penguasaan pembelajaran Pendidikan Islam di SJKC; (f) konteks pelaksanaan di SJKC; (g) perbandingan keberkesanan pendekatan modular secara linear dan bukan linear dalam Pendidikan Islam di SJKC; dan (h) jurang kajian.

2.2 Kaedah Pengajaran dalam Pendidikan Islam

Kaedah pengajaran merupakan faktor utama dalam memastikan keberkesanan penyampaian ilmu Pendidikan Islam kepada murid sekolah rendah. Pemilihan kaedah yang sesuai bukan sahaja mempengaruhi tahap penguasaan murid terhadap kandungan pembelajaran, malah turut membentuk minat dan sikap mereka terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam (Aziz et.al., 2022; Ismail et. al., 2022). Kajian menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran yang berkesan dapat meningkatkan motivasi, penglibatan, dan pencapaian murid dalam Pendidikan Islam (Ernawati, 2025). Seiring perkembangan zaman, kaedah pengajaran Pendidikan Islam telah berevolusi daripada pendekatan konvensional yang berpusatkan guru kepada pendekatan kontemporari yang menekankan pembelajaran aktif, berpusatkan murid, serta penggunaan teknologi digital (Azman et. al., 2025; Kasim et. al., 2022). Pemahaman terhadap kedua-dua pendekatan ini penting untuk membincangkan cabaran pelaksanaan dan keperluan inovasi dalam konteks Pendidikan Islam di sekolah rendah.

2.2.1 Kaedah Konvensional

Kaedah konvensional dalam Pendidikan Islam merujuk kepada pendekatan pengajaran tradisional yang telah diamalkan secara turun-temurun dalam sistem Pendidikan Islam (Fahrudin et. al., 2021). Pendekatan tradisional ini merupakan pembelajaran berpusatkan guru. Guru berperanan sebagai penyampai ilmu utama, manakala murid berperanan sebagai penerima ilmu yang mendengar, mencatat, dan menghafal kandungan yang disampaikan (Lubis et. al., 2021; Hashim et. al., 2021). Pendekatan berpusatkan guru ini menekankan penyampaian ilmu secara berstruktur dan sistematik dengan guru memainkan peranan dominan dalam menentukan kandungan, kaedah penyampaian, dan penilaian pembelajaran (Taabudillah et. al., 2025).

Pendekatan berpusatkan guru ini diwujudkan melalui beberapa kaedah konvensional yang kerap digunakan dalam pengajaran Pendidikan Islam, merangkumi kaedah syarahan, kaedah hafazan dan kaedah talaqqi. Kaedah syarahan merupakan pendekatan guru menyampaikan maklumat secara lisan kepada murid dalam satu sesi pengajaran yang berstruktur, manakala kaedah hafazan memfokuskan kepada hafalan teks-teks keagamaan seperti ayat al-Quran dan hadith (Suhid et. al., 2021; Aziz et. al., 2024). Kaedah talaqqi pula merujuk kepada pembelajaran secara bersemuka antara guru dan murid. Murid membaca atau menghafal di hadapan guru untuk mendapat pembetulan dan bimbingan secara langsung (Rashid & Jamil, 2025).

Pelaksanaan kaedah konvensional dalam Pendidikan Islam mempunyai kelebihan tersendiri terutama dalam perkara asas Pendidikan Islam seperti bacaan al-Quran, hafazan, dan pemahaman konsep dalam bidang akidah, ibadah, dan akhlak. Kaedah ini terbukti berkesan dalam memastikan murid menguasai kemahiran asas yang diperlukan dalam Pendidikan Islam melalui pengulangan, latihan, dan bimbingan langsung daripada guru (Wijaya, 2024). Walau bagaimanapun, pendekatan ini juga mempunyai limitasi tertentu yang perlu diambil kira dalam konteks pendidikan semasa yang memerlukan murid untuk berfikir secara kritis, kreatif, dan aplikatif.

Namun, beberapa kajian menegaskan bahawa dominasi ceramah satu hala dan penekanan hafalan semata-mata kurang menyokong pemikiran kritis, kreatif dan aplikatif, lalu mendorong keperluan pengayaan dengan model pembelajaran inovatif dan berpusatkan murid. Kajian oleh Mardatillah et al. (2025) berkaitan pembinaan semula epistemologi Pendidikan Islam menyatakan bahawa dominasi ceramah satu hala

dan penekanan hafalan semata-mata dalam Pendidikan Islam tradisional sering menyekat kapasiti pelajar untuk berfikir secara bebas, berinovasi, dan mengambil risiko intelektual. Pendekatan pedagogi yang konservatif ini kurang menyokong pemikiran kritis, kreatif dan aplikatif, lalu mendorong keperluan mendesak untuk pengayaan dengan model pembelajaran inovatif yang berakar umbi dalam kreativiti, rasionaliti dan berpusatkan pelajar. Kajian tersebut selari dengan Kholis (2025) dan Nur et al. (2025) yang menekankan keperluan pembelajaran aktif, inkuiri dan berasaskan projek bagi meningkatkan pemikiran kreatif dalam Pendidikan Islam. Manakala Firmansyah et al. (2025) pula menyatakan bahawa penambahbaikan dalam pengajaran Pendidikan Islam perlu dilaksanakan dengan berkesan.

Dalam konteks Pendidikan Islam di SJKC, pelaksanaan kaedah konvensional Pendidikan Islam menghadapi cabaran tersendiri. Kajian oleh Ghazali & Mohamad (2019) mendapati kaedah talaqqi musyafahah tidak diberi penekanan dalam kalangan guru Pendidikan Islam di SJKC. Namun mereka tetap bersetuju bahawa kaedah ini perlu dikekalkan dan diberi penekanan dalam Pendidikan Islam kerana ia merupakan kaedah yang dipelopori sejak zaman Rasulullah SAW. Hal ini menunjukkan wujudnya jurang antara keperluan pedagogi asas dalam Pendidikan Islam dengan amalan pengajaran sebenar di SJKC.

2.2.2 Kaedah Kontemporari

Kaedah kontemporari dalam Pendidikan Islam merujuk kepada pendekatan pengajaran moden yang mengintegrasikan elemen pembelajaran aktif, teknologi digital, dan strategi pedagogi yang berpusatkan murid (Jali et al., 2022). Berbeza dengan kaedah konvensional yang menekankan penyampaian guru secara sehalu, kaedah kontemporari meletakkan murid sebagai agen aktif dalam proses pembelajaran mereka sendiri. Pendekatan ini berkembang seiring dengan perubahan landskap pendidikan global yang menuntut kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis, kolaborasi, kreativiti, dan komunikasi. Melalui pembelajaran abad ke-21, sistem pendidikan dunia dituntut untuk menghasilkan kerangka pembangunan pendidikan yang memberi fokus kepada ilmu pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku (Martinez, 2022).

Transformasi pengajaran ini telah berlaku di Amerika Syarikat dan negara lain di seluruh dunia kepada pendekatan yang merangsang pemikiran murid berkaitan

sesuatu pembelajaran dengan dunia sebenar (Farnan et al., 2014; Hemker et al., 2017; De Simone, 2014). Dalam konteks Pendidikan Islam, kaedah kontemporari tidak menafikan kepentingan asas-asas agama yang telah ditetapkan, sebaliknya memperkayakan penyampaian ilmu tersebut melalui kaedah yang lebih interaktif dan relevan dengan keperluan murid masa kini. Transformasi ini dilihat sebagai keperluan bagi memastikan Pendidikan Islam kekal relevan dan berkesan dalam membentuk generasi muslim yang tidak hanya menguasai ilmu agama, malah mampu mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian.

Beberapa kaedah kontemporari yang telah diaplikasikan dalam pengajaran Pendidikan Islam termasuklah pendekatan Pengajaran Terbeza, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran koperatif, pendekatan bertema, dan penggunaan teknologi digital (Saili & Taat, 2024) dalam Pendidikan Islam. Pendekatan Pengajaran Terbeza meraikan kepelbagaian murid dengan mengubahsuai penyampaian pengajaran mengikut perbezaan keupayaan dan kebolehan murid dalam satu kelas, sekaligus memastikan setiap murid mendapat peluang pembelajaran yang sesuai dengan tahap kebolehan mereka (Muttalip, 2020).

Pembelajaran berasaskan projek pula telah terbukti berkesan dalam pendidikan abad ke-21 dengan memberikan peluang kepada murid untuk mengaplikasikan ilmu Pendidikan Islam dalam konteks kehidupan sebenar melalui tugas yang bermakna dan autentik (Saimon et al., 2023). Pendekatan bertema turut mendapat perhatian dalam kalangan pendidik kerana keupayaannya mengintegrasikan pelbagai aspek pembelajaran dalam satu tema yang bermakna (Pulene, 2022). Selain itu, penggunaan aplikasi digital dan platform pembelajaran dalam talian turut memainkan peranan penting dalam Pendidikan Islam, membolehkan murid mengakses bahan pembelajaran dan bimbingan guru tanpa terikat dengan masa dan tempat (Taher & Bakar, 2021). Inovasi dalam kaedah tradisional seperti Talaqqi Musyafahah turut dipertingkatkan melalui pembinaan aplikasi al-Quran digital yang digunakan sebagai platform pembelajaran interaktif bagi menarik minat generasi muda untuk mempelajari al-Quran dengan lebih berkesan (Ismail et al., 2023).

Seterusnya, pendekatan modular juga merupakan salah satu kaedah kontemporari yang semakin mendapat perhatian dalam bidang Pendidikan Islam, bidang pendidikan kesihatan dan pendidikan formal di peringkat sekolah (Rahman, 2022). Pendekatan ini mendapat perhatian kerana keupayaannya mengintegrasikan kelebihan kaedah tradisional dengan keperluan pedagogi moden, sekaligus memenuhi

tuntutan pendidikan abad ke-21. Memandangkan kepentingannya dalam konteks kajian ini, pendekatan modular akan dibincangkan secara terperinci dalam bahagian 2.3.

2.2.3 Cabaran Pelaksanaan Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam di SJKC

Kajian oleh Saktiyanayakan (2023) mendapati guru-guru di SJKC dan SJKT menghadapi masalah pengurusan masa ketika pelaksanaan proses PdPc. Isu pengurusan masa ini memerlukan guru untuk melaksanakan pendekatan pengajaran yang lebih dinamik dan selaras dengan transformasi pendidikan abad ke-21.

Kajian oleh Ismail & Rahman (2020) berkaitan cabaran Guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap pengajaran Al-Quran dalam era moden mendapati bahawa guru Pendidikan Islam menghadapi cabaran dalam menguasai elemen PAK-21 yang merangkumi 6C iaitu *communication* (komunikasi), *collaboration* (kolaboratif), *creativity* (kreativiti), *critical thinking* (pemikiran kritis), *character* (nilai) dan *citizenship* (kewarganegaraan). Cabaran ini mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pendekatan modular dalam KSSR yang memerlukan guru berperanan sebagai fasilitator dan pemudahcara berbanding pendekatan tradisional yang berpusatkan guru.

Cabaran pelaksanaan kaedah pengajaran Pendidikan Islam di SJKC turut melibatkan aspek kualiti dan penggunaan buku teks. Kajian sistematik literatur mendapati bahawa kualiti buku teks, kandungan, aktiviti, latihan, grafik dan ilustrasi, serta bahasa dan terminologi mempengaruhi penggunaan buku teks dalam kalangan guru dan murid (Mubi et al., 2025).

Selain itu, kajian Sharif & Baharudin (2023) mendapati guru menggunakan kaedah pengajaran konvensional seperti *chalk and talk* dengan berpusatkan guru tanpa meraikan kepelbagaian murid di dalam kelas. Pendekatan ini menunjukkan dominasi kaedah konvensional yang kurang fleksibel dalam menangani kepelbagaian tahap penguasaan murid, khususnya dalam pembelajaran Tilawah al-Quran di sekolah rendah.

2.2.4 Keperluan Pendekatan Baharu

Kajian Musaddin & Zulkifli (2023) mendapati walaupun kaedah Talaqqi Musyafahah merupakan kaedah asas yang penting dalam pembelajaran al-Quran,

namun kemahiran guru Pendidikan Islam dalam penyampaian pengajaran al-Quran masih rendah. Dapatan ini menunjukkan keperluan kepada pendekatan pengajaran yang lebih dinamik dan berkesan seperti pendekatan modular yang dapat memberikan fleksibiliti kepada guru untuk menyesuaikan pengajaran mengikut kepelbagaian murid.

Kajian oleh Rahman (2022) berkaitan transformasi daripada kurikulum tradisional kepada kurikulum modular pula menyatakan bahawa pendekatan modular merupakan pendekatan terkini dalam bidang pendidikan. Pendekatan ini mengubah kaedah pengajaran tradisional kepada paradigma pembelajaran berorientasikan pencapaian yang membolehkan pelajar mengawal dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri. Kajian tersebut didapati selari dengan kajian oleh Kayumovna (2025) berkaitan teknologi pendidikan modular yang menyatakan bahawa pendekatan modular merupakan kaedah pedagogi inovatif yang direka untuk mengatur proses pembelajaran pelajar secara berkesan dalam sistem pendidikan moden. Kajian tersebut mendapati bahawa pendekatan modular berupaya mewujudkan persekitaran pembelajaran yang berkesan dengan mengambil kira keperluan dan kehendak setiap pelajar. Justeru, pendekatan modular merupakan antara pendekatan yang selari dengan perkembangan pendidikan abad ke-21 yang dapat memberikan fleksibiliti kepada guru untuk menyesuaikan pengajaran mengikut kepelbagaian murid dan cabaran masa yang dihadapi (Mesutoglu et al., 2022).

Berdasarkan sorotan kajian, jelas menunjukkan bahawa wujudnya jurang antara amalan kaedah pengajaran konvensional dengan keperluan pedagogi semasa dalam Pendidikan Islam. Kaedah konvensional, walaupun terbukti berkesan dalam memelihara keaslian bacaan al-Quran dan mengekalkan sanad ilmu, namun menghadapi limitasi dalam konteks kepelbagaian murid dan kekangan masa di sekolah rendah khususnya di SJKC. Pendekatan modular yang diketengahkan dalam kajian-kajian terkini menawarkan alternatif yang lebih fleksibel dan responsif terhadap cabaran tersebut. Pendekatan ini bukan sahaja mengekalkan kelebihan kaedah konvensional, malah mengintegrasikan elemen pembelajaran berorientasikan pencapaian, autonomi pelajar, dan penyesuaian mengikut tahap kebolehan individu. Dalam konteks SJKC khususnya, pendekatan modular memberi satu penyelesaian pragmatik yang dapat menangani cabaran pelaksanaan kaedah pengajaran Pendidikan Islam di SJKC secara sistematik. Justeru, transformasi daripada kaedah konvensional kepada pendekatan modular dalam Pendidikan Islam di SJKC bukan sekadar pilihan, tetapi satu keperluan

bagi memastikan keberkesanan penyampaian Pendidikan Islam dalam pendidikan abad ke-21.

2.3 Konsep Pendekatan Modular dalam Pendidikan Islam

Pendekatan modular merupakan satu inovasi pedagogi yang semakin mendapat perhatian dalam pendidikan abad ke-21, termasuk dalam Pendidikan Islam. Bahagian ini membincangkan konsep pendekatan modular dalam Pendidikan Islam yang merangkumi lima (5) aspek utama iaitu: (a) Konsep Pengajaran Modular; (b) Pendekatan Modular dalam KSSR Pendidikan Islam; (c) Pengajaran Pendekatan Modular Secara Linear; (d) Pengajaran Pendekatan Modular Secara Bukan Linear; dan (e) Model Pelaksanaan di Sekolah Rendah.

a) Konsep Pengajaran Modular

Pendekatan modular dalam pendidikan merujuk kepada penyusunan kandungan pembelajaran dalam bentuk modul-modul kecil yang berfokus bagi membolehkan pelajar belajar secara berperingkat dan mengikut keperluan atau minat mereka (Ambayon, 2020). Pendekatan modular dalam pendidikan abad ke-21 menyediakan pendekatan pembelajaran berstruktur dan sistematik yang memudahkan pembangunan pembelajaran berpusatkan murid (Kayumovna, 2025).

Kajian oleh Rahman (2022) berkaitan transformasi daripada kurikulum tradisional kepada kurikulum modular menyatakan bahawa pendekatan modular merupakan pendekatan terkini dalam bidang pendidikan. Pendekatan ini mengubah kaedah pengajaran tradisional kepada paradigma pembelajaran berorientasikan pencapaian yang membolehkan pelajar mengawal dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri. Kajian tersebut didapati selari dengan kajian oleh Kayumovna (2025) berkaitan teknologi pendidikan modular juga menyatakan bahawa pendekatan modular merupakan kaedah pedagogi inovatif yang direka untuk mengatur proses pembelajaran pelajar secara berkesan dalam sistem pendidikan moden. Kajian tersebut mendapati bahawa pendekatan modular berupaya mewujudkan persekitaran pembelajaran yang berkesan dengan mengambil kira keperluan dan kehendak setiap pelajar.

Pendekatan ini turut menggalakkan pembelajaran yang inovatif dan kreatif, selaras dengan keperluan transformasi pendidikan semasa (Arinie & Azmah, 2025). Dalam konteks Pendidikan Islam, pendekatan modular ini selari dengan konsep tadarruj (pembelajaran berperingkat) yang menekankan penyampaian ilmu secara beransur-ansur mengikut tahap perkembangan dan kesediaan murid (Khairundin et al., 2021; Basir, 2023). Perkembangan Pendidikan Islam pada masa kini pula telah mentransformasikan pendekatan modular dengan menerapkan elemen linear dan bukan linear. Transformasi ini membolehkan penggabungan keperluan pembelajaran abad ke-21 sambil mengekalkan nilai-nilai asas Islam (Tuna, 2020; Suyatno et al., 2022).

b) Pendekatan Modular dalam KSSR Pendidikan Islam

Pelaksanaan pendekatan modular dalam pendidikan di Malaysia telah diaplikasikan melalui KSSR bagi memenuhi kepelbagaian keperluan pembelajaran murid (Rabi et al., 2020). KSSR Pendidikan Islam pula dibina secara holistik dan bersepadu membentuk karakter murid (Muhammad & Sassi, 2024) dengan implementasi tujuh (7) bidang iaitu Al-Quran, Hadis, Aqidah, Ibadah, Sirah, Adab, dan Jawi secara modular mengikut keperluan murid (Mustaffa & Husain, 2022). Pendekatan ini selari dengan konsep tadarruj (pembelajaran berperingkat) yang telah dibincangkan sebelum ini. Penyampaian ilmu dilakukan secara beransur-ansur mengikut tahap perkembangan murid. Walau bagaimanapun, transformasi pendidikan abad ke-21 melalui Pedagogi Abad Ke-21 (PAK-21) telah menimbulkan cabaran baharu dalam pelaksanaan pendekatan modular KSSR. Kajian oleh Ismail & Rahman (2020) berkaitan cabaran Guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap pengajaran Al-Quran dalam era moden mendapati bahawa guru Pendidikan Islam menghadapi cabaran dalam menguasai elemen PAK-21.

Pendekatan modular adalah kaedah pedagogi inovatif yang direka untuk mengatur proses pembelajaran secara berkesan dengan membahagikan kandungan kepada unit-unit pembelajaran yang lebih kecil dan tersusun. Mazrekaj (2020) mendefinisikan pendekatan ini sebagai penyampaian pembahagian tajuk-tajuk pembelajaran tertentu kepada komponen-komponen yang lebih kecil atau disebut sebagai modul. Dari segi terminologi, Handayani (2019) menjelaskan bahawa modul merujuk kepada unit, bahagian, kursus dan latihan yang tersusun secara sistematik. Seterusnya, Maha (2022) mengembangkan definisi ini dengan menyatakan modul

adalah bahan pembelajaran yang disusun secara sistematis dan menarik sekaligus membantu murid dan guru mencapai objektif pembelajaran dengan berkesan.

Setiap modul direka bentuk untuk mencapai objektif pembelajaran tertentu dan boleh disesuaikan mengikut tahap kebolehan murid, menjadikannya sesuai untuk menangani kepelbagaian tahap penguasaan dalam satu kelas. Pendekatan ini membahagikan kurikulum kepada modul yang lengkap dan tidak mengikut turutan supaya murid mempunyai lebih autonomi dan terlibat aktif dalam proses pembelajaran (Kizi, 2022). Dalam konteks Pendidikan Islam di sekolah rendah, pendekatan modular membolehkan guru merancang pembelajaran secara sistematis berdasarkan kemahiran asas seperti bacaan al-Quran, tajwid, dan hafazan, sambil memberikan fleksibiliti kepada murid untuk maju mengikut kadar pembelajaran mereka sendiri. Pendekatan modular juga membolehkan guru mengurus masa pengajaran dengan lebih efisien, memandangkan setiap modul mempunyai tempoh masa dan objektif pembelajaran yang jelas. Hal ini dilihat selari dengan perkembangan pendidikan pada abad ke-21 yang memerlukan adaptasi pendekatan pengajaran tradisional dan moden bagi memastikan perkembangan kemahiran berfikir murid berlaku dengan baik (Parathi et al., 2023).

Walau bagaimanapun, pelaksanaan pendekatan modular turut menghadapi cabaran tertentu yang perlu diambil kira untuk memastikan keberkesanannya. Pelaksanaan pendekatan ini turut menghadapi kekangan dalam membentuk kaedah pembelajaran dan pentaksiran berterusan melibatkan murid (Rahman, 2022). Cabaran ini menunjukkan bahawa pendekatan modular memerlukan perancangan yang teliti dan pelaksanaan yang sistematis untuk memastikan objektif pembelajaran tercapai. Pelaksanaan pendekatan modular yang berkesan dalam pengajaran memerlukan perancangan yang rapi dan diuji keberkesanannya (Mesutoğlu et al., 2022). Justeru, guru perlu diberi latihan dan sokongan yang mencukupi untuk melaksanakan pendekatan modular dengan berkesan, terutamanya dalam mereka bentuk modul pembelajaran yang berkualiti dan menjalankan pentaksiran yang berterusan.

c) Pengajaran Pendekatan Modular Secara Linear

Pendekatan modular secara linear memberikan penekanan kepada pembelajaran berturutan yang tersusun rapi dengan setiap modul dibina berdasarkan modul sebelumnya secara hierarki (Pomelov et al., 2025). Pendekatan ini mempunyai ciri susunan pembelajaran yang berhierarki dengan setiap modul dibina atas penguasaan

modul sebelumnya memberi fokus kepada urutan berstruktur dan kawalan progres murid yang sistematik (Kozubenko & Homonai, 2025). Dalam konteks pendekatan modular secara linear, setiap modul berfungsi sebagai unit pembelajaran tersendiri yang merangkumi objektif, aktiviti dan penilaian, disusun mengikut logik pemerolehan pengetahuan yang berturutan (Kulmagambetova, 2025).

Pendekatan modular secara linear mempunyai empat ciri utama: Pertama, setiap modul merupakan unit pembelajaran lengkap dengan objektif, bahan, aktiviti dan penilaian tersendiri; kedua, modul-modul dihubungkan secara logik mengikut prasyarat pengetahuan; ketiga, struktur urutan yang jelas ditekankan untuk memastikan asimilasi pengetahuan berlaku secara sistematik; dan keempat, penilaian berperingkat dilaksanakan sebelum murid bergerak ke modul seterusnya (Kulmagambetova, 2025; Kozubenko & Homonai, 2025; De Guzman, 2022).

Pelaksanaan pendekatan modular secara linear telah menunjukkan implikasi positif terhadap pengajaran dan pembelajaran. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa pendekatan modular secara linear dikaitkan dengan peningkatan pencapaian akademik yang lebih tinggi berbanding kaedah tradisional dalam pelbagai bidang pembelajaran termasuk sains dan bidang profesional (Liaqat et al., 2022). Pendekatan ini turut meningkatkan penglibatan murid dan pembelajaran sendiri kerana murid belajar mengikut unit demi unit dengan sasaran pembelajaran yang jelas dan terukur (De Guzman, 2022).

Walau bagaimanapun, kajian turut mendapati bahawa jika modul tidak direka secara bersepadu dan koheren, pembelajaran boleh menjadi pecahan unit yang terpisah dan membawa kepada pemahaman yang cetek serta ketidakselarasan dalam penguasaan ilmu (Rohrig et al., 2021). Justeru, keberkesanan pelaksanaan pendekatan modular secara linear bergantung kepada reka bentuk modul yang memastikan hubungan antara modul dirancang secara koheren dan bersepadu, bukan sebagai unit pembelajaran yang berdiri sendiri tanpa kaitan yang jelas.

d) Pengajaran Pendekatan Modular Secara Bukan Linear

Pendekatan modular secara bukan linear membolehkan fleksibiliti pembelajaran yang memenuhi kepelbagaian keperluan dan minat pelajar melalui pelbagai sumber dan kaedah pembelajaran (Egorova et al., 2021). Modul-modul yang dibina diimplementasi dalam pengajaran dan pembelajaran mengikut kesesuaian murid, guru dan bilik darjah,

tidak terikat dengan susunan koheren tajuk dan rancangan pengajaran semata-mata (Husin et al., 2023). Modul berfungsi sebagai unit pembelajaran yang boleh dipilih atau disusun semula mengikut keperluan, minat, tahap dan konteks kelas, bukannya mengikut urutan bab buku teks secara berturutan.

Fleksibiliti dalam pembelajaran merupakan ciri utama pendekatan modular secara bukan linear. Guru mempunyai autonomi untuk menyesuaikan susunan modul, bahan dan aktiviti mengikut profil murid (Pujilestari et al., 2025), serta minat mereka, selaras dengan situasi bilik darjah yang berbeza-beza. Pendekatan modular secara bukan linear juga menggalakkan penggunaan pelbagai sumber dan kaedah pengajaran seperti bahan kontekstual, pembelajaran berasaskan projek, penceritaan, integrasi teknologi dan aktiviti kolaboratif. Kajian oleh Wati et al., 2025 berkaitan pembelajaran dengan aktiviti kolaboratif dan kreatif didapati berkesan meningkatkan penglibatan murid dalam proses PdPc.

Keistimewaan utama pendekatan modular bukan linear adalah kebebasan guru untuk tidak terikat dengan urutan tajuk yang ditetapkan. Guru boleh menggabungkan, melangkaui atau mengulang SK dan SP tertentu berdasarkan respons murid dan objektif pembelajaran semasa, sama ada memberi fokus kepada sesuatu bidang sahaja, atau pengukuhan nilai agama mengikut kesesuaian. Fokus sasaran juga beralih daripada standard kandungan yang seragam kepada penghargaan terhadap kepelbagaian minat, kebolehan dan pembinaan karakter murid.

Justeru, pendekatan modular secara bukan linear memberi ruang kepada guru dan murid untuk memilih, menyusun dan mengadaptasi modul mengikut keperluan sebenar, menjadikan pembelajaran lebih relevan, kontekstual dan inklusif tanpa terikat ketat pada susunan tajuk dalam rancangan pengajaran konvensional.

e) Model Pelaksanaan di Sekolah Rendah

Walaupun bagaimanapun, dalam konteks Pendidikan Islam, pendekatan modular yang dilaksanakan tetap berlandaskan Al-Quran sebagai rujukan utama dalam menentukan bahan pendidikan dan nilai teras yang menjadikannya asas epistemologi Pendidikan Islam (Setiawan & Suhartini, 2024).

Bagi menyokong pelaksanaan pendekatan modular, kajian oleh Saili & Taat (2023) memperkenalkan kerangka TPACK yang menekankan gabungan pengetahuan teknologi, pedagogi, dan kandungan sebagai asas teori yang menyokong kedua-dua

pendekatan modular secara linear dan bukan linear dalam konteks Pendidikan Islam. Justeru itu, kerangka tersebut bukan sahaja meningkatkan keberkesanan pelaksanaan pendekatan modular tetapi juga menggalakkan kreativiti dan interaksi dalam persekitaran pembelajaran.


Tambahan pula, kepentingan kemahiran teknologi dalam Pendidikan Islam didorong oleh perubahan budaya dan keperluan era digital (Widodo, 2024). Penguasaan teknologi dalam pelaksanaan pendekatan modular bukan sahaja meningkatkan kualiti pembelajaran Pendidikan Islam, tetapi juga memastikan pendekatan ini relevan dan mampu melahirkan pelajar yang bersedia menghadapi cabaran global. Seterusnya, bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan mengikut konteks dan objektif pembelajaran yang berbeza, pendekatan modular dalam Pendidikan Islam dibahagikan kepada dua iaitu pendekatan modular secara linear dan bukan linear. Setiap kategori dibangunkan untuk memenuhi keperluan pembelajaran yang spesifik dan saling melengkapi dalam ekosistem Pendidikan Islam secara holistik (Mehranmanesh et al., 2024).

Kelebihan pendekatan modular dalam mengintegrasikan kaedah tradisional dengan keperluan pedagogi moden menjadikannya sebagai alternatif yang berpotensi tinggi untuk mengatasi cabaran pelaksanaan kaedah pengajaran Pendidikan Islam khususnya dalam konteks SJKC. Pendekatan ini menepati piawaian konvensional berpusatkan guru dan moden berpusatkan murid serta bahan yang digunakan secara meluas dalam bidang pendidikan pada masa kini. Pendekatan modular juga dilihat sebagai pendekatan yang sesuai dengan keperluan pendidikan abad ke-21 kerana ia membolehkan pembelajaran yang fleksibel, sistematik, dan berpusatkan murid sambil mengekalkan struktur pembelajaran yang jelas dan objektif yang terukur. Dalam konteks Pendidikan Islam khususnya, pendekatan modular menawarkan peluang untuk menyampaikan ilmu agama secara berkesan sambil memenuhi keperluan pembelajaran moden yang menuntut kemahiran berfikir aras tinggi dan aplikasi ilmu dalam kehidupan seharian.

2.4 Kerangka Teori Kajian

Dari aspek teori, kajian ini menggunakan dua (2) teori yang saling melengkapi dalam membentuk kerangka konseptual kajian iaitu: (a) Teori Konstruktivisme Vygotsky; dan (b) Teori Pemikiran Ibn Khaldun.

a) Teori Konstruktivisme Vygotsky




Rajah 2.1 Kerangka Teoretikal Konstruktivisme Vygotsky

Teori konstruktivisme Vygotsky digunakan melalui pendekatan modular bukan linear dengan menggunakan Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) dan scaffolding sebagai tunjang utama proses pembelajaran yang berkesan. Berkenaan dengan perkara tersebut, Ahamad et al. (2022) mendapati scaffolding yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran menjadikan aktiviti pembelajaran aktif dan menarik, seterusnya mempengaruhi tahap penguasaan murid secara positif. Sementara itu, Teoh & Ng (2022) mengetengahkan konsep ZPD sebagai zon interaksi sosial murid bersama guru atau rakan sebaya yang lebih berpengetahuan untuk membimbing murid mencapai tahap pengetahuan yang lebih baik melalui pembelajaran kolaboratif.

Teori konstruktivisme Vygotsky yang mewujudkan Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) juga akan digunakan dalam kajian ini. Teori ini menekankan pendekatan pengajaran dalam menyampaikan isi pelajaran merupakan bahan bantu yang mempengaruhi kebolehan murid mengaplikasi pengetahuan tersebut secara mandiri pada masa hadapan (Hatzigianni et al., 2020). Vygotsky mengetengahkan ZPD dan scaffolding sebagai komponen utama dalam teori konstruktivisme Vygotsky bagi membantu perkembangan kognitif murid (Belland, 2017). ZPD dalam teori konstruktivisme Vygotsky merupakan hubung kait antara kemahiran yang boleh dipelajari murid tanpa bantuan dengan kemahiran yang dipelajari murid dengan bantuan manakala scaffolding, dalam konteks pendidikan pula adalah bantuan kepada murid

dalam PdPc yang kemudiannya akan diminimakan sehingga murid berjaya menguasai sesuatu kemahiran dengan baik tanpa bantuan (Voon & Amran, 2021; Saputra et al., 2024). Konsep ZPD dan scaffolding ini digunakan sebagai asas teoretikal bagi merancang dan melaksanakan pengajaran Pendidikan Islam yang berkesan melalui pendekatan modular secara linear dan bukan linear.

b) Teori Pemikiran Ibn Khaldun



Rajah 2.2 Ibn Khaldun (1377)
(Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002); Syaubari et al., (2018) (Ajmain et al., 2020)

Teori pemikiran Ibn Khaldun memberikan asas kukuh untuk Pendidikan Islam melalui konsep al-'aqlu an-nadzari (kemampuan menilai) dan al-'aqlu al-tajribi (kemampuan menganalisis) yang menekankan pembangunan kemahiran berfikir secara berperingkat. Sebagaimana dikemukakan oleh Asysyauqi & Ariffin (2023), teori pemikiran Ibn Khaldun sesuai dengan teori kognitif moden dalam konteks pembelajaran berstruktur. Sementara itu, Masykur (2021) mengiktiraf Ibn Khaldun sebagai perintis teori kognitif dalam pendidikan melalui konsep malakah (kemahiran yang sudah

terbentuk) dan tadrij (pembelajaran berperingkat), yang menyediakan matlamat dan proses pembelajaran yang jelas dalam pendekatan modular.

Dalam konteks pengajaran, Ibn Khaldun menekankan bahawa guru berperanan sebagai pemudah cara pembentukan malakah melalui latihan tubi dan amali (Daulay et al., 2021; Osman, 2024). Guru perlu menyesuaikan pengajaran mereka mengikut tahap perkembangan dan kemampuan murid. Guru juga disarankan untuk menyampaikan pengajaran kepada murid secara berperingkat dan beransur-ansur, bermula dengan topik yang asas dan berkembang kepada topik yang lebih mendalam (Dzulrifli & Fakhrudin, 2024). Ibn Khaldun juga menegaskan bahawa Al-Quran menjadi asas kurikulum yang perlu meliputi Pendidikan Islam dan matapelajaran lain, disusun mengikut keperluan sosial dan perkembangan semasa (Azkia & Muslim, 2024).

Ibn Khaldun mengemukakan kerangka perkembangan akal manusia yang terbahagi kepada empat (4) peringkat berturutan, bermula dari yang paling asas hingga ke tahap kesempurnaan insan. Peringkat pertama (1), Al-'Aql al-Tamyīzī (Pembezaan), merujuk kepada kemampuan asas untuk membezakan antara perkara yang bermanfaat dan yang mudarat. Peringkat tersebut melibatkan pembelajaran asas seperti mengenali huruf Hijaiyah, membezakan hukum tajwid, dan memahami konsep halal-haram (Daulay et al., 2021; Bahy & Taufiq, 2023).

Peringkat kedua (2), Al-'Aql al-Tajrībī (Pengalaman), berkembang melalui latihan praktikal (tadrīb) dan pengalaman seperti berlatih bacaan Al-Quran, amali solat, dan mengamalkan adab Islam (Azkia & Muslim, 2024; Bahy & Taufiq, 2023). Peringkat ketiga (3) pula, Al-'Aql al-Nazārī (Penilaian), membolehkan pemikiran kritis untuk memahami konsep Akidah dan Ibadah secara mendalam, manakala peringkat tertinggi, Al-Ḥakīkah al-Insāniyyah (Kesempurnaan Kemanusiaan), merujuk kepada penghayatan Islam secara menyeluruh melalui akhlak mulia dan amal soleh (Bahy & Taufiq, 2023). Dalam melaksanakan pengajaran berperingkat ini, Ibn Khaldun menekankan konsep tadarruj (pembelajaran beransur-ansur dari mudah ke kompleks) dan takrār (pengulangan) yang selari dengan konteks pembelajaran kontemporari (Daulay et al., 2021).


Bagi memastikan keberkesanan pengajaran berperingkat, Ibn Khaldun mencadangkan pelbagai kaedah pengajaran yang berpusatkan murid dan mesra pembelajaran. Antaranya ialah kaedah al-qurb wa al-muyānah (kasih sayang dan kelembutan), penyesuaian mengikut tahap fizikal dan psikologi murid, pembangunan potensi individu, pengkhususan bidang mengikut minat dan bakat, serta rihlah ilmiah

(lawatan pembelajaran) untuk memperluas pengalaman murid (Rambe et al., 2024) Konsep-konsep ini selari dengan prinsip pendekatan modular yang membahagikan pembelajaran kepada modul-modul kecil mengikut tahap keupayaan murid, di mana setiap modul menyediakan latihan berstruktur dan berulang (takrār) untuk membentuk malakah yang kukuh sebelum murid beralih ke modul seterusnya.

Justeru, kerangka teoretikal pemikiran Ibn Khaldun ini menyediakan justifikasi falsafah Islam yang kukuh untuk pelaksanaan pendekatan modular dalam Pendidikan Islam. Menepati konteks pendekatan modular secara linear dengan pembelajaran berturutan, manakala pendekatan modular secara bukan linear memberikan fleksibiliti sambil memastikan asas yang kukuh pada setiap peringkat.

2.5 Kerangka Konseptual kajian

2.5.1 Diagram Kerangka Konsep



Rajah 2.3 Kerangka Konseptual Kajian

2.5.2 Hubungan antara Pembolehubah Kajian

Kajian ini dibangunkan berdasarkan kerangka konseptual yang menghubungkan proses PdPc Pendidikan Islam melibatkan pendekatan modular sebagai pembolehubah bebas dengan penguasaan Pendidikan Islam murid sebagai pembolehubah bersandar.

Pembolehubah bebas merangkumi dua bentuk pendekatan modular, iaitu pendekatan modular secara linear yang melibatkan pembelajaran berturutan mengikut hierarki Rancangan Pengajaran Tahunan Pendidikan Islam Tahun 1, dan pendekatan modular secara bukan linear yang memberikan fleksibiliti dalam pemilihan dan penyusunan bidang dan tajuk pembelajaran mengikut keperluan murid dan kesesuaian bilik darjah.

Kerangka konseptual ini disokong oleh Teori Konstruktivisme Vygotsky yang menekankan peranan Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) dan scaffolding, serta Teori Pemikiran Ibn Khaldun yang mendasari pembelajaran berperingkat (tadarruj), pengulangan (takrar) dan pembentukan kemahiran (malakah). Konsep-konsep teori ini berfungsi sebagai pembolehubah pengantara yang menjelaskan bagaimana proses PdPC Pendidikan Islam dengan implementasi pengajaran berasaskan pendekatan modular secara linear dan bukan linear mempengaruhi penguasaan murid.

Pembolehubah bersandar pula merangkumi penguasaan Pendidikan Islam murid muslim Tahun 1 di SJKC Kuang Hwa, Kuantan berdasarkan penguasaan dalam pentaksiran lisan (borang ujian lisan), pentaksiran amali (borang penilaian amali), dan pentaksiran bertulis (lembaran kerja). Ketiga-tiga jenis pentaksiran ini mengukur tahap penguasaan murid dalam aspek pengetahuan, kemahiran amali, dan kefahaman konsep Pendidikan Islam. Kajian ini menilai keberkesanan proses PdPc Pendidikan Islam menggunakan pendekatan modular dalam meningkatkan penguasaan Pendidikan Islam murid muslim tahun 1 di SJKC Kuang Hwa, Kuantan melalui perbandingan pelaksanaan pendekatan linear dan bukan linear.

2.6 Kesan Pendekatan Modular terhadap Penguasaan Pembelajaran Pendidikan Islam di SJKC

Keberkesanan pendekatan modular dalam pendidikan telah dibuktikan melalui pelbagai kajian yang dilaksanakan di seluruh dunia dalam pelbagai konteks dan bidang

pembelajaran. Kajian menunjukkan pendekatan modular memberi impak positif kepada sikap dan kepuasan murid (Caballes & Delos Reyes, 2022), serta meningkatkan pengetahuan dan kebolehan mereka dalam pelbagai disiplin ilmu (Roque, 2022; Pastushkova et al., 2019). Pelbagai kajian empirikal telah dilaksanakan berkaitan pelaksanaan pendekatan modular dalam pendidikan di seluruh dunia yang menunjukkan kepelbagaian aplikasi dan konteks pelaksanaannya. Antaranya adalah kajian yang dilakukan di Belanda oleh Dam (2014) berkaitan mata pelajaran Biologi dengan mengetengahkan penggunaan modular dalam pengajaran guru yang mendapati pendekatan ini meningkatkan kefahaman konseptual pelajar terhadap konsep biologi yang kompleks. Manakala kajian yang dilaksanakan oleh Hofmeyr (2014) di Afrika Selatan berkaitan pendekatan modular di peringkat prasekolah menunjukkan bahawa pendekatan ini berkesan dalam membangunkan kemahiran asas kanak-kanak pada peringkat awal pendidikan. Kajian oleh Gaganao & Discar (2023) di Filipina pula turut membincangkan berkaitan aplikasi pendekatan modular dalam kalangan pelajar di universiti bagi mata pelajaran matematik yang mendapati pendekatan ini membantu pelajar menguasai konsep matematik yang abstrak dengan lebih berkesan.

Kajian seterusnya berkaitan pendekatan modular dilaksanakan oleh Wang et al. (2021) di China tentang pembinaan kerangka kurikulum berasaskan modular bagi pengajaran bahasa Inggeris dalam bidang perubatan yang membuktikan pendekatan modular membolehkan pengintegrasian kandungan khusus bidang dengan kemahiran bahasa secara berkesan. Seterusnya, kajian oleh Baik (2021) telah menjalankan kajian berkaitan pendekatan modular dalam pembangunan kurikulum Matematik Aplikasi Kepintaran Buatan (AI) di universiti di Korea Selatan yang menunjukkan pendekatan modular sesuai untuk bidang pembelajaran yang memerlukan pengintegrasian pelbagai disiplin ilmu. Kajian oleh McGinnis (2023) di Congo berkaitan keberkesanan pendekatan modular dalam bidang pendidikan keagamaan di Rwanda pula mendapati pendekatan modular berkesan dalam menyampaikan pendidikan agama dalam konteks kepelbagaian budaya dan sosial. Selain itu, terdapat juga kajian-kajian yang mengetengahkan pendekatan modular dalam bidang pendidikan secara meluas seperti kajian yang dilakukan oleh Casal-Otero et al. (2023), Kalimullina et al. (2021) dan Castroverde & Acala (2021) yang turut menyokong keberkesanan pendekatan modular dalam pelbagai konteks pendidikan global.

2.6.1 Konsep Penguasaan dalam Pendidikan Islam

Pendekatan modular dalam Pendidikan Islam di SJKC telah menunjukkan kesan positif yang signifikan terhadap penguasaan pembelajaran murid muslim (Mohd Nor & Abdul Razak, 2024). Penguasaan dalam konteks Pendidikan Islam merujuk kepada tahap kemahiran dan kefahaman yang dicapai oleh murid dalam menguasai ilmu pengetahuan agama Islam dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Penguasaan ini merangkumi tiga domain utama iaitu domain kognitif (pengetahuan dan kefahaman), domain afektif (sikap dan nilai), dan domain psikomotor (kemahiran amali dan praktikal).

Dalam konteks KSSR Pendidikan Islam, penguasaan murid dinilai berdasarkan pencapaian dalam tujuh bidang pembelajaran iaitu Al-Quran, Hadis, Aqidah, Ibadah, Sirah, Adab, dan Jawi (Mustaffa & Husain, 2022). Setiap bidang memerlukan pendekatan pengajaran yang sesuai untuk memastikan murid dapat menguasai ilmu dengan berkesan.

Berdasarkan Al-Quran dan Al-Sunnah, pelbagai istilah berkaitan konsep pendidikan telah digunakan antaranya tarbiyah, ta'lim, tadrīs, ta'dīb dan tazkiyah. Istilah-istilah ini membawa kepada matlamat Pendidikan Islam untuk melahirkan muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia (Syihabudin & Najmudin, 2019). Matlamat Pendidikan Islam ini turut disokong oleh Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad Al-Ghazali Al-Thusi atau lebih dikenali sebagai Al-Ghazali, seorang tokoh ilmuwan Islam yang terkenal (Kirabaev & Al-Janabi, 2023), yang turut menyatakan bahawa Pendidikan Islam adalah suatu proses kesempurnaan akhlak dan peribadi berlandaskan Al-Quran dan Al-Sunnah (Niamah, 2021). Justeru, penguasaan mata pelajaran Pendidikan Islam walaupun di SJKC akan memberi impak yang besar kepada peribadi murid pada masa hadapan.

Tuntutan menguasai ilmu Pendidikan Islam walaupun berada di SJKC adalah bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam Al-Quran daripada surah Al-'Alaq ayat satu(1) hingga lima (5) yang menyatakan bahawa menuntut ilmu adalah suatu tuntutan kepada setiap manusia walau di mana berada (Aziz et al., 2021). Selain itu, Al-Ghazali turut menyentuh berkaitan kurikulum dalam membahaskan tentang pendidikan dengan menyatakan kurikulum dalam pendidikan merupakan mata pelajaran yang disampaikan kepada murid supaya menjadi pengalaman yang membantu murid untuk digunakan

dalam kehidupan seharian mereka (Suban, 2020). Menurut Al-Ghazali lagi, kurikulum pendidikan harus disusun dan disampaikan menggunakan bahan yang bersesuaian dengan tahap pertumbuhan dan perkembangan murid (Rahman et al., 2021; Mansyur, 2022).

Justeru, pemilihan pendekatan pengajaran yang tepat memainkan peranan penting dalam menentukan tahap penguasaan murid terhadap Pendidikan Islam, khususnya dalam konteks SJKC yang menghadapi cabaran kepelbagaian budaya dan kekangan masa pengajaran.

2.6.2 Kesan terhadap Domain Kognitif

Pendekatan ini terbukti berkesan untuk memastikan penguasaan asas ilmu yang mantap sebelum pelajar beralih ke peringkat seterusnya. Kajian oleh Yusupov & Nafasov (2025) berkaitan pendekatan pengajaran secara berstruktur turut menyatakan bahawa elemen pembelajaran yang tersusun secara logik dan sistematik dapat mengoptimalkan keberkesanan proses pendidikan. Kajian tersebut didapati selari dengan kajian oleh Dmitruk & Druzhnova (2021) dan Abaya et al. (2023) yang turut menyatakan bahawa proses pembelajaran secara berperingkat dan berstruktur mampu memastikan pembentukan kompetensi secara sistematik dari tahap asas kepada tahap profesional.

Keberkesanan pendekatan modular secara linear pula dapat dilihat antaranya dalam pengajaran bidang fiqh dan tafsir yang memerlukan asas yang kukuh sebelum meneruskan kepada konsep yang lebih kompleks (Syu'aib & Husni, 2025).

2.6.3 Kesan terhadap Kemahiran Amali

Implementasi pendekatan modular yang berstruktur dan berperingkat sangat berkesan dalam membantu pelajar menguasai bacaan al-Quran (Mukaromah & Hanif, 2024; Wahyudi & Salahuddin, 2024). Walau bagaimanapun, kajian oleh Zulkanai et al. (2022) berkaitan amalan Pendidikan Islam dalam kalangan murid muslim di SJKC mendapati bahawa tahap penguasaan mata pelajaran Pendidikan Islam berada pada tahap tidak memuaskan dengan majoriti pelajar (80.1%) hanya mencapai tahap

sederhana, manakala 90% murid tidak dapat menguasai kemahiran amali dalam bidang ibadah.

Selain itu, kemahiran menulis Jawi dalam kalangan murid muslim di SJKC juga dilaporkan berada pada tahap yang tidak memuaskan (Sharifudin & Razak, 2022). Dapatan ini menunjukkan bahawa cabaran penguasaan kemahiran amali dalam Pendidikan Islam di SJKC bukan sahaja melibatkan aspek ibadah, malah turut merangkumi kemahiran asas seperti penulisan Jawi yang merupakan salah satu bidang pembelajaran dalam KSSR Pendidikan Islam.

2.6.4 Kesan terhadap Pembentukan Sikap dan Nilai

Keberkesanan pendekatan modular turut dibuktikan melalui kajian Sholihah et al., (2021). Kajian tersebut menunjukkan kejayaan pendekatan modular dalam mengintegrasikan nilai-nilai Islam ke dalam pembelajaran masa kini melalui pembangunan modul yang menggabungkan aspek akademik dan kerohanian. Selain itu, kajian tersebut memperlihatkan potensi pendekatan modular untuk merentas pelbagai bidang disiplin dalam satu sesi pembelajaran bersepadu. Justeru, pendekatan modular ini memudahkan penyesuaian kandungan mengikut keperluan dan konteks pembelajaran, serta menyokong pembentukan karakter pelajar secara holistik (Muhtifah et al., 2021; Rustamovich, 2021).

2.6.5 Faktor Mempengaruhi Keberkesanan Pelaksanaan

Pendidikan Islam di SJKC menghadapi pelbagai cabaran yang berbeza daripada SK. Kajian oleh Ying & Mahamod (2024) berkaitan strategi dan cabaran pengajaran di SJKC mendapati bahawa guru menghadapi cabaran kesuntukan masa untuk mengajar dengan berkesan, minat murid rendah yang memerlukan guru menggunakan pendekatan pengajaran yang kreatif dan inovatif serta peranan ibu bapa yang kurang memberi perhatian terhadap pembelajaran anak-anak mereka. Cabaran utama yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam di SJKC adalah peruntukan waktu PdPc Pendidikan Islam yang terhad berbanding SK, kekurangan kemudahan dan sumber pembelajaran yang sesuai serta keperluan untuk menyesuaikan kandungan pembelajaran dengan kepelbagaian

latar belakang murid yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan budaya (Rahman & Razak, 2020).

Pencapaian murid muslim dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di SJKC menunjukkan perbezaan yang ketara berbanding SK. Kajian oleh Hashim et al. (2020) berkaitan amalan pengajaran dan pencapaian murid mendapati bahawa pencapaian murid muslim di SJKC dalam Pendidikan Islam berada pada tahap yang tidak memuaskan dengan majoriti pelajar (60%) hanya mencapai gred B dan C, manakala tiada pelajar yang memperoleh gred A. Faktor persekitaran pembelajaran, sokongan institusi, dan pendekatan pengajaran yang digunakan memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan murid muslim di SJKC. Dapatan kajian tersebut menunjukkan keperluan kepada implementasi pendekatan pengajaran yang lebih fleksibel dan sesuai dengan konteks sekolah vernakular. Situasi ini memerlukan strategi pengajaran yang dapat mengukuhkan identiti keagamaan pelajar sambil menggalakkan integrasi sosial yang sihat dalam komuniti sekolah yang pelbagai kaum.

2.6.6 Kajian Empirikal Berkaitan Kesan Pelaksanaan

Kajian empirikal menunjukkan bahawa rekabentuk modul memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan pelaksanaan pendekatan modular. Kajian Muhsan & Haris (2022) menunjukkan keperluan untuk menggabungkan pelbagai bidang ilmu selain Pendidikan Islam dalam pendekatan ini. Penggabungan tersebut penting dalam mewujudkan pengalaman pendidikan yang menyeluruh, namun memerlukan perancangan yang teliti untuk mengelakkan pembelajaran yang tidak berfokus.

Modul yang dibina untuk pelaksanaan pendekatan modular pula perlu direka bentuk secara sistematik bagi memastikan setiap fasa pembelajaran jelas, berstruktur, dan memenuhi objektif pembelajaran yang ditetapkan (Abaya et al., 2023). Kajian oleh Goodson & Wang (2023) berkaitan implementasi pendekatan modular dalam pengajaran turut menyatakan bahawa setiap modul perlu fokus kepada sistem pembelajaran yang spesifik dan membolehkan pelajar memilih kaedah pembelajaran yang sesuai untuk pembangunan kemahiran berfikir secara kritis. Kesyukuran antara submodul, penilaian berterusan, dan maklum balas yang membina adalah penting

bagi membimbing pelajar sepanjang proses pembelajaran (Dmitruk & Druzhnova, 2021).

Kajian-kajian lepas yang turut melaporkan kesan positif terhadap penggunaan modul tertentu dalam PdPC ialah Basri (2022), Hassan (2022), Darus (2022), Ishak (2022) dan Hasan (2022). Kajian-kajian ini mendapati pembinaan dan penggunaan modul memberi kesan yang signifikan terhadap subjek kajian masing-masing. Namun begitu, kajian-kajian tersebut tidak memperincikan jenis modul sama ada linear atau bukan linear.

2.7 Konteks Pelaksanaan di SJKC

2.7.1 Latar Belakang SJKC

Dalam konteks memahami dengan lebih mendalam aplikasi pendekatan modular dalam Pendidikan Islam masa kini, adalah penting untuk meneliti evolusi sejarah sistem Pendidikan Islam di Malaysia yang telah mengalami transformasi berperingkat mengikut keperluan zaman. Perkembangan Pendidikan Islam secara tidak formal di Malaysia telah bermula sejak abad ke 13 melalui pembinaan surau dan masjid sebagai tempat menuntut ilmu dan menyebarkan agama Islam (Muhamad & Othman, 2020). Pada abad ke 18, pengajaran Pendidikan Islam secara formal berasaskan pondok telah dikesan bermula di semenanjung Tanah Melayu (AB Rahim & Nor, 2020). Sistem Pendidikan Islam secara formal ini pula terus bertransformasi pada abad ke 20 dengan melahirkan masyarakat Melayu berjiwa nasionalis untuk mendapatkan kemerdekaan negara pada ketika itu (Kadir et al., 2023).

Namun, kedatangan British di Tanah Melayu telah mengubah lanskap pendidikan dengan mewujudkan empat jenis sekolah berasaskan kaum iaitu sekolah Melayu, sekolah Cina, sekolah Tamil dan sekolah Mubaligh (Usiono et al., 2020). Penubuhan sekolah vernakular berasaskan kaum iaitu sekolah Melayu, sekolah Cina dan sekolah Tamil semasa zaman pemerintahan British adalah bertujuan untuk memudahkan pihak British untuk memerintah dan mengeksploitasi ekonomi Tanah Melayu (Krishnan et al., 2020). Sekolah vernakular Cina berkembang di Tanah Melayu dengan bantuan dana dan sokongan dari taukeh-taukeh Cina tanpa menggunakan bantuan dari pihak British (Lee, 2021).

Selepas kemerdekaan Tanah Melayu, sekolah vernakular Cina ini tidak dihapuskan tetapi dinaik taraf menjadi SJKC yang merupakan sekolah bantuan kerajaan. Chee & Thock (2017) menyatakan Akta Pelajaran 1961 telah memberi pengiktirafan kepada sekolah vernakular Cina sebagai SJKC yang bernaung di bawah sistem pendidikan Malaysia sehingga ke hari ini. Bernaung di bawah satu sistem pendidikan kebangsaan membolehkan murid-murid dari bangsa lain bebas bersekolah di SJKC.

Akta Pendidikan Kebangsaan (1996) menyatakan bahawa Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) merupakan sekolah rendah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan yang menyediakan pendidikan rendah seawal enam tahun, menggunakan bahasa Cina untuk SJKC atau Bahasa Tamil untuk SJKT sebagai bahasa pengantar utama dan menjadikan Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib. Yusuf et al. (2021) menyatakan SJKC merupakan antara jenis sekolah vernakular yang terdapat di Malaysia. Walaupun sekolah vernakular menggunakan bahasa ibunda mengikut kaum masing-masing, pihak KPM tetap memastikan pelaksanaan PdPc adalah selari dengan kehendak kementerian. Menurut Yoong & Tang (2023), SJKC menggunakan bahasa ibunda kaum Cina supaya murid-murid terdidik dengan identiti bahasa asal selain mengekalkan kebudayaan kaum Cina.

Kajian yang dilakukan oleh Salleh et al. (2023) berkaitan aspirasi masyarakat terhadap sekolah agama dan sekolah jenis kebangsaan menunjukkan sampel dari kalangan ibu bapa berbangsa Melayu menerima baik kepelbagaian jenis sekolah di Malaysia. Peningkatan jumlah murid muslim yang bersekolah di SJKC semakin bertambah dari semasa ke semasa. Peningkatan jumlah murid bukan berbangsa Cina di SJKC ini juga turut disokong dalam kajian yang dilakukan oleh Wan & Kutty (2023). Kajian beliau menyatakan statistik pada 2010 menunjukkan peratus murid Melayu di SJKC adalah 9.15%, murid India adalah 1.67% dan lain-lain adalah 1.02%. Pada 2020 pula, berlaku peningkatan peratus jumlah murid Melayu iaitu 15.33%, murid India 2.75% dan lain-lain adalah 1.67%. Perkembangan ini menunjukkan SJKC semakin menjadi pilihan ibu bapa dari pelbagai latar belakang etnik dalam sistem pendidikan Malaysia.

Pendidikan Islam mula diberi perhatian selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957 dengan penggubalan akta berdasarkan Laporan Rahman Talib yang menetapkan sekolah yang mempunyai murid muslim seramai lima belas orang atau lebih wajib mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam dengan peruntukan waktu

120 minit seminggu (Nawi et al., 2023). Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran pada ketika itu bertanggungjawab mengawal selia pelaksanaan Pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah. Melalui Akta Pelajaran 1961 ini, sekolah-sekolah bantuan kerajaan wajib mewujudkan mata pelajaran Pendidikan Islam dan mula berkuatkuasa pelaksanaannya pada 1962 (Ahmad et al., 2020; Abdul Rahman et al. 2023).

Sehingga kini, KPM telah menambah baik pelaksanaan Pendidikan Islam di sekolah seliaannya termasuk SJKC dengan menetapkan bahawa setiap sekolah layak menerima seorang guru Pendidikan Islam walaupun hanya mempunyai seorang murid Islam (KPM, 2015). Walaupun majoriti murid di SJKC adalah kaum Cina, SJKC masih mengikuti kurikulum yang dikawal selia oleh KPM, dengan mata pelajaran Pendidikan Islam khusus untuk murid beragama Islam yang majoritinya dari kaum Melayu. Mata pelajaran Pendidikan Islam di SJKC menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar berbeza dengan mata pelajaran lain yang menggunakan bahasa Cina.

2.7.2 Cabaran Pengajaran Pendidikan Islam di SJKC

Murid muslim di SJKC bersekolah dalam persekitaran yang didominasi oleh budaya dan bahasa Cina melibatkan kepelbagaian etnik dalam kalangan murid muslim tersebut. Perbezaan budaya, bangsa, dan adat resam antara murid muslim dan komuniti sekolah mewujudkan cabaran dalam penerimaan dan penghayatan Pendidikan Islam (Mohamad & Razak, 2024).

Jadual 2. 1

Perbezaan Peruntukan Waktu Mata Pelajaran Pendidikan Islam di SJK dan SK

Jenis Sekolah	SJK	SK
Peruntukan Waktu	120 minit seminggu (4 waktu tahap 1) 150 minit seminggu (5 waktu tahap 2)	180 minit seminggu (6 waktu tahap 1 dan 2)
Sukatan Pendidikan Islam (bidang pembelajaran)	Al-Quran, Hadith, Aqidah, Ibadah, Adab, Sirah, dan Jawi	

Berdasarkan Jadual 2.1, perbezaan peruntukan masa yang signifikan antara SJKC dan SK mewujudkan cabaran tersendiri dalam pengajaran Pendidikan Islam. Bagi tahap satu di SJK, peruntukan waktu bagi mata pelajaran Pendidikan Islam adalah sebanyak 120 minit (4 waktu) manakala bagi tahap dua di SJK adalah sebanyak 150 minit (5 waktu) berbanding SK sebanyak 180 minit (6 waktu) untuk tahap satu dan dua (BPK, 2021). Perbezaan sebanyak 60 minit seminggu untuk tahap satu dan 30 minit seminggu untuk tahap dua ini menyebabkan guru Pendidikan Islam di SJKC menghadapi cabaran untuk menyampaikan kandungan kurikulum yang sama dengan SK dalam masa yang lebih singkat. Kekangan masa ini menuntut pendekatan pengajaran yang lebih efisien dan berkesan bagi memastikan murid muslim di SJKC dapat menguasai Pendidikan Islam dengan baik walaupun dalam tempoh pembelajaran yang lebih terhad.

Perbezaan peruntukan masa yang signifikan ini menyebabkan guru Pendidikan Islam di SJKC menghadapi cabaran infrastruktur dan sumber yang signifikan. Kekangan utama yang dikenal pasti merangkumi kekurangan guru Pendidikan Islam berkecukupan di SJKC, peruntukan waktu pengajaran yang lebih singkat berbanding SK, serta ketiadaan kemudahan asas seperti surau untuk aktiviti keagamaan yang sepatutnya menyokong pembelajaran dan penghayatan Pendidikan Islam secara menyeluruh (Abdullah Hadi & Hamzah, 2020). Kesemua kekangan struktural ini secara langsung mempengaruhi kualiti penyampaian Pendidikan Islam dan menjadi cabaran kepada keberkesanan sebarang pendekatan pedagogi yang dilaksanakan.

2.7.3 Amalan Semasa Pelaksanaan di SJKC

Peranan guru Pendidikan Islam menjadi kritikal di SJKC dalam memastikan murid dapat menguasai dan menghayati ilmu Pendidikan Islam secara berkesan. Justeru, guru perlu bijak memilih dan mengadaptasi pendekatan pengajaran yang paling sesuai untuk membantu murid menyesuaikan diri dengan pembelajaran Pendidikan Islam dalam konteks sekolah yang berbeza budaya dan sosial ini (Idris & Baharudin, 2024).

Dalam konteks pelaksanaan kurikulum, guru memainkan peranan yang lebih luas daripada sekadar penyampai ilmu (Pujingsih, 2021). Guru berperanan sebagai pelaksana kurikulum yang menterjemahkan dokumen kurikulum rasmi seperti DSKP

kepada pengalaman pembelajaran yang bermakna di dalam bilik darjah (Mansor & Jamaludin, 2024). Guru sebagai pelaksana kurikulum ini melibatkan proses merancang, melaksana dan menilai pembelajaran secara berterusan. Guru perlu meneliti dan memahami sepenuhnya DSKP serta mengaplikasikannya dalam pengajaran mengikut matapelajaran (BPK, 2021).

Peranan ini menjadi lebih kompleks dalam konteks Pendidikan Islam di SJKC kerana guru perlu menyesuaikan pelaksanaan kurikulum yang sama dengan SK dalam konteks yang sangat berbeza dari segi masa pengajaran, persekitaran budaya, dan keperluan khusus murid minoriti Muslim. Guru perlu meluangkan masa untuk memahami dan mengintegrasikan latar belakang budaya, sejarah, dan bahasa murid ke dalam kandungan pengajaran (Kong et al., 2022). Proses ini menjadi lebih mencabar apabila terdapat kepelbagaian dalam status sosio-ekonomi, latar belakang budaya, serta keperluan dan keutamaan pembelajaran pelajar.

Sebagaimana yang ditekankan dalam konteks adaptasi kurikulum, pelaksanaan kurikulum memerlukan penyesuaian terhadap konteks tempatan yang merangkumi perbezaan budaya, bahasa, dan keperluan khusus murid (Gray et al., 2024). Kajian oleh Gray menyatakan kegagalan memberi perhatian kepada adaptasi ini boleh menyebabkan kurikulum menjadi kurang relevan dan tidak memenuhi keperluan sebenar murid.

Guru sebagai pelaksana kurikulum bukan sekadar mengikut skrip yang ditetapkan dalam dokumen kurikulum, sebaliknya mereka terlibat secara aktif dalam proses pelaksanaan kurikulum (Alvunger, 2021; Wang, 2022) iaitu proses menterjemah, mengadaptasi, dan menyesuaikan kurikulum mengikut konteks sebenar bilik darjah mereka.

Dalam konteks pelaksanaan kurikulum di Malaysia, guru dikehendaki menterjemah Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) kepada aktiviti pembelajaran yang sesuai dengan tahap keupayaan murid dan menyesuaikan kaedah pentaksiran mengikut konteks bilik darjah masing-masing (Dhanapalan, 2025).

Dalam konteks SJKC, proses pelaksanaan kurikulum ini menjadi lebih mencabar kerana guru Pendidikan Islam perlu menyampaikan kandungan kurikulum yang sama dengan SK tetapi dalam masa yang lebih terhad dan persekitaran yang berbeza. Ini memerlukan guru membuat pertimbangan profesional yang bijak tentang topik mana yang perlu diberi penekanan, aktiviti mana yang paling berkesan dengan

masa terhad, dan bagaimana menyesuaikan pembelajaran supaya relevan dengan kehidupan murid minoriti Muslim di SJKC (Shan, 2021; Sommarström et al., 2021).

Peranan guru sebagai pelaksana kurikulum juga merangkumi tanggungjawab sebagai pentaksir yang menilai tahap penguasaan murid terhadap objektif pembelajaran. Sistem Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang dilaksanakan di Malaysia memberi autonomi kepada guru untuk merancang dan melaksanakan pentaksiran formatif dan sumatif yang sesuai dengan konteks pembelajaran mereka (BPK, 2019).

Kajian oleh Marnizam dan Ali (2021) mendapati bahawa guru mampu menetapkan objektif pentaksiran yang jelas menggunakan DSKP sebagai panduan, melaksanakan pentaksiran secara berterusan semasa PdPc, dan mempelbagaikan kaedah serta instrumen pentaksiran yang sesuai dengan tahap murid. Dapatan ini disokong oleh kajian Hajmi & Jamaludin (2022), Villasamy & Mohammad (2023) dan Juan et al. (2023) yang melaporkan kesediaan guru dalam melaksanakan PBD.

Kajian oleh Zaidi & Othman (2023) berkaitan cabaran guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan kurikulum pula mendapati empat cabaran utama, iaitu: (a) kompetensi guru terhadap pengetahuan dan penguasaan kurikulum; (b) transformasi daripada pendekatan konvensional berpusatkan guru kepada berpusatkan murid; (c) perbezaan kognitif murid dalam satu kelas; dan (d) pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 yang merangkumi elemen PAK-21.

Untuk menghadapi cabaran tersebut, guru memerlukan sokongan yang mencukupi merangkumi masa perancangan yang mencukupi untuk merancang pembelajaran berkesan (Mohan et al., 2024). Kajian oleh Mokhtar & Sahat (2022) menegaskan bahawa guru perlu bijak memilih pendekatan pengajaran dengan mengambil kira keperluan dan keupayaan murid. Kreativiti dan fleksibiliti yang dilaksanakan berpotensi merangsang perubahan positif dalam amalan pedagogi.

Secara keseluruhannya, amalan semasa pelaksanaan Pendidikan Islam di SJKC mencerminkan peranan kritikal guru sebagai pelaksana kurikulum yang menterjemah, mengadaptasi, dan menyesuaikan kurikulum mengikut konteks unik SJKC. Autonomi yang diberikan kepada guru dalam pendekatan modular perlu disokong dengan latihan, bahan pengajaran, dan sokongan pentadbir untuk memastikan pelaksanaan kurikulum yang berkesan. Justeru, kajian empirikal yang menilai keberkesanan pelaksanaan pendekatan modular dalam konteks sebenar SJKC adalah penting untuk memberikan panduan berasaskan bukti kepada guru dalam membuat keputusan pedagogi yang optimum.

2.7.4 Keperluan Khusus Murid Muslim di SJKC

Pendidikan Islam memandang kepelbagaian budaya dan etnik sebagai peluang untuk saling memahami serta menghargai antara satu sama lain. Perspektif ini melihat perbezaan bukan sebagai punca konflik, sebaliknya sebagai sumber yang boleh memperkukuh ikatan sesama manusia (Sari et al., 2023; Mursalin & Mu'ti, 2024). Justeru, Pendidikan Islam di SJKC dengan kepelbagaian budaya perlu memberi penekanan kepada kesetaraan, keadilan, dan penghormatan terhadap kepelbagaian ini sebagai asas pembelajaran yang dapat menyatukan pelajar walaupun berlainan latar belakang.

Berdasarkan analisis terhadap pelbagai faktor yang mempengaruhi pelaksanaan Pendidikan Islam di SJKC, dapat disimpulkan bahawa pembelajaran Pendidikan Islam di SJKC melibatkan cabaran unik kerana murid muslim adalah minoriti dalam persekitaran kepelbagaian budaya yang didominasi oleh murid berbangsa Cina. Oleh yang demikian, pendekatan pembelajaran dan pengajaran perlu mengambil kira faktor kepelbagaian budaya, kekangan sumber dan infrastruktur, serta keperluan integrasi agama dan budaya agar Pendidikan Islam dapat disampaikan secara efektif dan diterima oleh murid dengan berkesan. Dalam konteks ini, guru Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam mengadaptasi pendekatan pedagogi yang sesuai.

Kepentingan ini menjadi lebih kritikal di SJKC kerana murid muslim berada dalam persekitaran majoriti bukan Islam ditambah aspirasi ibu bapa terhadap kualiti pendidikan di SJK adalah tinggi (Salleh et al., 2023). Justeru, pendekatan yang lebih berhati-hati dan strategik diperlukan untuk mengoptimumkan masa pengajaran yang terhad (Tarmizi, 2024) bagi memastikan murid dapat menguasai kemahiran membaca al-Quran dengan berkesan.

2.8 Perbandingan Keberkesanan Pendekatan Modular Secara Linear dan Bukan Linear dalam Pendidikan Islam di SJKC

2.8.1 Ciri-ciri Pelaksanaan Linear

Dalam konteks Pendidikan Islam, perbandingan antara pendekatan modular secara linear dan bukan linear mempunyai implikasi signifikan terhadap struktur dan penyampaian kandungan pendidikan. Secara umumnya, pendekatan modular secara linear merupakan kaedah pengajaran yang sistematik dengan langkah demi langkah yang boleh digariskan dan diikuti dengan jelas (Pinot de Moira et al., 2020).

Keberkesanan pendekatan modular secara linear pula dapat dilihat antaranya dalam pengajaran bidang fiqh dan tafsir yang memerlukan asas yang kukuh sebelum meneruskan kepada konsep yang lebih kompleks (Syu'aib & Husni, 2025). Kajian oleh Yuspa & Arifin (2024) berkaitan evolusi kaedah pengajaran kitab kuning turut menyatakan bahawa kaedah tradisional yang mengaplikasi pendekatan pembelajaran secara berperingkat dan berstruktur membolehkan pelajar menguasai peringkat asas dengan baik sebelum beralih kepada peringkat yang lebih kompleks dalam Pendidikan Islam. Kajian tersebut didapati selari dengan kajian oleh Adib (2021) yang menyatakan bahawa pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam yang dilakukan secara berperingkat membantu memastikan penguasaan ilmu yang holistik dalam setiap bidang yang dipelajari.

2.8.2 Ciri-ciri Pelaksanaan Bukan Linear

Manakala pendekatan modular secara bukan linear pula membina kreativiti melalui fleksibiliti (Egorova, 2021; Adams & Thomas, 2020). Adams & Thomas (2022) menyatakan bahawa pendekatan kognitif pelajar terhadap pendidikan pada dasarnya bukan bersifat linear, justeru menyokong keperluan pendekatan pembelajaran yang dapat menggambarkan keunikan proses kognitif individu.

Kajian Ariyanti et al. (2023) berkaitan integrasi nilai-nilai Al-Islam Kemuhammadiyah ke dalam e-modul Aljabar Linear membuktikan keberkesanan pendekatan ini dalam menangani cabaran pembelajaran hibrid semasa pandemik

COVID-19. Kajian tersebut mendapati bahawa 82% pelajar menyokong pendekatan pembelajaran yang menggabungkan pelbagai dimensi ilmu dalam satu modul yang fleksibel. Dalam konteks pembelajaran yang dinamik, pendekatan ini terbukti membolehkan pelajar menyesuaikan pembelajaran mengikut keupayaan individu sambil mengekalkan fleksibiliti dalam proses pembelajaran.

2.8.3 Kajian Perbandingan Keberkesanan

Pratiwi (2022) menyatakan bahawa pemilihan pendekatan pengajaran yang sesuai mempengaruhi kualiti pembelajaran dan pencapaian pelajar. Kajian menunjukkan bahawa kedua-dua pendekatan memberi kesan positif terhadap pembelajaran, namun kebanyakan penyelidikan mendapati pendekatan modular secara bukan linear lebih berkesan dalam membina sikap positif, interaksi, dan keupayaan menyesuaikan diri dengan cabaran dunia sebenar (Mehranmanesh, 2024).

Kajian oleh Mehranmanesh et al. (2024) berkaitan keberkesanan pendekatan pengajaran secara linear dan bukan linear terhadap faktor psikologi pembelajaran mendapati hasil kajian sistematik mereka menunjukkan kedua-dua pendekatan memberi kesan positif terhadap pembelajaran pelajar baharu dengan kebanyakan kajian membuktikan pendekatan bukan linear memberi kelebihan dari aspek peningkatan motivasi dan keyakinan membuat keputusan.

2.8.4 Kesesuaian dalam Konteks SJKC

Perbezaan antara kedua-dua pendekatan ini menggambarkan spektrum pedagogi yang luas dalam sistem Pendidikan Islam selari dengan prinsip Islam yang menggalakkan proses pembelajaran melalui pelbagai saluran (Seitakhmetova et al., 2021; Fakhrurrazi et al., 2023). Kajian oleh Tavakol (2024) berkaitan penyebaran ilmu dalam kalangan ulama dahulu dan masyarakat Islam menunjukkan bahawa Pendidikan Islam menggunakan pelbagai kaedah penyampaian ilmu yang tidak bergantung kepada institusi formal sahaja. Sebaliknya berkembang melalui pergerakan ulama dan fleksibiliti pendekatan pengajaran yang diaplikasikan sejak abad ke-16 Masihi. Seterusnya, kajian oleh Salem (2021) berkaitan perkembangan pengetahuan Islam di

Mauritania dan pengaruhnya secara global turut menyatakan bahawa kepelbagaian pendekatan pedagogi dalam Pendidikan Islam membolehkan penyebaran ilmu pengetahuan merentasi batasan geografi dan kepelbagaian budaya setempat.

Dari perspektif Pendidikan Islam di SJKC, perbandingan keberkesanan kedua-dua pendekatan ini menjadi lebih kompleks kerana melibatkan konteks pembelajaran minoriti dalam persekitaran kepelbagaian budaya. Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bahagian 2.1.5, beberapa faktor utama yang mempengaruhi pemilihan pendekatan yang sesuai adalah: (a) kepelbagaian budaya dan bahasa; (b) kekangan infrastruktur dan masa pengajaran; (c) peranan Guru Pendidikan Islam (GPI); (d) integrasi agama dan budaya; dan (e) keperluan khusus murid muslim minoriti.

Keberkesanan pelaksanaan pendekatan modular secara linear atau bukan linear di SJKC bergantung kepada keupayaan untuk menangani kesemua faktor kompleks ini secara bersepadu dan holistik. Justeru, terdapat keperluan untuk kajian empirikal yang mengintegrasikan kedua-dua pendekatan dengan mengambil kira konteks sosiobudaya di SJKC bagi membangunkan dasar berasaskan bukti untuk pelaksanaan pendekatan modular yang berkesan di SJKC.

2.8.5 Kelemahan dan Cabaran Pelaksanaan Pendekatan Modular Secara Linear dan Bukan Linear dalam Konteks SJKC

Walaupun kedua-dua pendekatan modular secara linear dan bukan linear telah menunjukkan keberkesanan dalam pelbagai konteks pendidikan, namun setiap pendekatan mempunyai kelemahan dan cabaran tersendiri yang perlu diambil kira dalam pelaksanaannya. Pemahaman yang mendalam terhadap kelemahan setiap pendekatan adalah penting untuk membantu guru membuat keputusan yang tepat dalam memilih pendekatan yang paling sesuai dengan konteks pembelajaran mereka. Dalam konteks Pendidikan Islam di SJKC khususnya, kelemahan dan cabaran ini menjadi lebih kompleks kerana melibatkan faktor-faktor unik seperti kekangan masa pengajaran, kepelbagaian tahap penguasaan murid, kekurangan sumber dan infrastruktur, serta status minoriti murid muslim dalam persekitaran sekolah yang didominasi oleh budaya dan bahasa Cina.

2.8.5.1 Kelemahan Pendekatan Modular Secara Linear di SJKC

Pendekatan modular secara linear, walaupun terbukti berkesan dalam memastikan penguasaan asas yang mantap sebelum pelajar beralih ke peringkat seterusnya (Pomelov et al., 2025; Syu'aib & Husni, 2025), namun pelaksanaannya di SJKC menghadapi beberapa cabaran kritikal yang boleh menjejaskan keberkesanannya dalam konteks sekolah vernakular.

a) Kekurangan Fleksibiliti Masa Pengajaran

Salah satu kelemahan utama pendekatan modular secara linear adalah kekakuan struktur pembelajaran yang memerlukan murid mengikuti turutan pembelajaran yang ketat dan berperingkat mengikut hierarki yang telah ditetapkan. (Lu, 2025; Putri & Elizar, 2025). Dalam konteks SJKC yang menghadapi kekangan masa pengajaran yang signifikan - dengan peruntukan hanya 120 minit (4 waktu) untuk Tahap 1 dan 150 minit (5 waktu) untuk Tahap 2 berbanding 180 minit (6 waktu) di Sekolah Kebangsaan untuk kedua-dua tahap (BPK, 2021) - pendekatan linear ini menyukarkan guru untuk mengoptimumkan masa yang terhad.

Kekangan struktur secara linear ini memaksa guru untuk mengikuti turutan modul yang telah ditetapkan walaupun sesetengah murid mungkin sudah menguasai kandungan pada tahap tertentu atau memerlukan lebih masa untuk menguasai tahap asas. Rahman & Razak (2020) menyatakan bahawa kekangan waktu pengajaran yang sedikit di SJKC merupakan salah satu faktor utama yang mempengaruhi tahap pencapaian murid muslim dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Justeru, pendekatan modular secara linear yang tidak fleksibel ini boleh memburukkan lagi situasi dengan memaksa guru untuk menyelesaikan kandungan kurikulum mengikut turutan yang ditetapkan tanpa dapat menyesuaikan dengan keperluan sebenar murid atau mengoptimumkan masa pengajaran yang terhad.

b) Kurang Responsif terhadap Kepelbagaian Tahap Penguasaan Murid

Pendekatan modular linear cenderung menggunakan kaedah satu saiz untuk semua (*one-size-fits-all approach*) yang kurang mengambil kira kepelbagaian tahap penguasaan dan kebolehan murid dalam satu kelas (Titus, 2025). Dalam konteks SJKC,

kepelbagaian ini menjadi lebih ketara kerana murid muslim datang dari pelbagai latar belakang dengan tahap pendedahan Pendidikan Islam yang berbeza-beza. Sesetengah murid mungkin sudah mempunyai asas yang kukuh dalam bacaan al-Quran hasil daripada kelas agama di luar sekolah, manakala yang lain mungkin baru sahaja bermula.

Struktur hierarki yang ketat dalam pendekatan linear menyebabkan murid yang sudah menguasai sesuatu kemahiran terpaksa menunggu rakan sekelas yang masih memerlukan lebih masa untuk menguasainya sebelum boleh meneruskan ke peringkat seterusnya (Vuyk et al., 2024). Sebaliknya, murid yang perlahan mungkin berasa tertekan untuk mengikuti kadar pembelajaran yang ditetapkan walaupun mereka masih belum bersedia. Situasi ini boleh menjejaskan motivasi kedua-dua kumpulan murid dan seterusnya mempengaruhi keberkesanan pembelajaran Pendidikan Islam di SJKC.

c) Limitasi dalam Pembelajaran Holistik dan Pengintegrasian Kandungan

Pendekatan modular linear yang menekankan pembelajaran berturutan cenderung untuk memecahkan kandungan pembelajaran kepada unit-unit kecil yang dipelajari secara berasingan mengikut urutan yang ditetapkan (Makamure, 2025). Dalam Pendidikan Islam, tujuh bidang pembelajaran iaitu Al-Quran, Hadis, Aqidah, Ibadah, Sirah, Adab, dan Jawi (Mustaffa & Husain, 2022) sebenarnya saling berkait rapat dan perlu dipelajari secara bersepadu untuk pemahaman yang holistik.

Sebagai contoh, pembelajaran tajwid (bidang Al-Quran) berkait rapat dengan kemahiran menulis Jawi, bidang Akidah pula mempengaruhi bidang ibadah, dan bidang Adab boleh diintegrasikan dengan bidang Sirah. Walau bagaimanapun, struktur linear yang ketat menyukarkan guru untuk membuat pengintegrasian kandungan merentas bidang pembelajaran ini kerana terpaksa mengikuti turutan modul yang telah ditetapkan (Makamure, 2025). Hal ini boleh menyebabkan pembelajaran menjadi terpecah-pecah dan murid gagal melihat hubungan antara pelbagai aspek Pendidikan Islam dalam kehidupan seharian mereka.

d) Cabaran dalam Menangani Keperluan Pembelajaran Semasa

Pendekatan linear yang mengikut turutan tetap kurang fleksibel untuk menangani keperluan pembelajaran semasa atau isu-isu relevan yang timbul dalam kehidupan murid (Kirk & Ferguson, 2025). Sebagai contoh, jika terdapat peristiwa

penting dalam kalender Islam seperti bulan Ramadan, Hari Raya, atau peristiwa semasa yang berkaitan dengan akhlak Islamik, guru mungkin berhasrat untuk mengintegrasikan pembelajaran tersebut dalam pengajaran. Walau bagaimanapun, struktur linear yang ketat menyukarkan guru untuk melakukan penyesuaian ini kerana akan mengganggu turutan modul yang telah dirancang. Kekangan ini menghadkan peluang guru untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang bermakna, sedangkan pelajar memerlukan kurikulum yang responsif kepada konteks kehidupan sebenar mereka untuk membina kemahiran navigasi kehidupan yang berkesan (A Thehli, 2025).

Dalam konteks SJKC khususnya, di mana murid muslim adalah minoriti dalam persekitaran sekolah yang didominasi oleh budaya bukan Islam, peluang untuk mengaitkan pembelajaran Pendidikan Islam dengan peristiwa semasa dan konteks kehidupan sebenar murid adalah sangat penting untuk meningkatkan relevansi dan penghayatan ilmu agama (Mohamad & Razak, 2024). Pendekatan modular secara linear yang tidak fleksibel dalam aspek ini boleh menyebabkan pembelajaran Pendidikan Islam dilihat sebagai sesuatu yang terpisah daripada kehidupan seharian murid.

e) Kesukaran untuk Melaksanakan Pembelajaran Terbeza (Differentiated Instruction)

Pendekatan modular linear dengan struktur yang ketat menyukarkan pelaksanaan pengajaran terbeza yang merupakan salah satu kaedah kontemporari penting dalam pendidikan abad ke-21. Pengajaran terbeza meraikan kepelbagaian murid dengan mengubah suai penyampaian pengajaran mengikut perbezaan keupayaan dan kebolehan murid dalam satu kelas (Muttalip, 2020). [CARI RUJUKAN: Kajian tentang tension between linear sequence dan differentiated instruction].

Dalam konteks SJKC yang mempunyai murid dari pelbagai latar belakang dengan tahap penguasaan Pendidikan Islam yang sangat berbeza, keperluan untuk melaksanakan pengajaran terbeza adalah lebih kritikal. Walau bagaimanapun, struktur hierarki linear yang memerlukan semua murid melalui modul yang sama mengikut turutan yang sama menyukarkan guru untuk menyediakan laluan pembelajaran yang berbeza mengikut keperluan dan kebolehan setiap murid. Ini boleh menyebabkan murid yang lemah ketinggalan dan hilang motivasi, manakala murid yang pintar menjadi bosan kerana kadar pembelajaran yang terlalu perlahan untuk mereka.

2.8.5.2 Kelemahan Pendekatan Modular Secara Bukan Linear di SJKC

Pendekatan modular secara bukan linear, walaupun menawarkan fleksibiliti pembelajaran yang memenuhi kepelbagaian keperluan dan minat pelajar (Egorova et al., 2021) serta terbukti meningkatkan motivasi dan keyakinan membuat keputusan (Mehranmanesh et al., 2024), turut menghadapi cabaran tersendiri yang boleh menjejaskan keberkesanannya jika tidak dilaksanakan dengan perancangan yang teliti dan sistematik.

a) Cabaran Pentaksiran Berterusan dan Pemantauan Perkembangan Murid

Salah satu cabaran utama dalam pelaksanaan pendekatan modular secara bukan linear adalah kesukaran untuk melaksanakan pentaksiran berterusan yang berkesan. Rahman (2022) menegaskan bahawa pelaksanaan pendekatan modular menghadapi kekangan dalam membentuk kaedah pembelajaran dan pentaksiran berterusan melibatkan murid. Cabaran ini menjadi lebih kompleks dalam pendekatan bukan linear kerana murid mungkin berada pada modul yang berbeza-beza dalam masa yang sama, menjadikannya sukar bagi guru untuk memantau perkembangan setiap murid secara konsisten dan menyeluruh.

Dalam konteks SJKC yang menghadapi kekurangan guru Pendidikan Islam (Abdullah Hadi & Hamzah, 2020), cabaran pentaksiran berterusan ini menjadi lebih ketara. Seorang guru Pendidikan Islam di SJKC perlu mengajar murid dari pelbagai tahun dan kelas yang berbeza. Apabila setiap murid atau kumpulan murid berada pada modul yang berbeza dalam pendekatan modular secara bukan linear, guru perlu menyediakan pelbagai set pentaksiran, memantau pencapaian setiap murid dalam modul yang berbeza, dan memberikan maklum balas yang spesifik kepada setiap murid. Situasi ini merupakan satu tugas yang sangat mencabar dengan sumber guru yang terhad, sekaligus meningkatkan risiko keletihan guru dan menjejaskan kualiti pentaksiran yang dilaksanakan (Saktiyanayakan, 2023).

Kesukaran dalam pentaksiran berterusan ini boleh menyebabkan guru gagal mengesan murid yang tertinggal atau menghadapi kesukaran pembelajaran pada peringkat awal (Olinmah et al., 2023) Tanpa pemantauan yang ketat, murid mungkin meneruskan ke modul seterusnya tanpa menguasai dengan sempurna modul sebelumnya, seterusnya membina jurang pembelajaran yang semakin melebar.

b) Risiko Ketidakselarasan dan Jurang Pembelajaran

Pendekatan modular secara bukan linear yang membenarkan fleksibiliti dalam turutan pembelajaran membawa risiko ketidakselarasan dalam penguasaan ilmu dan pembentukan jurang pembelajaran jika tidak dirancang dengan teliti (Rohrig et al., 2021). Dalam Pendidikan Islam, sesetengah konsep dan kemahiran memerlukan penguasaan tertentu sebelum boleh dikuasai dengan berkesan. Sebagai contoh, dalam bidang al-Quran yang melibatkan kemahiran berlapis seperti bacaan, kefahaman dan hafazan yang memerlukan penguasaan secara berperingkat (Dzul kifli & Fakhrudin, 2024). Pemahaman tentang hukum tajwid memerlukan asas bacaan huruf Hijaiyah yang kukuh, dan pembelajaran tentang solat dalam bidang ibadah memerlukan pemahaman asas tentang konsep akidah. Situasi ini boleh menyebabkan pemahaman yang cetek dan tidak kukuh terhadap konsep-konsep penting dalam Pendidikan Islam. Dalam jangka panjang, jurang pembelajaran ini boleh menjejaskan kebolehan murid untuk menguasai ilmu Pendidikan Islam secara holistik dan mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian.

Risiko ketidakselarasan ini menjadi lebih kritikal dalam konteks SJKC di mana murid muslim menghadapi cabaran untuk menghayati dan mengamalkan ajaran Islam dalam persekitaran sekolah yang didominasi oleh budaya bukan Islam. Pemahaman yang terpecah-pecah dan tidak menyeluruh boleh memburukkan lagi situasi dan menyebabkan murid gagal membentuk identiti keagamaan yang kukuh.

c) Beban Perancangan dan Penyediaan Bahan Pengajaran

Pelaksanaan pendekatan modular secara bukan linear yang berkesan memerlukan perancangan yang sangat teliti dan penyediaan pelbagai bahan pengajaran untuk menampung kepelbagaian laluan pembelajaran yang akan diambil oleh murid (Barua & Locklee, 2025). Guru perlu merancang modul-modul pembelajaran yang pada masa sama dapat disambungkan dengan modul-modul lain dalam pelbagai kombinasi yang berbeza. Ini memerlukan usaha perancangan yang jauh lebih besar (Kulmagambetova et al., 2025) berbanding pendekatan modular secara linear yang mengikut satu turutan tetap.

Dalam konteks SJKC yang sudah menghadapi kekangan sumber dan kekurangan guru Pendidikan Islam berkecualan (KPM, 2023; Muhammad et al, 2022),

beban tambahan ini boleh menjadi sangat mencabar. Kajian oleh Abdullah Hadi & Hamzah (2020) menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam di SJKC sudah menghadapi pelbagai cabaran termasuk kekurangan bahan bantu mengajar yang sesuai dan ketiadaan kemudahan asas seperti surau untuk aktiviti keagamaan. Menambah lagi beban dengan keperluan untuk merancang dan menyediakan bahan untuk pendekatan modular secara bukan linear yang kompleks mungkin melampaui kapasiti guru yang sedia ada.

Justeru, walaupun kedua-dua pendekatan modular (linear dan bukan linear) mempunyai kelebihan masing-masing, pemilihan pendekatan yang paling sesuai untuk konteks SJKC memerlukan bukti empirikal yang kukuh melalui kajian perbandingan secara sistematik.

2.9 Jurang Kajian

Berdasarkan sorotan literatur yang telah dilakukan, terdapat beberapa gap yang ketara dalam kajian berkaitan pendekatan modular dalam Pendidikan Islam khususnya di SJKC.

Pertama, kekurangan kajian empirik yang khusus mengkaji keberkesanan pendekatan modular dalam konteks Pendidikan Islam di SJKC. Kajian oleh Rahman & Razak (2020); Abdullah Hadi & Hamzah (2020) dan Sharifudin (2022) mendapati bahawa pelaksanaan kajian Pendidikan Islam di SJKC masih kurang dilaksanakan. Majoriti kajian sedia ada hanya memfokuskan kepada pendekatan modular secara umum atau Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan sahaja.

Kedua, tiada kajian yang mengkaji secara mendalam impak pendekatan modular terhadap penguasaan kemahiran praktikal Pendidikan Islam dalam kalangan murid muslim di SJKC. Kajian sedia ada lebih menekankan aspek teoritikal dan kognitif, namun kurang memberi perhatian kepada kemahiran amali seperti bacaan al-Quran, solat, dan amalan ibadah harian yang merupakan komponen penting dalam Pendidikan Islam.

Ketiga, kekurangan kajian komparatif yang membandingkan keberkesanan pendekatan modular secara linear dan bukan linear dalam konteks SJKC. Walaupun kedua-dua pendekatan telah dibincangkan kelebihan dan kelemahannya dalam bahagian 2.8.5, namun tiada kajian empirikal yang mengukur secara sistematik perubahan tahap

penguasaan Pendidikan Islam sebelum dan selepas pelaksanaan setiap pendekatan melalui reka bentuk kuasi-eksperimental.

Kajian-kajian lepas dalam bidang Pendidikan Islam dan pendidikan secara umum di Malaysia lebih banyak memberi tumpuan kepada Sekolah Kebangsaan (SK) dan institusi pengajian tinggi yang dianggap sebagai institusi utama dalam sistem pendidikan negara (Leal Filho, 2022). Sekolah kebangsaan berperanan sebagai asas pendidikan formal, menyediakan pendidikan rendah dan menengah yang membentuk pengetahuan asas, nilai, dan kemahiran pelajar sebelum melangkah ke peringkat lebih tinggi. Institusi pengajian tinggi pula, seperti universiti dan kolej, memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan, inovasi, dan pertumbuhan ekonomi negara, dengan penekanan kepada penyelidikan, pembangunan kemahiran profesional, dan latihan kepimpinan (Maneejuk & Yamaka, 2021; Yusof et al., 2020).

Kajian berkaitan sekolah vernakular seperti SJKC dan SJKT lebih banyak menyorot sejarah, dasar pendidikan kolonial British dan peranan sekolah vernakular dalam konteks sosial dan politik (Othman & Mansor, 2021; Kho, 2024). Namun, berdasarkan sorotan literatur kajian-kajian lepas mendapati bahawa kajian berkaitan cabaran kontemporari murid muslim di sekolah vernakular, khususnya dalam pelaksanaan Pendidikan Islam, masih terhad.

Justeru, kajian ini diperlukan untuk mengatasi gap yang wujud dalam sorotan literatur dan memberi sumbangan bermakna kepada bidang Pendidikan Islam khususnya dalam konteks sekolah vernakular. Kekurangan kajian berkaitan pendekatan modular Pendidikan Islam di SJKC ini telah menyebabkan pemahaman yang terhad tentang keberkesanan pendekatan ini dalam konteks sekolah vernakular. Oleh itu, kajian empirikal yang mendalam perlu dilaksanakan untuk memahami keberkesanan pendekatan modular dalam meningkatkan pencapaian murid muslim di SJKC.

2.10 Rumusan

Sorotan Literatur dalam kajian ini mengulas secara mendalam konsep dan teori pendekatan modular dalam Pendidikan Islam yang merangkumi prinsip tadarruj (pembelajaran berperingkat) dan integrasi tiga teori utama iaitu teori pemikiran Ibn Khaldun dan teori konstruktivisme Vygotsky sebagai kerangka konseptual yang holistik. Bab ini turut menganalisis kesan pendekatan modular terhadap penguasaan

pembelajaran Pendidikan Islam di SJKC dengan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh murid muslim, serta membincangkan perbandingan keberkesanan pendekatan modular secara linear dan bukan linear dalam konteks Pendidikan Islam di SJKC. Analisis trend kajian dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini (2020-2025) menunjukkan peningkatan minimplementasi pendekatan modular dalam pendidikan abad ke-21, namun kajian khusus berkaitan Pendidikan Islam di SJKC masih terhad dengan kebanyakan penyelidikan lebih memfokuskan kepada sekolah kebangsaan dan institusi pengajian tinggi. Dari aspek metodologi, trend kajian menunjukkan penggunaan pendekatan kualitatif dan kuantitatif yang lebih seimbang, dengan peningkatan kajian empirikal berbanding kajian konseptual, namun masih kekurangan kajian komparatif dan kajian tindakan dalam konteks sekolah vernakular. Sorotan literatur ini mengenal pasti tiga jurang penyelidikan utama iaitu jurang populasi kajian (kekurangan kajian di SJKC), jurang praktikal-pengetahuan (jurang antara teori dan pelaksanaan pendekatan modular), dan jurang empirikal (kekurangan data empirikal berkaitan keberkesanan pendekatan modular dalam Pendidikan Islam di SJKC), yang memerlukan kajian empirikal komprehensif bagi membangunkan pendekatan pengajaran Pendidikan Islam yang berkesan di SJKC.

BAB 3

KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1 Pengenalan

Metodologi kajian dalam bab ini membincangkan kaedah pelaksanaan kajian merangkumi reka bentuk kajian, pensampelan, lokasi kajian, pembolehubah kajian, prosedur kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data, kaedah analisis data, dan limitasi kajian.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tindakan yang menggunakan teknik ujian pra-pasca bagi satu kumpulan. Reka bentuk ini dipilih kerana kajian tindakan adalah lebih sesuai dengan tujuan untuk menilai dan menambah baik amalan pengajaran secara sistematik melalui proses intervensi yang dirancang. Dalam kajian ini, satu kumpulan murid yang sama didedahkan kepada dua pendekatan pengajaran yang berbeza secara berturutan, iaitu pendekatan modular secara linear (Fasa 1) sebagai amalan kebiasaan, dan pendekatan modular secara bukan linear (Fasa 2) sebagai intervensi kajian. Teknik ujian pra-pasca digunakan untuk mengukur perubahan tahap penguasaan murid sebelum dan selepas intervensi dilaksanakan. Reka bentuk ini selari dengan Crotti et al. (2021) yang turut menggunakan kaedah yang sama dalam membuat penilaian keberkesanan pendekatan pengajaran secara linear dan bukan linear.

Kajian ini memberi fokus kepada proses PdPc bukan kepada pentaksiran. Objektif utama adalah untuk menilai keberkesanan pendekatan modular secara bukan linear dalam proses PdPc Pendidikan Islam di SJKC berbanding pendekatan modular secara linear. Pentaksiran lisan, pentaksiran bertulis dan pentaksiran amali digunakan sebagai instrumen pengukuran untuk menentukan tahap penguasaan murid hasil daripada kedua-dua pendekatan pengajaran yang berbeza. Pemilihan ketiga-tiga

komponen pentaksiran ini bukan bertujuan untuk mengkaji berkaitan pentaksiran, sebaliknya bertujuan untuk:

- a) Mengukur keberkesanan pendekatan pengajaran secara holistik.

Pendidikan Islam merangkumi domain kognitif (pengetahuan), afektif (komunikasi dan sikap), dan psikomotor (kemahiran amali). Justeru, tiga komponen pentaksiran diperlukan untuk mengukur pencapaian dalam ketiga-tiga domain ini (Mustaffa & Husain, 2022).

- b) Menepati amalan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) sedia ada.

Pentaksiran dalam kajian ini menggunakan kaedah PBD yang telah diimplementasi dalam sistem pendidikan Malaysia (BPK, 2019), memastikan kajian tidak mengganggu proses PdPc biasa di sekolah dan instrumen yang digunakan adalah relevan dengan amalan semasa guru.

- c) Mendapatkan data pencapaian yang komprehensif.

Penggunaan tiga komponen pentaksiran membolehkan penyelidik mengenal pasti kelebihan setiap pendekatan modular dalam aspek pembelajaran yang berbeza, sekaligus memberikan gambaran menyeluruh tentang tahap penguasaan murid.

Justeru, metodologi kajian ini bertumpu kepada perbezaan dalam pelaksanaan pendekatan modular secara linear dan bukan linear dari segi kandungan PdPc dan perbandingan keberkesanan kedua-dua pendekatan dengan menggunakan markah pentaksiran sebagai petunjuk keberkesanan pendekatan pengajaran yang dilaksanakan. Oleh itu, pentaksiran bukan fokus kajian tetapi merupakan alat untuk mengukur hasil pembelajaran daripada perbezaan pendekatan pengajaran yang dilaksanakan..

3.3 Pensampelan

3.3.1 Kaedah Pemilihan Sampel

Kaedah pemilihan sampel kajian ini menggunakan pensampelan banci dalam keadaan semua unit adalah homogenus. Homogeniti populasi ini merujuk kepada ciri-ciri asas yang serupa dalam kalangan murid muslim tahun satu (1) di SJKC Kuang Hwa, seperti pengalaman pendidikan formal, umur, dan pendedahan kepada kurikulum Pendidikan Islam. Pemilihan pensampelan banci ini membolehkan setiap murid mempunyai peluang yang sama untuk terlibat dalam kajian, sambil mengurangkan potensi kecenderungan tertentu dalam pemilihan sampel yang mungkin mempengaruhi hasil kajian. Kajian ini juga menggunakan reka bentuk intra-subjek (pengukuran berulang) untuk membandingkan keputusan ujian pra dan ujian pasca intervensi dalam eksperimen yang dijalankan. Pendekatan ini selaras dengan beberapa kajian terkini yang turut menggunakan pensampelan banci untuk menguji perubahan atau hasil yang berlaku selepas sesuatu tindakan dilaksanakan dengan membandingkan keputusan dengan sampel yang sama, antaranya kajian oleh Ketemaw dan Bekel (2020), Gilmore et al. (2022) dan Ebrahimi et al. (2021).

3.3.2 Kriteria Serta (Kemasukan atau *Inclusion*) dan Kriteria Singkir (Pengecualian atau *Exclusion*)

Jadual 3.1 memperincikan kriteria serta dan kriteria singkir yang digunakan bagi menentukan kesesuaian murid untuk dijadikan sampel kajian. Kriteria serta menetapkan bahawa murid mestilah beragama Islam, berada di Tahun Satu, berdaftar di SJKC Kuang Hwa, dan mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam. Pemilihan ini adalah selaras dengan objektif kajian yang ingin meneliti kesan pendekatan modular secara bukan linear terhadap tahap penguasaan Pendidikan Islam murid muslim di sekolah jenis kebangsaan Cina. Penekanan kepada murid Tahun Satu bertujuan untuk memastikan keseragaman tahap kognitif asas serta memudahkan pelaksanaan modul dalam fasa awal persekolahan.

Sebaliknya, kriteria singkir digunakan untuk memastikan keberkesanan intervensi dan ketepatan dapatan kajian. Murid yang mempunyai kehadiran tidak konsisten, tidak memperoleh persetujuan ibu bapa atau penjaga, atau berstatus tidak aktif akan dikecualikan daripada kajian bagi mengelakkan gangguan terhadap proses pengumpulan data. Begitu juga, murid yang terlibat dengan latihan kokurikulum semasa PdPc, bercuti sakit, atau sedang menjalani tindakan disiplin tertentu tidak akan disertakan bagi menjamin fokus dan keterlibatan menyeluruh sepanjang pelaksanaan kajian. Pendekatan ini penting bagi memastikan data yang diperoleh adalah sah, boleh dipercayai dan mencerminkan keberkesanan sebenar intervensi pengajaran yang dilaksanakan. Kriteria serta dan kriteria singkir dalam kajian ini diperincikan seperti berikut (Jadual 3.1):

Jadual 3.1

Kriteria Serta dan Kriteria Singkir

Kriteria Serta	Kriteria Singkir
i. Beragama Islam.	i. Mempunyai kehadiran yang tidak konsisten.
ii. Berada di tahun satu.	ii. Tidak mendapat persetujuan ibu bapa atau penjaga.
iii. Berdaftar di SJKC Kuang Hwa.	iii. Berstatus tidak aktif.
iv. Mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam.	iv. Terlibat dengan latihan kokurikulum ketika PdPc.
	v. Bercuti sakit.
	vi. Sedang menjalani tindakan disiplin tertentu.

3.3.3 Populasi dan Sampel

Murid muslim tahun satu (1) di SJKC Kuang Hwa Kuantan, Pahang terlibat sebagai sampel ($n=22$). Saiz sampel 30 kebiasaannya mencukupi untuk mendapatkan data yang sah (Chang et al., 2006). Kenyataan ini didapati konsisten dengan Chassan (1979) yang menyatakan jumlah subjek yang paling minimum dalam membuat perbandingan adalah sebanyak 20 hingga 25 subjek. Roscoe (1975) pula mengiktiraf jumlah minimum sebanyak 30 mencukupi dengan syarat-syarat yang mencukupi. Malah, 10 hingga 20 jumlah sampel juga mampu memberi keputusan yang ideal bagi sesebuah kajian. Jumlah sampel tersebut konsisten dengan Jackson (1988) yang

menyatakan bahawa kajian eksperimen boleh menggunakan saiz kumpulan yang paling kecil (yang sedia ada) sebagai saiz sampel. Jumlah sampel ini boleh ditentukan mengikut keadaan pada ketika itu tanpa perlu menetapkan jumlah saiz tertentu.

Walau bagaimanapun, menurut Clark et al. (2021), penyelidik tidak perlu memberi fokus kepada populasi tertentu untuk memulakan kajian eksploratori. Welch (1972) dan Shapson (1978) turut menyatakan bahawa eksperimen dalam pendidikan boleh dilaksanakan tanpa memerlukan populasi yang spesifik. Eksperimen Welch dalam menilai kurikulum dan Shapson dalam menilai kesan saiz bagi sesebuah kelas menunjukkan kebolehlaksanaan dan kebolehpercayaan tanpa memerlukan justifikasi pemilihan populasi tertentu. Kedua-dua kajian ini mencadangkan untuk eksperimen berkaitan pendidikan untuk memberi fokus kepada reka bentuk eksperimen dan pembolehubah yang digunakan berbanding keperluan mengetahui pemilihan populasi tertentu.

Peters (1941) dan Hedberg (2007) turut menyokong cadangan menjalankan eksperimen tanpa populasi tertentu. Walau bagaimanapun, Bracey (1999) mencadangkan saiz kelas yang lebih kecil akan memberi hasil dapatan yang lebih baik bagi eksperimen pendidikan. Pendapat tersebut bertepatan dengan Zendler et al. (2013) dalam menerangkan pendidikan eksperimental dari sudut teknikal yang menyatakan eksperimen dalam pendidikan kebiasaannya melibatkan saiz sampel yang kecil. Jadual 3.2 memaparkan jumlah murid muslim tahun satu di SJKC dan SJKT dalam daerah Kuantan, Pahang bagi sesi 2024/2025. SJKC Yoke Shian mempunyai jumlah murid muslim tahun satu paling ramai iaitu 40 orang diikuti SJKC Kuang Hwa, Kuantan seramai 22 orang murid:

Jadual 3.2

Jumlah Murid Muslim Tahun Satu di SJKC dan SJKT dalam Daerah Kuantan, Pahang Sesi 2024/2025

Nama Sekolah	Jumlah Murid	Jumlah Murid Muslim Tahun 1 (satu)
SJKC Pei Chai	1184	11
SJKC Kuang Hwa	808	22
SJKC Chung Ching	653	17
SJKC Chung Ching 2	608	8
SJKC Semambu	501	9
SJKC Kong Min	484	14

Nama Sekolah	Jumlah Murid	Jumlah Murid Muslim Tahun 1 (satu)
SJKC Taman Tas	387	17
SJKT Bandar Indera Mahkota	309	0
SJKC Yoke Shian	280	40
SJKC Pooi Ming	265	22
SJKC Gambang	188	21
SJKC Lembing	59	5
SJKT Ladang Jeram	46	1
SJKC Panching	38	3
SJKT Ladang Kuala Reman	38	0

Berdasarkan perincian jadual di atas, didapati bahawa SJKC Yoke Shian mempunyai jumlah murid muslim tahun satu yang paling ramai. Walau bagaimanapun, SJKC Kwang Hwa dipilih sebagai lokasi kajian berdasarkan justifikasi tambahan bagi konteks pelaksanaan kajian Pendidikan Islam yang mempertimbangkan aspek polisi, etika, praktikaliti, dan efisiensi sumber (masa, tenaga, kos). Berdasarkan faktor-faktor tersebut, SJKC Kwang Hwa merupakan pilihan yang lebih strategik dan lestari bagi pelaksanaan kajian pendekatan modular secara bukan linear dalam Pendidikan Islam berbanding SJKC Yoke Shian. Justifikasi tersebut diperincikan dalam Jadual 3.3 berikut:

Jadual 3.3

Perincian Justifikasi Pemilihan SJKC Kwang Hwa

Faktor	SJKC Kwang Hwa	SJKC Yoke Shian
Bilangan murid muslim	22 (optimum)	40 (besar, kompleks)
Akses / Logistik	Lebih mudah	Berpotensi jauh / sukar
Beban tenaga kerja	Terkawal	Memerlukan lebih tenaga
Kos masa & wang	Lebih rendah	Lebih tinggi
Isu etika & kerahsiaan	Mudah dikawal	Lebih mencabar
Kesediaan sekolah	Dikenal pasti positif	Tidak dinyatakan

Berikut disertakan huraian bagi setiap faktor yang menjadi justifikasi pemilihan SJKC Kwang Hwa, iaitu: (a) aspek polisi dan etika penyelidikan; (b) aspek praktikal: kebolehlaksanaan di sekolah; (c) aspek kos dan pengurusan masa; (d) aspek beban kerja dan tenaga manusia.

a) Aspek Polisi dan Etika Penyelidikan

Salah satu prinsip penting dalam penyelidikan pendidikan ialah menghormati prinsip kerahsiaan, kerelaan, dan kesejahteraan peserta. Pemilihan SJKC Kuang Hwa, yang memiliki bilangan murid muslim yang sederhana (22 orang), membolehkan pemantauan sendiri oleh guru dengan lebih mudah serta pematuhan lebih baik terhadap prosedur kelulusan etika yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan UiTM. Sebaliknya, jumlah besar seperti di SJKC Yoke Shian (40 murid) memerlukan prosedur tambahan dari segi pengurusan etika, pengawalan kumpulan intervensi dan kawalan, serta peningkatan risiko terhadap pelanggaran prinsip etika seperti kerahsiaan dan tekanan kumpulan.

b) Aspek Praktikal: Kebolehlaksanaan di Sekolah

Pelaksanaan kajian berasaskan pendekatan modular secara bukan linear memerlukan fleksibiliti jadual, ruang, dan masa pengajaran. SJKC Kuang Hwa dikenal pasti sebagai sekolah yang bersedia dari segi pelarasan waktu PdPc Pendidikan Islam, dengan jadual yang kurang padat dan keupayaan memberi laluan kepada intervensi penyelidikan tanpa gangguan besar kepada jadual keseluruhan sekolah.

c) Aspek Kos dan Pengurusan Masa

Dari sudut kecekapan kos dan masa, SJKC Kuang Hwa yang terletak berhampiran dengan kawasan kediaman penyelidik akan mengurangkan kos penyelidikan. Kajian tindakan atau intervensi berterusan memerlukan kehadiran fizikal secara konsisten selama beberapa minggu atau bulan, justeru pemilihan sekolah yang lebih dekat secara geografi adalah lebih menjimatkan dan praktikal. Penjimatan ini adalah signifikan dari segi kewangan dan kesihatan mental penyelidik.

3.4 Pelaksanaan dan Instrumentasi Kajian

3.4.1 Pelaksanaan Pendekatan Modular Secara Linear dan Bukan Linear

Kajian ini membandingkan dua pendekatan modular secara linear dan bukan linear (intervensi) yang berbeza dari segi penyusunan dan pelaksanaan kandungan pengajaran. Pendekatan modular secara linear (Fasa 1) merupakan amalan kebiasaan yang dilaksanakan dalam proses PdPc Pendidikan Islam di sekolah, termasuk SJKC berpandukan penyusunan tajuk dan bidang dari RPT Pendidikan Islam.

Standard Pembelajaran (SP), Standard Kandungan (SK) dan bidang pembelajaran mengikut RPT Pendidikan Islam tahun satu (1) yang digunakan dalam Fasa 1 dibentangkan secara terperinci dalam Bab 4 (Jadual 4.11). RPH mengikut peruntukan waktu pengajaran telah dibina mengandungi objektif, aktiviti dan refleksi (KPM, 1999). Bagi bidang Al-Quran, diperuntukkan 2 waktu, bidang Ulum (Akidah, Adab, Ibadah dan Sirah) 1 waktu dan bidang Jawi 1 waktu setiap minggu. Aspek pemilihan SP dan SK secara fleksibel dan adaptif merupakan pelaksanaan pendekatan modular secara bukan linear. Pembinaan 24 buah RPH bagi setiap bidang mengikut waktu pengajaran telah dilampirkan sebagai rujukan proses pelaksanaan Fasa 2. Perbezaan pemilihan tajuk antara pendekatan linear dan bukan linear menunjukkan fleksibiliti guru dalam memilih tajuk yang lebih sesuai dengan tahap penguasaan dan keperluan murid, dan perinciannya dibentangkan dalam Bab 4.

Pendekatan modular secara bukan linear (Fasa 2) pula merupakan pendekatan alternatif yang dicadangkan dalam kajian ini untuk mengatasi kekangan masa dan meningkatkan fleksibiliti pembelajaran. Perbandingan SK dan SP mengikut RPT Pendidikan Islam tahun satu (1) dan SK dan SP pendekatan modular secara bukan linear dibentangkan secara terperinci dalam Bab 4 (Jadual 4.21). RPH mengikut peruntukan waktu pengajaran telah dibina mengandungi objektif, aktiviti dan refleksi (KPM, 1999). Bagi bidang Al-Quran, diperuntukkan 2 waktu, bidang Ulum (Akidah, Adab, Ibadah dan Sirah) 1 waktu dan bidang Jawi 1 waktu setiap minggu. Aspek pemilihan SP dan SK secara fleksibel dan adaptif merupakan pelaksanaan pendekatan modular secara bukan linear. Pembinaan 24 buah RPH bagi setiap bidang mengikut waktu pengajaran telah dilampirkan sebagai rujukan proses pelaksanaan Fasa 2.

Lajur "SK dan SP Mengikut RPT" menunjukkan tajuk yang sepatutnya diajar secara berturutan mengikut RPT. Lajur "SK dan SP Pendekatan Modular Secara Bukan Linear" menunjukkan tajuk yang dipilih dan diajar berdasarkan kesesuaian dan keperluan murid, tidak mengikut turutan RPT.

Perbezaan pemilihan tajuk ini menunjukkan pelaksanaan pendekatan modular secara bukan linear yang memberi fleksibiliti kepada guru untuk memilih tajuk yang lebih sesuai dengan tahap penguasaan dan keperluan murid pada masa tersebut.

3.4.2 Pengumpulan Data

Pengumpulan data bagi kajian ini dilaksanakan dalam tempoh 20 minggu menggunakan pendekatan modular secara linear (Fasa 1) dan bukan linear (Fasa 2) sepanjang proses PdPc. Dalam kajian ini, ujian pra merujuk kepada pentaksiran yang dijalankan selepas pelaksanaan Fasa 1 (pendekatan modular secara linear). Pendekatan modular secara linear dipilih sebagai ujian pra kerana ia merupakan amalan kebiasaan dalam proses PdPc Pendidikan Islam yang mengikut RPT secara berturutan.

Manakala ujian pasca merujuk kepada pentaksiran yang dijalankan selepas pelaksanaan Fasa 2 (pendekatan modular secara bukan linear). Pendekatan modular secara bukan linear merupakan intervensi kajian yang dicadangkan sebagai alternatif kepada amalan kebiasaan.

Justeru, perbandingan antara ujian pra (hasil pendekatan modular secara linear) dan ujian pasca (hasil pendekatan modular secara bukan linear) membolehkan penyelidik menilai sama ada pendekatan modular secara bukan linear lebih berkesan berbanding pendekatan modular secara linear dalam meningkatkan tahap penguasaan Pendidikan Islam murid.

Data dikumpul menggunakan kertas soalan ujian pra dan kertas soalan ujian pasca sebagai instrumen utama kajian. Setiap kertas soalan mengandungi tiga komponen pentaksiran, iaitu: (a) pentaksiran lisan (menggunakan borang ujian lisan); (b) pentaksiran bertulis (menggunakan lembaran kerja); dan (c) pentaksiran amali (menggunakan borang penilaian amali).

a) Pentaksiran Lisan

Data dikumpul dengan menggunakan borang ujian lisan. Borang ujian lisan merupakan dokumen pentaksiran formatif secara lisan yang dilaksanakan pada akhir sesuatu unit pembelajaran bagi merekod tahap penguasaan murid yang diajar berdasarkan DSKP. Borang ujian lisan ini mengandungi senarai semak soalan lisan interaksi guru dan murid yang dilaksanakan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

b) Pentaksiran Bertulis

Data dikumpul dengan menggunakan lembaran kerja murid. Lembaran kerja murid merupakan dokumen pentaksiran formatif secara bertulis yang dilaksanakan pada akhir sesuatu unit pembelajaran bagi merekod tahap penguasaan murid yang diajar berdasarkan DSKP.

c) Pentaksiran Amali

Data dikumpul dengan menggunakan borang penilaian amali. Borang penilaian amali merupakan dokumen pentaksiran formatif mengandungi senarai semak secara pemerhatian yang dilaksanakan pada akhir sesuatu unit pembelajaran melibatkan amali Pendidikan Islam. Borang ini akan digunakan untuk merekod tahap penguasaan murid yang diajar berdasarkan DSKP.

Data bagi kajian dikumpulkan secara baharu dan khusus untuk tujuan kajian ini sahaja. Tiada data sedia ada atau data retrospektif digunakan. Pada peringkat awal, murid-murid terlebih dahulu mengikuti pembelajaran menggunakan pendekatan modular secara linear seperti yang biasa diamalkan dalam pengajaran sedia ada (Fasa 1). Ujian pra kemudiannya dijalankan untuk mendapatkan tahap penguasaan asas sebelum pelaksanaan intervensi. Seterusnya, murid-murid didedahkan dengan pendekatan modular secara bukan linear (Fasa 2). Ujian pasca dilaksanakan untuk mengukur perubahan penguasaan. Kesemua data dikumpulkan secara langsung melalui pentaksiran yang dirancang sepanjang tempoh kajian.

3.4.3 Pembinaan dan Pengesahan Instrumen Pentaksiran

Instrumen pentaksiran untuk kajian ini iaitu kertas soalan ujian pra dan kertas soalan ujian pasca dibina oleh penyelidik berdasarkan DSKP Pendidikan Islam Tahun Satu KSSR Semakan 2017. Setiap kertas soalan mengandungi tiga komponen pentaksiran, iaitu pentaksiran lisan dengan 10 item yang menilai bacaan dan hafazan Al-Quran, pentaksiran bertulis dengan 15 item yang mengukur kefahaman konsep bidang akidah, ibadah, sirah, jawi dan adab, dan pentaksiran amali dengan 8 item yang menilai pelaksanaan ibadah dan adab harian. Semua item dibina berdasarkan SK dan SP yang diajar dalam kedua-dua fasa (rujuk Jadual 4.11 dan 4.21 dalam Bab 4) untuk memastikan penjajaran antara pengajaran dan pentaksiran. Instrumen yang telah dibina telah melalui proses pengesahan kesahan dan kesesuaian oleh:

a) Guru Pendidikan Islam SJKC Kuang Hwa, Kuantan

Pengesahan pertama dilakukan oleh Guru Pendidikan Islam SJKC Kuang Hwa yang menggunakan instrumen dalam kelas. Guru tersebut menyemak dan mengesahkan kesesuaian instrumen dari aspek kebolegunaan dalam konteks bilik darjah sebenar, kesesuaian dengan tahap murid muslim tahun satu (1) di SJKC Kuang Hwa, Kuantan, masa yang diperlukan untuk melaksanakan pentaksiran, serta kejelasan arahan dan format instrumen.

b) Guru Cemerlang Pendidikan Islam

Pengesahan seterusnya pula melibatkan seorang Guru Cemerlang Pendidikan Islam sebagai pakar dalam bidang tersebut. Pengesahan pakar ini merangkumi penilaian terhadap kesahan kandungan iaitu penjajaran item dengan Standard Pembelajaran DSKP, kesahan dari segi kesesuaian format dan bahasa untuk murid muslim tahun satu (1) di SJKC, ketepatan kandungan dari sudut akidah, ibadah, sirah, adab dan Jawi, kepelbagaian jenis soalan dan aras kognitif, serta kesesuaian aras kesukaran item dengan tahap perkembangan kognitif murid. Oleh kerana fokus kajian adalah kepada proses PdPc dan bukan pentaksiran (seperti yang dinyatakan dalam 3.2), pengesahan aras kesukaran oleh pakar adalah mencukupi bagi tujuan kajian ini. Penambahbaikan

juga telah dibuat berdasarkan maklum balas daripada guru dan pakar sebelum instrumen digunakan dalam kajian sebenar.

c) Pegawai Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah(School Improvement Specialist Coaches+) Sains Sosial Pengkhususan Pendidikan Islam

Pengesahan tahap ketiga melibatkan seorang Pegawai SISC+ Sains Sosial Pengkhususan Pendidikan Islam dari Pejabat Pendidikan Daerah sebagai pakar dalam bidang kurikulum, pentaksiran dan pedagogi Pendidikan Islam. SISC+ merupakan jurulatih pengajaran sepenuh masa yang fokus kepada peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran guru serta pencapaian murid melalui bimbingan instruksional di sekolah (Kamarudin & Wahab, 2022; Poobalan et al., 2021). Pegawai SISC+ yang dilantik memiliki kepakaran khusus dalam Pendidikan Islam dan mempunyai pengalaman luas membimbing guru-guru Pendidikan Islam di pelbagai jenis sekolah termasuk sekolah vernakular di peringkat daerah. Pengesahan oleh SISC+ Pendidikan Islam merangkumi penilaian yang lebih luas dari aspek kesahan kandungan instrumen berdasarkan dasar dan inisiatif KPM, kesesuaian instrumen untuk konteks sekolah vernakular, kebolegunaan instrumen dalam pelaksanaan PdP sebenar dengan mengambil kira kekangan masa dan sumber di SJKC, kepelbagaian dan kualiti item pentaksiran merangkumi pelbagai aras kognitif, serta penjajaran instrumen dengan objektif kajian (Kamarudin & Wahab, 2022). Kepakaran SISC+ yang merangkumi pemahaman mendalam tentang dasar pendidikan, pengalaman coaching dan mentoring guru di pelbagai konteks sekolah, serta kecekapan menganalisis data pencapaian untuk tujuan intervensi menjadikan pengesahan oleh SISC+ sebagai satu lapisan validasi penting yang melengkapi pengesahan oleh guru pelaksana dan Guru Cemerlang (Poobalan et al., 2021).

Proses pengesahan melibatkan tiga (3) pakar ini memastikan instrumen pentaksiran mempunyai kesahan kandungan yang tinggi dan sesuai untuk mengukur tahap penguasaan Pendidikan Islam murid dalam konteks kajian ini. Dapatan pengesahan panel pakar ini dibentangkan secara terperinci dalam Bab 4. Penambahbaikan berdasarkan maklum balas ketiga-tiga pakar telah dilakukan sebelum instrumen digunakan dalam kajian sebenar. Jadual 3.4 menunjukkan ringkasan proses pengesahan instrumen pentaksiran oleh pakar:

Jadual 3.4

Ringkasan Proses Pengesahan Instrumen Pentaksiran Oleh Pakar

Pakar Pengesah	Aspek Pengesahan
Guru Pendidikan Islam SJKC Kuang Hwa, Kuantan	Kebolehgunaan dalam konteks bilik darjah
	Kesesuaian dengan tahap murid SJKC
	Masa pelaksanaan pentaksiran
	Kejelasan arahan dan format
Guru Cemerlang Pendidikan Islam	Kesahan kandungan (penjajaran dengan DSKP)
	Kesahan format dan bahasa
	Ketepatan kandungan mengikut SK dan SP
	Kepelbagaian jenis soalan dan aras kognitif
	Kesesuaian aras kesukaran item
SISC+ Pendidikan Islam	Kesahan dari perspektif dasar KPM
	Kesesuaian untuk konteks sekolah vernakular
	Kebolehgunaan dalam PdP sebenar
	Kepelbagaian dan kualiti item
	Penjajaran dengan objektif kajian

3.4.4 Analisis Data

Bagi proses analisis pula, perisian *IBM SPSS Statistics* digunakan. Perisian ini dipilih kerana kemampuannya dalam mengendalikan data kompleks daripada pelbagai sumber pengukuran dan menyediakan analisis statistik yang komprehensif untuk kajian berterusan dengan pengukuran berulang. Selain itu, *IBM SPSS Statistics* menyokong analisis deskriptif yang diperlukan untuk menganalisis hubungan antara ketiga-tiga jenis pentaksiran secara serentak, serta menyediakan output yang mudah diinterpretasi untuk memudahkan pelaporan hasil kajian.

3.5 Kaedah Analisis

3.5.1 Analisis Statistik Deskriptif

Analisis statistik deskriptif digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan gambaran awal tentang tahap penguasaan Pendidikan Islam murid muslim tahun satu (1) bagi kedua-dua Fasa 1 (pendekatan modular secara linear) dan Fasa 2 (pendekatan

modular secara bukan linear). Statistik deskriptif seperti min, sisihan piawai, peratus dan kekerapan digunakan untuk menganalisis data daripada tiga komponen pentaksiran iaitu pentaksiran lisan, pentaksiran bertulis dan pentaksiran amali. Analisis ini penting sebagai asas sebelum menjalankan ujian perbandingan dan membantu dalam memahami taburan data serta mengenal pasti corak prestasi murid. Perisian *IBM SPSS Statistics* digunakan untuk menjalankan analisis ini bagi mencapai Objektif Kajian 1, sekaligus memudahkan interpretasi yang bermakna terhadap kesan pendekatan modular dalam konteks pengajaran Pendidikan Islam di SJKC.

3.5.2 Ujian Wilcoxon Signed Rank

Seterusnya, ujian Wilcoxon Signed Rank sebagai analisis bukan parametrik digunakan untuk membanding tahap penguasaan Pendidikan Islam antara sampel bersandar Fasa 1 (pendekatan modular secara linear) dan Fasa 2 (pendekatan modular secara bukan linear). Pemilihan ujian ini tidak memerlukan ujian normaliti Shapiro-Wilk kerana kaedah pemilihan sampel yang digunakan ialah pensampelan banci yang tidak rawak. Kajian ini menggunakan set data berpasangan. Sampel yang sama diuji dengan dua keadaan berbeza (pendekatan modular secara linear dan bukan linear) untuk membandingkan prestasi murid dalam dua keadaan berbeza antara kedua-dua fasa. Ujian ini juga peka dalam mengesan perbezaan walaupun kecil, dan dapat menunjukkan arah perbezaan berdasarkan ranking. Selain itu, ujian ini sesuai untuk menilai keberkesanan pendekatan pengajaran baharu kerana tidak memerlukan andaian taburan normal. Walaupun terdapat peningkatan kecil dalam prestasi murid, Ujian Wilcoxon dapat menunjukkan perbandingan prestasi antara dua (2) fasa secara spesifik.

Ujian Wilcoxon Signed Rank dilakukan untuk membandingkan prestasi murid dalam dua cara bagi memberikan analisis yang komprehensif. Pertama, analisis keseluruhan dilakukan dengan membandingkan jumlah markah keseluruhan sebanyak 150 markah antara Fasa 1 dan Fasa 2 untuk menilai keberkesanan keseluruhan pendekatan modular.

Kedua, analisis berasingan mengikut domain dilakukan secara berasingan bagi setiap komponen pentaksiran kerana ketiga-tiga ujian ini berbeza dari sudut penguasaan yang diukur. Pentaksiran lisan yang membawa 50 markah mengukur penguasaan bacaan dan hafazan Al-Quran, manakala pentaksiran bertulis sebanyak 50 markah

mengukur penguasaan penulisan Jawi dan pemahaman konsep, dan pentaksiran amali dengan 50 markah pula mengukur penguasaan amalan ibadah dan adab. Pendekatan analisis berasingan ini membolehkan penyelidik mengenal pasti domain pentaksiran yang paling dipengaruhi oleh pendekatan modular secara bukan linear, sekaligus memberikan interpretasi yang spesifik tentang keberkesanan pendekatan tersebut.

3.5.3 Variabel dalam Analisis Data

Bahagian ini membincangkan variabel yang digunakan dalam analisis data eksperimen iaitu: (a) data ratio dan (b) sifat-sifat data.

a) Data Ratio

Data ratio dalam kajian ini merujuk kepada markah pentaksiran murid yang diukur menggunakan skala nombor. Ciri utama data ratio ialah mempunyai titik sifar yang bermakna, iaitu markah 0 menunjukkan murid tidak menguasai Pendidikan Islam langsung. Data ini membolehkan pengiraan matematik seperti tambah, tolak, darab dan bahagi kerana setiap markah mempunyai nilai sebenar. Sebagai contoh, murid yang mendapat markah 100 menguasai Pendidikan Islam dua kali lebih baik berbanding murid yang mendapat markah 50. Markah pentaksiran dalam kajian ini adalah antara 0 hingga 150, di mana setiap komponen pentaksiran (lisan, bertulis, amali) menyumbang maksimum 50 markah.

b) Sifat-sifat Data

Berdasarkan kajian ini, sifat-sifat data yang digunakan adalah data kuantitatif berbentuk markah numerik dengan skala pengukuran ratio dalam julat 0-150 yang mempunyai titik sifar mutlak dan membolehkan operasi matematik penuh. Struktur data adalah berpasangan kerana sampel yang sama ($n=22$) diuji dua kali menggunakan pendekatan modular secara linear dan bukan linear. Setiap pengukuran terdiri daripada tiga komponen pentaksiran iaitu pentaksiran lisan, pentaksiran bertulis dan pentaksiran amali dengan skor maksimum 50. Populasi kajian adalah homogen yang melibatkan

murid muslim tahun satu (1) di SJKC yang sama dengan kriteria serta dan singkir yang jelas.

3.6 Prosedur Kajian

Dalam pendekatan kajian ini, terdapat dua (2) objektif utama yang dirancang untuk mencapai hasil yang lebih komprehensif mengenai keberkesanan pendekatan modular dalam pengajaran Pendidikan Islam di SJKC. Objektif Kajian 1 melibatkan penilaian tahap penguasaan Pendidikan Islam murid sebelum (ujian pra) dan selepas (ujian pasca) pelaksanaan intervensi pengajaran pendekatan modular. Ujian pra dilaksanakan selepas Fasa 1 (pendekatan modular secara linear) yang mewakili amalan kebiasaan dalam pengajaran. Ujian pasca pula dilaksanakan selepas Fasa 2 (pendekatan modular secara bukan linear) yang merupakan intervensi kajian. Objektif Kajian 2 pula bertujuan untuk membandingkan tahap penguasaan Pendidikan Islam murid antara pelaksanaan pengajaran pendekatan modular secara linear (pra) dan pengajaran pendekatan modular secara bukan linear (pasca).

Proses pengumpulan data dilakukan melalui dua fasa pengajaran, iaitu Fasa 1 (pendekatan modular secara linear) diikuti dengan Fasa 2 (pendekatan modular secara bukan linear) yang melibatkan 22 orang murid muslim tahun satu di SJKC Kuang Hwa, Kuantan. Data yang terkumpul ini kemudiannya telah melalui proses analisis statistik deskriptif menggunakan perisian IBM SPSS Statistics untuk menilai tahap penguasaan Pendidikan Islam daripada kedua-dua pendekatan yang digunakan dalam PdPc. Hasil daripada analisis Objektif 1 ini dibandingkan melalui ujian Wilcoxon Signed Rank untuk mencapai Objektif 2.

Tambahan pula, setiap fasa mempunyai objektif dan aktiviti yang spesifik bagi memastikan kajian ini dapat dijalankan dengan sistematik dan berkesan. Berikut merupakan fasa prosedur pelaksanaan kajian, iaitu: (a) fasa 1: persiapan dan kelulusan kajian; (b) fasa 2: taklimat dan persediaan pelaksanaan; (c) fasa 3: pelaksanaan Fasa 1 (pelaksanaan pendekatan modular secara linear dalam PdPc) dan pengumpulan data ujian pra; (d) fasa 4: tempoh penyesuaian; (e) fasa 5: pelaksanaan Fasa 2 (pelaksanaan pendekatan modular secara bukan linear dalam PdPc) dan pengumpulan data ujian pasca; dan (f) fasa 6: analisis data dan pelaporan.

3.6.1 Fasa 1: Penentuan Sampel dan Kelulusan Kajian

Pada fasa 1 (satu), penyelidik menjalankan aktiviti persiapan yang merangkumi penentuan sampel kajian dan mendapatkan kelulusan etika yang diperlukan. Sampel kajian dipilih dari kalangan murid muslim tahun satu di SJKC Kuang Hwa, Kuantan menggunakan kaedah pensampelan banci. Kelulusan etika penyelidikan diperolehi daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui sistem *Research Ethics Depository* (RED) UiTM dan *Educational Research Application System* (eRAS) KPM untuk memastikan kajian ini mematuhi piawaian etika penyelidikan yang ditetapkan.

3.6.2 Fasa 2: Taklimat dan Persediaan Pelaksanaan

Fasa 2 (dua) melibatkan taklimat komprehensif kepada guru Pendidikan Islam di SJKC Kuang Hwa, Kuantan mengenai pelaksanaan proses PdPc bagi kedua-dua kumpulan dalam kajian ini. Taklimat merangkumi panduan pelaksanaan pendekatan modular secara linear, tempoh penyesuaian dan pelaksanaan pendekatan modular secara bukan linear, iaitu:

- a) Tempoh pelaksanaan ditetapkan selama 4 waktu seminggu dengan setiap waktu berlangsung selama 30 minit. Kedua-dua pelaksanaan pendekatan modular secara linear dan bukan linear menjalani proses PdPc selama 8 minggu persekolahan, manakala tempoh penyesuaian intervensi berlangsung selama 4 minggu.
- b) Panduan pelaksanaan berpandukan Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tahun Satu Pendidikan Islam. Tempoh penyesuaian bertujuan sebagai latihan kepada guru untuk mengaplikasi pendekatan modular secara bukan linear dalam proses PdPc.
- c) Pendekatan yang digunakan berbeza antara kedua-dua fasa. Fasa 1 menggunakan pendekatan modular secara linear yang merupakan amalan kebiasaan dalam proses PdPc. Pengajaran berlangsung mengikut turutan

sukatan yang ditetapkan berpandukan RPT dan DSKP Tahun Satu Pendidikan Islam. Manakala untuk tempoh penyesuaian dan Fasa 2, pendekatan modular secara bukan linear sebagai intervensi kajian digunakan dengan proses PdPc berlangsung mengikut kesesuaian dan fleksibiliti yang ditentukan oleh guru Pendidikan Islam berdasarkan keadaan kelas dan murid dengan tetap berpandukan DSKP Tahun Satu Pendidikan Islam.

- d) Jenis pentaksiran yang dilaksanakan merangkumi pentaksiran lisan, pentaksiran amali, dan pentaksiran bertulis. Kaedah pentaksiran menggunakan penilaian formatif dan sumatif mengikut bidang dalam Pendidikan Islam. Semua pentaksiran direkod menggunakan kertas soalan ujian pra dan kertas soalan ujian pasca yang telah dibina khusus untuk kajian ini, merangkumi komponen lisan, amali, dan bertulis.

3.6.3 Fasa 3: Pelaksanaan Pendekatan Modular Secara Linear dan Pengumpulan Data Ujian Pra Objektif Kajian 1

Fasa 3 (tiga) melibatkan pelaksanaan proses PdPc pendekatan modular secara linear. Pada masa yang sama, Selepas 8 minggu pelaksanaan, ujian pra dijalankan untuk merekod tahap penguasaan murid bagi perbandingan dengan pendekatan intervensi. Data ujian pra ini memenuhi sebahagian daripada Objektif Kajian 1.

3.6.4 Fasa 4: Tempoh Penyesuaian Kumpulan Rawatan

Fasa 4 (empat) adalah tempoh penyesuaian. Guru menjalani latihan praktikal mengaplikasi pendekatan modular secara bukan linear untuk intervensi. Tempoh ini penting untuk memastikan guru dapat menguasai pendekatan baharu sebelum pelaksanaan intervensi kajian.

3.6.5 Fasa 5: Pelaksanaan Intervensi dan Pengumpulan Data Objektif Kajian 2

Fasa 5 (lima) melibatkan pelaksanaan proses PdPc pendekatan modular secara bukan linear. Pendekatan ini merupakan intervensi kajian. Selepas 8 minggu, ujian pasca dijalankan untuk merekod tahap penguasaan murid. Data ujian pasca ini melengkapkan Objektif Kajian 2 dan akan dibandingkan dengan ujian pra untuk mencapai Objektif Kajian 3.

3.6.6 Fasa 6: Analisis Perbandingan Data Objektif Kajian 3 dan Pelaporan

Fasa 6 (enam) merangkumi analisis komprehensif perbandingan terhadap data untuk Objektif Kajian 3 yang telah dikumpul. Analisis deskriptif dijalankan untuk kedua-dua set data ujian pra dan ujian pasca bagi memahami taburan dan ciri-ciri data. Seterusnya, Ujian Wilcoxon Signed-Rank dilaksanakan untuk menentukan perbezaan yang signifikan antara ujian pra (pelaksanaan pendekatan modular secara linear) dan ujian pasca (pelaksanaan pendekatan modular secara bukan linear) bagi menilai keberkesanan intervensi berbanding amalan kebiasaan dalam pengajaran Pendidikan Islam. Jadual dibawah (Jadual 3.5) menunjukkan ringkasan prosedur pelaksanaan kajian yang telah dilaksanakan dalam 6 (enam) fasa yang berturutan:

Jadual 3.5


Ringkasan Prosedur Pelaksanaan Kajian

Fasa	Aktiviti
1	i. Penentuan sampel kajian dari kalangan murid muslim tahun satu di SJKC Kuang Hwa, Kuantan menggunakan pensampelan banci. ii. Kelulusan etika penyelidikan dari UiTM dan KPM.
2	Taklimat pelaksanaan proses PdPc pendekatan modular secara linear, tempoh penyesuaian dan pendekatan modular secara linear (intervensi) kepada guru Pendidikan Islam SJKC Kuang Hwa, Kuantan: i. Tempoh pelaksanaan sebanyak 4 waktu seminggu (30 minit 1 waktu). Pendekatan modular secara linear dan pendekatan intervensi berlangsung selama 8 minggu persekolahan. Tempoh penyesuaian kepada pendekatan intervensi berlangsung selama 4 minggu. ii. Pelaksanaan berpandukan Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) dan DSKP Tahun Satu Pendidikan Islam sebagai tempoh penyesuaian latihan guru mengaplikasi pendekatan intervensi dalam proses PdPc. iii. Tempoh penyesuaian dan pelaksanaan pendekatan intervensi: Proses PdPc berlangsung mengikut kesesuaian dan fleksibiliti yang ditentukan oleh guru

Fasa	Aktiviti
	Pendidikan Islam berdasarkan keadaan kelas dan murid berpandukan DSKP Tahun Satu Pendidikan Islam.
	iv. Jenis pentaksiran yang dilaksanakan merangkumi pentaksiran lisan, pentaksiran amali, dan pentaksiran bertulis dengan menggunakan kaedah penilaian formatif dan sumatif mengikut bidang dalam Pendidikan Islam. Perekodan data melalui borang ujian lisan, borang penilaian amali dan lembaran kerja.
3	i. Pelaksanaan proses PdPc pendekatan modular secara linear ii. Pengumpulan data ujian pra bagi Objektif 1.
4	Pelaksanaan tempoh penyesuaian pelaksanaan proses PdPc pendekatan intervensi.
5	i. Pelaksanaan proses PdPc pendekatan intervensi. ii. Pengumpulan data ujian pasca bagi Objektif 1.
	Analisis data:
6	i. Analisis deskriptif ujian pra dan pasca bagi Objektif 1 dan Objektif 2. ii. Analisis Ujian Wilcoxon Signed-Rank untuk Objektif 3.

3.6.7 Carta Alir

Proses prosedur kajian ini diringkaskan seperti berikut (Rajah 3.1):



Rajah 3.1 Carta Alir Prosedur Kajian

3.7 Limitasi Kajian

Kajian ini turut dipengaruhi oleh beberapa faktor luar kawalan. Faktor luar kawalan yang merupakan limitasi kajian turut dibincangkan kerana ia akan mempengaruhi keputusan akhir dan rumusan dapatan kajian (Ross & Zaidi, 2019). Limitasi kajian ini adalah: (a) Saiz sampel yang kecil; (b) limitasi kawalan

eksperimental; (c) cabaran pelaksanaan dan konsistensi; (d) kekangan pembinaan instrumen penilaian; (e) isu validiti kajian.

3.7.1 Saiz sampel yang kecil

Kajian ini menggunakan sampel kecil sebanyak 22 orang murid muslim tahun satu di SJKC Kuang Hwa, Kuantan kerana populasi murid muslim di SJKC yang sedia kecil berbanding sekolah kebangsaan. Saiz sampel yang terhad ini mengurangkan kebolehgeneralisasian dapatan kajian kepada populasi yang lebih luas. Walau bagaimanapun, penggunaan ujian bukan parametrik seperti Wilcoxon Signed Rank adalah sesuai untuk saiz sampel kecil kerana tidak memerlukan andaian tentang taburan populasi.

3.7.2 Limitasi kawalan eksperimental

Kajian ini menghadapi cabaran dalam mengawal pembolehubah luaran yang boleh mempengaruhi hasil kajian. Kesukaran dalam melaksanakan pensampelan rawak sebenar dan pembentukan dua (2) kumpulan yang setara telah menghadkan keupayaan kajian untuk mengawal sepenuhnya pembolehubah seperti jantina, tahap kesediaan belajar, dan perbezaan individu murid. Selain itu, faktor-faktor luaran seperti persekitaran rumah, status sosioekonomi keluarga, dan pengalaman pembelajaran terdahulu murid tidak dapat dikawal dengan sempurna. Untuk mengatasi limitasi ini, kajian menggunakan reka bentuk *within-subject* dengan sampel yang sama untuk ujian pra dan pasca. Reka bentuk tersebut membolehkan setiap murid bertindak sebagai kawalan untuk diri mereka sendiri dan mengurangkan pengaruh perbezaan individu antara kumpulan.

3.7.3 Cabaran pelaksanaan dan konsistensi

Pelaksanaan kajian menghadapi beberapa cabaran yang mempengaruhi konsistensi dan ketersediaan guru. Keberadaan guru Pendidikan Islam di SJKC adalah terhad dan ketiadaan guru disebabkan kursus, bengkel, atau cuti boleh mengganggu

pelaksanaan mata pelajaran kerana tiada guru ganti beragama Islam. Aktiviti persekolahan luar bilik darjah seperti sambutan perayaan, ceramah motivasi, dan program panitia turut menjejaskan konsistensi jadual pengajaran dan pembelajaran. Tambahan pula, perkembangan kognitif murid yang berlaku secara beransur-ansur dan pendedahan kepada kedua-dua pendekatan modular boleh mewujudkan kesan pembelajaran bersilang yang mempengaruhi prestasi. Untuk menangani cabaran ini, tempoh pelaksanaan dan pengumpulan data dipanjangkan untuk memberikan fleksibiliti jadual, tempoh penyesuaian selama empat minggu disediakan untuk membolehkan murid menyesuaikan diri dengan pendekatan baharu, dan sampel dipilih berdasarkan ciri-ciri homogen murid muslim tahun satu (1) di SJKC dengan latar belakang Pendidikan Islam yang setara untuk mengurangkan variasi awal dalam tahap pengetahuan.

3.7.4 Kekangan Pemilihan Tajuk PdPc Pendekatan Modular Secara Bukan Linear dan Pembinaan Instrumen Pentaksiran

Berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan oleh sistem permohonan menjalankan penyelidikan (eRAS 2.0), kajian lapangan di sekolah hendaklah dipastikan tidak mengganggu perjalanan pentadbiran, takwim dan aktiviti sekolah serta proses PdPc guru-murid. Pembinaan instrumen pentaksiran ujian pra dan pasca dan pemilihan tajuk bagi proses PdPc pendekatan intervensi dalam kajian ini telah dibina oleh penyelidik berdasarkan DSKP Pendidikan Islam Tahun Satu dan KSSR Semakan 2017. Walau bagaimanapun, terdapat kekangan dari segi proses pengesahan dan penyesuaian instrument dan tajuk dengan konteks sebenar bilik darjah.

Bagi mengawal limitasi ini penyelidik telah berkolaborasi bersama guru Pendidikan Islam di SJKC Kuang Hwa, Kuantan yang mengajar tahun satu (1). Penilaian kesahan dan kesesuaian pemilihan tajuk adalah berdasarkan pertimbangan profesional guru Pendidikan Islam tersebut. Susunan tajuk pembelajaran untuk pendekatan modular linear dan bukan linear yang dirancang oleh penyelidik disahkan oleh guru Pendidikan Islam dan Guru Cemerlang Pendidikan Islam dari aspek kesesuaian dengan konteks SJKC, kebolehlaksanaan dalam jadual pengajaran, dan penjajaran dengan DSKP.

3.7.5 Isu Validiti Kajian

Kajian ini berpotensi menghadapi isu validiti dalaman dan luaran yang boleh menjejaskan ketepatan dan kebolehgunaan dapatan. Kesan Hawthorne dan reaktiviti peserta mungkin berlaku apabila murid dan guru mengubah tingkah laku mereka secara tidak sedar kerana mengetahui bahawa mereka sedang dikaji, seterusnya menjejaskan keaslian data yang dikumpul. Dari aspek validiti ekologi pula, pengajaran eksperimental yang dilaksanakan mungkin tidak mencerminkan sepenuhnya realiti amalan pengajaran harian yang sebenar. Justeru menimbulkan persoalan tentang sejauh mana dapatan kajian boleh diaplikasi dalam konteks pengajaran biasa. Untuk meminimumkan isu ini, murid tidak diberitahu secara eksplisit tentang pelaksanaan kajian, proses PdPc dijalankan dalam persekitaran bilik darjah sebenar menggunakan jadual waktu dan sumber sedia ada di sekolah, tempoh penyesuaian yang mencukupi disediakan sebelum pengumpulan data sebenar, dan pentaksiran dilaksanakan sebagai sebahagian daripada proses PdPc biasa menggunakan instrumen yang sama format dengan pentaksiran formatif harian, bagi mengurangkan kesedaran murid bahawa mereka sedang dikaji.

3.8 Rumusan

Bab 3 ini memberikan gambaran menyeluruh tentang metodologi kajian yang menggunakan reka bentuk kajian tindakan melalui pengukuran berulang untuk menilai keberkesanan pendekatan modular secara linear dan bukan linear dalam proses PdPc Pendidikan Islam. Kajian ini melibatkan 22 orang murid muslim tahun satu di SJKC Kuang Hwa, Kuantan yang dipilih melalui pensampelan banci dengan kriteria serta dan singkir yang jelas. Pengumpulan data dilaksanakan dalam tempoh 20 minggu menggunakan kertas soalan ujian pra dan ujian pasca yang dibina berdasarkan DSKP Pendidikan Islam. Seterusnya, analisis data menggunakan statistik deskriptif dan ujian Wilcoxon Signed Rank melalui perisian IBM SPSS bagi menguji hipotesis kajian yang melibatkan perbandingan tahap penguasaan antara ujian pra dan ujian pasca. Prosedur kajian pula dilaksanakan dalam enam fasa berturutan bermula dengan persiapan dan kelulusan kajian, taklimat pelaksanaan, pelaksanaan Fasa 1 (pendekatan modular secara linear), tempoh penyesuaian, pelaksanaan Fasa 2 (pendekatan modular secara bukan linear), hingga analisis data dan pelaporan. Akhir sekali, limitasi kajian telah dikenal

pasti berserta strategi penyelesaian untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian.

BAB 4

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membentangkan keputusan dan perbincangan bagi ketiga-tiga objektif kajian. Seperti yang telah dijelaskan dalam Bab 3 (Seksyen 3.2), kajian ini memberi fokus kepada keberkesanan pendekatan modular dalam PdPc Pendidikan Islam melalui pelaksanaan dua fasa, iaitu pendekatan modular secara linear (Fasa 1) dan pendekatan modular secara bukan linear (Fasa 2). Pentaksiran lisan, pentaksiran bertulis, dan pentaksiran amali berfungsi sebagai instrumen pengukuran untuk menilai tahap penguasaan murid dalam setiap fasa.

Analisis data yang dibentangkan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian:

- i) Apakah tahap penguasaan Pendidikan Islam murid di SJKC sebelum pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam secara modular?
- ii) Apakah tahap penguasaan Pendidikan Islam murid di SJKC selepas pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam secara modular?
- iii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penguasaan Pendidikan Islam murid berdasarkan pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam secara modular di SJKC?

Bab ini membentangkan keputusan dan perbincangan bagi ketiga-tiga objektif kajian, iaitu: (a) Objektif Kajian 1; (b) Objektif Kajian 2; dan (c) Objektif Kajian 3. Analisis data Objektif Kajian 1 memaparkan tahap penguasaan Pendidikan Islam murid bagi Fasa 1 Ujian Pra (pendekatan modular secara linear) secara statistik deskriptif. Analisis data Objektif Kajian 2 pula memaparkan tahap penguasaan Pendidikan Islam

murid bagi Fasa 2 Ujian Pasca (pendekatan modular secara bukan linear) secara statistik deskriptif. Manakala analisis data Objektif Kajian 3 memaparkan perbandingan tahap penguasaan Pendidikan Islam murid antara Fasa 1 Ujian Pra (pendekatan modular secara linear) dan Fasa 2 Ujian Pasca (pendekatan modular secara bukan linear).

4.2 Senarai Singkatan Istilah Kajian

Bagi memudahkan pembacaan dan kefahaman dalam bab ini, jadual berikut menunjukkan senarai singkatan bagi istilah-istilah kajian yang digunakan sepanjang Bab 4 (Jadual 4.1):

Jadual 4.1
Singkatan Istilah Kajian

Singkatan	Istilah Kajian
K1	Fasa 1 Ujian Pra (pendekatan modular secara linear)
R1	Fasa 2 Ujian Pasca (pendekatan modular secara bukan linear)
PLK	Pentaksiran Lisan Ujian Pra
PBK	Pentaksiran Bertulis Ujian Pra
PAK	Pentaksiran Amali Ujian Pra
PLR	Pentaksiran Lisan Ujian Pasca
PBR	Pentaksiran Bertulis Ujian Pasca
PAR	Pentaksiran Amali Ujian Pasca

4.3 Dapatan Pengesahan Panel Pakar

Instrumen pentaksiran yang digunakan dalam kajian ini telah melalui proses pengesahan yang ketat untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data yang dikumpul. Seperti yang telah dihuraikan dalam Bab 3 (Seksyen 3.4.3), kesahan kandungan instrumen pentaksiran telah disahkan oleh:

- i) Guru Pendidikan Islam di SJKC Kuang Hwa yang melaksanakan pengajaran
- ii) Guru Cemerlang Pendidikan Islam
- iii) Pegawai Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (School Improvement Specialist Coaches+) Sains Sosial Pengkhususan Pendidikan Islam

Proses pengesahan ini memastikan item-item pentaksiran adalah selaras dengan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam DSKP Pendidikan Islam Tahun 1, sekaligus menjamin kesahan konstruk dan kesahan kandungan instrumen. Proses pengesahan ini melibatkan dua set borang pengesahan yang berasingan, iaitu: (a) Borang Pengesahan Instrumen Kajian untuk menilai kesahan kandungan, konstruk instrumen, dan kesesuaian instrumen untuk sampel kajian; dan (b) Borang Pengesahan Pembinaan RPH dan Pemilihan Tajuk Pengajaran untuk mengesahkan kesesuaian RPH dan pemilihan tajuk bagi pendekatan modular secara linear dan bukan linear. Jadual 4.2 menunjukkan dapatan pengesahan instrumen pentaksiran oleh ketiga-tiga panel pakar:

Jadual 4.2

Dapatan Pengesahan Pakar Bagi Instrumen Pentaksiran

Aspek Pengesahan	Item	Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3
Kesahan Kandungan	Item mengukur konstruk yang sepatutnya diukur	/	/	/
	Item mencukupi mewakili domain PI yang dikaji	/	/	-
	Kandungan menepati DSKP KSSR Semakan 2017	/	/	/
Konstruk Instrumen	Struktur instrumen jelas dan mudah difahami	/	/	-
	Rubrik penskoran sesuai dan jelas	/	/	/
	Format memudahkan pentadbiran dan penskoran	/	/	/
	Pembahagian markah/skor munasabah	/	/	/
Kesesuaian Sampel	Tahap kesukaran sesuai untuk murid Tahun 1 SJKC	/	/	-
	Bahasa mudah difahami oleh murid sasaran	/	/	/
	Arahan jelas dan mudah diikuti	/	/	/
	Masa yang diperuntukkan mencukupi	/	/	-
Keputusan		Boleh digunakan	Boleh digunakan	Boleh digunakan

Berdasarkan Jadual 4.2, ketiga-tiga (3) panel pakar memutuskan instrumen pentaksiran kajian ini boleh digunakan. Panel 3 (Guru Cemerlang) memberikan cadangan penambahbaikan supaya menyemak ejaan dan pilihan jawapan pada soalan, menyemak ketepatan soalan bahagian Sirah, dan membesarkan font huruf Jawi agar lebih jelas. Kesemua cadangan penambahbaikan ini telah dilaksanakan sebelum instrumen digunakan dalam kajian.

Jadual 4.3 pula menunjukkan dapatan pengesahan RPH bagi kedua-dua pendekatan modular.

Jadual 4.3

Dapatan Pengesahan Pakar Bagi Instrumen Pentaksiran

Aspek Pengesahan RPH	Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3
RPH menepati RPT Pendidikan Islam Tahun 1 bagi tahun 2025 (pendekatan linear)	/	/	/
RPH menepati KSSR Semakan 2017 PI (pendekatan bukan linear)	/	/	/
Sesuai digunakan dalam PdPc PI Tahun 1 di SJKC Kuang Hwa, Kuantan	/	/	/
Cadangan Panel	Tiada cadangan	Pendekatan yang sangat sesuai kerana mengikut kesesuaian tahap penguasaan murid	Tiada cadangan
Keputusan	Boleh digunakan		

Dapatan pengesahan panel pakar membuktikan bahawa instrumen pentaksiran dan RPH yang digunakan dalam kajian ini mempunyai kesahan kandungan dan konstruk yang tinggi. Maklum balas Panel 2 (SISC+) yang menyatakan bahawa pendekatan ini sangat sesuai kerana mengikut kesesuaian tahap penguasaan murid turut menyokong rasional penggunaan pendekatan modular secara bukan linear dalam kajian ini. Cadangan Panel 2 terhadap instrumen yang menekankan kesesuaian dalam memilih kaedah yang memerlukan keluwesan dan pedagogi terbeza juga mengesahkan bahawa reka bentuk kajian ini adalah relevan dan menepati sasaran.

Kebolehpercayaan data kajian ini pula diperkukuh melalui penggunaan rubrik penskoran yang sama untuk semua murid, pelaksanaan pentaksiran oleh guru yang sama untuk kedua-dua fasa, dan rekod pentaksiran yang lengkap dan sistematik.

Jadual 4.4

Perbandingan Pelaksanaan Pendekatan Modular Fasa 1 (Linear) dan Fasa 2 (Bukan Linear)

Aspek	Fasa 1: Modular Linear (Ujian Pra)	Fasa 2: Modular Bukan Linear (Ujian Pasca)
Urutan Topik	Mengikut turutan RPT secara ketat	Fleksibel, tidak mengikut turutan RPT
Pemilihan SK/SP	Ditetapkan mengikut RPT berdasarkan DSKP	Berdasarkan pertimbangan profesional guru dan kesediaan murid
Al-Quran	SP 1.1–1.2: Bacaan huruf hijaiyah (fathah, kasrah, dhommah, bersambung, mad)	SP 2.1–2.2: Hafazan Surah Al-Fatihah & Al-Ikhlas (lebih relevan untuk solat harian)
Akidah	SP 3.1: Rukun Iman (pengertian, senarai, kepentingan, keyakinan)	SP 3.2: Rukun Islam (keseluruhan 4 SP digabung — murid faham asas Islam secara menyeluruh)
Ibadah	SP 4.1: Air mutlak (bahagian, jenis, kegunaan, adab penggunaan air)	SP 4.3.6–4.3.7: Cara berwudhu' & melazimi wudhu' (lebih mendesak untuk murid yang belajar solat)

Sirah	SP 5.1: Salasilah & kisah kelahiran Nabi Muhammad SAW	SP 5.2.1–5.2.4: Sifat Siddiq Nabi Muhammad SAW (lebih relevan untuk pembentukan akhlak murid)
Adab	SP 6.1: Adab menjaga kebersihan diri (pengertian, adab, kepentingan, amalan)	SP 6.2.1–6.2.4: Adab terhadap keluarga (lebih dekat dengan pengalaman harian murid Tahun 1)
Jawi	SP 7.1: Huruf tunggal Jawi (menenal, menyebut, melakar, membezakan, menulis)	SP 7.2–7.3: Suku kata terbuka & perkataan dua suku kata (murid sudah kuasai huruf tunggal dalam Fasa 1)
Teknik Utama Pengajaran	Talaqqi musyafahah, latihan berulang (takrār), demonstrasi, role play, peta minda, permainan huruf	Peer teaching, simulasi, lakonan, hand motion, Scrabble Jawi, peta i-Think, sijil hafazan
Pendekatan Scaffolding	Berperingkat & sistematik mengikut konsep tadarruj (Ibn Khaldun)	Adaptif mengikut Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) murid (Vygotsky)
Gabung Jalin Teori-Amali	Berasingan mengikut sesi — teori dahulu, kemudian amali	Digabung dalam satu sesi PdPc — mengoptimumkan masa terhad di SJKC
Kelebihan Utama	Sesuai untuk pembelajaran amali yang memerlukan penguasaan sistematik (contoh: bidang ibadah)	Sesuai untuk pembelajaran konseptual yang memerlukan fleksibiliti (contoh: akidah, sirah, adab, jawi)

Walaupun topik SK dan SP yang diajar dalam Fasa 1 dan Fasa 2 adalah berbeza, kedua-dua fasa tetap melibatkan tujuh bidang Pendidikan Islam yang sama berpandukan DSKP Pendidikan Islam Tahun 1. Perbezaan topik ini merupakan tujuan intervensi kajian bagi menguji keberkesanan pendekatan modular secara bukan linear berbanding pendekatan modular secara linear dalam meningkatkan tahap penguasaan Pendidikan Islam murid muslim di SJKC.

4.4 Latar Belakang Objektif Kajian 1

Objektif Kajian 1 dalam kajian ini adalah untuk menilai tahap penguasaan Pendidikan Islam murid di SJKC sebelum pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam secara modular.

4.4.1 Keputusan Objektif Kajian 1 Tahap Penguasaan Fasa 1 Ujian Pra (Pendekatan Modular Secara Linear)

Hasil analisis statistik deskriptif tahap penguasaan Pendidikan Islam murid berdasarkan pentaksiran keseluruhan dengan pendekatan modular secara linear (Jadual 4.5) menunjukkan bahawa tahap minimum adalah 101 (67 peratus), tahap maksimum adalah 150 (100 peratus), mean: 133.64 (89 peratus). Sisihan piawai pula adalah 14.39 dengan skor varians 207. Jadual dibawah (Jadual 4.3) merujuk merupakan analisis

statistik deskriptif tahap penguasaan Pendidikan Islam Fasa 1 Ujian Pra (pendekatan modular secara linear) (n=22):

Jadual 4.5

Analisis Statistik Deskriptif Tahap Penguasaan Pendidikan Islam Fasa 1 Ujian Pra (Pendekatan Modular Secara Linear) (n=22)

Pentaksiran	Min (%)	Max (%)	Mean (%)	SD	Variance
Keseluruhan	101 (67)	150 (100)	133.64 (89)	14.39	207

*Min: Minimum, Max: Maksimum, Mean: Purata, SD: Standard Deviation (Sisihan Piawai), Variance: Varians (Capahan)

Pencapaian murid berdasarkan Jadual 4.6 menunjukkan majoriti murid, iaitu 18 orang mendapat gred A (cemerlang) dengan markah 82-100 peratus, manakala hanya sebilangan kecil, iaitu 4 orang murid mendapat gred B (kepujian) dengan markah 66-81 peratus. Bagi murid yang mendapat gred A, analisis terperinci menunjukkan daripada 18 orang murid yang mendapat gred A (Cemerlang), 2 orang murid berjaya mendapat 100 peratus, 8 orang murid mendapat 90-99 peratus, dan 8 orang murid mendapat 82-89 peratus. Manakala bagi gred B (Kepujian) pula, 1 orang murid mendapat 74-81 peratus dan 3 orang murid mendapat 66-73 peratus. Dapatan ini menunjukkan tahap penguasaan murid secara keseluruhan yang baik dengan peratus terendah 67 peratus dan peratus tertinggi 100 peratus. Walaubagaimanapun, berdasarkan nilai sisihan piawai dan varians, didapati wujud jurang pencapaian yang besar dalam kalangan murid walaupun mereka berada dalam gred yang sama. Jadual berikut (Jadual 4.6) menjelaskan tentang pencapaian Pendidikan Islam Fasa 1 Ujian Pra (pendekatan modular secara linear):

Jadual 4.6

Pencapaian Pendidikan Islam Fasa 1 Ujian Pra (Pendekatan Modular Secara Linear)

Bilangan Murid	Markah	Gred	Ulasan
18	82-100	A	Cemerlang
4	66-81	B	Kepujian
0	50-65	C	Baik
0	35-49	D	Memuaskan
0	20-34	E	Mencapai tahap minimum
0	0-19	F	Belum mencapai tahap minimum

Perincian analisis statistik deskriptif dilakukan bagi mengenal pasti tahap penguasaan murid dalam Pendidikan Islam secara spesifik terhadap komponen berikut, iaitu: (a) pentaksiran lisan; (b) pentaksiran bertulis; dan (c) pentaksiran amali bagi menilai tahap penguasaan dalam setiap komponen pentaksiran secara terperinci.

i) Pentaksiran Lisan

Analisis statistik deskriptif tahap penguasaan Pendidikan Islam Fasa 1 Ujian Pra (pendekatan modular secara linear) berdasarkan pentaksiran lisan telah dinilai melalui lima (5) item Pentaksiran Lisan Fasa 1 Ujian Pra (PLK), iaitu: PLK1, PLK2, PLK3, PLK4 dan PLK5. Setiap item diberi markah dalam julat 0 hingga 10, menjadikan jumlah markah maksimum keseluruhan sebanyak 50. Singkatan dan item setiap PLK adalah seperti berikut (Jadual 4.7):

Jadual 4.7
Singkatan dan Item PLK

Singkatan	Item	Julat Markah
PLK1	Membaca huruf hijaiyah berbaris fathah	0-10
PLK2	Membaca huruf hijaiyah berbaris kasrah	0-10
PLK3	Membaca huruf hijaiyah berbaris dhommah	0-10
PLK4	Membaca huruf hijaiyah bersambung	0-10
PLK5	Membaca huruf hijaiyah mengandungi huruf mad	0-10
Jumlah Markah Maksimum		50

Berdasarkan keputusan pentaksiran lisan mengikut item dalam Jadual 4.5, PLK1 menunjukkan markah minimum 8, markah maksimum 10 dan purata markah 9.86 (98.6 peratus), PLK2 mencatatkan markah minimum 5, markah maksimum 10 dan purata markah 9.59 (95.9 peratus), PLK3 dengan markah minimum 4, markah maksimum 10 dan purata markah 9.32 (93.2 peratus), PLK4 menunjukkan markah minimum 4, markah maksimum 10 dan purata markah 8.18 (81.8 peratus), manakala PLK5 mencatatkan markah minimum 5, markah maksimum 10 dan purata markah 8.73 (87.3 peratus). Berdasarkan purata markah setiap item, PLK1 mencatatkan pencapaian paling

tinggi (mean: 98.6 peratus) manakala PLK4 mencatatkan pencapaian paling rendah (mean: 81.8 peratus). Jadual di bawah (Jadual 4.8) merujuk kepada keputusan pentaksiran lisan Fasa 1 Ujian Pra (PLK) mengikut item:

Jadual 4.8

Keputusan Pentaksiran Lisan Fasa 1 Ujian Pra (PLK) Mengikut Item

Pentaksiran	Item	Julat Skor	Min (%)	Max (%)	Mean (%)
PLK	PLK1	0-10	8	10	9.86 (98.6)
	PLK2	0-10	5	10	9.59 (95.9)
	PLK3	0-10	4	10	9.32 (93.2)
	PLK4	0-10	4	10	8.18 (81.8)
	PLK5	0-10	5	10	8.73 (87.3)

ii) **Pentaksiran Bertulis**

Analisis statistik deskriptif tahap penguasaan Pendidikan Islam berdasarkan pentaksiran bertulis dinilai melalui sepuluh (10) item Pentaksiran Bertulis Fasa 1 Ujian Pra (PBK), iaitu PBK1, PBK2, PBK3, PBK4, PBK5, PBK6, PBK7, PBK8, PBK9 dan PBK10. Setiap item diberi markah dalam julat 0 hingga 5, menjadikan jumlah markah maksimum keseluruhan sebanyak 50. Singkatan dan item setiap PBK adalah seperti jadual berikut (Jadual 4.9):

Jadual 4.9

Singkatan dan Item PBK Singkatan dan Item PBK

Singkatan	Item	Julat Markah
PBK1	Jawi1	0-5
PBK2	Jawi2	0-5
PBK3	Jawi3	0-5
PBK4	Jawi4	0-5
PBK5	Akidah1	0-5
PBK6	Akidah2	0-5
PBK7	Sirah1	0-5
PBK8	Sirah2	0-5
PBK9	Ibadah1	0-5
PBK10	Ibadah2	0-5
Jumlah Markah Maksimum		50

Berdasarkan keputusan pentaksiran bertulis mengikut item dalam Jadual 4.10, PBK1 menunjukkan markah minimum 5, markah maksimum 5 dan purata markah 5.00 (100 peratus), PBK2 mencatatkan markah minimum 0, markah maksimum 5 dan purata markah 3.77 (75.4 peratus), PBK3 dengan markah minimum 0, markah maksimum 5 dan purata markah 4.73 (94.6 peratus), PBK4 menunjukkan markah minimum 0, markah maksimum 5 dan purata markah 3.45 (69 peratus), PBK5 mencatatkan markah minimum 0, markah maksimum 5 dan purata markah 3.41 (68.2 peratus), PBK6 menunjukkan markah minimum 0, markah maksimum 5 dan purata markah 4.32 (86.4 peratus), PBK7 mencatatkan markah minimum 0, markah maksimum 5 dan purata markah 3.95 (79 peratus), PBK8 dengan markah minimum 0, markah maksimum 5 dan purata markah 3.14 (62.8 peratus), PBK9 menunjukkan markah minimum 4, markah maksimum 5 dan purata markah 4.86 (97.2 peratus), manakala PBK10 mencatatkan markah minimum 2, markah maksimum 5 dan purata markah 3.91 (78.2 peratus). Berdasarkan purata markah setiap item, PBK1 mencatatkan pencapaian paling tinggi (mean: 100 peratus) manakala PBK8 mencatatkan pencapaian paling rendah (mean: 62.8 peratus). Jadual berikut (Jadual 4.10) merupakan keputusan pentaksiran bertulis Fasa 1 Ujian Pra (PBK) mengikut item:

Jadual 4.10

Keputusan Pentaksiran Bertulis Fasa 1 Ujian Pra (PBK) Mengikut Item

Pentaksiran	Item	Julat Skor	Min (%)	Max (%)	Mean (%)
PBK	PBK1	0-5	5	5	5.00 (100)
	PBK2	0-5	0	5	3.77 (75.4)
	PBK3	0-5	0	5	4.73 (94.6)
	PBK4	0-5	0	5	3.45 (69)
	PBK5	0-5	0	5	3.41 (68.2)
	PBK6	0-5	0	5	4.32 (86.4)
	PBK7	0-5	0	5	3.95 (79)
	PBK8	0-5	0	5	3.14 (62.8)
	PBK9	0-5	4	5	4.86 (97.2)
	PBK10	0-5	2	5	3.91 (78.2)

iii) Pentaksiran Amali

Analisis statistik deskriptif tahap penguasaan Pendidikan Islam berdasarkan pentaksiran amali dinilai melalui tujuh (7) item Pentaksiran Amali Fasa 1 Ujian Pra

(PAK), iaitu PAK1, PAK2, PAK3, PAK4, PAK5, PAK6 dan PAK7. Setiap item diberi markah berbeza iaitu julat 0 hingga 5 untuk PAK1, PAK3, PAK6 dan PAK7 dan julat 0 hingga 10 untuk PAK2, PAK4 dan PAK5, menjadikan jumlah markah maksimum keseluruhan sebanyak 50. Singkatan dan item setiap PAK adalah seperti berikut (Jadual 4.11):

Jadual 4.11
Singkatan dan Item PAK

Singkatan	Item	Julat Markah
PAK1	Berus gigi	0-5
PAK 2	Beristinja'	0-10
PAK 3	Mandi	0-5
PAK 4	Berwudhu'	0-10
PAK 5	Menyisir rambut/memakai tudung dengan kemas	0-10
PAK 6	Kuku pendek	0-5
PAK 7	Berpakaian kemas	0-5
Jumlah Markah Maksimum		50

Berdasarkan keputusan pentaksiran amali mengikut item dalam Jadual 4.12, PAK1 menunjukkan markah minimum 5, markah maksimum 5 dan purata markah 5 (100 peratus), PAK2 mencatatkan markah minimum 10, markah maksimum 10 dan purata markah 10 (100 peratus), PAK3 dengan markah minimum 5, markah maksimum 5 dan purata markah 5 (100 peratus), PAK4 menunjukkan markah minimum 5, markah maksimum 10 dan purata markah 8.05 (80.5 peratus), PAK5 mencatatkan markah minimum 9, markah maksimum 10 dan purata markah 9.82 (98.2 peratus), PAK6 dengan markah minimum 5, markah maksimum 5 dan purata markah 5 (100 peratus), manakala PAK7 mencatatkan markah minimum 5, markah maksimum 5 dan purata markah 5 (100 peratus). Berdasarkan purata markah setiap item, PAK1, PAK2, PAK3, PAK6 dan PAK7 mencatatkan pencapaian paling tinggi (mean: 100 peratus) manakala PAK4 mencatatkan pencapaian paling rendah (mean: 80.5 peratus).

Jadual 4.12
Keputusan Pentaksiran Amali Fasa 1 Ujian Pra (PAK) Mengikut Item

Pentaksiran	Item	Julat Markah	Min (%)	Max (%)	Mean (%)
PAK	PAK1	0-5	5	5	5 (100)

Pentaksiran	Item	Julat Markah	Min (%)	Max (%)	Mean (%)
	PAK2	0-10	10	10	10 (100)
	PAK3	0-5	5	5	5 (100)
	PAK4	0-10	5	10	8.05 (80.5)
	PAK5	0-10	9	10	9.82 (98.2)
	PAK6	0-5	5	5	5 (100)
	PAK7	0-5	5	5	5 (100)

iv) Rumusan Ujian Pra

Berdasarkan keputusan keseluruhan pentaksiran lisan, pentaksiran bertulis dan pentaksiran amali dalam Jadual 4.13, pentaksiran lisan menunjukkan markah minimum 30 (20 peratus), markah maksimum 50 (33.33 peratus) dan purata markah 45.23 (30.15 peratus), dengan sisihan piawai 7.06. pentaksiran bertulis menunjukkan markah minimum 23 (15.33 peratus), markah maksimum 50 (33.33 peratus) dan purata markah 40.55 (27.03 peratus), dengan sisihan piawai 8.66. pentaksiran amali menunjukkan markah minimum 45 (30 peratus), markah maksimum 50 (33.33 peratus) dan purata markah 47.86 (31.91 peratus), dengan sisihan piawai 2.03. Keputusan pentaksiran keseluruhan tahap penguasaan Pendidikan Islam Fasa 1 Ujian Pra (pendekatan modular secara linear) (n=22) adalah seperti jadual berikut (Jadual 4.13):

Jadual 4.13

Keputusan Pentaksiran Keseluruhan Tahap Penguasaan Pendidikan Islam Fasa 1 Ujian Pra (Pendekatan Modular Secara Linear) (n=22)

Pentaksiran	Min (%)	Max (%)	Mean (%)	SD
Lisan	30 (20)	50 (33.33)	45.23 (30.15)	7.06
Bertulis	23 (15.33)	50 (33.33)	40.55 (27.03)	8.66
Amali	45 (30)	50 (33.33)	47.86 (31.91)	2.03

*Min: Minimum, Max: Maksimum, Mean: Purata, SD: Standard Deviation (Sisihan Piawai)

Markah purata pencapaian murid berdasarkan tiga (3) komponen pentaksiran lisan, pentaksiran bertulis dan pentaksiran amali adalah tinggi dengan markah purata pentaksiran lisan 45.23 (30.15 peratus), pentaksiran bertulis 40.55 (27.03 peratus) dan pentaksiran amali 47.86 (31.91 peratus). Pentaksiran amali memperoleh markah purata paling tinggi diikuti lisan dan bertulis. Secara keseluruhannya, markah pencapaian tahap penguasaan Pendidikan Islam Fasa 1 Ujian Pra (pendekatan modular secara linear) paling tinggi dalam pentaksiran amali, diikuti pentaksiran lisan dan bertulis.

Analisis deskriptif pencapaian mengikut komponen ini telah membantu menilai tahap penguasaan Pendidikan Islam Fasa 1 Ujian Pra (pendekatan modular secara linear) dengan lebih terperinci. Oleh itu, analisis deskriptif pencapaian mengikut komponen ini telah membantu menilai tahap penguasaan Pendidikan Islam Fasa 1 Ujian Pra (pendekatan modular secara linear) dengan lebih terperinci.

4.4.2 Perbincangan Objektif Kajian 1 Tahap Penguasaan Fasa 1 Ujian Pra (Pendekatan Modular Secara Linear)

Perbincangan dapatan Objektif Kajian 1 ini dianalisis berdasarkan kerangka konseptual kajian yang telah dibina (rujuk Rajah 1.3). Kerangka konseptual menunjukkan hubungan antara pendekatan modular (linear dan bukan linear) sebagai pemboleh ubah bebas dengan tahap penguasaan Pendidikan Islam (lisan, bertulis, amali) sebagai pemboleh ubah bersandar, yang dihubungkan oleh Teori Konstruktivisme Vygotsky dan Teori Pemikiran Ibn Khaldun.

Sebelum membincangkan dapatan secara mendalam, adalah penting untuk memahami konteks pelaksanaan kedua-dua pendekatan modular dalam kajian ini berdasarkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang telah dirancang. Jadual 4.14 menunjukkan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) yang dilaksanakan dalam Fasa 1 mengikut urutan RPT Pendidikan Islam Tahun 1 bagi pendekatan modular secara linear. Pelaksanaan berlangsung selama 8 minggu dengan peruntukan 4 waktu seminggu (120 minit), merangkumi tujuh bidang pembelajaran iaitu Al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab, dan Jawi (Mustaffa & Husain, 2022).

Jadual 4. 14

Standard Pembelajaran (SP) dan Standard Kandungan (SK) Pembelajaran Fasa 1 - Pendekatan Modular Linear

Minggu	SK dan SP Pendidikan Islam	Bidang
1	SK 1.1 Menyebut huruf hijaiyah (ا-ي) yang berbaris satu dengan betul dan bertajwid.	Al-Quran
	SP 1.1.1: Menyebut bunyi huruf hijaiyah yang berbaris فتحة dengan betul dan bertajwid.	
	SK 3.1 Merumus dan meyakini rukun iman serta menjadikannya sebagai pegangan dan asas tindakan dalam kehidupan harian.	Akidah
	SP 3.1.1 Menyatakan pengertian rukun iman. SP 3.1.2 Menyenaraikan rukun iman.	
2	SK 7.1 Mengenal, menyebut dan menulis huruf-huruf jawi tunggal.	Jawi
	SP 7.1.1 Mengenal dan menyebut huruf-huruf jawi tunggal.	
	SP 7.1.2 Melakar dan membentuk pelbagai corak dan garisan yang menyerupai bentuk huruf.	
	SK 1.1 Menyebut huruf hijaiyah (ا-ي) yang berbaris satu dengan betul dan bertajwid.	Al-Quran
2	SP 1.1.2 Membanding beza bunyi huruf hijaiyah yang hampir sama bunyi dengan betul dan bertajwid.	
	SK 3.1 Merumus dan meyakini rukun iman serta menjadikannya sebagai pegangan dan asas tindakan dalam kehidupan harian.	Akidah
	SP 3.1.3 Merumuskan kepentingan beriman kepada rukun iman dalam kehidupan harian.	
	SP 3.1.4 Meyakini rukun iman dan menjadikannya sebagai pegangan dalam kehidupan.	
3	SK 7.1 Mengenal, menyebut dan menulis huruf-huruf jawi tunggal.	Jawi
	SP 7.1.1 Mengenal dan menyebut huruf-huruf jawi tunggal.	
	SP 7.1.2 melakar dan membentuk pelbagai corak dan garisan yang menyerupai bentuk huruf.	
	SK 1.2 Membaca huruf bersambung dan kalimah berbaris astu dengan betul dan bertajwid.	Al-Quran
3	SP 1.2.1 Membaca huruf bersambung dan kalimah berbaris fathah dengan betul dan bertajwid.	
	SK 4.1 Memahami bahagian-bahagian air mutlak dan kegunaannya serta mengamalkan adab penggunaan air dalam kehidupan seharian.	Ibadah
	SP 4.1.1 Menyatakan bahagian-bahagian air.	
	SP 4.1.2 Menerangkan jenis-jenis air mutlak.	
3	SK 7.1 Mengenal, menyebut dan menulis huruf-huruf jawi tunggal.	Jawi

4	SP 7.1.1 Mengenal, menyebut huruf-huruf jawi tunggal.	
	SP 7.1.2 Melakar dan membentuk pelbagai corak dan garisan yang menyerupai bentuk huruf.	
	SK 1.2 Membaca huruf bersambung dan kalimah berbaris satu dengan betul dan bertajwid.	Al-Quran
	SP 1.2.2 Membaca kalimah yang mengandungi huruf mad (ﻻ) dan tanda bacaan mad dengan betul dan bertajwid.	
	SK 4.1 Memahami bahagian-bahagian air mutlak dan kegunaannya serta mengamalkan adab penggunaan air dalam kehidupan harian.	Ibadah
	SP 4.1.3 Menjelaskan kegunaan air mutlak.	
	SP 4.1.4 Mengaplikasi adab penggunaan air dalam kehidupan harian.	
	SK 7.1 Mengenal, menyebut dan menulis huruf-huruf jawi tunggal.	Jawi
	SP 7.1.1 Mengenal dan menyebut huruf-huruf jawi tunggal.	
	SP 7.1.2 Melakar dan membentuk pelbagai corak dan garisan yang menyerupai bentuk huruf.	
5	SK 1.2 Membaca huruf bersambung dan kalimah berbaris satu dengan betul dan bertajwid.	Al-Quran
	SP 1.2.3 Membaca huruf bersambung dan kalimah berbaris كسرة dengan betul dan bertajwid.	
	SK 5.1 Mengambil iktibar dan mencintai Nabi Muhammad melalui peristiwa kelahiran Baginda.	Sirah
	SP 5.1.1 Menyatakan salasilah dan keistimewaan keturunan Nabi Muhammad.	
	SK 7.1 Mengenal, menyebut dan menulis huruf-huruf jawi tunggal.	Jawi
	SP 7.1.3 Membezakan huruf-huruf jawi yang sama bentuk.	
6	SP 7.1.4 Menulis huruf-huruf jawi tunggal dengan betul.	
	SK 1.2 Membaca huruf bersambung dan kalimah berbaris satu dengan betul dan bertajwid.	Al-Quran
	SP 1.2.4 Membaca kalimah yang mengandungi huruf (ي) dan tanda bacaan mad dengan betul dan bertajwid.	
	SK 5.1 Mengambil iktibar melalui peristiwa kelahiran Baginda.	Sirah
	SP 5.1.3 Menghuraikan kepentingan kisah penyusunan Nabi Muhammad yang mempengaruhi pembentukan peribadi Baginda.	
	SP 5.14 Mengambil iktibar daripada peristiwa kelahiran Nabi Muhammad.	
	SK 7.1 Mengenal, menyebut dan menulis huruf-huruf jawi tunggal.	Jawi
	SP 7.1.3 Membezakan huruf-huruf jawi yang sama bentuk.	
	SP 7.1.4 Menulis huruf-huruf jawi tunggal dengan betul.	

7	SK 1.2 Membaca huruf bersambung dan kalimah berbaris satu dengan betul dan bertajwid.	Al-Quran
	SP 1.2.5 Membaca huruf bersambung dan kalimah berbaris ضمة dengan betul dan bertajwid.	
	SK 6.1 Menaakul dan mengamalkan adab terhadap diri sendiri mengikut sunnah Rasulullah.	Adab
	Contoh: Menjaga kebersihan diri.	
	SP 6.1.1 Menerangkan pengertian menjaga kebersihan diri	
	SP 6.1.2 Menghuraikan adab-adab menjaga kebersihan diri.	
8	SK 7.1 Mengenal, menyebut dan menulis huruf-huruf jawi tunggal.	Jawi
	SP 7.1.3 Membezakan huruf-huruf jawi yang sama bentuk.	
	SP 7.1.4 Menulis huruf-huruf jawi tunggal dengan betul.	
	SK 1.2 Membaca huruf bersambung dan kalimah berbaris satu dengan betul dan bertajwid.	Al-Quran
	SP 1.2.6 Membaca kalimah yang mengandungi huruf mad (و) dan tanda bacaan mad dengan betul dan bertajwid.	
	SK 6.1 Menaakul dan mengamalkan adab terhadap diri sendiri mengikut sunnah Rasulullah.	Adab
	SP 6.1.3 Merumuskan kepentingan mengamalkan adab menjaga kebersihan diri dan akibat mengabaikannya.	
	SP 6.1.4 Mengamalkan adab menjaga kebersihan diri dalam kehidupan harian mengikut sunnah Rasulullah.	
	SK 7.1 Mengenal, menyebut dan menulis huruf-huruf jawi tunggal.	Jawi
	SP 7.1.3 Membezakan huruf-huruf jawi yang sama bentuk.	
	SP 7.1.4 Menulis huruf-huruf jawi tunggal dengan betul.	

Pendekatan modular secara linear dalam kajian ini dilaksanakan berdasarkan empat ciri utama yang membentuk struktur pembelajaran yang berturutan dan sistematik. Pertama, setiap modul merupakan unit pembelajaran yang lengkap dengan objektif, bahan, aktiviti dan penilaian tersendiri. Kedua, modul-modul dihubungkan secara logik mengikut prasyarat pengetahuan. Murid perlu menguasai modul sebelum boleh beralih ke modul seterusnya. Ketiga, struktur urutan yang jelas ditekankan untuk memastikan asimilasi pengetahuan berlaku secara sistematik. Keempat, penilaian berperingkat dilaksanakan sebelum murid bergerak ke modul seterusnya (Kulmagambetova, 2025; Kozubenko & Homonai, 2025; De Guzman, 2022).

Dalam konteks Pendidikan Islam, ciri-ciri ini menjadikan pendekatan linear amat sesuai untuk pengajaran bidang yang memerlukan asas yang kukuh sebelum

meneruskan kepada konsep yang lebih kompleks, seperti bidang Al-Quran dan Ibadah (Syu'aib & Husni, 2025).

Berdasarkan RPH yang telah dibina untuk Fasa 1, guru Pendidikan Islam menggunakan pelbagai teknik pengajaran yang bersifat berstruktur dan berturutan bagi memastikan penguasaan murid dalam setiap bidang pembelajaran sebelum beralih ke topik seterusnya.

Dalam bidang Al-Quran, teknik utama yang digunakan adalah talaqqi musyafahah secara konsisten sepanjang 8 minggu. Murid terlebih dahulu mendengar bacaan guru atau audio, kemudian meniru sebutan guru secara langsung, diikuti dengan latihan bacaan secara berkumpulan, dan akhirnya secara individu dengan pembetulan guru. Teknik ini memastikan ketepatan makhraj huruf dan hukum tajwid dipelajari dengan betul sebelum murid beralih ke peringkat bacaan yang lebih kompleks (Rashid & Jamil, 2025). Guru turut menggunakan teknik permainan interaktif seperti permainan "Teka Bunyi Huruf" untuk membanding beza bunyi huruf hijaiyah yang hampir sama, dan teknik menepuk tangan mengikut panjang bacaan untuk membantu murid memahami dan menghayati hukum mad. Pada peringkat akhir, guru menggunakan teknik "Estafet Bacaan" dan iringan muzik rebana untuk menjadikan sesi latihan bacaan lebih menarik dan bermakna.

Dalam bidang Akidah, guru menggunakan teknik perbincangan kumpulan kecil diikuti penerangan guru, penggunaan kad bergambar dan aktiviti menyusun kad Rukun Iman mengikut urutan untuk memastikan murid memahami konsep secara berstruktur. Murid kemudiannya diminta membuat peta minda ringkas sebagai rumusan pembelajaran. Teknik-teknik ini memastikan pembelajaran berlaku secara berperingkat daripada pemahaman pengertian kepada penghayatan kepentingan Rukun Iman dalam kehidupan harian.

Dalam bidang Ibadah, guru menggunakan teknik penggunaan bahan konkrit dengan membawa contoh air sebenar seperti air hujan, air sungai, dan air laut untuk menjelaskan jenis-jenis air mutlak. Murid kemudiannya berbincang dalam kumpulan dan melengkapkan carta pemikiran tentang jenis-jenis air, diikuti dengan demonstrasi cara menggunakan air dengan betul untuk mengajar adab penggunaan air dalam kehidupan harian. Pendekatan yang menggabungkan bahan konkrit, perbincangan dan demonstrasi ini memastikan murid memahami konsep bersuci secara menyeluruh.

Dalam bidang Sirah, guru menggunakan teknik penceritaan dan penayangan animasi tentang salasilah dan kisah penyusunan Nabi Muhammad SAW. Murid

kemudiannya melengkapi carta salasilah secara berkumpulan dan menyenaraikan iktibar dalam nota grafik. Teknik ini membolehkan murid memahami kisah Nabi secara berurutan dan sistematik selaras dengan urutan RPT.

Dalam bidang Adab, guru menggunakan teknik penayangan video, perbincangan berkumpulan menggunakan peta bulatan, dan aktiviti role play bagi mengajar adab menjaga kebersihan diri. Murid kemudiannya mempraktikkan adab tersebut melalui simulasi dan menghasilkan poster berkumpulan. Teknik role play dan simulasi membolehkan murid mengaplikasikan nilai Islam dalam konteks kehidupan sebenar.

Dalam bidang Jawi, guru menggunakan pelbagai teknik latihan berulang (takrār) sepanjang 8 minggu untuk membentuk kemahiran menulis huruf tunggal Jawi. Teknik yang digunakan merangkumi lakar di udara dengan jari, lakar menggunakan pasir atau tepung, membentuk huruf menggunakan plastisin, permainan "Bingo Huruf Jawi", penggunaan aplikasi pembelajaran digital, dan akhirnya latihan menulis dalam buku latihan berpetak. Kepelbagaian medium latihan ini memastikan murid menguasai bentuk huruf Jawi secara mendalam sebelum beralih ke peringkat seterusnya, selari dengan konsep takrār dalam pemikiran Ibn Khaldun bagi membentuk malakah yang kukuh (Daulay et al., 2021; Osman, 2024).

Secara keseluruhannya, teknik pengajaran dalam Fasa 1 mencerminkan prinsip pembelajaran berperingkat (tadarruj). Setiap teknik direka bentuk untuk memastikan murid menguasai kemahiran asas sebelum beralih ke peringkat pembelajaran yang lebih mencabar. Scaffolding diberikan secara sistematik melalui urutan aktiviti: daripada pemerhatian (menonton/mendengar), peniruan (talaqqi/ikut guru), latihan berkumpulan dan latihan individu berserta pembetulan. Pendekatan ini selari dengan konsep ZPD Vygotsky yang menekankan bantuan berstruktur membantu murid bergerak dari tahap keupayaan semasa ke tahap yang lebih tinggi (Voon & Amran, 2021; Belland, 2017).

Jadual 4.15 merumuskan teknik-teknik pengajaran yang digunakan dalam setiap bidang pembelajaran sepanjang Fasa 1, memaparkan prinsip pembelajaran berperingkat yang menjadi teras pendekatan modular secara linear:

Jadual 4. 15

Rumusan Teknik Pengajaran Mengikut Bidang dalam Fasa 1 (Pendekatan Modular Secara Linear)

Bidang	Teknik Pengajaran Utama	Scaffolding / Urutan Aktiviti
Al-Quran	Talaqqi musyafahah, "Teka Bunyi Huruf", menepuk tangan (hukum mad), "Estafet Bacaan", iringan muzik rebana.	Mendengar → Meniru → Latihan berkumpulan → Latihan individu
Akidah	Perbincangan kumpulan kecil, kad bergambar, menyusun kad Rukun Iman mengikut urutan, peta minda.	Pemahaman pengertian → Penyusunan → Rumusan kepentingan
Ibadah	Bahan konkrit (air sebenar), carta pemikiran jenis air, demonstrasi adab penggunaan air.	Pemerhatian konkrit → Perbincangan → Demonstrasi
Sirah	Penceritaan, animasi, carta salasilah berkumpulan, nota grafik iktibar.	Berurutan mengikut kronologi peristiwa RPT
Adab	Tayangan video, peta bulatan, role play, simulasi, poster berkumpulan.	Teori → Simulasi → Penghasilan produk
Jawi	Lakar di udara, lakar pasir/tepung, plastisin, "Bingo Huruf Jawi", aplikasi digital, buku latihan berpetak.	Takrār — latihan berulang melalui pelbagai medium secara berperingkat

Kedua-dua pendekatan modular dilaksanakan selama 8 minggu (24 sesi pembelajaran) merangkumi tujuh bidang Pendidikan Islam iaitu Al-Quran, Hadis, Aqidah, Ibadah, Sirah, Adab, dan Jawi (Mustaffa & Husain, 2022). Perbezaan utama antara kedua-dua pendekatan terletak pada urutan pemilihan SK dan SP yang diajar.

Pendekatan modular secara linear dalam kajian ini dilaksanakan mengikut urutan Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) Pendidikan Islam Tahun 1 seperti yang ditetapkan dalam DSKP. Pelaksanaan berlangsung selama 8 minggu dengan peruntukan 4 waktu seminggu (120 minit), merangkumi tujuh bidang pembelajaran iaitu Al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab, dan Jawi (Mustaffa & Husain, 2022).

Dalam bidang Al-Quran, pembelajaran bermula dengan SP 1.1.1 (menyebut huruf hijaiyah berbaris fathah) pada sesi pertama, diikuti SP 1.1.2 (membanding beza bunyi huruf yang hampir sama) pada sesi keempat. Sesi ketujuh memperkenalkan SP 1.2.1 (membaca huruf bersambung berbaris fathah), kemudian SP 1.2.2 (membaca kalimah mengandungi mad alif) pada sesi kesepuluh.

Pembelajaran diteruskan secara berperingkat dengan SP 1.2.3 (kalimah berbaris kasrah), SP 1.2.4 (mad ya), SP 1.2.5 (kalimah berbaris dammah), dan berakhir dengan SP 1.2.6 (mad wau) pada sesi kedua puluh dua. Urutan ini memastikan murid menguasai bacaan huruf tunggal sebelum beralih kepada bacaan huruf bersambung, kemudian penguasaan pelbagai baris dan huruf mad secara berperingkat.

Bagi bidang Ulum pula, pembelajaran bermula dengan SP 3.1.1 dan SP 3.1.2 (pengertian dan senarai Rukun Iman) pada sesi kedua, diikuti SP 3.1.3 dan SP 3.1.4 (kepentingan dan keyakinan terhadap Rukun Iman) pada sesi kelima.

Bidang Ibadah dimulai dengan SP 4.1.1 dan SP 4.1.2 (bahagian dan jenis air mutlak) pada sesi kelapan, diikuti SP 4.1.3 dan SP 4.1.4 (kegunaan dan adab penggunaan air) pada sesi kesebelas. Bidang Sirah pula bermula dengan SP 5.1.1 (salasilah Nabi Muhammad) pada sesi keempat belas, kemudian SP 5.1.3 dan SP 5.1.4 (kisah penyusunan dan iktibar kelahiran Nabi) pada sesi ketujuh belas. Bidang Adab dimulakan dengan SP 6.1.1 dan SP 6.1.2 (pengertian dan adab kebersihan diri) pada sesi kedua puluh, diikuti SP 6.1.3 dan SP 6.1.4 (kepentingan dan amalan kebersihan diri) pada sesi kedua puluh tiga.

Pembelajaran Jawi dilaksanakan secara selari sepanjang 8 minggu bermula dengan SP 7.1.1 dan SP 7.1.2 (mengenal, menyebut dan melakar huruf jawi tunggal) pada sesi ketiga, keenam, kesembilan dan kedua belas. Pembelajaran diteruskan dengan SP 7.1.3 dan SP 7.1.4 (membezakan dan menulis huruf jawi yang sama bentuk) pada sesi kelima belas, lapan belas, kedua puluh satu dan kedua puluh empat. Pengulangan yang kerap ini bertujuan mengukuhkan kemahiran menulis Jawi melalui latihan berterusan (takrār).

Susunan pembelajaran ini selari dengan prinsip pembelajaran berperingkat (tadarruj) yang menekankan penguasaan konsep asas sebelum meneruskan ke tahap yang lebih mencabar (Daulay et al., 2021; Dzulkifli & Fakhrudin, 2024). Pelaksanaan pendekatan modular secara linear ini memperlihatkan kerangka konseptual kajian yang menjadi sandaran utama kajian. Pembelajaran berturutan mempengaruhi tahap penguasaan melalui aplikasi konsep tadarruj dan takrār dalam teori pemikiran Ibn Khaldun. Pendekatan berturutan ini menekankan pembelajaran berperingkat mengikut hierarki yang ditetapkan. Setiap topik dibina berdasarkan penguasaan topik sebelumnya (Pomelov et al., 2025; Syu'aib & Husni, 2025). Struktur pembelajaran yang jelas ini memastikan murid menguasai kemahiran asas sebelum meneruskan ke tahap yang lebih kompleks, selari dengan konsep tadarruj (pembelajaran berperingkat) dalam pemikiran Ibn Khaldun yang menekankan penyampaian ilmu secara beransur-ansur mengikut tahap perkembangan murid (Daulay et al., 2021; Dzulkifli & Fakhrudin, 2024).

Pelaksanaan pendekatan modular secara linear ini mencerminkan peranan kritikal guru sebagai pelaksana kurikulum yang menterjemahkan dokumen kurikulum rasmi seperti DSKP kepada pengalaman pembelajaran yang bermakna di dalam bilik darjah (Mansor & Jamaludin, 2024). Dalam konteks kajian ini, guru Pendidikan Islam berperanan bukan sekadar mengikut skrip yang ditetapkan dalam RPT, sebaliknya terlibat secara aktif dalam proses pelaksanaan kurikulum (Alvunger, 2021; Wang, 2022).

melalui menterjemah Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) kepada aktiviti pembelajaran yang sesuai dengan tahap keupayaan murid. Guru dikehendaki meneliti dan memahami sepenuhnya DSKP serta mengaplikasikannya dalam pengajaran mengikut mata pelajaran (BPK, 2021), sekaligus memastikan setiap SK dan SP yang ditetapkan dalam RPT dilaksanakan secara berturutan dan sistematik.

Pelaksanaan yang berstruktur ini selari dengan tuntutan pelaksanaan kurikulum di Malaysia yang memerlukan guru menterjemah SK dan SP kepada aktiviti pembelajaran yang sesuai dengan tahap keupayaan murid dan menyesuaikan kaedah pentaksiran mengikut konteks bilik darjah masing-masing (Dhanapalan, 2025). Dalam melaksanakan pendekatan linear ini, guru turut berperanan sebagai pentaksir yang menilai tahap penguasaan murid terhadap objektif pembelajaran melalui Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Guru diberi autonomi untuk merancang dan melaksanakan pentaksiran formatif dan sumatif yang sesuai dengan konteks pembelajaran mereka (BPK, 2019; Marnizam & Ali, 2021).

Dalam konteks teori konstruktivisme Vygotsky, pelaksanaan pendekatan linear ini mengaplikasikan konsep Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) melalui scaffolding yang sistematik. Guru menyediakan sokongan berstruktur pada setiap peringkat pembelajaran, membantu murid bergerak dari tahap keupayaan semasa ke tahap yang lebih tinggi secara beransur-ansur (Belland, 2017; Voon & Amran, 2021). Scaffolding dalam pendekatan linear ini diberikan melalui penyusunan topik yang berperingkat, di mana setiap minggu pembelajaran membina kefahaman dan kemahiran yang diperlukan untuk minggu seterusnya. Sebagai contoh, penguasaan bacaan huruf Hijaiyah tunggal dalam minggu pertama dan kedua menjadi asas penting untuk menguasai bacaan huruf bersambung dalam minggu ketiga dan seterusnya. Begitu juga dalam bidang Ulum, pemahaman tentang Rukun Iman yang dibina pada minggu pertama dan kedua menjadi asas untuk memahami konsep bersuci dan ibadah dalam minggu-minggu berikutnya.

Pendekatan modular secara linear dalam kajian ini menunjukkan keberkesanan dalam meningkatkan tahap penguasaan Pendidikan Islam secara keseluruhan, dengan majoriti murid (18 daripada 22 orang) mencapai gred A (Cemerlang). Penyusunan kandungan pembelajaran secara berperingkat dan tersusun membantu murid menguasai konsep asas sebelum beralih ke tahap pembelajaran yang lebih mencabar. Ini disokong oleh beberapa kajian yang menunjukkan keberkesanan model pembelajaran yang menekankan penyampaian pembelajaran secara berperingkat dalam pelbagai konteks pendidikan.

Dalam konteks pendidikan kejuruteraan, Ilyashenko (2019) memperkenalkan model lima tahap untuk membantu pelajar menguasai konsep matematik secara berperingkat. Model ini menekankan kepentingan penguasaan 80% topik sebelum pelajar beralih ke tahap seterusnya, sekaligus membantu dalam pembelajaran berterusan dan mengurangkan masalah pelajar tidak menguasai konsep asas. Kajian oleh Jimenez et al. (2024) berkaitan kerangka empat tahap pembelajaran yang merangkumi pemerolehan maklumat, kefasihan, penyelenggaraan, dan generalisasi isi pembelajaran yang dilakukan mengikut peringkat tertentu juga telah terbukti berkesan dalam membantu guru menilai prestasi pelajar, menetapkan matlamat, dan merancang pengajaran dengan berkesan. Pendekatan ini membolehkan guru menyesuaikan pengajaran mengikut keperluan individu pelajar, memastikan mereka mendapat cabaran yang mencukupi dan sokongan yang diperlukan untuk menguasai kemahiran akademik.

Seterusnya, kajian oleh Ahmed & Seid (2023) dalam pembelajaran Algebra Linear menunjukkan keberkesanan penggunaan sistem STACK yang membolehkan pelajar mencuba pelbagai kandungan algebra secara berulang kali sehingga konsep dikuasai sepenuhnya. Sistem ini bukan sahaja membantu dalam penilaian berterusan tetapi juga menyediakan maklum balas yang berguna kepada pelajar. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, kajian oleh Samsudin (2019) mendapati pendekatan pembelajaran masteri yang menggunakan prinsip pembelajaran berperingkat seperti pendekatan modular secara linear telah berjaya meningkatkan penguasaan kemahiran membaca jawi dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan kaedah ini berkesan kerana ia mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan, sekali gus membantu pelajar menguasai kemahiran tersebut secara berperingkat dan sistematik.

Seterusnya, kajian oleh Ishak et al. (2019) berkaitan hubungan antara pelaksanaan pembelajaran masteri, penguasaan konsep sains, dan pencapaian mata pelajaran sains dalam kalangan murid sekolah rendah di Melaka telah mendapati wujudnya hubungan positif yang signifikan antara ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut. Dapatan ini mencadangkan bahawa pendekatan pembelajaran masteri yang menekankan penguasaan konsep secara beransur-ansur wajar dipertimbangkan sebagai kaedah alternatif dalam bilik darjah untuk meningkatkan prestasi sains murid. Secara keseluruhannya, pelbagai kajian empirikal yang mengetengahkan pendekatan pengajaran yang menepati konsep pembelajaran modular secara linear dan berperingkat dalam pelbagai bidang pendidikan seperti Pendidikan Islam, matematik, sains, dan

bahasa telah menunjukkan keberkesanan dalam membantu pelajar menguasai konsep secara sistematik. Pendekatan seumpama ini membolehkan pelajar menguasai konsep asas dengan kukuh sebelum meneruskan pembelajaran ke tahap yang lebih mencabar, di samping memudahkan guru menilai dan menyesuaikan pengajaran mengikut tahap penguasaan setiap pelajar. Dapatan ini penting dalam konteks pendidikan di Malaysia yang menunjukkan terdapat peningkatan keperluan untuk memperkasakan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah vernakular seiring dengan pertambahan bilangan murid muslim di SJKC. Menurut Jiao Zong, sebuah Pertubuhan Radikal Cina, data KPM menunjukkan peningkatan bilangan murid bukan Cina di SJKC iaitu 11.84% pada 2010 kepada 19.75% bagi tahun 2020. SJKC menjadi pilihan ibu bapa bukan Cina kerana mereka mahukan anak-anak mereka menguasai Bahasa Mandarin dan percaya SJKC lebih mementingkan akademik berbanding SK. Contohnya, SJKC Han Ming di daerah Petaling Perdana, Selangor mencatatkan peningkatan kemasukan murid Tahun 1 daripada 35 orang pada 2021 kepada 37 orang pada sesi akademik 2022/2023 dan 48 orang pada sesi akademik 2023/2024 (Mohamad & Razak, 2024).

Walau bagaimanapun, dapatan ini berbeza dengan penemuan Rahman & Razak (2020) yang mendapati pencapaian Pendidikan Islam dalam kalangan murid muslim di SJKC dengan mengguna pakai kurikulum modular masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Hasil kajian Sharifudin & Razak (2022) juga menunjukkan kemahiran menulis Jawi dalam kalangan murid muslim di SJKC masih berada pada tahap yang tidak memberangsangkan walaupun kurikulum modular telah mula diperkenalkan bermula 2017. Ketidakselarasan dapatan kajian lepas ini menimbulkan persoalan tentang keberkesanan pendekatan modular secara linear secara holistik dan memerlukan penelitian yang lebih mendalam. Kajian-kajian lepas didapati menggunakan pendekatan yang agak umum dalam menilai pencapaian murid tanpa mengambil kira kepelbagaian komponen dalam sistem pentaksiran yang digunakan. Ini menyukarkan proses mengenal pasti aspek-aspek khusus yang memerlukan penambahbaikan dalam pelaksanaan kurikulum tersebut. Oleh itu, kajian ini mengambil pendekatan yang lebih terperinci dengan menganalisis setiap komponen pentaksiran secara berasingan, merangkumi pentaksiran lisan, pentaksiran amali dan pentaksiran bertulis. Analisis ini bertujuan untuk mengenal pasti dengan tepat aspek-aspek yang menyumbang kepada tahap penguasaan tertinggi dalam kalangan murid melalui pendekatan modular secara linear serta komponen pentaksiran yang masih memerlukan penambahbaikan atau pendekatan alternatif.

Analisis mengikut komponen pentaksiran mendapati tahap penguasaan murid mencapai skor tertinggi dan lebih konsisten dalam pentaksiran amali berbanding pentaksiran lisan dan bertulis. Pentaksiran amali, yang melibatkan aplikasi pengetahuan dalam situasi sebenar, memberikan gambaran yang lebih jelas tentang kemampuan sebenar murid berbanding dengan pentaksiran lisan dan bertulis yang mungkin lebih terhad kepada aspek teori semata-mata (Khialdin, 2023). Tahap penguasaan murid yang tinggi dalam pentaksiran amali ini juga sesuai dengan aplikasi pendekatan modular secara linear yang memperkukuh kemahiran amali murid dalam bidang Ibadah seperti bersuci, wuduk dan solat yang memerlukan penguasaan mengikut tertib dan turutan khusus. Setiap kemahiran perlu dikuasai secara beransur-ansur sebelum beralih kepada kemahiran yang lebih kompleks. Proses pembelajaran yang sistematik ini penting dalam membantu murid menguasai pengetahuan, kemahiran dan pemahaman secara berkesan (Mohd Nor & Haron, 2023; Hussin et al., 2021), yang seterusnya diukur melalui pentaksiran yang dijalankan.

Kajian oleh Ismani & Sari (2019) berkaitan peningkatan kemahiran proses dan penguasaan pengetahuan melalui kaedah IMPROVE mendapati pembelajaran secara berurutan dan berperingkat membantu pelajar menguasai sesuatu kemahiran dengan lebih baik. Dapatan kajian menunjukkan apabila pelajar diberi peluang menguasai setiap peringkat pembelajaran sebelum beralih ke peringkat yang lebih kompleks, pencapaian mereka meningkat secara signifikan dari 67% kepada 82%. Peningkatan ini selari dengan konsep pembelajaran kemahiran amali yang memerlukan penguasaan langkah demi langkah secara sistematik untuk mencapai hasil pembelajaran yang optimum. Prinsip pembelajaran berurutan ini turut menyokong kepentingan penguasaan secara beransur-ansur dalam kemahiran amali. Dalam konteks pendidikan perubatan, penguasaan sesuatu kemahiran secara berperingkat membantu dalam membina kemahiran kritikal yang diperlukan untuk melaksanakan prosedur amali. Kajian menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran secara linear dan sistematik ini telah meningkatkan tahap kemahiran praktikal pelajar perubatan, mengurangkan komplikasi dalam prosedur perubatan, dan meningkatkan keyakinan diri pelajar (Shamsi & Dorri, 2018). Kajian-kajian lepas ini menunjukkan bahawa struktur pembelajaran yang jelas dan teratur bukan sahaja meningkatkan pemahaman tetapi juga meningkatkan keupayaan pelajar untuk melaksanakan kemahiran yang kompleks dengan lebih berkesan.

Keberkesanan pendekatan modular secara linear ini dapat dilihat dengan lebih jelas melalui pencapaian murid dalam pentaksiran amali. Kajian menunjukkan bahawa pendekatan ini memberikan ruang kepada murid untuk berlatih dan mengulangi kemahiran yang dipelajari sehingga mencapai tahap penguasaan yang dikehendaki (Lailiyah et al., 2021; Muslim, 2022). Pembelajaran yang berstruktur ini juga membantu dalam membentuk disiplin dan tanggungjawab dalam kalangan murid, yang merupakan nilai-nilai penting dalam Pendidikan Islam (Abdurrohman, 2022). Penekanan kepada penguasaan kemahiran secara beransur-ansur dalam pentaksiran amali Pendidikan Islam juga membolehkan murid terlibat secara aktif dalam proses PdPc sekaligus memperkukuh penghayatan dan praktikal Pendidikan Islam dalam kehidupan seharian (Maghfiroh & Nursikin, 2024).

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa kajian lain yang menyatakan bahawa peningkatan prestasi akademik murid dipengaruhi oleh faktor-faktor selain dari pendekatan berbentuk pengajaran modular secara linear dan berstruktur. Kajian oleh Husain et al. (2022) berkaitan kesan kompetensi profesional guru dan motivasi pembelajaran pelajar terhadap pencapaian pembelajaran menunjukkan bahawa gabungan kemahiran guru dan motivasi pelajar sangat penting dalam mempengaruhi pencapaian pembelajaran pelajar. Kajian oleh (Pristyadi & Anam, 2020) juga menyatakan kompetensi guru, motivasi pelajar dan kemudahan pembelajaran memberi kesan positif yang signifikan terhadap pencapaian akademik pelajar. Kajian-kajian lain oleh Asmarani & Osman (2019) dan Yusran (2022) juga didapati selari dengan menyatakan bahawa prestasi akademik pelajar dipengaruhi oleh kompetensi pengajaran guru dan pembangunan infrastruktur pendidikan yang baik. Dapatan ini mencadangkan bahawa faktor-faktor lain seperti latar belakang pelajar, kemudahan pembelajaran dan kompetensi guru turut memainkan peranan penting dalam menentukan pencapaian akademik pelajar.

Secara keseluruhannya, pendekatan modular secara linear terbukti berkesan dalam meningkatkan penguasaan kemahiran amali murid melalui pembelajaran berstruktur dan berperingkat yang membantu murid menguasai kemahiran secara sistematik. Kajian menunjukkan bahawa pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh pemahaman tetapi juga meningkatkan keupayaan murid melaksanakan kemahiran dengan lebih efektif dalam konteks pendidikan perubatan dan Pendidikan Islam. Namun, pencapaian akademik murid tidak hanya bergantung kepada pendekatan ini, kerana faktor seperti kompetensi guru, motivasi murid, latar belakang murid, serta

kemudahan pembelajaran turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi hasil pembelajaran. Oleh itu, keberkesanan pendekatan modular secara linear perlu disokong dengan elemen-elemen lain yang menyumbang kepada pencapaian murid secara holistik.

Seterusnya, hasil analisis deskriptif Objektif Kajian 1 juga menunjukkan tahap penguasaan murid dalam pentaksiran bertulis mempamerkan variasi yang ketara dengan sisihan piawai yang tinggi sekaligus mencerminkan jurang penguasaan yang besar dalam kalangan murid. Variasi ini menggambarkan cabaran yang wujud dalam pelaksanaan pendekatan modular secara linear di SJKC. Hal ini mungkin berkaitan dengan faktor-faktor seperti kekangan masa pembelajaran Pendidikan Islam di SJKC yang lebih terhad berbanding SK. Situasi ini menunjukkan keperluan untuk mengadaptasi pendekatan pengajaran yang lebih fleksibel dan responsif terhadap keperluan pembelajaran individu murid. Ketidakteraturan pencapaian murid ini memperlihatkan kepentingan untuk menilai semula kesesuaian pendekatan pengajaran dan jenis pentaksiran yang digunakan dalam PdPc, memandangkan pentaksiran bertulis memerlukan kemahiran kognitif yang lebih tinggi berbanding pentaksiran lain untuk murid mengaplikasikan pemahaman konsep secara mendalam. Perbezaan tahap penguasaan yang ketara ini juga boleh dikaitkan dengan tahap kesediaan murid yang berbeza dalam menerima pembelajaran. Dapatan menunjukkan sebahagian murid mungkin memerlukan lebih banyak bimbingan dan latihan berbanding yang lain sebelum dinilai melalui pentaksiran bertulis.

Kajian oleh Setyowati & Sugirin (2019) berkaitan pembangunan bahan bacaan berasaskan kecerdasan pelbagai dalam kalangan murid sekolah menengah di Indonesia menunjukkan bahawa pembelajaran yang berpusat kepada murid perlu memberi penekanan kepada perbezaan individu dan kepelbagaian tahap kecerdasan. Setiap murid mempunyai cara pembelajaran yang berbeza berdasarkan kecenderungan dan kekuatan masing-masing yang perlu diambil kira dalam merancang aktiviti PdPc agar pembelajaran menjadi lebih bermakna dan berkesan. Dapatan kajian mereka turut mengetengahkan bahawa bahan pembelajaran yang digunakan dalam bilik darjah perlu mengambil kira faktor kepelbagaian murid untuk mengatasi ketidakseragaman tahap penguasaan dan memastikan murid dapat mengoptimumkan potensi pembelajaran mereka berdasarkan tahap kesediaan masing-masing.

Kajian oleh Zabidi et al. (2019) berkaitan penjajaran konstruktif di institusi pengajian tinggi Malaysia menunjukkan bahawa ketidakselarasan dalam reka bentuk

pengajaran dan pentaksiran boleh menyebabkan pelajar tidak mendapat peluang yang mencukupi untuk mencapai objektif pembelajaran. Penilaian semula kesesuaian pendekatan pengajaran dan pentaksiran merupakan satu keperluan penting dalam memastikan keberkesanan pembelajaran. Kajian tersebut turut mendedahkan perbezaan ketara dalam pencapaian pelajar merentas domain pembelajaran yang berbeza menunjukkan kepentingan penyelarasan yang lebih baik antara kaedah pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran untuk memastikan pencapaian hasil pembelajaran yang lebih seimbang dan berkesan.

Walaubagaimanapun, kepelbagaian tahap penguasaan dalam kalangan murid tidak semestinya menunjukkan kelemahan dalam sistem pentaksiran atau pendekatan pengajaran. Kajian oleh Shukri et al. (2020) mendapati bahawa tiada hubungan signifikan antara pemikiran kreatif dan pencapaian sains dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa pelajar dengan tahap pemikiran kreatif yang tinggi tidak semestinya cemerlang dalam pencapaian akademik, malah terdapat pelajar yang kreatif dan sangat kreatif memperoleh pencapaian yang berbeza-beza dari gred A hingga C. Perbezaan pencapaian ini menggambarkan bahawa setiap pelajar mempunyai kekuatan dan kelemahan yang tersendiri dalam proses pembelajaran mereka. Kajian Gladushyna et al. (2021) yang menggunakan data TIMSS (Trends in International Mathematics and Science Study) and PIRLS (Progress in International Reading Literacy Study) 2011 mendapati bahawa walaupun majoriti pelajar menunjukkan prestasi yang seimbang antara sains, matematik dan kemahiran membaca, namun terdapat sebahagian pelajar yang mempamerkan kekuatan dan kelemahan khusus dalam mata pelajaran tertentu. Sebagai contoh, sesetengah pelajar menunjukkan kekuatan dalam matematik tetapi lemah dalam bacaan, manakala yang lain pula mempunyai prestasi yang tinggi dalam matematik dan bacaan tetapi lemah dalam sains. Sesetengah pelajar mungkin lebih cenderung kepada pemikiran kreatif dan inovatif, manakala yang lain mungkin lebih mahir dalam aspek analitikal dan teknikal.

Kepelbagaian ini adalah fenomena semulajadi yang perlu diterima dan dihargai dalam proses pendidikan, dan bukannya dilihat sebagai satu kelemahan dalam sistem pentaksiran atau kaedah pengajaran. Perbezaan dapatan antara kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa hubungan antara kreativiti, kepelbagaian kecerdasan murid dan pencapaian akademik adalah kompleks dan mungkin dipengaruhi oleh pelbagai faktor lain termasuk tahap pendidikan, persekitaran pembelajaran, pentaksiran dan pendekatan pengajaran yang digunakan. Situasi ini mencerminkan cabaran dalam pelaksanaan

pendekatan modular secara linear yang mungkin tidak mengambil kira sepenuhnya kepelbagaian tahap kognitif dan gaya pembelajaran murid. Walaupun pendekatan ini menyediakan struktur pembelajaran yang sistematik, keberkesanannya mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti latar belakang pendidikan murid, tahap penguasaan bahasa, dan pengalaman pembelajaran terdahulu. Hal ini menunjukkan keperluan untuk meneliti semula strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih fleksibel dan responsif terhadap keperluan individu murid. Kajian oleh Condoy (2024) mendapati kepelbagaian gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar seperti visual, auditori, kinestetik dan pembacaan atau penulisan memerlukan pendekatan pengajaran yang pelbagai bagi memastikan setiap pelajar dapat mengoptimumkan pembelajaran mereka. Perbezaan tahap penguasaan dan cabaran pembelajaran yang berbeza dalam kalangan pelajar turut menunjukkan kepentingan guru mengadaptasi pendekatan pengajaran agar dapat memenuhi keperluan pembelajaran individu murid.

Ketidakseimbangan ini mencadangkan bahawa pendekatan modular secara linear yang digunakan mungkin lebih berkesan untuk sebahagian murid berbanding murid yang lain Ia juga menunjukkan keperluan untuk mengambil kira kepelbagaian tahap keupayaan dan gaya pembelajaran murid dalam merancang aktiviti PdPc. Ini mungkin memerlukan aplikasi pendekatan modular secara linear yang mengintegrasikan pelbagai kaedah pengajaran, termasuk pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran kolaboratif, dan penggunaan teknologi pendidikan yang dapat membantu merapatkan jurang penguasaan dalam kalangan murid. Di samping itu, pemantauan berterusan dan penilaian formatif yang lebih kerap juga diperlukan untuk mengenal pasti dan menangani kesukaran pembelajaran murid pada peringkat awal.

Kesimpulannya, pendekatan modular secara linear dilihat paling sesuai untuk pembelajaran melibatkan perkara amali dan kemahiran praktikal, namun mungkin memerlukan pengubahsuaian untuk meningkatkan keberkesanannya dalam aspek pembelajaran konseptual dan teoritikal. Ini selari dengan misi KPM untuk melestarian sistem pendidikan yang berkualiti untuk membangunkan potensi individu bagi memenuhi aspirasi negara (Rahman & binti Ramli, 2021). Pendekatan modular secara linear ini juga perlu disesuaikan dengan keperluan khusus pembelajaran di SJKC dengan mengambil kira kekangan masa dan sumber yang ada. Perkara ini penting untuk memastikan murid muslim di SJKC dapat menguasai Pendidikan Islam secara holistik, selaras dengan aspirasi sistem pendidikan Malaysia untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi akademik dan sahsiah (Rosli et al., 2021).

4.5 Latar Belakang Objektif Kajian 2

Objektif Kajian 2 dalam kajian ini adalah untuk menilai tahap penguasaan Pendidikan Islam murid di SJKC selepas pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam secara modular.

4.5.1 Keputusan Objektif Kajian 2 Fasa 2 Ujian Pasca (Pendekatan Modular Secara Bukan Linear)

Hasil analisis statistik deskriptif tahap penguasaan Pendidikan Islam murid berdasarkan pentaksiran keseluruhan dengan pendekatan modular secara bukan linear (Jadual 4.16) menunjukkan bahawa tahap penguasaan minimum adalah 112 (75 peratus), tahap penguasaan maksimum adalah 149 (99 peratus), mean: 137.14 (91 peratus). Sisihan piawai pula adalah 10.32 dengan skor varians 106.60. Jadual dibawah (Jadual 4.16) menerangkan tentang analisis statistik deskriptif tahap penguasaan Pendidikan Islam Fasa 2 Ujian Pasca (pendekatan modular secara bukan linear) (n=22):

Jadual 4.16

Analisis Statistik Deskriptif Tahap Penguasaan Pendidikan Islam Fasa 2 Ujian Pasca (Pendekatan Modular Secara Bukan Linear) (n=22)

Pentaksiran	Min (%)	Max (%)	Mean (%)	SD	Variance
Keseluruhan	112 (75)	149 (99)	137.14 (91)	10.32	106.60

*Min: Minimum, Max: Maksimum, Mean: Purata, SD: Standard Deviation (Sisihan Piawai), Variance: Varians (Capahan)

Pencapaian murid berdasarkan Jadual 4.17 di bawah menunjukkan majoriti murid, iaitu 19 orang mendapat gred A (cemerlang) dengan markah 82-100 peratus, manakala hanya sebilangan kecil, iaitu 3 orang murid mendapat gred B (kepujian) dengan markah 66-81 peratus. Bagi murid yang mendapat gred A, analisis terperinci menunjukkan daripada 19 orang murid yang mendapat gred A (Cemerlang), 15 orang murid mendapat 90-99 peratus, dan 4 orang murid mendapat 82-89 peratus. Manakala bagi gred B (Kepujian) pula, 3 orang murid mendapat 74-81 peratus. Dapatan ini menunjukkan tahap penguasaan murid secara keseluruhan yang baik dengan peratus terendah 75 peratus dan peratus tertinggi 99 peratus. Walaubagaimanapun, berdasarkan

nilai sisihan piawai 10.32 dan varians 106.60, didapati wujud jurang pencapaian yang besar dalam kalangan murid walaupun mereka berada dalam gred yang sama.

Jadual 4.17

Pencapaian Pendidikan Islam Fasa 2 Ujian Pasca (Pendekatan Modular Secara Bukan Linear)

Bilangan Murid	Markah	Gred	Ulasan
19	82-100	A	Cemerlang
3	66-81	B	Kepujian
0	50-65	C	Baik
0	35-49	D	Memuaskan
0	20-34	E	Mencapai tahap minimum
0	0-19	F	Belum mencapai tahap minimum

Perincian analisis statistik deskriptif dilakukan bagi mengenal pasti tahap penguasaan murid dalam Pendidikan Islam secara spesifik terhadap komponen berikut, iaitu: (a) pentaksiran lisan; (b) pentaksiran bertulis; dan (c) pentaksiran amali bagi menilai tahap penguasaan dalam setiap komponen pentaksiran secara terperinci.

i) Pentaksiran Lisan

Analisis statistik deskriptif tahap penguasaan Pendidikan Islam Fasa 2 Ujian Pasca (pendekatan modular secara bukan linear) berdasarkan pentaksiran lisan telah dinilai melalui lima (5) item iaitu Pentaksiran Lisan Fasa 2 Ujian Pasca (PLR), iaitu PLR1, PLR2, PLR3, PLR4 dan PLR5. Setiap item diberi markah dalam julat yang berbeza iaitu julat 0 hingga 5 untuk PLR1 dan PLR3, julat 0 hingga 10 untuk PLR2 dan PLR4, dan julat 0 hingga 20 untuk PLR5 menjadikan jumlah markah maksimum keseluruhan sebanyak 50. Singkatan dan item setiap PLR adalah seperti jadual berikut (Jadual 4.18):

Jadual 4.18

Singkatan dan Item PLR

Singkatan	Item	Julat Markah
PLR1	Menghafaz 4/7 ayat daripada surah Al-Fatihah dengan betul	0-5
PLR2	Menghafaz 7/7 ayat daripada surah Al-Fatihah dengan betul	0-10

Singkatan	Item	Julat Markah
PLR3	Menghafaz 2/4 ayat daripada surah Al-Ikhlas dengan betul	0-5
PLR4	Menghafaz 4/4 ayat daripada surah Al-Ikhlas dengan betul	0-10
PLR5	Menghafaz surah Al-Fatihah & surah Al-Ikhlas dengan fasih dan bertajwid	0-20
Jumlah Markah Maksimum		50

Berdasarkan keputusan pentaksiran lisan mengikut item dalam Jadual 4.19, PLR1 menunjukkan markah minimum 5, markah maksimum 5 dan purata markah 5 (100 peratus), PLR2 mencatatkan markah minimum 8, markah maksimum 10 dan purata markah 9.86 (98.6 peratus), PLR3 dengan markah minimum 5, markah maksimum 5 dan purata markah 5 (100 peratus), PLR4 menunjukkan markah minimum 6, markah maksimum 10 dan purata markah 9.27 (92.7 peratus), manakala PLR5 mencatatkan markah minimum 15, markah maksimum 20 dan purata markah 18.59 (92.95 peratus). Berdasarkan purata markah setiap item, PLR1 dan PLR3 mencatatkan pencapaian paling tinggi (mean: 100 peratus) manakala PLR4 mencatatkan pencapaian paling rendah (mean: 92.7 peratus). Jadual dibawah (Jadual 4.19) merujuk kepada keputusan Pentaksiran Lisan Fasa 2 Ujian Pasca (PLR) mengikut item:

Jadual 4.19

Keputusan Pentaksiran Lisan Fasa 2 Ujian Pasca (PLR) Mengikut Item

Pentaksiran	Item	Julat Skor	Min (%)	Max (%)	Mean (%)	SD
PLR	PLR1	0-5	5	5	5 (100)	
	PLR2	0-10	8	10	9.86 (98.6)	
	PLR3	0-5	5	5	5 (100)	
	PLR4	0-10	6	10	9.27 (92.7)	
	PLR5	0-20	15	20	18.59 (92.95)	

ii) Pentaksiran Bertulis

Analisis statistik deskriptif tahap penguasaan Pendidikan Islam berdasarkan pentaksiran bertulis dinilai melalui sepuluh (10) item Pentaksiran Bertulis Fasa 2 Ujian Pasca (PBR) iaitu, PBR1, PBR2, PBR3, PBR4, PBR5, PBR6, PBR7, PBR8, PBR9 dan PBR10. Setiap item diberi markah dalam julat 0 hingga 5, menjadikan jumlah markah maksimum keseluruhan sebanyak 50. Singkatan dan item setiap PBR adalah seperti berikut (Jadual 4.20):

Jadual 4.20
Singkatan dan Item PBR

Singkatan	Item	Julat Markah
PBR1	Jawi1	0-5
PBR2	Jawi2	0-5
PBR3	Jawi3	0-5
PBR4	Jawi4	0-5
PBR5	Akidah1	0-5
PBR6	Akidah2	0-5
PBR7	Sirah1	0-5
PBR8	Sirah2	0-5
PBR9	Ibadah1	0-5
PBR10	Ibadah2	0-5
Jumlah Markah Maksimum		50

Berdasarkan keputusan pentaksiran bertulis mengikut item dalam Jadual 4.21, PBR1 menunjukkan markah minimum 2, markah maksimum 5 dan purata markah 4.73 (94.6 peratus), PBR2 mencatatkan markah minimum 3, markah maksimum 5 dan purata markah 4.82 (96.4 peratus), PBR3 dengan markah minimum 0, markah maksimum 5 dan purata markah 4.82 (96.4 peratus), PBR4 menunjukkan markah minimum 0, markah maksimum 5 dan purata markah 3.82 (76.4 peratus), PBR5 mencatatkan markah minimum 0, markah maksimum 5 dan purata markah 3.55 (71 peratus), PBR6 dengan markah minimum 5, markah maksimum 5 dan purata markah 5 (100 peratus), PBR7 menunjukkan markah minimum 3, markah maksimum 5 dan purata markah 4.23 (84.6 peratus), PBR8 mencatatkan markah minimum 3, markah maksimum 5 dan purata markah 4.59 (91.8 peratus), PBR9 dengan markah minimum 4, markah maksimum 5 dan purata markah 4.91 (98.2 peratus), manakala PBR10 mencatatkan markah

minimum 3, markah maksimum 5 dan purata markah 4.41 (88.2 peratus). Berdasarkan purata markah setiap item, PBR6 mencatatkan pencapaian paling tinggi (mean: 100 peratus) manakala PBR5 mencatatkan pencapaian paling rendah (mean: 71 peratus). Keputusan Pentaksiran Bertulis Fasa 2 Ujian Pasca (PBR) adalah seperti jadual berikut (Jadual 4.21):

Jadual 4.21

Keputusan Pentaksiran Bertulis Fasa 2 Ujian Pasca (PBR) Mengikut Item

Pentaksiran	Item	Julat Skor	Min (%)	Max (%)	Mean (%)
PBR	PBR1	0-5	2	5	4.73 (94.6)
	PBR2	0-5	3	5	4.82 (96.4)
	PBR3	0-5	0	5	4.82 (96.4)
	PBR4	0-5	0	5	3.82 (76.4)
	PBR5	0-5	0	5	3.55 (71)
	PBR6	0-5	5	5	5 (100)
	PBR7	0-5	3	5	4.23 (84.6)
	PBR8	0-5	3	5	4.59 (91.8)
	PBR9	0-5	4	5	4.91 (98.2)
	PBR10	0-5	3	5	4.41 (88.2)

iii) Pentaksiran Amali

Analisis statistik deskriptif tahap penguasaan Pendidikan Islam berdasarkan pentaksiran amali dinilai melalui sebelas (11) item Pentaksiran Amali Fasa 2 Ujian Pasca (PAR), iaitu PAR1, PAR2, PAR3, PAR4, PAR5, PAR6, PAR7, PAR8, PAR9, PAR10 dan PAR11. Setiap item diberi markah dalam julat yang berbeza iaitu julat 0 hingga 3 untuk PAR1, PAR2, PAR3, PAR4 dan PAR9, julat 0 hingga 5 untuk PAR5, PAR6, PAR7, PAR8 dan PAR10. Julat 0 hingga 10 untuk PAR11, menjadikan jumlah skor maksimum keseluruhan sebanyak 50. Singkatan dan item setiap PAR adalah seperti berikut (Jadual 4.22):

Jadual 4.22

Singkatan dan Item PAR

Singkatan	Item	Julat Markah
PAR1	Membaca basmallah	0-3
PAR2	Membasuh tangan hingga ke pergelangannya	0-3
PAR3	Berkumur-kumur	0-3
PAR4	Memasukkan air ke dalam hidung	0-3
PAR5	Berniat ketika membasuh muka	0-5
PAR6	Membasuh muka	0-5
PAR7	Membasuh tangan hingga ke siku	0-5
PAR8	Menyapu sebahagian kepala	0-5
PAR9	Membasuh telinga	0-3
PAR10	Membasuh kaki hingga ke buku lali	0-5
PAR11	Tertib	0-10
Jumlah Markah Maksimum		50

Berdasarkan keputusan pentaksiran amali mengikut item dalam Jadual 4.23, PAR1, PAR2, PAR3, PAR4 dan PAR9 menunjukkan markah minimum 3, markah maksimum 3 dan purata markah 3 (100 peratus), PAR5, PAR6 dan PAR10 mencatatkan markah minimum 3, markah maksimum 5 dan purata markah 4.09 (81.8 peratus), PAR7 menunjukkan markah minimum 4, markah maksimum 5 dan purata markah 4.55 (91 peratus), PAR8 mencatatkan markah minimum 5, markah maksimum 5 dan purata markah 5 (100 peratus), manakala PAR11 mencatatkan markah minimum 7, markah maksimum 10 dan purata markah 8.36 (83.6 peratus). Berdasarkan purata markah setiap item, PAR1, PAR2, PAR3, PAR4, PAR8 dan PAR9 mencatatkan pencapaian paling tinggi (mean: 100 peratus) manakala PAR5, PAR6 dan PAR10 mencatatkan pencapaian paling rendah (mean: 81.8 peratus). Keputusan Pentaksiran Amali Fasa 2 Ujian Pasca (PAR) mengikut item adalah seperti jadual berikut (Jadual 4.23):

Jadual 4.23

Keputusan Pentaksiran Amali Fasa 2 Ujian Pasca(PAR) Mengikut Item

Pentaksiran	Item	Julat Skor	Min (%)	Max (%)	Mean (%)
PAR	PAR1	0-3	3	3	3 (100)
	PAR2	0-3	3	3	3 (100)
	PAR3	0-3	3	3	3 (100)
	PAR4	0-3	3	3	3 (100)

Pentaksiran	Item	Julat Skor	Min (%)	Max (%)	Mean (%)
	PAR5	0-5	3	5	4.09 (81.8)
	PAR6	0-5	3	5	4.09 (81.8)
	PAR7	0-5	4	5	4.55 (91)
	PAR8	0-5	5	5	5 (100)
	PAR9	0-3	3	3	3 (100)
	PAR10	0-5	3	5	4.09 (81.8)
	PAR11	0-10	7	10	8.36 (83.6)

iv) Rumusan Fasa 2 Ujian Pasca

Berdasarkan keputusan keseluruhan pentaksiran lisan, pentaksiran bertulis dan pentaksiran amali dalam Jadual 4.24, pentaksiran lisan menunjukkan markah minimum 42 (28 peratus), markah maksimum 50 (33.33 peratus) dan purata markah 47.73 (31.82 peratus), dengan sisihan piawai 2.47. Pentaksiran bertulis menunjukkan markah minimum 30 (20 peratus), markah maksimum 50 (33.33 peratus) dan purata markah 44.23 (29.49 peratus), dengan sisihan piawai 5.91. Pentaksiran amali menunjukkan markah minimum 40 (26.67 peratus), markah maksimum 50 (33.33 peratus) dan purata markah 45.18 (30.12 peratus), dengan sisihan piawai 4.88. Keputusan pentaksiran keseluruhan tahap penguasaan Pendidikan Islam Fasa 1 Ujian Pasca (Pendekatan Modular Secara Bukan Linear) (n=22) adalah seperti jadual berikut (Jadual 4.24):

Jadual 4.24

Keputusan Pentaksiran Keseluruhan Tahap Penguasaan Pendidikan Islam Fasa 2 Ujian Pasca (Pendekatan Modular Secara Bukan Linear) (n=22)

Pentaksiran	Min (%)	Max (%)	Mean (%)	SD
Lisan	42 (28)	50 (33.33)	47.73 (31.82)	2.47
Bertulis	30 (20)	50 (33.33)	44.23 (29.49)	5.91
Amali	40 (26.67)	50 (33.33)	45.18 (30.12)	4.88

*Min: Minimum, Max: Maksimum, Mean: Purata, SD: Standard Deviation (Sisihan Piawai)

Markah purata pencapaian murid berdasarkan tiga komponen pentaksiran ini adalah tinggi dengan markah purata pentaksiran lisan 47.73 (95.46 peratus), pentaksiran bertulis 44.23 (88.46 peratus) dan pentaksiran amali 45.18 (90.36 peratus). Pentaksiran lisan memperoleh markah purata paling tinggi diikuti amali dan bertulis. Secara keseluruhannya, markah pencapaian tahap penguasaan Pendidikan Islam Fasa 2 Ujian Pasca (pendekatan modular secara bukan linear) paling tinggi dalam pentaksiran lisan,

diikuti pentaksiran amali dan bertulis. Analisis deskriptif pencapaian mengikut komponen ini telah membantu menilai tahap penguasaan Pendidikan Islam Fasa 1 Ujian Pasca (pendekatan modular secara bukan linear) dengan lebih terperinci. Oleh itu, analisis deskriptif pencapaian mengikut komponen ini telah membantu menilai tahap penguasaan Pendidikan Islam Fasa 2 Ujian Pasca (pendekatan modular secara bukan linear) dengan lebih terperinci.

Secara keseluruhannya, Objektif Kajian 1 untuk menilai tahap penguasaan Pendidikan Islam murid sebelum (Fasa 1 Ujian Pra - pendekatan modular secara linear) dan selepas (Fasa 2 Ujian Pasca - pendekatan modular secara bukan linear) pelaksanaan intervensi pengajaran pendekatan modular telah berjaya dicapai. Kedua-dua fasa menunjukkan tahap penguasaan yang cemerlang (>80%) dengan Fasa 1 mencatatkan skor min 133.64 (89%) dan Fasa 2 mencatatkan skor min 137.14 (91%).

4.5.2 Perbincangan Objektif Kajian 2 Tahap Penguasaan Fasa 2 Ujian Pasca (Pendekatan Modular Secara Bukan Linear)

Sebelum membincangkan dapatan Objektif Kajian 2 secara mendalam, adalah penting untuk memahami konteks pelaksanaan pendekatan modular secara bukan linear dalam kajian ini berdasarkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang telah dirancang.

Jadual 4.25

Perbandingan Standard Pembelajaran (SP) dan Standard Kandungan (SK) Mengikut RPT dengan SP dan SK yang Dipilih dalam Pendekatan Modular Secara Bukan Linear (Fasa 2)

Minggu	SK dan SP Pendidikan Islam mengikut RPT	Bidang	SK dan SP yang Dipilih Secara Fleksibel (Pendekatan Modular Secara Bukan Linear)
1	SK 1.3 Membaca kalimah dan potongan ayat yang mengandungi صَمَّتَيْنِ dan فُتِحَتَيْنِ، كُسِرَتَيْنِ dengan betul dan bertajwid. SP 1.3.1 Membaca kalimah dan potongan ayat yang mengandungi صَمَّتَيْنِ dan فُتِحَتَيْنِ، كُسِرَتَيْنِ dengan betul dan bertajwid.	Al-Quran	SK 2.1 Menghafaz dan mengamalkan surah Al-Fatihah dengan betul dan bertajwid. SP 2.1.1 Menghafaz surah Al-Fatihah. SP 2.1.2 Menghafaz surah Al-Fatihah dengan betul dan bertajwid.

	SK 3.2 Merumus, meyakini dan mengamalkan rukun Islam dalam kehidupan harian.	Akidah	SK 3.2 Merumus, meyakini dan mengamalkan rukun Islam dalam kehidupan harian.
	SP 3.2.1 Menyatakan pengertian rukun Islam.		SP 3.2.1 Menyatakan pengertian rukun Islam.
	SP 3.2.2 Menyenaraikan rukun Islam.		SP 3.2.2 Menyenaraikan rukun Islam. SP 3.2.3 Merumus kepentingan beriman kepada rukun Islam dalam kehidupan harian. SP 3.2.4 Meyakini rukun Islam dan mengamalkannya dalam kehidupan harian.
	SK 7.2 Membaca dan menulis suku kata terbuka.	Jawi	SK 7.2 Membaca dan menulis suku kata terbuka.
	SP 7.2.1 Mematang suku kata terbuka.		SP 7.2.1 Mematang suku kata terbuka.
			SP 7.2.2 Mengenal dan menulis bentuk huruf di awal suku kata terbuka yang boleh bersambung.
	SK 1.3 Membaca kalimah dan potongan ayat yang mengandungi ضَمَّتَيْن، فَتَحَتَيْن، كَسَرَتَيْن dengan betul dan bertajwid.	Al-Quran	SK 2.1 Menghafaz dan mengamalkan surah Al-Fatihah dengan betul dan bertajwid.
	SP 1.3.2 Membanding beza bacaan kalimah dan potongan ayat yang mengandungi ضَمَّتَيْن، فَتَحَتَيْن، كَسَرَتَيْن dan ضَمَّتَيْن dengan betul dan bertajwid.		SP 2.1.1 Menghafaz surah Al-Fatihah. SP 2.1.2 Menghafaz surah Al-Fatihah dengan betul dan bertajwid.
2	SK 3.2 Merumus, meyakini dan mengamalkan rukun Islam dalam kehidupan harian.	Akidah	SK 3.2 Merumus, meyakini dan mengamalkan rukun Islam dalam kehidupan harian.
	SP 3.2.3 Merumus kepentingan beriman kepada rukun Islam dalam kehidupan harian.		SP 3.2.1 Menyatakan pengertian rukun Islam.
	SP 3.2.4 Meyakini rukun Islam dan mengamalkannya dalam kehidupan harian.		SP 3.2.2 Menyenaraikan rukun Islam. SP 3.2.3 Merumus kepentingan beriman kepada rukun Islam dalam kehidupan harian. SP 3.2.4 Meyakini rukun Islam dan mengamalkannya dalam kehidupan harian.
	SK 7.2 Membaca dan menulis suku kata terbuka.	Jawi	SK 7.2 Membaca dan menulis suku kata terbuka.
	SP 7.2.1 Mematang suku kata terbuka.		SP 7.2.3 Menulis suku kata terbuka dengan cara yang betul.
3	SK 1.3 Membaca kalimah dan potongan ayat yang mengandungi	Al-Quran	SK 2.1 Menghafaz dan

4	ضَمَّتَيْنِ، فَتَحَتَيْنِ، كَسَرَتَيْنِ dengan betul dan bertajwid. SP 1.3.3 Talaqqi musyafahah bacaan kalimah dan potongan ayat yang mengandungi ضَمَّتَيْنِ، فَتَحَتَيْنِ dan ضَمَّتَيْنِ dengan betul dan bertajwid. SP 1.3.4 Mengaplikasikan bacaan kalimah dan potongan ayat yang mengandungi ضَمَّتَيْنِ، فَتَحَتَيْنِ dan ضَمَّتَيْنِ dengan betul dan bertajwid dalam pembacaan Al-Quran.		mengamalkan surah Al-Fatihah dengan betul dan bertajwid. SP 2.1.3 Memperdengarkan hafazan surah Al-Fatihah dengan betul dan bertajwid. SP 2.1.4 Membaca surah Al-Fatihah dengan betul dan bertajwid sebagai salah satu rukun solat dan mengamalkannya dalam kehidupan harian.
	SP 4.2 Memahami dan mengamalkan konsep beristinja' dalam kehidupan harian. SK 4.2.1 Menyatakan pengertian istinja'. SK 4.2.2 Menyenaraikan alat-alat beristinja'. SK 4.2.3 Menjelaskan cara beristinja'.	Ibadah	4.3 Memahami dan mengamalkan konsep berwudhu' dengan sempurna. SK 4.3.6 Mengaplikasikan cara berwudhu' dengan sempurna. SK 4.3.7 Melazimi wudhu' dalam kehidupan harian.
	SK 7.2 Membaca dan menulis suku kata terbuka. SP 7.2.2 Mengenali dan menulis bentuk huruf di awal suku kata terbuka yang boleh bersambung.	Jawi	SK 7.2 Membaca dan menulis suku kata terbuka. SP 7.2.3 Menulis suku kata terbuka dengan cara yang betul.
	SK 1.4 Membaca kalimah dan potongan ayat yang mengandungi bacaan اظهر قمرى dengan betul dan bertajwid. SP 1.4.1 Membaca kalimah dan potongan ayat yang mengandungi bacaan نون ساكنة، ميم ساكنة، باخاءن قلقلة، حروف ٢ هجائية اظهر قمرى ساكنة dengan betul dan bertajwid.	Al-Quran	SK 2.1 Menghafaz dan mengamalkan surah Al-Fatihah dengan betul dan bertajwid. SP 2.1.3 Memperdengarkan hafazan surah Al-Fatihah dengan betul dan bertajwid. SP 2.1.4 Membaca surah Al-Fatihah dengan betul dan bertajwid sebagai salah satu rukun solat dan mengamalkannya dalam kehidupan harian.
	SK 4.2 Memahami dan mengamalkan konsep beristinja' dalam kehidupan harian. SK 4.2.4 Menganalisis kepentingan beristinja'. SK 4.2.5 Mengaplikasi adab sebelum, semasa dan selepas qadha' hajat.	Ibadah	4.3 Memahami dan mengamalkan konsep berwudhu' dengan sempurna. SK 4.3.6 Mengaplikasikan cara berwudhu' dengan sempurna.

		SK 4.3.7 Melazimi wudhu' dalam kehidupan harian.	
	SP 7.2 Membaca dan menulis suku kata terbuka.	Jawi	SK 7.2 Membaca dan menulis suku kata terbuka.
	SK 7.2.2 Mengenal dan menulis bentuk huruf di awal suku kata terbuka yang boleh bersambung.		SP 7.2.3 Menulis suku kata terbuka dengan cara yang betul.
	SK 1.4 Membaca kalimah dan potongan ayat yang mengandungi bacaan اظهر قمرى dengan betul dan bertajwid.	Al-Quran	SK 2.2 Menghafaz dan mengamalkan surah Al-Ikhlâs dengan betul dan bertajwid.
	SP 1.4.2 Talaqqi musyafahah bacaan kalimah dan potongan ayat yang mengandungi bacaan نون ساكنة، ميم ساكنة، باخاءن قلقلة، حروف ٢ اظهر قمرى dan هجائية ساكنة dengan betul dan bertajwid.		SK 2.2.1 Menghafaz surah Al-Ikhlâs.
	SP 1.4.3 Mengaplikasikan bacaan kalimah dan potongan ayat yang mengandungi bacaan نون ساكنة، ميم ساكنة، باخاءن قلقلة، حروف ٢ اظهر قمرى dan هجائية ساكنة dengan betul dan bertajwid dalam pembacaan Al-Quran.		SK 2.2.2 Menghafaz surah Al-Ikhlâs dengan betul dan bertajwid.
5			
	SK 5.2 Mengambil iktibar dan mencontohi ciri-ciri keistimewaan sifat صديق Nabi Muhammad.	Sirah	SK 5.2 Mengambil iktibar dan mencontohi ciri-ciri keistimewaan sifat صديق Nabi Muhammad.
	SP 5.2.1 Menyatakan sifat Nabi Muhammad yang unggul.		SP 5.2.1 Menyatakan sifat Nabi Muhammad yang unggul.
	SP 5.2.2 Menjelaskan sifat صديق Nabi yang unggul.		SP 5.2.2 Menjelaskan sifat صديق Nabi yang unggul.
			SK 5.2.3 Menganalisis sifat صديق Nabi Muhammad yang unggul melalui kisah.
			SK 5.2.4 Mencontohi Tindakan Rasulullah daripada kisah Nabi Muhammad yang bersifat صديق.
	SP 7.2 Membaca dan menulis suku kata terbuka.	Jawi	SP 7.3 Membaca dan menulis perkataan yang terdiri daripada dua suku kata terbuka.

	SK 7.2.3 Menulis suku kata terbuka dengan cara yang betul.		SK 7.3.1 Membina dan membaca perkataan yang terdiri daripada dua suku kata terbuka.
	SP 1.5 Membaca kalimah dan potongan ayat yang mengandungi bacaan لَين dengan betul dan bertajwid.	Al-Quran	SK 2.2 Menghafaz dan mengamalkan surah Al-Ikhlâs dengan betul dan bertajwid.
	SK 1.5.1 Membaca kalimah dan potongan ayat yang mengandungi huruf ي dan و Sakinah yang sebelumnya berbaris di atas dengan betul dan bertajwid.		SK 2.2.1 Menghafaz surah Al-Ikhlâs. SK 2.2.2 Menghafaz surah Al-Ikhlâs dengan betul dan bertajwid.
6	SP 5.2 Mengambil iktibar dan mencontohi ciri-ciri keistimewaan sifat صديق Nabi Muhammad.	Sirah	SK 5.2 Mengambil iktibar dan mencontohi ciri-ciri keistimewaan sifat صديق Nabi Muhammad.
	SK 5.2.3 Menganalisis sifat صديق Nabi Muhammad yang unggul melalui kisah.		SP 5.2.1 Menyatakan sifat Nabi Muhammad yang unggul.
	SK 5.2.4 Mencontohi Tindakan Rasulullah daripada kisah Nabi Muhammad yang bersifat صديق.		SP 5.2.2 Menjelaskan sifat صديق Nabi yang unggul. SK 5.2.3 Menganalisis sifat صديق Nabi Muhammad yang unggul melalui kisah. SK 5.2.4 Mencontohi Tindakan Rasulullah daripada kisah Nabi Muhammad yang bersifat صديق.
	SP 7.2 Membaca dan menulis suku kata terbuka.	Jawi	SP 7.3 Membaca dan menulis perkataan yang terdiri daripada dua suku kata terbuka.
	SK 7.2.3 Menulis suku kata terbuka dengan cara yang betul.		SK 7.3.1 Membina dan membaca perkataan yang terdiri daripada dua suku kata terbuka.
7	SP 1.5 Membaca kalimah dan potongan ayat yang mengandungi bacaan لَين dengan betul dan bertajwid.	Al-Quran	SK 2.2 Menghafaz dan mengamalkan surah Al-Ikhlâs dengan betul dan bertajwid.
	SK 1.5.2 Membanding beza bacaan kalimah dan potongan ayat yang mengandungi bacaan لَين dengan bacaan mad ي dan و secara betul dan bertajwid.		SK 2.2.3 Memperdengarkan hafazan surah Al-Ikhlâs dengan betul dan bertajwid. SK 2.2.4 Mengamalkan hafazan surah Al-Ikhlâs dalam solat dan kehidupan harian.

8	SP 6.2 Menaakul dan mengamalkan adab dalam kehidupan bersosial mengikut sunnah Rasulullah. SK 6.2.1 Menerangkan maksud keluarga. SK 6.2.2 Menghuraikan adab terhadap keluarga.	Adab	SP 6.2 Menaakul dan mengamalkan adab dalam kehidupan bersosial mengikut sunnah Rasulullah. SK 6.2.1 Menerangkan maksud keluarga. SK 6.2.2 Menghuraikan adab terhadap keluarga. SK 6.2.3 Merumuskan kepentingan mengamalkan adab-adab terhadap keluarga dan akibat mengabaikannya. SK 6.2.4 Mengamalkan adab-adab terhadap keluarga dalam kehidupan harian mengikut sunnah Rasulullah.
	SP 7.3 Membaca dan menulis perkataan yang terdiri daripada dua suku kata terbuka. SK 7.3.1 Membina dan membaca perkataan yang terdiri daripada dua suku kata terbuka.	Jawi	SP 7.3 Membaca dan menulis perkataan yang terdiri daripada dua suku kata terbuka. SK 7.3.1 Membina dan membaca perkataan yang terdiri daripada dua suku kata terbuka.
	SP 1.5 Membaca kalimah dan potongan ayat yang mengandungi bacaan لَين dengan betul dan bertajwid. SK 1.5.3 Talaqqi musyafahah bacaan kalimah dan potongan ayat yang mengandungi huruf ي dan و Sakinah yang sebelumnya berbaris di atas dengan betul dan bertajwid. SK 1.5.4 Mengaplikasikan bacaan kalimah dan potongan ayat yang mengandungi huruf ي dan و Sakinah yang sebelumnya berbaris di atas dengan betul dan bertajwid dalam pembacaan Al-Quran.	Al-Quran	SK 2.2 Menghafaz dan mengamalkan surah Al-Ikhlash dengan betul dan bertajwid. SK 2.2.3 Memperdengarkan hafazan surah Al-Ikhlash dengan betul dan bertajwid. SK 2.2.4 Mengamalkan hafazan surah Al-Ikhlash dalam solat dadn kehidupan harian.
	SP 6.2 Menaakul dan mengamalkan adab dalam kehidupan bersosial mengikut sunnah Rasulullah. SK 6.2.3 Merumuskan kepentingan mengamalkan adab-adab terhadap keluarga dan akibat mengabaikannya. SK 6.2.4 Mengamalkan adab-adab terhadap keluarga dalam kehidupan harian mengikut sunnah Rasulullah.	Adab	SP 6.2 Menaakul dan mengamalkan adab dalam kehidupan bersosial mengikut sunnah Rasulullah. SK 6.2.1 Menerangkan maksud keluarga. SK 6.2.2 Menghuraikan adab terhadap keluarga. SK 6.2.3 Merumuskan kepentingan mengamalkan adab-adab terhadap keluarga dan akibat mengabaikannya.

		SK 6.2.4 Mengamalkan adab-adab terhadap keluarga dalam kehidupan harian mengikut sunnah Rasulullah.
SP 7.3 Membaca dan menulis perkataan yang terdiri daripada dua suku kata terbuka.	Jawi	SP 7.3 Membaca dan menulis perkataan yang terdiri daripada dua suku kata terbuka.
SK 7.3.1 Membina dan membaca perkataan yang terdiri daripada dua suku kata terbuka.		SK 7.3.1 Membina dan membaca perkataan yang terdiri daripada dua suku kata terbuka.

Berbeza dengan pendekatan modular secara linear, pendekatan modular secara bukan linear memberikan fleksibiliti kepada guru untuk memilih SK dan SP yang berbeza dari urutan RPT berdasarkan kesediaan dan keperluan murid. Walaupun merangkumi tujuh bidang yang sama, urutan pembelajaran tidak mengikut hierarki yang ditetapkan dalam RPT.

Berdasarkan Jadual 4.25, guru Pendidikan Islam membuat keputusan untuk tidak mengikut turutan RPT dalam Fasa 2. Sebaliknya, pemilihan SK dan SP dibuat berdasarkan pertimbangan profesional guru mengikut kesesuaian dan kesediaan murid. Keputusan ini melibatkan pertimbangan yang teliti bagi setiap bidang pembelajaran Pendidikan Islam.

Berbeza dengan pendekatan modular secara linear yang bersifat berurutan, pendekatan modular secara bukan linear dalam Fasa 2 ini dilaksanakan berdasarkan prinsip fleksibiliti sebagai ciri utamanya. Guru mempunyai autonomi untuk menyesuaikan susunan modul, bahan dan aktiviti mengikut profil dan kesediaan murid, tanpa terikat dengan susunan koheren tajuk dalam RPT (Pujilestari et al., 2025).

Modul berfungsi sebagai unit pembelajaran yang boleh dipilih atau disusun semula mengikut keperluan, minat, tahap dan konteks kelas (Husin et al., 2023). Keistimewaan utama pendekatan ini adalah kebebasan guru untuk menggabungkan, melangkau atau mengulang SK dan SP tertentu berdasarkan respons dan kesediaan murid. Pendekatan ini membina kreativiti melalui fleksibiliti (Egorova, 2021; Adams & Thomas, 2020) dan sesuai digunakan dalam konteks SJKC yang memerlukan pengoptimuman masa pengajaran yang terhad.

Selain pemilihan topik yang fleksibel, teknik pengajaran yang digunakan dalam Fasa 2 juga berbeza daripada Fasa 1, mencerminkan pendekatan yang lebih aktif, kolaboratif, dan autentik selaras dengan prinsip pendekatan modular secara bukan linear (Egorova et al., 2021).

4.5.2.1 Justifikasi Pemilihan dan Susunan Topik dalam Pendekatan Modular Secara Bukan Linear

Pemilihan dan susunan topik dalam Fasa 2 tidak dilakukan secara rawak. Sebaliknya, guru Pendidikan Islam membuat keputusan pedagogi yang strategik berdasarkan tiga prinsip pertimbangan profesional utama. Pertama, keutamaan fungsi: Topik yang lebih relevan dan diperlukan dalam amalan harian murid Tahun 1 yang sedang mempelajari solat diutamakan berbanding topik yang lebih bersifat teoritikal. Kedua, kesediaan murid. Topik dipilih berdasarkan penguasaan sedia ada murid yang telah dibina dalam Fasa 1, selaras dengan prinsip ZPD Vygotsky yang menekankan pembelajaran hendaklah bermula dari titik keupayaan semasa murid. Ketiga, pengoptimuman masa: Topik yang membolehkan penggabungjalinan teori dan amali dalam satu sesi diutamakan bagi mengoptimumkan masa pembelajaran yang terhad di SJKC.

Berdasarkan tiga prinsip ini, guru membuat keputusan untuk melewati dan mengutamakan topik-topik tertentu secara berbeza bagi setiap bidang Pendidikan Islam. Dalam bidang Al-Quran, topik bacaan tanwin dan izhar qamari (SP 1.3–1.5) yang sepatutnya diajar mengikut RPT telah dilewatkan, dan digantikan dengan hafazan Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Ikhlâs (SP 2.1–2.2). Keputusan ini dibuat atas dasar bahawa murid telah menguasai asas bacaan huruf hijaiyah dalam Fasa 1, dan hafazan kedua-dua surah ini lebih mendesak kerana digunakan secara langsung dalam setiap rakaat solat harian murid.

Dalam bidang Akidah pula, guru memilih untuk tidak meneruskan pembelajaran Rukun Iman (SP 3.1) yang telah dimulakan dalam Fasa 1. Sebaliknya, keseluruhan empat SP berkaitan Rukun Islam (SP 3.2.1–3.2.4) diajarkan serentak dalam Fasa 2. Pertimbangan guru ialah Rukun Islam lebih aplikatif dalam kehidupan harian murid, dan penggabungan semua empat SP dalam satu fasa membolehkan murid memperoleh kefahaman yang lebih menyeluruh dan bersepadu dalam tempoh yang lebih singkat.

Bagi bidang Ibadah, topik beristinja' (SP 4.2) yang sepatutnya diajar mengikut turutan RPT telah dilewatkan, dan guru terus mengajar cara berwudhu' dengan sempurna serta melazimi wudhu' (SP 4.3.6–4.3.7). Ini kerana wudhu' dilihat lebih mendesak dikuasai oleh murid Tahun 1 yang sedang mempelajari solat, selain

membolehkan penggabungjalinan aspek teori dan amali dalam satu sesi yang mengoptimumkan masa terhad di SJKC.

Dalam bidang Sirah, guru memilih untuk melewati topik salasilah dan kelahiran Nabi Muhammad SAW (SP 5.1) yang sepatutnya diajar mengikut RPT, dan sebaliknya mengajarkan sifat Siddiq Nabi Muhammad SAW (SP 5.2.1–5.2.4). Pertimbangan utama guru ialah sifat Siddiq lebih relevan untuk pembentukan akhlak murid dalam kehidupan harian berbanding pengetahuan tentang salasilah yang lebih bersifat hafalan sejarah.

Bagi bidang Adab, topik adab menjaga kebersihan diri (SP 6.1) tidak diajar semula dalam Fasa 2 kerana ia telah diajar dalam Fasa 1. Sebaliknya, guru memilih untuk mengajar adab terhadap keluarga (SP 6.2.1–6.2.4) kerana topik ini lebih dekat dengan pengalaman harian murid Tahun 1 yang berumur tujuh tahun, di mana interaksi dengan ibu bapa dan adik-beradik merupakan sebahagian besar kehidupan seharian mereka.

Akhir sekali, dalam bidang Jawi, guru memilih untuk melangkau topik huruf tunggal (SP 7.1) kerana murid telah menguasainya melalui latihan intensif dalam Fasa 1. Pembelajaran Jawi dalam Fasa 2 terus dilanjutkan ke peringkat suku kata terbuka (SP 7.2) dan perkataan dua suku kata (SP 7.3), membolehkan murid mengembangkan kemahiran Jawi secara progresif dan lebih mencabar.

Secara keseluruhannya, pemilihan dan susunan topik dalam Fasa 2 mencerminkan autonomi profesional guru sebagai pelaksana kurikulum yang bijak menterjemah, mengadaptasi, dan menyesuaikan kandungan pembelajaran mengikut konteks sebenar bilik darjah (Alvunger, 2021; Wang, 2022). Walaupun topik berbeza daripada Fasa 1, kesemua SK dan SP yang dipilih dalam Fasa 2 tetap berpanduan DSKP Pendidikan Islam Tahun 1 yang sama (BPK, 2018), memastikan integriti dan kesahan intervensi kajian ini terpelihar

Dalam bidang Al-Quran, guru menggunakan teknik hafazan ayat demi ayat melalui talaqqi musyafahah, diikuti dengan kaedah muzakarah (ulang kaji bersama) dan teknik hand motion iaitu gerakan tangan mengikut irama bacaan untuk membantu murid menghafaz dengan lebih mudah dan bermakna. Guru turut menggunakan teknik peer teaching di mana murid saling membetulkan tajwid dan makhraj antara satu sama lain dalam kumpulan kecil. Sesi kuiz hafazan berkumpulan digunakan untuk mengukuhkan hafazan secara menyeronokkan, manakala penilaian dilaksanakan melalui simulasi solat di mana murid mengaplikasikan hafazan Al-Fatihah dan Al-Ikhlâs dalam konteks

solat sebenar. Guru turut menggunakan teknik "sijil hafazan" di mana murid menghadihkan sijil kepada rakan yang berjaya menghafaz — teknik yang meningkatkan motivasi intrinsik dan rasa pencapaian murid (Othman et al., 2020).

Dalam bidang Akidah, guru menggunakan teknik video animasi 5 Rukun Islam, diikuti aktiviti "5 jari tangan" bagi membantu murid menyenaraikan dan mengingat Rukun Islam dengan mudah. Murid kemudiannya membuat peta i-Think dan bermain permainan "Susun Rukun Islam" mengikut urutan, serta menghafal melalui lagu dan nyanyian. Berbanding Fasa 1 yang memecah pembelajaran Rukun Iman kepada dua sesi, pendekatan Fasa 2 yang menggabungkan kesemua 4 SP Rukun Islam dalam masa yang lebih singkat ini menunjukkan keberkesanan gabung jalin topik dalam mengoptimumkan masa pengajaran yang terhad.

Dalam bidang Ibadah, guru menggunakan teknik demonstrasi amali berwudhu' secara langsung menggunakan botol air di dalam kelas, membolehkan murid melihat setiap langkah secara jelas. Murid kemudiannya mempraktikkan cara berwudhu' menggunakan botol air masing-masing, diikuti aktiviti simulasi di hadapan kelas di mana murid dinilai secara langsung oleh guru dan rakan menggunakan senarai semak. Murid juga menghasilkan infografik "Langkah Berwudhu' Sempurna" sebagai rujukan. Teknik gabung jalin teori dan amali dalam satu sesi ini mengoptimumkan masa pengajaran yang terhad di SJKC dengan berkesan (Pons-Valladares et al., 2022), sekaligus memastikan murid menguasai amali wudhu' yang diperlukan dalam solat harian.

Dalam bidang Sirah, guru menggunakan teknik penceritaan kisah sifat Siddiq Nabi Muhammad SAW, diikuti dengan aktiviti melakonkan situasi yang menunjukkan sifat jujur dalam kehidupan harian. Murid kemudiannya menghasilkan komik tentang kisah kejujuran Nabi dan membuat ikrar untuk menjadi jujur seperti Rasulullah. Teknik-teknik ini membolehkan murid bukan sekadar mengetahui tentang sifat Siddiq, malah menghayati dan berkomitmen untuk mengamalkannya dalam kehidupan — membolehkan pembelajaran mencapai peringkat *Al-'Aql al-Tajribī* (pengalaman praktikal) dalam kerangka Ibn Khaldun (Bahy & Taufiq, 2023).

Dalam bidang Adab, guru menggunakan teknik melakonkan adab terhadap keluarga, di mana murid mempraktikkan adab kepada ibu bapa dan adik-beradik melalui lakonan situasi kehidupan harian. Murid juga menghasilkan kad ucapan sayang untuk ahli keluarga dan membuat video pendek "Adab Keluargaku". Teknik-teknik autentik ini menghubungkan pembelajaran Pendidikan Islam dengan pengalaman

kehidupan sebenar murid, meningkatkan relevansi dan penghayatan nilai Islam secara lebih mendalam (Arumainathan et al., 2023).

Dalam bidang Jawi, guru menggunakan teknik yang jauh lebih mencabar dan kreatif berbanding Fasa 1. Murid bermain "Scrabble Jawi" untuk membina perkataan, membuat kamus mini bergambar sendiri, mengikuti "Jawi Bingo" dengan perkataan dua suku kata, menulis ayat pendek menggunakan perkataan Jawi, dan membuat persembahan pembacaan perkataan di hadapan kelas. Pelbagai teknik kreatif dan kolaboratif ini membolehkan murid mengembangkan kemahiran Jawi dari peringkat huruf tunggal (yang telah dikuasai dalam Fasa 1) kepada peringkat suku kata dan perkataan yang lebih mencabar secara progresif dan bermakna.

Secara keseluruhannya, teknik pengajaran dalam Fasa 2 mencerminkan pendekatan yang lebih berpusatkan murid dan autentik, di mana murid bukan sekadar menerima ilmu tetapi terlibat secara aktif dalam pembelajaran melalui simulasi, lakonan, penghasilan produk, dan interaksi sosial. Ini selari dengan prinsip ZPD Vygotsky yang menekankan pembelajaran berlaku dalam konteks interaksi sosial yang aktif, di mana guru berperanan sebagai fasilitator yang menyesuaikan scaffolding mengikut tahap keupayaan dan kesediaan murid (Voon & Amran, 2021; Saputra et al., 2024). Pelbagai teknik pengajaran dalam Fasa 2 ini juga menepati keperluan pembelajaran abad ke-21 yang menekankan elemen komunikasi, kolaborasi, kreativiti, dan pemikiran kritis (PAK-21) dalam proses PdPc (Ismail & Rahman, 2020).

Fleksibiliti dalam pemilihan topik ini membolehkan guru menyesuaikan scaffolding mengikut tahap keupayaan semasa murid dan mengintegrasikan pembelajaran teori dengan amali dalam satu sesi, sekaligus mengoptimumkan masa pembelajaran yang terhad di SJKC sambil memastikan prinsip tadarruj (pembelajaran beransur-ansur) masih dikekalkan melalui pemilihan topik yang sesuai dengan tahap perkembangan murid.

Fleksibiliti yang ditunjukkan dalam pendekatan modular secara bukan linear ini menggambarkan autonomi profesional guru dalam pelaksanaan kurikulum. Guru bukan sekadar mengikut dokumen kurikulum rasmi secara literal, sebaliknya terlibat secara aktif dalam proses menterjemah, mengadaptasi, dan menyesuaikan kurikulum mengikut konteks sebenar bilik darjah mereka (Alvunger, 2021; Wang, 2022).

Dalam konteks SJKC, proses pelaksanaan kurikulum ini menjadi lebih mencabar kerana guru Pendidikan Islam perlu menyampaikan kandungan kurikulum yang sama dengan SK tetapi dalam masa yang lebih terhad dan persekitaran yang

berbeza. Ini memerlukan guru membuat pertimbangan profesional yang bijak tentang topik mana yang perlu diberi penekanan, aktiviti mana yang paling berkesan dengan masa terhad, dan mengenal pasti pendekatan pengajaran yang sesuai supaya pembelajaran menjadi relevan dengan kehidupan murid minoriti muslim di SJKC (Shan, 2021; Sommarström et al., 2021).

Pelaksanaan pendekatan bukan linear ini memerlukan guru menganalisis untuk memahami dan mengintegrasikan latar belakang budaya, sejarah, dan bahasa murid ke dalam kandungan pengajaran (Kong et al., 2022), sekaligus mengadaptasi kurikulum terhadap konteks tempatan yang merangkumi perbezaan budaya, bahasa, dan keperluan khusus murid (Gray et al., 2024). Kajian oleh Gray et al. (2024) menekankan bahawa kegagalan memberi perhatian kepada adaptasi ini boleh menyebabkan kurikulum menjadi kurang relevan dan tidak memenuhi keperluan sebenar murid. Justeru, autonomi yang diberikan kepada guru dalam pendekatan modular bukan linear perlu disokong dengan latihan, bahan pengajaran, dan sokongan pentadbir untuk memastikan pelaksanaan kurikulum yang berkesan (Mokhtar & Sahat, 2022).

Pendekatan modular secara bukan linear dalam kajian ini menunjukkan keberkesanan dalam meningkatkan tahap penguasaan Pendidikan Islam di SJKC Kuang Hwa, Kuantan dengan majoriti murid iaitu 19 daripada 22 orang mencapai gred A (Cemerlang). Tahap penguasaan yang cemerlang ini adalah selari dengan matlamat transformasi pendidikan dalam PPPM 2013-2025, khususnya melalui anjakan ketiga yang menggariskan kepentingan untuk melahirkan rakyat yang menghayati nilai dengan memperkukuh kurikulum Pendidikan Islam melalui transformasi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid, serta pemantapan sistem pentaksiran yang berlandaskan enam aspirasi utama iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, serta identiti nasional (KPM, 2011).

Selain itu, tahap penguasaan yang cemerlang ini juga memaparkan keberkesanan prinsip Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) dalam teori konstruktivisme Vygotsky (Harun et al., 2022). Keberkesanan ini menyokong kerangka konseptual kajian yang menunjukkan pendekatan modular bukan linear dapat meningkatkan tahap penguasaan murid melalui fleksibiliti dalam scaffolding dan penyesuaian pembelajaran mengikut ZPD murid. Kajian oleh Baker et al. (2020) yang melibatkan 7,913 pelajar sekolah rendah dan menengah mendapati bahawa pelajar mencapai tahap penguasaan yang lebih tinggi apabila diberikan tugas dalam lingkungan ZPD mereka

(*Ready-to-Learn*) berbanding tugas di luar ZPD (*Unready-to-Learn*). Sementara itu, kajian oleh Margolis (2020) dilihat konsisten melalui penekanan bahawa pembelajaran berasaskan ZPD bukan sekadar bantuan guru, tetapi merupakan proses kompleks yang melibatkan pembangunan konsep saintifik dan respon spontan pelajar terhadap proses PdPc. Kajian-kajian lepas yang turut melaporkan kesan positif prinsip Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) dalam proses PdPc melibatkan murid dan pelajar peringkat rendah dan menengah ialah Irshad et al. (2021), Kantar (2020), Offori-Attah (2020) dan Mudi & Samantha (2024). Secara keseluruhannya, keputusan Objektif Kajian 2 dan kajian-kajian lepas telah membuktikan keberkesanan ZPD dalam meningkatkan penguasaan dan pencapaian akademik murid dan pelajar. Keberkesanan penerapan ZPD dalam PdPc ini telah dibuktikan secara empirikal dalam pelbagai konteks pendidikan di Malaysia dan antarabangsa menunjukkan sumbangannya yang signifikan dalam bidang pendidikan.

Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa kajian yang menyatakan perkembangan kognitif dan pencapaian tahap penguasaan akademik yang memberangsangkan ini mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti motivasi intrinsik, persekitaran pembelajaran, dan kualiti pengajaran guru. Kajian oleh Tawan et al. (2020) menyatakan bahawa kepuasan kerja guru mempengaruhi kualiti pengajaran guru. Kajian melibatkan guru-guru sekolah rendah di daerah Ranau, Sabah mendapati bahawa motivasi, efikasi dan kepuasan guru berada pada tahap tinggi, manakala kecerdasan emosi berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa guru yang mempunyai tahap motivasi dan efikasi yang tinggi mampu untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan memberikan pengajaran yang berkualiti seterusnya menyumbang kepada peningkatan perkembangan kognitif dan pencapaian akademik kumpulan sasaran.

Kajian Zakaria & Norul'Azmi (2022) turut menyokong bahawa motivasi intrinsik dan ekstrinsik memainkan peranan penting mendorong guru untuk meningkatkan kompetensi pengajaran mereka sekaligus mewujudkan persekitaran pembelajaran yang berkesan dan berimpak tinggi terhadap perkembangan kognitif dan pencapaian akademik pelajar. Sementara itu, kajian oleh Othman et al. (2020) melibatkan 215 pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mendapati wujud hubungan positif yang signifikan antara motivasi intrinsik dan ekstrinsik dengan pencapaian akademik pelajar. Pelajar dengan motivasi intrinsik yang tinggi lebih cenderung untuk mencapai tahap prestasi yang lebih baik kerana mereka lebih berhati-

hati dalam menyiapkan tugas, menitikberatkan kualiti kerja, berdikari dan menunjukkan minat yang mendalam dalam bidang pengajian mereka.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa faktor motivasi sama ada dari perspektif guru mahupun pelajar turut menyumbang kepada persekitaran pembelajaran yang kondusif dan pencapaian akademik yang lebih baik. Apabila guru mempunyai tahap motivasi dan efikasi yang tinggi, mereka mampu memberikan pengajaran yang berkualiti, manakala pelajar yang mempunyai motivasi intrinsik yang tinggi pula menunjukkan prestasi akademik yang lebih baik. Walaupun ZPD dianggap masih relevan sebagai teori pembelajaran pada masa kini, namun faktor-faktor lain juga perlu diambil kira dalam meningkatkan penguasaan dan pencapaian akademik pelajar dalam konteks pendidikan kontemporari. Seterusnya, pendekatan modular secara bukan linear dalam kajian ini yang mengaplikasikan fleksibiliti dalam PdPc telah berjaya mewujudkan ruang pembelajaran yang terbaik dan berkesan bagi membolehkan murid berkembang dari tahap keupayaan semasa ke tahap yang lebih tinggi dengan bantuan guru dan bahan pembelajaran yang sesuai (Pangayan et al., 2021).

Keseimbangan pencapaian yang ditunjukkan dalam ketiga-tiga komponen pentaksiran iaitu pentaksiran lisan, pentaksiran bertulis dan pentaksiran amali adalah menepati konsep '*Malakah*' dan '*Tadrij*' dalam pemikiran Ibn Khaldun yang menekankan penguasaan ilmu secara menyeluruh dan berperingkat. Pencapaian yang konsisten ini juga menunjukkan keberkesanan pendekatan modular secara bukan linear dalam membangunkan pelbagai tahap kemahiran kognitif seperti yang digariskan dalam Taksonomi Bloom Versi Semakan Kembali. Konsep ini selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan pembangunan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu meliputi jasmani, emosi, rohani dan intelek (Awang & Tayeb, 2022). Di Malaysia, pelaksanaan PBD merupakan kaedah penilaian yang digunakan dalam mengukur perkembangan pembelajaran murid melalui tiga bentuk pentaksiran iaitu pentaksiran bertulis yang kebiasaannya berkait rapat dengan domain kognitif, pentaksiran lisan yang sering dikaitkan dengan domain afektif, dan pentaksiran amali yang lazimnya menjurus kepada domain psikomotor. Pencapaian yang konsisten dalam ketiga-tiga komponen pentaksiran yang digunakan dalam kajian ini menunjukkan keberkesanan pendekatan modular secara bukan linear dalam mengintegrasikan penilaian formatif dan sumatif terhadap murid.

Dalam konteks pelaksanaan PBD di sekolah, kesediaan guru memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan pentaksiran yang dijalankan. Berdasarkan kajian oleh Marnizam dan Ali (2021), tahap kesediaan guru Matematik dalam melaksanakan PBD berada pada tahap yang tinggi. Para guru didapati mampu menetapkan objektif pentaksiran yang jelas, menggunakan DSKP sebagai panduan utama, melaksanakan pentaksiran secara berterusan semasa PdPc, dan mempelbagaikan kaedah serta instrumen pentaksiran yang bersesuaian dengan tahap murid. Kajian oleh Hajmi & Jamaludin (2022), Villasamy & Mohammad (2023), Juan et al. (2023), Hanapi et al. (2021) dan Ambotang et al. (2021) didapati selari secara empirikal berkaitan kesediaan dan kemahiran guru dalam melaksanakan PBD secara berterusan di sekolah.

Walaupun bagaimanapun, kesediaan guru dalam melaksanakan PBD turut dipengaruhi oleh beberapa cabaran seperti kekangan masa, bilangan murid yang ramai dalam kelas, dan keperluan untuk menghabiskan sukatan pelajaran dalam tempoh yang ditetapkan. Keadaan ini menuntut guru untuk bijak mengimbangi antara keperluan pentaksiran dengan tuntutan kurikulum agar kedua-duanya dapat dilaksanakan secara efektif tanpa mengorbankan kualiti pembelajaran murid. Kajian oleh Roslan (2024) mendapati PBD sebenarnya hanya menggunakan tiga kaedah iaitu pemerhatian, penulisan dan lisan yang dilaksanakan secara subjektif tanpa rubrik standard yang jelas. Dapatan ini didapati selari dengan kajian oleh Arumugham (2020) yang mendapati guru-guru masih memerlukan pemantauan dan bimbingan yang berterusan untuk memahami dan melaksanakan PBD seperti yang dihasratkan.

Kajian oleh Jamil & Said (2019) mendapati bahawa guru-guru masih belum menguasai sepenuhnya pelaksanaan penskoran pentaksiran lisan di dalam bilik darjah kerana pernyataan Tahap Penguasaan yang terlalu rigid, tidak jelas, dan sukar diselaraskan. Akibatnya, guru-guru terpaksa membuat penskoran mengikut pemahaman dan persepsi sendiri selagi tidak bercanggah dengan ruang lingkup DSKP. Situasi ini diburukkan lagi dengan kekangan masa dan tugas-tugas pentadbiran di sekolah yang menyebabkan amalan pentaksiran tidak dapat dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan. Secara keseluruhannya, pelaksanaan pendekatan modular secara bukan linear dalam PdPc di SJKC ini telah membuka dimensi baharu dalam proses pentaksiran bilik darjah yang lebih dinamik dan responsif terhadap keperluan pembelajaran semasa. Melalui pendekatan ini, guru dapat memanfaatkan fleksibiliti dalam menilai tahap penguasaan murid dengan mengekalkan integriti dan kualiti pentaksiran yang dijalankan. Walaupun terdapat beberapa kekangan dalam

pelaksanaannya, pendekatan modular secara bukan linear ini mempunyai potensi untuk terus dikembangkan sebagai satu pendekatan PdPc yang menyokong pembelajaran bermakna dan berkesan, sejajar dengan transformasi pendidikan abad ke-21.

Pencapaian tahap penguasaan Pendidikan Islam yang paling tinggi dalam komponen pentaksiran lisan menunjukkan pendekatan modular secara bukan linear berjaya meningkatkan keyakinan dan kemahiran bacaan Al-Quran dan hafazan surah murid muslim tahun satu di SJKC Kuang Hwa, Kuantan semasa proses PdPc Pendidikan Islam. Pencapaian memberansangkan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan pendekatan modular secara bukan linear dapat menangani perkara yang dibangkitkan oleh Rahman & Razak (2020) berkaitan kurangnya motivasi murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam di SJKC. Fleksibiliti dalam pendekatan ini membolehkan guru merancang aktiviti pembelajaran yang lebih interaktif dan bermakna, membantu murid mengatasi sifat malu dan meningkatkan keyakinan mereka dalam proses PdPc Pendidikan Islam. Pendekatan dalam pelaksanaan PdPc yang dimodifikasi mengikut keperluan murid membantu mengembangkan potensi diri mereka ke tahap yang lebih baik. Malah, aktiviti pembelajaran yang bersifat interaktif seperti main peranan memberi peluang kepada murid untuk berinteraksi antara satu sama lain, seterusnya membantu meningkatkan keyakinan diri mereka dalam pembelajaran (Arumainathan et al., 2023).

Fleksibiliti yang diketengahkan dalam pendekatan modular secara linear memainkan peranan penting dalam usaha mencungkil potensi tersembunyi setiap murid. Kajian oleh Maciejewski (2020) terhadap hubungan antara keyakinan murid dengan fleksibiliti dalam pembelajaran matematik mendapati wujudnya korelasi positif antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Pendekatan yang fleksibel memberi ruang kepada murid untuk meneroka bakat dan kebolehan mereka dalam suasana pembelajaran yang kondusif. Sementara itu, kajian oleh Kariippanon et al. (2020) juga mendapati bahawa pendekatan pembelajaran dalam ruang yang fleksibel telah meningkatkan penglibatan pelajar secara aktif. Pendekatan seumpama ini membolehkan guru merancang aktiviti pembelajaran secara kreatif bagi membina keyakinan murid. Murid yang berani dan yakin didapati lebih aktif semasa proses PdPc berlangsung dan seterusnya berpotensi meningkatkan pengetahuan dan pencapaian akademik mereka.

Secara keseluruhannya, pencapaian tahap penguasaan yang tinggi dalam pentaksiran lisan ini membuktikan keberkesanan fleksibiliti pendekatan ini dalam

menangani isu motivasi dan keyakinan murid yang sebelumnya dikenal pasti sebagai antara cabaran utama dalam Pendidikan Islam di SJKC. Fleksibiliti dalam pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan penglibatan aktif murid dalam PdPc, tetapi juga membantu membina keyakinan diri mereka dalam menguasai mata pelajaran Pendidikan Islam. Walaupun kajian-kajian terdahulu tidak menekankan secara khusus kepada Pendidikan Islam di SJKC dan pendekatan modular secara bukan linear, namun skop kajian tersebut menunjukkan keselarian dengan dapatan kajian ini terutamanya berkaitan hubungan positif antara fleksibiliti dalam pengajaran dengan peningkatan keyakinan dan pencapaian akademik murid. Dapatan Objektif Kajian 2 turut mengukuhkan lagi bukti tentang kesesuaian pendekatan modular secara bukan linear sebagai strategi pengajaran yang berkesan dalam konteks pembelajaran Pendidikan Islam di SJKC, sekaligus menyokong dapatan kajian-kajian terdahulu dalam aspek kepentingan fleksibiliti pengajaran terhadap perkembangan pembelajaran murid.

Pencapaian tahap penguasaan yang tinggi dan seimbang dalam pentaksiran bertulis dan amali pada keputusan Objektif Kajian 2 menunjukkan pendekatan modular secara bukan linear mampu menangani isu peruntukan waktu yang terhad untuk mata pelajaran Pendidikan Islam di SJKC berbanding SK. Pendekatan ini membolehkan guru mengoptimumkan masa pembelajaran yang ada dengan melaksanakan gabung jalin aspek teori dan amali dalam satu sesi PdPc. Dapatan ini turut menolak kebimbangan yang diutarakan oleh Hashim et al. (2015) dan Ismail (2017) bahawa waktu pengajaran yang sedikit di SJKC akan menjejaskan pencapaian murid dalam Pendidikan Islam. Kajian oleh Pons-Valladares et al. (2022) berkaitan pendidikan seni bina di Barcelona Architecture School mendapati bahawa pendekatan gabung jalin teori dan amali dalam satu sesi pembelajaran bukan sahaja membolehkan pensyarah mengoptimumkan masa, bahkan membantu pelajar memperoleh kemahiran profesional dengan lebih berkesan. Hasil kajian di Universiti Politecnica Barcelona ini menunjukkan bahawa tempoh pembelajaran yang terhad boleh dimanfaatkan secara optimum melalui pendekatan gabung jalin yang sistematik. Walaupun fokus kajian Pons-Valladares et al. (2022) adalah di peringkat pengajian tinggi berbanding kajian ini yang menumpukan kepada pendidikan rendah, namun kedua-dua kajian mengetengahkan kepentingan mengoptimumkan masa melalui pendekatan gabung jalin teori dan amali dalam satu sesi PdPc.

Seterusnya, kajian oleh van Uum et al. (2021) berkaitan integrasi komponen-komponen pembelajaran tertentu dalam mata pelajaran sains seperti fasa-fasa inkuiri

dan domain pengetahuan saintifik dalam kalangan guru sekolah rendah di Belanda. Kajian tersebut mendapati bahawa program pembangunan profesionalisme guru sekolah rendah yang mengintegrasikan aspek teori dan praktikal di dalam kelas berjaya meningkatkan keberkesanan pengajaran dan meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, kajian oleh bin Tuan Dalam & bin Hamzah (2020) turut membincangkan tentang gabung jalin pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 dengan nilai-nilai Islam berdasarkan pendekatan pembelajaran dalam surah an-Nahl ayat 125. Kajian tersebut mendapati bahawa gabung jalin antara pendidikan moden dengan elemen-elemen yang terdapat dalam al-Quran perlu diberi perhatian agar proses PdPc mencapai objektif dan sesuai untuk diamalkan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Sementara itu, kajian oleh Norani & bin Ramli (2024) berkaitan pembangunan Kit E-Ta'am untuk pengajaran hadith dalam kalangan murid sekolah turut membuktikan keberkesanan pendekatan modular secara bukan linear yang menggabungkan dua mata pelajaran iaitu bahasa Arab Tahun 5 di bawah tajuk "Mari Kita Makan Sayuran" dengan mata pelajaran Pendidikan Islam Tahun 2 di bawah tajuk "Berkati Rezekiku" berdasarkan buku teks KSSR. Pembangunan Kit E-Ta'am ini menunjukkan pendekatan gabung jalin ini turut membantu meningkatkan penguasaan murid dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Kajian-kajian lepas ini didapati selari memberikan sokongan empirikal tentang keberkesanan pendekatan ini untuk mengoptimumkan masa pembelajaran walaupun tidak mengkaji secara khusus tentang pendekatan gabung jalin dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di SJKC.

Walaubagaimanapun, kesediaan belajar dalam kalangan murid merupakan aspek kritikal yang perlu diberi perhatian sebelum sebarang pendekatan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dalam PdPc Pendidikan Islam SJKC. Sebagai subjek utama dalam proses pembelajaran, murid muslim di SJKC perlu dipersiapkan secara holistik melibatkan persediaan mental, fizikal, emosi dan motivasi intrinsik yang tinggi untuk mempelajari dan menghayati mata pelajaran Pendidikan Islam walaupun berada dalam persekitaran yang kurang memberikan pendedahan kepada amalan dan budaya Islam. Kesediaan belajar murid memerlukan pendekatan pengajaran yang pelbagai dalam suasana persekitaran pembelajaran yang kondusif. Elemen ini perlu diubah suai oleh guru bagi memastikan kesediaan belajar murid, minat terhadap pembelajaran dan kecenderungan kecerdasan setiap murid dapat dikesan dengan baik (Mustaffa et al., 2021). Guru Pendidikan Islam di SJKC perlu lebih peka terhadap kesediaan belajar

murid memandangkan mereka bukan sahaja perlu menguasai isi kandungan mata pelajaran, tetapi juga perlu mengatasi halangan bahasa dan perbezaan budaya yang berlainan di SJKC. Dalam konteks ini, kesediaan belajar murid muslim di SJKC turut dipengaruhi oleh rakan sebaya, persekitaran dan suasana sekolah (Ahmad et al., 2021). Kesediaan mereka untuk menerima pengajaran secara berkesan akan mempengaruhi gaya pembelajaran mereka. Justeru, guru perlu memastikan kesediaan murid muslim untuk menerima dan mengamalkan mata pelajaran Pendidikan Islam dalam kehidupan seharian walaupun berada dalam persekitaran yang majoritinya bukan Islam dipelihara dengan baik.

Kajian oleh Khalissafri Haslin & Hamzah (2023) berkaitan kesediaan dan cabaran murid dalam pelaksanaan pembelajaran digital mendapati bahawa murid telah bersedia untuk pelaksanaan PdPc secara digital memandangkan keperluan dan kelengkapan utama pendigitalan telah tersedia. Kajian pembelajaran pendigitalan ini dilaksanakan dengan mengambil kira kesediaan murid dari aspek kemudahan pembelajaran tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa aspek kesediaan memainkan peranan penting supaya proses pembelajaran dapat dilaksanakan dengan baik. Kajian oleh Naidu et al. (2023) berkaitan pengaruh kemudahan bahan bacaan dan kemudahan infrastruktur terhadap kesediaan belajar pelajar sekolah menengah pula mendapati bahawa kesediaan belajar turut dipengaruhi oleh sosioekonomi dan persekitaran pembelajaran. Kajian ini juga didapati selari bahawa penyediaan kemudahan dan infrastruktur yang kondusif dapat membantu memupuk kesediaan belajar dalam kalangan murid dan pelajar.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan gabung jalin dalam pendekatan modular secara bukan linear dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di SJKC dapat membantu mengoptimumkan masa pembelajaran yang terhad dengan menggabungkan aspek teori dan amali dalam satu sesi PdPc. Walaubagaimanapun, kejayaan gabung jalin dalam pendekatan ini bergantung kepada kesediaan belajar murid yang perlu diberi perhatian memandangkan mereka bukan sahaja perlu menguasai isi kandungan mata pelajaran, tetapi juga perlu mengatasi pelbagai halangan lain di SJKC. Keberkesanan pelaksanaan pendekatan modular secara bukan linear dalam PdPc melibatkan murid muslim tahun satu di SJKC Kuang Hwa, Kuantan ini dapat dilihat melalui pencapaian tahap penguasaan yang konsisten tinggi dalam semua komponen pentaksiran. Pencapaian memberangsangkan ini dapat menggambarkan kefahaman menyeluruh murid terhadap Pendidikan Islam sekaligus menangani kebimbangan yang diutarakan oleh Abdullah

Hadi & Hamzah (2020) tentang tahap penguasaan yang kurang memuaskan dalam kalangan murid muslim di SJKC.

Selain itu, tahap penguasaan yang memberangsangkan dalam kalangan murid muslim ini juga menunjukkan bahawa kedudukan mereka sebagai golongan minoriti di SJKC tidak menjejaskan keupayaan mereka untuk menguasai dan menghayati nilai-nilai dalam Pendidikan Islam secara holistik. Dapatan Objektif Kajian 2 turut menunjukkan keberkesanan pendekatan modular secara bukan linear yang diimplementasikan dalam proses PdPc. Pendekatan ini telah membantu mengoptimumkan pencapaian akademik serta pemupukan nilai-nilai Islam dalam pembentukan sahsiah murid yang berkualiti selaras dengan matlamat Pendidikan Islam berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah (Ishak et al., 2021; Jamar & Che Noh, 2020).

Kajian oleh Jamaludin et al. (2023) berkaitan cabaran pendidikan komuniti Melayu Muslim di Perth, Australia turut menyatakan kepentingan mendapatkan Pendidikan Islam secara sistematik bagi golongan Muslim walaupun berada dalam persekitaran majoriti bukan Islam. Beliau turut menekankan bahawa pendidikan yang diterapkan seharusnya menerapkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian walaupun berhadapan dengan cabaran untuk mendapatkan kemudahan Pendidikan Islam secara formal dalam sistem pendidikan kebangsaan di negara tersebut. Kajian oleh Usman et al. (2024) berkaitan pelaksanaan Pendidikan Islam di Indonesia dan Rusia pula menunjukkan bahawa penerapan pendidikan keagamaan dalam sistem pendidikan kebangsaan boleh dilaksanakan secara berkesan walaupun dalam konteks majoriti bukan Islam. Pengalaman kedua-dua negara ini didapati selari untuk menjadi rujukan dalam konteks Pendidikan Islam di SJKC. Pendidikan keagamaan yang diterapkan dalam sistem pendidikan di Indonesia dan Rusia dalam kajian tersebut menggunakan pendekatan kurikulum bersepadu dan model pendidikan yang fleksibel. Pendekatan dan model seumpama ini didapati selari dengan konsep pendekatan modular secara linear yang diimplementasi dalam Objektif Kajian 2 untuk pelaksanaan Pendidikan Islam di SJKC.

Sementara itu, dapatan kajian oleh Zakaria et al. (2021) dan Salleh & Zulkifli (2020) juga menunjukkan bahawa implementasi pendekatan PdPc yang inovatif seperti peta pemikiran *i-THINK* dan didik hibur telah memberi impak positif terhadap pencapaian murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Pelaksanaan pendekatan modular secara bukan linear dalam kajian ini juga adalah selari dengan keperluan pembelajaran abad ke-21 yang menekankan aspek inovasi dalam PdPc. Melalui

pendekatan modular secara bukan linear, murid diberi peluang untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran yang lebih fleksibel sekaligus membolehkan mereka membina kefahaman yang lebih baik terhadap nilai-nilai Pendidikan Islam yang diterapkan.

Pengalaman dari pelbagai negara membuktikan bahawa pendidikan spiritual dan keagamaan boleh dilaksanakan secara berkesan melalui sistem pendidikan kebangsaan dengan menggunakan pendekatan fleksibel yang disesuaikan mengikut keperluan setempat. Kajian-kajian terkini juga menunjukkan bahawa pendekatan yang fleksibel dan inovatif dalam Pendidikan Islam mampu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif untuk murid-murid muslim di SJKC. Dalam konteks Pendidikan Islam di SJKC, pendekatan modular secara bukan linear yang fleksibel dan inovatif ini turut menyumbang kepada keberkesanan PdPc Pendidikan Islam. Pendekatan ini juga memenuhi tuntutan pembelajaran abad ke-21 yang membolehkan murid-murid muslim di SJKC membina pemahaman yang lebih mendalam terhadap nilai-nilai Islam dalam persekitaran kepelbagaian budaya di sekolah. Walaubagaimanapun, pencapaian dan pentaksiran akademik dalam kelas semata-mata tidak mencukupi untuk menjadi penanda aras kefahaman menyeluruh dan penghayatan nilai-nilai Islam yang mendalam dalam diri murid (Lokman et al., 2021). Sebaliknya, tahap kematangan dari aspek psikologi, emosi, kognitif dan sosial merupakan faktor-faktor lain yang mempengaruhi amalan dan penghayatan nilai Islam dalam diri murid (Hamzah & Abdullah, 2021).

Kajian oleh Nawi et al. (2023) berkaitan isu dan masalah dalam pengurusan dan pelaksanaan Pendidikan Islam di Malaysia mendapati bahawa penghayatan nilai merupakan isu yang turut menjadi perbincangan kepada pengurusan dan pelaksanaan sistem Pendidikan Islam di Malaysia. Sejalan dengan dapatan tersebut, keperluan terhadap penilaian holistik yang merangkumi aspek rohani, emosi, dan sosial merentasi akademik juga perlu diambil kira untuk memastikan murid benar-benar menghayati dan mengamalkan ajaran Islam bertepatan dengan konsep Pendidikan Islam yang telah diperjelaskan dalam bab sebelum ini. Sementara itu, kajian oleh Hashim et al. (2022) berkaitan penilaian holistik dalam Pendidikan Islam mendapati bahawa kebanyakan guru masih cenderung untuk menilai pencapaian murid berdasarkan keputusan peperiksaan dan ujian bertulis semata-mata. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 78% guru Pendidikan Islam masih menggunakan kaedah pentaksiran konvensional yang memberi fokus kepada domain kognitif, manakala hanya 22% yang mengintegrasikan penilaian afektif dan psikomotor dalam pengajaran dan pelaksanaan pentaksiran

mereka. Ini selari dengan kajian oleh Omar (2019) dan Kim & Mansor (2020) yang mendapati bahawa kekurangan masa, beban kerja yang tinggi, dan ketiadaan rubrik penilaian holistik yang standard menyebabkan guru-guru sukar untuk melaksanakan pentaksiran yang menyeluruh merangkumi aspek spiritual, emosi dan sosial murid.

Secara keseluruhannya, keberkesanan pendekatan modular secara bukan linear dalam PdPc Pendidikan Islam di SJKC Kuang Hwa, Kuantan ini telah membantu menangani isu kebimbangan terhadap pencapaian murid muslim di SJKC seperti yang dibangkitkan dalam kajian-kajian lepas. Dalam konteks global, kepentingan pendekatan yang fleksibel dan inovatif membolehkan Pendidikan Islam dan keagamaan dilaksanakan secara berkesan dalam persekitaran majoriti bukan Islam. Walau bagaimanapun, kajian-kajian terkini turut menekankan bahawa pencapaian akademik sahaja tidak mencukupi sebagai penanda aras kefahaman dan penghayatan nilai Islam yang menyeluruh. Pendekatan dan pentaksiran holistik yang merangkumi aspek rohani, emosi, dan sosial juga perlu diberi penekanan dalam pelaksanaan Pendidikan Islam bagi mencapai matlamat Pendidikan Islam.

4.6 Latar Belakang Objektif Kajian 3

Objektif Kajian 3 dalam kajian ini adalah untuk menganalisis perbezaan tahap penguasaan Pendidikan Islam murid berdasarkan pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam secara modular di SJKC 2. Bahagian ini membentangkan perbandingan keputusan pentaksiran antara Fasa 1 Ujian Pra (K1) dan Fasa 2 Ujian Pasca (R1) menggunakan ujian Wilcoxon Signed Ranks.

4.6.1 Keputusan Objektif Kajian 3

Perincian analisis ujian Wilcoxon Signed Ranks dilakukan secara spesifik terhadap komponen berikut, iaitu: (a) pentaksiran lisan; (b) pentaksiran bertulis; dan (c) pentaksiran amali bagi membanding keputusan pentaksiran tahap penguasaan Pendidikan Islam antara Fasa 1 Ujian Pra (pendekatan modular secara linear) dan Fasa 2 Ujian Pasca (pendekatan modular secara bukan linear) dalam setiap komponen pentaksiran secara terperinci.

i) Pentaksiran Lisan

Hasil analisis Wilcoxon Signed Ranks dalam Jadual 4.21 menunjukkan perbandingan keputusan pentaksiran lisan Fasa 1 Ujian Pra (K1) dan Fasa 2 Ujian Pasca (R1). Seramai 6 orang murid menunjukkan markah lebih rendah berdasarkan negative ranks (mean rank: 4.08), manakala 7 orang murid menunjukkan markah lebih tinggi berdasarkan positive ranks (mean rank: 9.50). Seramai 9 orang murid pula menunjukkan markah yang sama dalam pentaksiran lisan “K1” dan “R1”. Keputusan pentaksiran lisan “R1” (mean rank = 9.50) berbanding “K1” (mean rank = 4.08) tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dengan nilai $Z = -1.471$, $p > 0.05$. Ujian Wilcoxon Signed Ranks Pentaksiran Lisan (K1_R1): (a) ranks; dan (b) test statistics adalah seperti jadual berikut (Jadual 4.26):

Jadual 4. 26

Ujian Wilcoxon Signed Ranks Pentaksiran Lisan (K1_R1): (a) ranks; dan (b) test statistics

		N	Mean Rank	Sum of Ranks
(a)	Negative Ranks	6 ^a	4.08	24.50
	Positive Ranks	9 ^b	9.50	66.50
	Ties	9 ^c		
	Total	22		
(b)	Z	-1.471 ^d		
	Asymp. Sig. (2-tailed)	.141		

a. $R1 < K1$

b. $R1 > K1$

c. $R1 = K1$

d. Berdasarkan negative ranks

ii) Pentaksiran Bertulis

Hasil analisis ujian Wilcoxon Signed Ranks dalam Jadual 4.27 menunjukkan perbandingan keputusan pentaksiran bertulis Fasa 1 Ujian Pra (K1) dan Fasa 2 Ujian Pasca (R1). Seramai 5 orang murid menunjukkan markah lebih rendah berdasarkan negative ranks (mean rank: 6.40), manakala 15 orang murid menunjukkan markah lebih tinggi berdasarkan positive ranks (mean rank: 11.87). Baki 2 orang murid lagi menunjukkan markah yang sama dalam pentaksiran bertulis “K1” dan “R1”. Keputusan pentaksiran bertulis “R1” (mean rank = 11.87) adalah lebih tinggi berbanding “K1” (mean rank = 6.40) dengan perbezaan yang signifikan dengan nilai $Z = -2.729$, $p = 0.05$.

Ujian Wilcoxon Signed Ranks Pentaksiran Bertulis K1_R1): (a) ranks; dan (b) test statistics adalah seperti jadual berikut (Jadual 4.27):

Jadual 4.27

Ujian Wilcoxon Signed Ranks Pentaksiran Bertulis (K1_R1): (a) ranks; dan (b) test statistics

		N	Mean Rank	Sum of Ranks
(a)	Negative Ranks	5 ^a	6.40	32.00
	Positive Ranks	15 ^b	11.87	178.00
	Ties	2 ^c		
	Total	22		
(b)	Z	-2.729 ^d		
	Asymp. Sig. (2-tailed)	0.05		

a. $R1 < K1$

b. $R1 > K1$

c. $R1 = K1$

d. Berdasarkan negative ranks

iii) Pentaksiran Amali

Hasil analisis ujian Wilcoxon Signed Ranks dalam Jadual 4.28 menunjukkan perbandingan keputusan pentaksiran amali Fasa 1 Ujian Pra (K1) dan Fasa 2 Ujian Pasca (R1). Seramai 10 orang murid menunjukkan markah lebih rendah berdasarkan negative ranks (mean rank: 13.50), manakala 8 orang murid menunjukkan markah lebih tinggi berdasarkan positive ranks (mean rank: 4.50). Baki 4 orang murid lagi menunjukkan markah yang sama dalam pentaksiran amali “K1” dan “R1”. Keputusan pentaksiran amali “K1” (mean rank = 13.50) adalah lebih tinggi berbanding “R1” (mean rank = 4.50) dengan perbezaan yang signifikan dengan nilai $Z = -2.174$, $p < 0.05$. Ujian Wilcoxon Signed Ranks Pentaksiran Bertulis (K1_R1): (a) ranks; dan (b) test statistics adalah seperti jadual berikut (Jadual 4.28):

Jadual 4.28

Ujian Wilcoxon Signed Ranks Pentaksiran Bertulis (K1_R1): (a) ranks; dan (b) test statistics

		N	Mean Rank	Sum of Ranks
	Negative Ranks	10 ^a	13.50	135.00
(a)	Positive Ranks	8 ^b	4.50	36.00
	Ties	4 ^c		
	Total	22		
(b)	Z	-2.174 ^d		
	Asymp. Sig. (2-tailed)	.030		

a. R1 < K1

b. R1 > K1

c. R1 = K1

d. Berdasarkan positive ranks

a) Rumusan

Hasil analisis Wilcoxon Signed Ranks dalam Jadual 4.29 menunjukkan perbandingan keputusan pentaksiran keseluruhan Fasa 1 Ujian Pra (K1) dan Fasa 2 Ujian Pasca (R1). Seramai 7 orang murid menunjukkan markah lebih rendah berdasarkan negative ranks (mean rank: 9.79), manakala 15 orang murid menunjukkan markah lebih tinggi berdasarkan positive ranks (mean rank: 12.30). Keputusan pentaksiran keseluruhan “R1” (mean rank: 12.30) berbanding “K1” (mean rank = 9.79) tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dengan nilai $Z = -1.885$, $p > 0.05$. Ujian Wilcoxon Signed Ranks Pentaksiran Keseluruhan (K1_R1): (a) ranks; dan (b) test statistics adalah seperti jadual berikut (Jadual 4.29):

Jadual 4.29

Ujian Wilcoxon Signed Ranks Pentaksiran Keseluruhan (K1_R1): (a) ranks; dan (b) test statistics.

		N	Mean Rank	Sum of Ranks
	Negative Ranks	7 ^a	9.79	68.50
(a)	Positive Ranks	15 ^b	12.30	184.50
	Ties	0 ^c		
	Total	22		
(b)	Z	-1.885 ^d		
	Asymp. Sig. (2-tailed)	.059		

a. R1 < K1

b. R1 > K1

c. R1 = K1

	N	Mean Rank	Sum of Ranks
(a) Negative Ranks	7 ^a	9.79	68.50
Positive Ranks	15 ^b	12.30	184.50
Ties	0 ^c		
Total	22		

d. Berdasarkan negative ranks

Berdasarkan dapatan analisis umum ujian Wilcoxon Signed Ranks dalam Jadual 4.24, perbandingan keputusan pentaksiran keseluruhan dan pentaksiran lisan antara “K1” dan “R1” tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Perbandingan keputusan pentaksiran bertulis “R1” adalah lebih tinggi berbanding “K1” dengan perbezaan yang signifikan. Manakala perbandingan pentaksiran amali “K1” pula adalah lebih tinggi berbanding “R1” dengan perbezaan yang signifikan. Analisis Umum Ujian Wilcoxon Signed Ranks “K1_R1” adalah seperti jadual berikut (Jadual 4.30):

Jadual 4.30

Analisis Umum Ujian Wilcoxon Signed Ranks “K1_R1”

Pentaksiran	Analisis Ujian Wilcoxon Signed Ranks
Lisan	Tiada perbezaan yang signifikan
Bertulis	R1 > K1 dengan perbezaan yang signifikan
Amali	K1 > R1 dengan perbezaan yang signifikan
Keseluruhan	Tiada perbezaan yang signifikan

Merujuk kepada hasil analisis tersebut, satu analisis ujian Wilcoxon Signed Ranks melibatkan keputusan pentaksiran amali kumpulan Fasa 1 Ujian Pra (pendekatan modular secara linear) dan keputusan pentaksiran bertulis Fasa 2 Ujian Pasca (pendekatan modular secara bukan linear) dilaksanakan bagi mengenal pasti perbezaan antara keputusan tertinggi yang dicapai oleh setiap komponen pentaksiran antara kedua-dua kumpulan Fasa 1 Ujian Pra dan Fasa 2 Ujian Pasca. Hasil analisis dalam Jadual 4.31 menunjukkan perbandingan keputusan pentaksiran amali “K1” dan keputusan pentaksiran bertulis “R1”. Seramai 17 orang murid menunjukkan markah lebih rendah berdasarkan negative ranks (mean rank: 11.21), manakala 3 orang murid menunjukkan markah lebih tinggi berdasarkan positive ranks (mean rank: 6.50). Baki 2 orang murid lagi menunjukkan markah yang sama dalam pentaksiran amali “K1” dan pentaksiran bertulis “R1”.

Keputusan pentaksiran amali “K1” (mean rank = 11.21) adalah lebih tinggi berbanding pentaksiran bertulis “R1” (mean rank = 6.50) dengan perbezaan yang signifikan dengan nilai $Z = -3.209$, $p < 0.05$. Berdasarkan analisis ini, keputusan pentaksiran amali “K1” adalah lebih dominan berbanding keputusan pentaksiran bertulis “R1”. Ujian Wilcoxon Signed Ranks Pentaksiran Amali_Bertulis (K1_R1): (a) ranks; dan (b) test statistics adalah seperti jadual seperti berikut (Jadual 4.31):

Jadual 4.31

Ujian Wilcoxon Signed Ranks Pentaksiran Amali_Bertulis (K1_R1): (a) ranks; dan (b) test statistics

		N	Mean Rank	Sum of Ranks
(a)	Negative Ranks	17 ^a	11.21	190.50
	Positive Ranks	3 ^b	6.50	19.50
	Ties	2 ^c		
	Total	22		
(b)	Z	-3.209 ^d		
	Asymp. Sig. (2-tailed)	.001		

a. $R1 < K1$

b. $R1 > K1$

c. $R1 = K1$

d. Berdasarkan positive ranks

Berdasarkan dapatan analisis yang telah dilakukan, keputusan pentaksiran lisan menunjukkan bahawa hipotesis H_0 diterima dan menolak hipotesis H_1 walaupun mean rank “R1” lebih tinggi. Bagi pentaksiran bertulis pula, H_1 adalah diterima secara signifikan dengan nilai $p < 0.05$, manakala hipotesis H_0 adalah ditolak. Seterusnya, bagi pentaksiran amali pula, hipotesis H_1 adalah diterima secara signifikan dengan nilai $p < 0.05$, manakala hipotesis H_0 adalah ditolak. Rumusan keputusan pengujian hipotesis komponen pentaksiran adalah seperti jadual seperti berikut (Jadual 4.32):

Jadual 4.32

Rumusan Keputusan Pengujian Hipotesis Komponen Pentaksiran

Komponen Pentaksiran	H_0	H_1	Keputusan
Lisan	Diterima	Ditolak	$p > 0.05$, walaupun mean rank Fasa 2 Ujian Pasca lebih tinggi
Bertulis	Ditolak	Diterima	$p < 0.05$, mean rank “R1” lebih tinggi secara signifikan

Komponen Pentaksiran	H ₀	H ₁	Keputusan
Amali	Ditolak	Diterima	$\rho < 0.05$, mean rank “K1” lebih tinggi secara signifikan
Keseluruhan	Diterima	Ditolak	$\rho > 0.05$, walaupun mean rank Fasa 2 ujian Pasca lebih tinggi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa “R1” lebih berkesan untuk meningkatkan tahap penguasaan Pendidikan Islam yang dinilai melalui pentaksiran bertulis, manakala “K1” pula lebih berkesan untuk meningkatkan tahap penguasaan Pendidikan Islam yang dinilai melalui pentaksiran amali. Namun, Kedua-dua “K1” dan “R1” ini tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dalam pentaksiran. Berdasarkan keputusan semua komponen pentaksiran secara keseluruhannya, walaupun “R1” menunjukkan tahap penguasaan yang lebih baik, namun perbezaannya tidak signifikan secara statistik untuk membuat kesimpulan bahawa “R1” adalah lebih baik daripada “K1” secara mutlak sekaligus hipotesis H₀ dalam kajian ini adalah diterima.

Melalui dapatan analisis keputusan yang telah dilakukan, Objektif Kajian 2 untuk membanding keputusan pentaksiran tahap penguasaan Pendidikan Islam antara “K1” dan “R1” telah berjaya dicapai.

4.6.2 Perbincangan Objektif Kajian 3

Perbincangan perbandingan antara kedua-dua pendekatan modular ini dianalisis berdasarkan kerangka konseptual kajian (Rajah 1.3). Kerangka konseptual menunjukkan bahawa kedua-dua pendekatan (linear dan bukan linear) sebagai pemboleh ubah bebas mempunyai kesan yang berbeza terhadap komponen tahap penguasaan yang berbeza, dihubungkan oleh teori Vygotsky dan Ibn Khaldun. Pelaksanaan kedua-dua pendekatan modular dalam kajian ini mempamerkan peranan penting guru sebagai pelaksana kurikulum yang kompeten dan berwibawa. Dalam melaksanakan pendekatan modular secara linear, guru bertindak sebagai perancang pembelajaran yang teliti dengan memastikan setiap SK dan SP dilaksanakan mengikut urutan yang ditetapkan dalam RPT, sambil memantau penguasaan murid pada setiap peringkat sebelum meneruskan ke topik seterusnya. Manakala dalam pendekatan modular secara bukan linear pula, guru menggunakan autonomi pertimbangan

profesional mereka untuk membuat keputusan pedagogi yang strategik berdasarkan penilaian terhadap kesediaan murid, keperluan pembelajaran semasa, dan konteks unik SJKC.

Satu aspek penting yang perlu dijelaskan dalam perbandingan ini adalah kesahan intervensi kajian walaupun topik yang diajar dalam Fasa 1 dan Fasa 2 adalah berbeza. Perbezaan topik antara kedua-dua fasa ini mungkin menimbulkan persoalan tentang keadilan perbandingan yang dilakukan. Walau bagaimanapun, intervensi ini kekal sah dan dapat dipertahankan berdasarkan tiga justifikasi utama.

Pertama, walaupun topik SK dan SP berbeza, kedua-dua fasa melibatkan tujuh bidang Pendidikan Islam yang sama iaitu Al-Quran, Hadis, Aqidah, Ibadah, Sirah, Adab, dan Jawi (Mustaffa & Husain, 2022). Ini memastikan liputan bidang pembelajaran adalah setara antara kedua-dua fasa, walaupun SK dan SP spesifik yang dipilih adalah berbeza. Kedua, semua SK dan SP dalam kedua-dua fasa berpandukan DSKP Pendidikan Islam Tahun 1 yang sama (BPK, 2018), memastikan kesahan kandungan pembelajaran terpelihara dan tidak melampaui skop kurikulum yang ditetapkan. Ketiga, dan yang paling penting, perbezaan topik ini adalah niat intervensi itu sendiri. Kajian tindakan ini bertujuan untuk menguji sama ada pemilihan topik yang lebih fleksibel dan adaptif berdasarkan pertimbangan profesional guru dalam Fasa 2 dapat menghasilkan tahap penguasaan yang berbeza berbanding mengikut urutan RPT secara ketat dalam Fasa 1. Jika topik kedua-dua fasa adalah sama, maka tiada intervensi sebenar yang berlaku dan kajian ini tidak dapat menguji keberkesanan pendekatan modular secara bukan linear (Crotti et al., 2021).

Justifikasi ini selari dengan reka bentuk kajian tindakan yang digunakan, di mana pengkaji mengenal pasti masalah dalam amalan pengajaran sedia ada (Fasa 1 — linear mengikut RPT), merancang dan melaksanakan tindakan penambahbaikan (Fasa 2 — bukan linear mengikut pertimbangan profesional guru), dan menilai keberkesanan tindakan tersebut melalui perbandingan data pentaksiran. Perbandingan antara kedua-dua fasa dengan topik yang berbeza inilah yang membolehkan kajian ini menilai nilai tambah sebenar pendekatan modular secara bukan linear berbanding amalan kebiasaan (Fasa 1) dalam konteks Pendidikan Islam di SJKC

Walaupun bagaimanapun, pelaksanaan kedua-dua pendekatan ini tidak tanpa cabaran. Seperti yang dikenal pasti dalam kajian oleh Zaidi & Othman (2023), guru Pendidikan Islam menghadapi empat cabaran utama dalam melaksanakan kurikulum, iaitu: (a) kompetensi guru terhadap pengetahuan dan penguasaan kurikulum; (b)

transformasi daripada pendekatan konvensional berpusatkan guru kepada berpusatkan murid; (c) perbezaan kognitif murid dalam satu kelas; dan (d) pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 yang merangkumi elemen PAK-21. Kajian oleh Ismail & Rahman (2020) turut mendapati bahawa guru Pendidikan Islam menghadapi cabaran dalam menguasai elemen PAK-21 yang merangkumi 6C iaitu communication (komunikasi), collaboration (kolaboratif), creativity (kreativiti), critical thinking (pemikiran kritis), character (nilai) dan citizenship (kewarganegaraan).

Dalam konteks kajian ini, guru Pendidikan Islam di SJKC Kuang Hwa telah menunjukkan kemampuan mengatasi cabaran-cabaran tersebut melalui pelaksanaan kedua-dua pendekatan modular dengan berkesan. Ini ditunjukkan melalui pencapaian tahap penguasaan yang cemerlang dalam kedua-dua fasa kajian. Kemahiran guru dalam merancang, melaksana, dan menilai pembelajaran secara berterusan (Mansor & Jamaludin, 2024; BPK, 2021) telah memainkan peranan penting dalam menjayakan kedua-dua pendekatan modular. Kejayaan ini turut mencerminkan kepentingan sokongan yang mencukupi kepada guru merangkumi masa perancangan yang mencukupi, latihan berterusan, dan bahan pengajaran yang berkualiti (Mohan et al., 2024; Mokhtar & Sahat, 2022).

Perbandingan antara pendekatan modular secara linear dan bukan linear menunjukkan kedua-dua pendekatan mempunyai kelebihan tersendiri dalam konteks yang berbeza. Fleksibiliti dalam pemilihan pendekatan pengajaran ini memberi ruang kepada guru untuk mengadaptasi kaedah pengajaran mengikut kematangan dan perkembangan pemikiran murid. Ianya selari dengan matlamat Kurikulum Persekolahan 2027 yang memberi keutamaan kepada pelaksanaan kurikulum secara fleksibel, relevan dan kontekstual untuk mencapai budaya pembelajaran sepanjang hayat (KPM, 2024).

4.6.3 Gambaran Keseluruhan Pelaksanaan Pendekatan Modular Fasa 1 dan Fasa 2

Fasa 1 — Pendekatan Modular Secara Linear:

Dilaksanakan selama 8 minggu mengikut urutan RPT Pendidikan Islam Tahun 1. Topik diajar secara berturutan mengikut hierarki SK dan SP dalam DSKP, bermula dengan bacaan huruf hijaiyah (Al-Quran), Rukun Iman (Akidah), air mutlak (Ibadah),

salasilah Nabi (Sirah), adab kebersihan diri (Adab), dan huruf tunggal Jawi. Murid dikehendaki menguasai setiap topik sebelum beralih ke topik seterusnya.

Fasa 2 — Pendekatan Modular Secara Bukan Linear:

Dilaksanakan selama 8 minggu dengan pemilihan SK dan SP secara fleksibel, tidak mengikut urutan RPT. Guru membuat pertimbangan profesional untuk memilih topik berdasarkan kesediaan dan keperluan murid. Sebagai contoh, hafazan Al-Fatihah dipilih menggantikan bacaan tanwin kerana lebih relevan untuk solat harian murid.

Selaras dengan PPPM (2013-2025), pendekatan modular secara linear dan bukan linear menjadi pendekatan pengajaran penting yang memenuhi keperluan pembelajaran semasa. Pendekatan pengajaran yang berkesan ini membantu memenuhi hasrat PPPM (2013-2025) dalam memastikan setiap murid mendapat akses pendidikan yang berkualiti untuk membangunkan potensi diri dalam menghadapi cabaran masa hadapan (Nasir & Mansor, 2021; Yusof & Rahim, 2022). Perbandingan keseluruhan pencapaian tahap penguasaan Pendidikan Islam pada Objektif Kajian 2 ini didapati selari dengan kajian oleh Mehranmanesh et al. (2024) berkaitan keberkesanan pendekatan pengajaran secara linear dan bukan linear terhadap faktor psikologi pembelajaran. Hasil kajian sistematik mereka menunjukkan kedua-dua pendekatan memberi kesan positif terhadap pembelajaran pelajar baharu dengan kebanyakan kajian membuktikan pendekatan bukan linear memberi kelebihan dari aspek peningkatan motivasi dan keyakinan membuat keputusan.

Walaupun begitu, keputusan Objektif Kajian 2 ini juga menunjukkan kepentingan guru memahami konteks pembelajaran dan keperluan murid sebelum memilih pendekatan pengajaran yang sesuai untuk diimplementasi dalam PdPc. Guru perlu mengambil kira pelbagai faktor seperti tahap kognitif murid, mata pelajaran, objektif pembelajaran dan kemudahan infrastruktur yang tersedia sebelum menetapkan pendekatan pengajaran yang akan digunakan. Pemilihan pendekatan pengajaran perlu dibuat secara strategik untuk memaksimumkan keberkesanan proses PdPc. Kajian oleh Mokhtar & Sahat (2022) berkaitan kepentingan amalan kreativiti guru dalam PdPc abad ke-21 turut menyatakan bahawa guru perlu bijak memilih pendekatan pengajaran dengan mengambil kira keperluan dan keupayaan murid. Kreativiti dan fleksibiliti yang dilaksanakan oleh guru berpotensi merangsang perubahan positif dalam amalan pedagogi dan mengubah bilik darjah menjadi komuniti pembelajaran yang aktif dan berkesan.

Sementara itu, kajian oleh Zaidi & Othman (2023) berkaitan cabaran guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mendapati terdapat empat cabaran utama yang dihadapi oleh guru iaitu kompetensi guru terhadap pengetahuan dan penguasaan kurikulum, modifikasi amalan pengajaran tradisional kepada berpusatkan murid, perbezaan kognitif murid dan pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. Kajian ini menyarankan supaya guru perlu peka dengan kepelbagaian murid dari aspek tahap kognitif, minat, motivasi dan gaya pembelajaran kerana kefahaman terhadap perbezaan tersebut dapat membantu guru merancang strategi dan pendekatan yang sesuai dengan keupayaan murid bagi mengoptimumkan keberkesanan PdPc dan perkembangan murid yang holistik. Guru yang mampu merancang dan memilih pendekatan pengajaran yang sesuai dengan keupayaan murid berpotensi untuk mengoptimumkan keberkesanan PdPc dan perkembangan murid yang holistik.

Selain itu, kajian oleh Mohan et al. (2024) berkaitan kesediaan guru terhadap pelaksanaan pembelajaran luar bilik darjah dalam mata pelajaran Sejarah sekolah rendah turut menyatakan kesediaan guru merupakan antara faktor yang menyumbang kepada keberkesanan PdPc dalam bilik darjah. Guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam merancang pengajaran dengan mempertimbangkan kepelbagaian elemen melibatkan murid seperti komunikasi, kerohanian, sikap dan nilai untuk memastikan murid dapat dibentuk secara holistik daripada proses PdPc dan pentaksiran di dalam bilik darjah.

Secara keseluruhannya, perbandingan antara pendekatan modular secara linear dan bukan linear dalam konteks pendidikan menunjukkan bahawa kedua-dua pendekatan ini mempunyai kelebihan tersendiri yang perlu dimanfaatkan secara strategik oleh guru. Keputusan Objektif Kajian 2 membuktikan kepentingan guru sebagai pemudahcara pelaksanaan PdPc di dalam bilik darjah meliputi aspek pemilihan pendekatan dan persediaan mengajar berdasarkan kepelbagaian murid bagi memastikan objektif PdPc dicapai secara optimum. Keputusan Objektif Kajian 2 ini juga didapati selari dengan konteks pendidikan semasa berdasarkan PPPM 2013-2025 dan akan datang berdasarkan Kurikulum Persekolahan 2027. Walau bagaimanapun, cabaran-cabaran yang dikenal pasti mengenai kompetensi guru dan kepelbagaian murid perlu ditangani dengan baik untuk mempertingkatkan kesediaan dan kemahiran guru dalam merancang dan melaksanakan PdPc yang berkesan untuk pembentukan karakter murid yang berkualiti tinggi.

Perbezaan yang signifikan dalam pencapaian pentaksiran bertulis antara Fasa 2 Ujian Pasca (R1) dan Fasa 1 Ujian Pra (K1) menunjukkan pendekatan modular secara bukan linear lebih berkesan untuk meningkatkan kefahaman konseptual murid. Keberkesanan ini adalah konsisten dengan kajian Ghulam et al. (2019) tentang pengintegrasian Sains Kesihatan dalam Pendidikan Islam KSSM yang turut menggunakan reka bentuk eksperimen untuk menguji keberkesanan inovasi dalam pengajaran Pendidikan Islam. Walaupun pendekatan yang diuji adalah berbeza, namun kedua-dua kajian turut menyasarkan untuk menyumbang kepada pembaharuan dalam pedagogi Pendidikan Islam dengan memperkenalkan pendekatan pengajaran yang lebih berkesan dan relevan sesuai dengan keperluan pembelajaran semasa. Dapatan kajian juga selari menunjukkan bahawa pendekatan yang lebih fleksibel dan bersepadu dapat meningkatkan pencapaian akademik murid.

Dapatan berbeza ini menyokong kerangka konseptual kajian yang menunjukkan bahawa pemilihan pendekatan modular perlu disesuaikan dengan jenis pentaksiran untuk mencapai tahap penguasaan yang optimum. Pendekatan linear lebih sesuai untuk pembelajaran amali yang memerlukan struktur sistematik (tadarruj), manakala pendekatan bukan linear lebih berkesan untuk pembelajaran konseptual yang memerlukan fleksibiliti dan penyesuaian (ZPD).

Konsep pendekatan modular secara bukan linear yang fleksibel dan bersepadu ini memberi autonomi kepada guru untuk merancang PdPc mengikut kesesuaian dan kesediaan murid muslim di SJKC untuk menerima input pembelajaran dengan berkesan. Fleksibiliti dalam pendekatan ini membolehkan guru mengadaptasi pengajaran mengikut konteks pembelajaran di SJKC yang memerlukan pertimbangan terhadap pelbagai kekangan seperti peruntukan masa yang terhad, persekitaran pembelajaran dengan kepelbagaian latar belakang agama dan budaya, serta penghayatan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian mereka (Mohamad & Razak, 2024; Norddin, 2020). Seterusnya, pelaksanaan pendekatan modular secara bukan linear membolehkan murid menghubungkan konsep baharu dengan pengetahuan sedia ada, serta memberi ruang untuk mereka meneroka dan memahami kandungan pembelajaran mengikut tahap kesediaan masing-masing. Keupayaan murid menghubungkan konsep pembelajaran ini membentuk pengalaman pembelajaran yang bermakna dan berkesan dalam pentaksiran bertulis khususnya dari aspek kognitif dan konseptual.

Kajian oleh Fletcher et al. (2019) yang menggunakan kaedah analisis konsep menunjukkan bahawa pembelajaran konseptual sebagai satu proses pembelajaran. Pembelajaran melibatkan konseptual ini membantu murid menyusun pengetahuan, kemahiran dan sikap yang berkaitan dengan konsep untuk membentuk hubungan kognitif yang logik membawa kepada peningkatan keupayaan kognitif mereka.

Sementara itu, kajian oleh Ramadani & Handayani (2024) berkaitan instrumen pentaksiran bertulis pada ujian objektif pula menyatakan bahawa pentaksiran dalam pendidikan adalah sangat penting untuk menentukan pencapaian matlamat pendidikan. Kajian ini juga menunjukkan pentaksiran bertulis merupakan kaedah penilaian yang berkesan dalam mengukur tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran pemikiran kritis murid semasa proses PdPc. Pencapaian pentaksiran bertulis bagi pendekatan modular secara bukan linear yang signifikan membuktikan bahawa pelaksanaan pendekatan ini membantu perkembangan kognitif murid muslim di SJKC sekaligus menyediakan asas kukuh untuk pembangunan ilmu yang lebih komprehensif dalam konteks Pendidikan Islam. Walaubagaimanapun, pencapaian tahap penguasaan murid berdasarkan pentaksiran bertulis sahaja mungkin tidak dapat menggambarkan keseluruhan kesan pendekatan ini dalam aspek perkembangan pengetahuan murid muslim di SJKC. Kajian lanjutan perlu dijalankan untuk mengenal pasti sama ada pencapaian dalam pentaksiran bertulis ini turut memberi impak yang sama terhadap kefahaman jangka panjang dan aplikasi pengetahuan dalam kehidupan seharian murid. Aspek kesinambungan pembelajaran dan pengekalan pengetahuan juga perlu diberi perhatian dalam membandingkan keberkesanan kedua-dua pendekatan ini, memandangkan murid memerlukan asas yang kukuh untuk pembelajaran berterusan dalam Pendidikan Islam.

Kajian oleh Siregar dan Ningsih (2022) mendapati bahawa pembangunan bahan pengajaran memberi kesan positif yang signifikan terhadap pemahaman pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Dapatan kajian ini didapati selari dengan pandangan bahawa keberkesanan sesuatu pendekatan pengajaran tidak boleh diukur melalui pencapaian bertulis semata-mata, tetapi perlu melibatkan pelbagai komponen pentaksiran lain secara menyeluruh dan berterusan. Penggunaan bahan pengajaran yang dibangunkan secara sistematik dan bersesuaian dengan tahap kognitif murid dapat merangsang minat serta meningkatkan penglibatan aktif mereka dalam proses pembelajaran. Selain itu, kepelbagaian bahan pengajaran yang diintegrasikan dalam pendekatan pengajaran dan pentaksiran turut menyumbang kepada pembentukan

pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna dan memudahkan pemahaman konsep-konsep asas dalam Pendidikan Islam. Kajian oleh Sien (2024) berkaitan kepentingan pendidikan holistik dan emosi di sekolah rendah Malaysia mendapati bahawa sistem pendidikan yang terlalu berorientasikan peperiksaan telah mengabaikan aspek pembangunan emosi (EQ) dan moral pelajar. Penilaian yang hanya bersandarkan kepada peperiksaan bertulis tidak mampu untuk mengukur perkembangan sebenar murid kerana ia cenderung mengabaikan aspek-aspek penting seperti kecerdasan interpersonal, intrapersonal, dan emosi (EQ). Aspek-aspek ini merupakan antara elemen penting dalam penghayatan nilai-nilai dalam Pendidikan Islam yang perlu diberi penekanan untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi intelek dan sahsiah.

Kajian oleh Hussin et al. (2021) berkaitan amalan pentaksiran alternatif di institusi pengajian tinggi mendapati bahawa pentaksiran alternatif berupaya mengukur aspek-aspek yang tidak dapat diukur melalui peperiksaan bertulis. Pelbagai kaedah pentaksiran alternatif telah dilaksanakan dalam kajian termasuk penulisan esei, pembentangan, ulasan kandungan, kerja lapangan, penganjuran seminar, dan penggunaan teknologi digital yang membantu mengukur perkembangan kognitif, psikomotor dan afektif kumpulan sasaran. Kajian ini juga menyokong bahawa pentaksiran bertulis sahaja tidak mampu menggambarkan keseluruhan pencapaian pelajar terutamanya dalam aspek kemahiran dan penglibatan aktif pelajar dalam PdPc. Sementara itu, kajian oleh Miftahul Jannah (2024) berkaitan pentaksiran bilik darjah mendapati bahawa guru dapat menilai pelajar secara berterusan dan holistik melalui pelbagai kaedah pentaksiran. Pentaksiran bilik darjah yang dilaksanakan dalam sistem pendidikan semasa di Malaysia ini melibatkan tiga komponen pentaksiran iaitu pentaksiran lisan, pentaksiran bertulis dan pentaksiran secara pemerhatian. Kajian tersebut turut menyatakan bahawa pentaksiran bertulis semata-mata yang diamalkan dalam sistem peperiksaan tidak dapat mencungkil bakat dan potensi pelajar secara menyeluruh.

Secara keseluruhannya, walaupun pendekatan modular secara bukan linear menunjukkan keberkesanan yang signifikan dalam pentaksiran bertulis, namun hanya mengukur tahap penguasaan murid berdasarkan pencapaian pentaksiran bertulis semata-mata tidak menggambarkan keseluruhan pencapaian dan keberkesanan pendekatan tersebut dalam Pendidikan Islam. Ia juga perlu dinilai dari pelbagai aspek lain untuk mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang impak sebenarnya terhadap pembelajaran murid. Pendekatan modular secara bukan linear yang fleksibel

dan bersepadu ini perlu terus diperluaskan dengan mengambil kira kepelbagaian kaedah pentaksiran bagi membolehkan murid mencapai tahap penguasaan tertinggi dalam pembentukan asas Pendidikan Islam yang kukuh dan bermakna kepada murid muslim di SJKC. Perbezaan yang signifikan dalam pencapaian antara pentaksiran amali R1 dan K1, serta antara pentaksiran bertulis R1 dan pentaksiran amali K1, menunjukkan keberkesanan pendekatan modular secara linear dalam meningkatkan tahap penguasaan murid bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Pelaksanaan pendekatan modular secara linear dalam PdPc yang berlaku secara sistematik dan tersusun membantu murid menguasai konsep asas sesuatu topik sebelum beralih ke topik yang lebih kompleks. Penguasaan asas yang kukuh memudahkan murid menguasai topik pembelajaran dengan lebih baik dan mencapai tahap penguasaan Pendidikan Islam yang tinggi (Nizam & Rosli, 2021).

Perbezaan yang signifikan antara pentaksiran bertulis dan amali dalam R1 dan K1 juga menunjukkan pentingnya mengadaptasi pendekatan pengajaran mengikut jenis hasil pembelajaran yang disasarkan. Kajian oleh Rusdin & Ali (2019) berkaitan pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru Madrasah Ibtidaiyah melalui kaedah kualitatif menyatakan bahawa guru perlu mahir melaksanakan PdPc dengan pelbagai pendekatan pengajaran. Kemahiran guru melaksanakan PdPc dengan pendekatan yang sesuai membantu mencungkil dan mengasah potensi murid dengan baik. Kombinasi strategi dan pendekatan pengajaran yang sesuai ini juga membolehkan objektif pembelajaran dapat dicapai secara optimum. Kajian oleh Aisyah et al. (2023) berkaitan adaptasi dan inovasi Madrasah Ibtidaiyah dalam kurikulum menjadikan proses PdPc lebih menarik dan menyeronokkan sekaligus meningkatkan motivasi dan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini mengetengahkan inovasi berdasarkan kaedah pengajaran yang kreatif dan integrasi teknologi dalam PdPc. Autonomi dan kemahiran guru dalam melaksanakan pendekatan pengajaran dan pentaksiran memperlihatkan kepentingan guru memahami keperluan pembelajaran setiap pelajar dan menyesuaikan kaedah pengajaran sama ada memfokuskan kepada pemahaman konsep atau penguasaan kemahiran untuk memastikan pembelajaran dapat berlaku dengan bermakna.

Selain itu, keputusan yang berbeza antara pentaksiran bertulis dan amali juga membuka ruang perbincangan tentang kepentingan pendekatan pengajaran hibrid dalam Pendidikan Islam. Kajian oleh Harun et al. (2021) berkaitan model pembelajaran *Hybrid Learning* terhadap hasil pembelajaran Pendidikan Agama Islam mendapati bahawa

pendekatan ini dapat melibatkan pelajar dan guru untuk berinteraksi pada bila-bila masa dan di mana saja. Melalui *Hybrid Learning*, pelajar berpeluang meneroka pelbagai sumber pembelajaran atas talian sesuai dengan perkembangan teknologi abad-21 untuk menambah pengetahuan mereka dalam Pendidikan Islam. Kajian ini turut mengetengahkan model pembelajaran *Hybrid Learning* sebagai alternatif terbaik untuk meningkatkan keberkesanan dan pencapaian Pendidikan Islam secara menyeluruh dalam persekitaran pembelajaran bersemuka di dalam kelas dan atas talian.

Kajian oleh Meygamandhayanti & Saepudin (2022) mengenai implementasi kaedah talaqqi melalui pembelajaran hybrid pada mata pelajaran tahfidz Al-Qur'an mendapati bahawa pendekatan ini telah berjaya dilaksanakan dengan baik. Dapatan kajian menunjukkan berlakunya peningkatan yang ketara dalam penilaian hafazan menggunakan pendekatan atas talian manakala pendekatan bersemuka menunjukkan kelebihan dalam aspek penguasaan tajwid dan makhraj huruf. Berdasarkan dapatan ini, adaptasi pendekatan pengajaran mengikut kesesuaian memainkan peranan penting dalam keberkesanan pembelajaran. Perbezaan signifikan dalam keputusan Objektif Kajian 2 menunjukkan pendekatan yang digunakan boleh disesuaikan dan diimplementasi dengan baik oleh guru mengikut topik dan bidang dalam Pendidikan Islam secara berfokus dan berkesan. Secara keseluruhannya, implementasi pendekatan pengajaran yang tepat memainkan peranan penting untuk mencapai tahap penguasaan yang optimum dalam Pendidikan Islam. Pendekatan pengajaran yang sesuai ini membantu murid muslim di SJKC untuk menguasai bidang-bidang Pendidikan Islam dengan berkesan walaupun berhadapan dengan cabaran pembelajaran seperti yang telah diulas sebelum ini dengan lebih baik. Perbezaan signifikan keputusan kajian juga menunjukkan bahawa pendekatan modular secara linear dan bukan linear mempunyai kelebihan tersendiri.

Pendekatan linear didapati paling sesuai untuk pembelajaran melibatkan perkara amali yang memerlukan penguasaan secara sistematik seperti dalam bidang ibadah, manakala pendekatan modular secara bukan linear pula lebih berkesan untuk meningkatkan kefahaman konseptual dan pemikiran kritis seperti dalam bidang akidah, sirah, jawi dan adab (Ramadani & Handayani, 2024). Fleksibiliti dalam pemilihan pendekatan ini membolehkan guru mengadaptasi pengajaran mengikut keperluan pembelajaran murid muslim di SJKC yang mungkin memerlukan pendekatan yang berbeza untuk mencapai tahap penguasaan yang sama dengan rakan-rakan mereka di SK. Selain itu, integrasi antara pendekatan pengajaran yang inovatif dalam kurikulum

modular ini dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih dinamik dan bermakna dalam konteks Pendidikan Islam di SJKC. Pendekatan yang responsif terhadap keperluan pembelajaran murid muslim dalam persekitaran majoriti bukan Islam ini bukan sahaja menyokong pencapaian tahap penguasaan yang lebih tinggi, tetapi juga membantu pemupukan nilai-nilai Islam dan pembentukan jati diri Muslim yang kukuh dalam kalangan murid muslim di SJKC. Hal ini seterusnya menyokong pembentukan budaya pembelajaran sepanjang hayat yang menepati matlamat Pendidikan Islam untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek dan sahsiah berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah.

4.7 Rumusan

Berdasarkan keseluruhan analisis dalam Bab 4, kajian ini telah berjaya membuktikan keberkesanan kedua-dua pendekatan modular secara linear dan bukan linear dalam meningkatkan tahap penguasaan Pendidikan Islam dalam kalangan murid muslim tahun satu di SJKC Kuang Hwa, Kuantan, dengan majoriti murid mencapai gred cemerlang (A) dalam kedua-dua kumpulan. Melalui analisis perbandingan menggunakan ujian Wilcoxon Signed Ranks, kajian mendapati bahawa pendekatan modular secara bukan linear menunjukkan keberkesanan yang signifikan dalam meningkatkan pencapaian pentaksiran bertulis ($Z = -2.729$, $p = 0.05$), membuktikan kelebihanannya dalam mengembangkan kefahaman konseptual dan pemikiran kritis murid, manakala pendekatan modular secara linear pula terbukti lebih berkesan dalam pentaksiran amali ($Z = -2.174$, $p < 0.05$), menunjukkan kesesuaiannya untuk pembelajaran kemahiran praktikal yang memerlukan pembelajaran berperingkat dan sistematik seperti dalam bidang ibadah. Walaupun tiada perbezaan yang signifikan dalam pentaksiran lisan dan pencapaian keseluruhan, kedua-dua pendekatan menunjukkan tahap penguasaan yang tinggi, mencerminkan bahawa pemilihan pendekatan yang strategik mengikut jenis pembelajaran dan objektif yang disasarkan dapat mengoptimumkan keberkesanan PdPc Pendidikan Islam di SJKC. Dapatan ini memberikan implikasi penting bahawa fleksibiliti dalam penggunaan kedua-dua pendekatan secara selektif mengikut keperluan pembelajaran khusus dapat mengatasi cabaran yang dihadapi oleh murid muslim minoriti di SJKC, sekaligus menyokong matlamat transformasi pendidikan dalam PPPM 2013-2025 dan Kurikulum

Persekolahan 2027 untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi intelek dan sahsiah berteraskan nilai-nilai Islam. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mengesahkan kerangka konseptual yang telah dibina, membuktikan bahawa kedua-dua pendekatan modular mempunyai kesan signifikan terhadap tahap penguasaan Pendidikan Islam. Teori Vygotsky dan Ibn Khaldun berfungsi sebagai asas teoretikal yang menjelaskan mekanisme peningkatan penguasaan ini. Fleksibiliti dalam pemilihan pendekatan mengikut jenis pembelajaran seperti yang dicadangkan dalam kerangka konseptual terbukti berkesan dalam konteks SJKC.

BAB 5

KESIMPULAN


5.1 Pengenalan

Rumusan keseluruhan mengenai perbandingan tahap penguasaan Pendidikan Islam antara pendekatan modular secara linear dan bukan linear dalam kalangan murid muslim tahun satu di SJKC Kuang Hwa, Kuantan diperincikan dalam bab ini. Perbincangan merangkumi ringkasan dapatan kajian, implikasi teoretikal yang menyentuh sumbangan terhadap teori pembelajaran yang digunakan, implikasi praktikal berkaitan kesan terhadap amalan PdPc Pendidikan Islam di SJKC, dan implikasi metodologikal berkaitan aspek reka bentuk dan pelaksanaan kajian. Beberapa cadangan kajian lanjutan berdasarkan limitasi kajian sedia ada turut dibincangkan untuk memberi panduan kepada penyelidik masa hadapan dalam mengukuhkan dapatan kajian. Semua cadangan ini bertujuan memperkukuh pemahaman tentang keberkesanan pendekatan modular dalam konteks pengajaran Pendidikan Islam di SJKC.

5.2 Ringkasan Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan keberkesanan kedua-dua pendekatan modular secara linear dan bukan linear dalam meningkatkan tahap penguasaan Pendidikan Islam di SJKC Kuang Hwa, Kuantan. Majoriti murid dalam kedua-dua kumpulan mencapai gred cemerlang (A), dengan kumpulan Fasa 1 Ujian Pra mencatatkan 18 daripada 22 orang murid dan kumpulan rawatan mencatatkan 19 daripada 22 orang murid mendapat gred cemerlang. Dapatan analisis perbandingan menggunakan ujian *Wilcoxon Signed Ranks* menunjukkan pendekatan modular secara bukan linear lebih berkesan dalam meningkatkan pencapaian pentaksiran bertulis secara signifikan dengan nilai $Z = -2.729$, $p = 0.05$. Manakala pendekatan modular secara linear pula lebih berkesan dalam meningkatkan pencapaian pentaksiran amali dengan perbezaan yang signifikan ($Z = -2.174$, $p < 0.05$).

Pendekatan modular secara bukan linear didapati lebih berkesan dalam meningkatkan kefahaman konseptual yang diukur melalui pentaksiran bertulis, khususnya dalam pentaksiran bertulis yang merangkumi item Jawi (PBK1-PBK4), Akidah (PBK5-PBK6), Sirah (PBK7-PBK8), dan Ibadah (PBK9-PBK10). Fleksibiliti dalam pendekatan ini membolehkan guru memilih tajuk pembelajaran yang paling sesuai dengan tahap kesediaan murid tanpa terikat dengan urutan RPT, sekaligus mengoptimalkan penggunaan masa yang terhad untuk mata pelajaran Pendidikan Islam di SJKC. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.6, guru memilih untuk mengajar SK 2.1 (hafazan Al-Fatihah) dan SK 3.2 (rukun Islam) dalam minggu yang sama untuk mengukuhkan pemahaman murid tentang asas kepercayaan dan amalan Islam secara bersepadu. Sementara itu, pendekatan modular secara linear yang lebih sistematik dan berstruktur menunjukkan kelebihan dalam membantu penguasaan kemahiran praktikal, terutamanya dalam aspek ibadah yang memerlukan pemahaman dan pelaksanaan mengikut turutan yang tepat. Bagi pentaksiran lisan, walaupun tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan antara kedua-dua pendekatan ($Z = -1.471$, $p > 0.05$), namun kedua-duanya mencapai tahap penguasaan yang tinggi dalam aspek kemahiran bacaan Al-Quran dan hafazan surah. Secara keseluruhannya, walaupun pendekatan modular secara bukan linear menunjukkan pencapaian yang lebih baik, perbezaannya tidak signifikan secara statistik ($Z = -1.885$, $p > 0.05$) untuk membuat kesimpulan bahawa pendekatan ini lebih baik daripada pendekatan modular secara linear secara mutlak. Peningkatan pencapaian ini membuktikan bahawa kedudukan sebagai golongan minoriti di SJKC tidak menghalang murid muslim daripada menguasai dan menghayati nilai-nilai Pendidikan Islam secara holistik apabila pendekatan pengajaran yang sesuai digunakan. Ringkasan dapatan kajian diringkaskan dalam rajah seperti berikut (Rajah 5.1):



Rajah 5.1 Ringkasan Dapatan Kajian

5.3 Implikasi Kajian

Dapatan kajian ini membawa kepada beberapa implikasi penting dalam konteks PdPc Pendidikan Islam di SJKC, khususnya berkaitan implementasi pendekatan modular secara linear dan bukan linear. Perbincangan implikasi ini akan memfokuskan kepada tiga aspek utama iaitu implikasi teoretikal yang menyentuh sumbangan terhadap teori pembelajaran yang digunakan, implikasi praktikal yang membincangkan kesan terhadap amalan PdPc Pendidikan Islam di SJKC, dan implikasi metodologikal yang berkaitan dengan aspek reka bentuk dan pelaksanaan kajian.

5.3.1 Implikasi Teoretikal

Dari sudut teoretikal, kajian ini mengukuhkan kerangka konseptual pembelajaran berdasarkan integrasi teori konstruktivisme Vygotsky dan pemikiran Ibn Khaldun dalam konteks pengajaran Pendidikan Islam di SJKC. Rajah 5.2 memaparkan kerangka berkaitan aplikasi Teori Konstruktivisme Vygotsky dan Teori Pemikiran Ibn Khaldun dalam pendekatan modular secara linear dan bukan linear. Bagi menjawab persoalan tentang bagaimana konsep Zon Perkembangan Proksimal (ZPD), scaffolding,

tadarruj, dan malakah berfungsi dalam kajian ini, analisis berikut menjelaskan aplikasi spesifik konsep-konsep tersebut dalam kedua-dua pendekatan modular yang dilaksanakan.

Seperti yang telah diuraikan dalam Bahagian 2.4(a) dan 2.4(b), konsep ZPD (Vygotsky) dan tadarruj (Ibn Khaldun) berkongsi prinsip yang sama iaitu pembelajaran bergerak dari tahap keupayaan semasa murid ke tahap potensi yang lebih tinggi secara beransur-ansur mengikut tahap perkembangan mereka (Belland, 2017; Daulay et al., 2021). Manakala konsep scaffolding (Vygotsky) dan malakah (Ibn Khaldun) pula berkongsi prinsip pembentukan kemahiran melalui bantuan dan latihan yang diminimumkan secara beransur-ansur sehingga murid menguasai kemahiran secara mandiri (Voon & Amran, 2021; Dzulkifli & Fakhruddin, 2024). Integrasi kedua-dua teori ini memberikan kerangka komprehensif gabungan asas psikologi pembelajaran barat dengan falsafah Pendidikan Islam untuk memahami keberkesanan pendekatan modular dalam kajian ini.

Dalam pelaksanaan pendekatan modular secara linear, konsep-konsep ini diaplikasikan melalui pembelajaran berturutan mengikut hierarki yang ditetapkan dalam RPT Pendidikan Islam Tahun 1. ZPD dan tadarruj diwujudkan melalui penyusunan topik asas kepada yang lebih kompleks bagi murid tahun satu (1). Setiap minggu pembelajaran membina kefahaman dan kemahiran yang diperlukan untuk minggu seterusnya. Scaffolding dan Malakah pula dibentuk melalui bimbingan berstruktur yang diminimumkan secara beransur-ansur dengan latihan berulang (takrār). Sebagai contoh konkrit dalam kajian ini, penguasaan bacaan huruf Hijaiyah tunggal (tahap keupayaan semasa murid) dalam minggu pertama dan kedua dengan scaffolding intensif dari guru menjadi asas penting untuk menguasai bacaan huruf bersambung (tahap potensi penguasaan dalam ZPD) dalam minggu ketiga dan seterusnya dengan scaffolding yang semakin berkurangan. Begitu juga dalam bidang Ulum, pemahaman tentang Rukun Iman yang dibina pada minggu pertama dan kedua (dengan scaffolding intensif) menjadi asas untuk memahami konsep bersuci dan ibadah dalam minggu-minggu berikutnya dengan scaffolding yang diminimumkan, seterusnya membentuk Malakah (kemahiran kukuh) melalui takrār yang sistematik. Pendekatan berstruktur ini terbukti berkesan dalam meningkatkan pencapaian pentaksiran amali secara signifikan ($Z=-2.174$, $p<0.05$), membuktikan keberkesanan scaffolding berstruktur dan pembelajaran tadarruj dalam membentuk Malakah.

Sebaliknya, dalam pendekatan modular secara bukan linear, konsep-konsep yang sama diaplikasikan dengan lebih fleksibel dan responsif terhadap keperluan individu murid. ZPD disesuaikan mengikut tahap keupayaan semasa setiap murid atau kumpulan murid yang berbeza-beza, membolehkan guru memilih topik pembelajaran yang paling sesuai dengan tahap kesediaan murid tanpa terikat dengan urutan hierarki yang ketat dalam Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT). Tadarruj (pembelajaran beransur-ansur dari mudah ke kompleks) masih berlaku tetapi guru mempunyai fleksibiliti untuk memilih Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) yang berbeza dari urutan RPT mengikut kesesuaian tahap keupayaan dan kesediaan murid. Scaffolding diberikan secara fleksibel dan disesuaikan mengikut keperluan khusus murid dalam lingkungan ZPD mereka, manakala Malakah dibentuk melalui latihan berulang (takrār) terhadap topik-topik yang dipilih secara strategik oleh guru.


Sebagai contoh konkrit dalam kajian ini, pada minggu pertama, guru tidak mengikuti RPT yang menetapkan SK 1.3 (bacaan kalimah mengandungi فَتْحَتَيْنِ،

كُسْرَتَيْنِ dan ضَمَّتَيْنِ) tetapi memilih untuk mengajar SK 2.1 (hafazan surah Al-Fatihah)

dan SK 3.2 (rukun Islam) yang sepatutnya diajar pada minggu yang berbeza mengikut urutan RPT. Begitu juga pada minggu kelima, guru memilih untuk mengajar SK 5.2 tentang sifat صديق Nabi Muhammad dan SK 2.2 (hafazan surah Al-Ikhlās) yang

sepatutnya diajar pada minggu yang berbeza mengikut RPT, tetapi dilihat lebih sesuai dengan tahap kesediaan dan minat murid pada minggu tersebut. Fleksibiliti dalam pemilihan topik ini membolehkan guru menyesuaikan scaffolding mengikut tahap keupayaan semasa murid yang sudah menguasai bacaan asas Hijaiyah boleh terus mempelajari hafazan surah dan memahami konsep rukun Islam tanpa terikat dengan urutan RPT yang menetapkan pembelajaran tajwid lanjutan terlebih dahulu, manakala murid yang masih memerlukan pengukuhan dalam kemahiran bacaan asas akan menerima scaffolding yang lebih intensif dalam topik yang dipilih guru sebelum beralih ke topik yang lebih mencabar. Pendekatan fleksibel ini memberikan autonomi kepada guru untuk menyesuaikan pembelajaran dalam lingkungan ZPD setiap murid tanpa terikat kepada hierarki turutan yang ketat dalam RPT, sambil memastikan prinsip tadarruj (pembelajaran beransur-ansur) masih dikekalkan melalui pemilihan topik yang sesuai dengan tahap perkembangan murid. Pendekatan fleksibel ini terbukti berkesan

dalam meningkatkan pencapaian pentaksiran bertulis secara signifikan ($Z=-2.729$, $p=0.05$) dan pentaksiran lisan, menunjukkan keberkesanan scaffolding yang disesuaikan dengan keperluan individu murid dalam membantu mereka membina kefahaman konseptual yang mendalam, pemikiran kritis, dan keyakinan untuk berkomunikasi.



Rajah 5.2 Aplikasi Teori Konstruktivisme Vygotsky dan Teori Pemikiran Ibn Khaldun dalam Pendekatan Modular Secara Linear dan Bukan Linear

Justeru, kajian ini membuktikan bahawa aplikasi konsep ZPD, scaffolding, tadarruj, dan Malakah yang berbeza mampu menghasilkan keberkesanan yang berbeza mengikut jenis pembelajaran yang disasarkan. Pendekatan linear yang mengaplikasikan scaffolding berstruktur dan tadarruj hierarki terbukti lebih berkesan untuk pembelajaran kemahiran praktikal yang memerlukan penguasaan berperingkat dan pembentukan malakah yang kukuh seperti kemahiran amali ibadah. Manakala pendekatan bukan linear yang mengaplikasikan scaffolding fleksibel dan tadarruj melalui laluan pelbagai terbukti lebih berkesan untuk pembelajaran konseptual yang memerlukan pemikiran kritis dan kefahaman mendalam. Kedua-dua pendekatan ini menunjukkan relevan dan keberkesanan teori konstruktivisme Vygotsky serta pemikiran Ibn Khaldun dalam

konteks Pendidikan Islam di sekolah vernakular, sekaligus mengukuhkan kerangka teoretikal kajian ini yang menggabungkan asas psikologi pembelajaran barat dengan falsafah Pendidikan Islam. Integrasi kedua-dua teori ini juga memberikan panduan berasaskan bukti empirik kepada guru Pendidikan Islam di SJKC untuk memilih pendekatan yang paling sesuai mengikut objektif pembelajaran yang berbeza dalam konteks yang mencabar dengan kekangan masa dan sumber yang terhad.

Dapatan kajian ini juga menyumbang kepada pengukuhan teori pembelajaran bersepadu dalam Pendidikan Islam dengan membuktikan keberkesanan integrasi pelbagai pendekatan pengajaran. Kajian menunjukkan bahawa gabungan pendekatan modular secara linear dan bukan linear mampu memenuhi keperluan pembelajaran dalam kalangan murid muslim di SJKC. Ini dibuktikan melalui pencapaian cemerlang majoriti murid dalam kedua-dua kumpulan kajian, dengan setiap pendekatan menunjukkan kelebihan dalam aspek pembelajaran yang berbeza, mencerminkan kepentingan pendekatan yang fleksibel dan responsif terhadap keperluan pembelajaran.

Walaupun kajian ini tidak secara khusus menggunakan teori pembelajaran adaptif sebagai kerangka teoretikal utama, namun dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan pendekatan modular secara bukan linear dalam kajian ini mempunyai ciri-ciri yang selari dengan prinsip pembelajaran adaptif. Pembelajaran adaptif merujuk kepada pendekatan pengajaran yang menyesuaikan isi kandungan, kaedah penyampaian, dan strategi pembelajaran mengikut keperluan, kebolehan, dan gaya pembelajaran individu murid (Peng et al., 2019; Walkington & Bernacki, 2020). Oleh itu, adalah wajar untuk kajian ini membincangkan implikasi dapatan terhadap teori pembelajaran adaptif walaupun ia bukan fokus utama kajian.

Kajian ini turut memberikan implikasi penting terhadap teori pembelajaran adaptif. Pendekatan modular secara bukan linear yang diterapkan dalam kajian ini secara efektif bertindak sebagai suatu sistem pembelajaran adaptif, di mana isi pelajaran disesuaikan dengan keperluan individu murid. Konsep ini selari dengan prinsip pembelajaran adaptif yang menekankan penyesuaian strategi pengajaran untuk memenuhi zon perkembangan individu, serupa dengan 'Zon Perkembangan Proksimal (ZPD)' yang dikemukakan oleh Vygotsky. Dengan membenarkan murid-murid melalui modul pembelajaran mengikut kadar dan cara mereka sendiri, pendekatan ini mengukuhkan idea bahawa pembelajaran tidak semestinya perlu berlaku secara seragam. Sebaliknya, ia membuktikan keberkesanan model pembelajaran yang membenarkan penyesuaian laluan pembelajaran, sekaligus menyokong teori

pembelajaran adaptif sebagai kerangka yang relevan dalam merancang kurikulum Pendidikan Islam yang berkesan, terutamanya bagi murid yang mempunyai latar belakang pendidikan yang pelbagai seperti di SJKC.

5.3.2 Implikasi Praktikal

Kajian ini memberikan bukti empirik tentang kesan pendekatan pengajaran modular (pembolehubah bebas) terhadap penguasaan Pendidikan Islam (pembolehubah bersandar) dalam kalangan murid muslim minoriti di SJKC. Dapatan menunjukkan kesan yang berbeza bergantung kepada jenis pendekatan modular yang digunakan. Pendekatan modular secara linear memberi kesan signifikan terhadap penguasaan kemahiran amali, manakala pendekatan modular secara bukan linear memberi kesan signifikan terhadap penguasaan konseptual melalui pentaksiran bertulis.

Dari sudut praktikal, kajian ini memberi implikasi penting kepada pelaksanaan sistem pendidikan di Malaysia, khususnya dalam transformasi pengajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan Kurikulum Persekolahan 2027. Dapatan kajian membuktikan keberkesanan pendekatan modular dalam meningkatkan tahap penguasaan Pendidikan Islam menunjukkan kesediaan sistem pendidikan negara untuk mengadaptasi pendekatan pengajaran yang lebih fleksibel dan responsif. Ini dapat dilihat melalui pencapaian cemerlang majoriti murid dalam kedua-dua kumpulan kajian, menunjukkan potensi pendekatan ini dalam merealisasikan hasrat KPM untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi akademik dan sahsiah (binti Ahmad & Iksan, 2021).

Kajian ini juga memberi implikasi penting kepada penambahbaikan sistem Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Dapatan kajian menunjukkan kepentingan mengintegrasikan pelbagai bentuk pentaksiran untuk mendapat gambaran yang lebih komprehensif tentang tahap penguasaan murid. Ini dibuktikan melalui penggunaan tiga komponen pentaksiran iaitu lisan, bertulis dan amali yang berjaya mengenal pasti kelebihan setiap pendekatan modular dalam meningkatkan aspek pembelajaran yang berbeza. Seterusnya, kajian ini memberi implikasi kepada pembangunan profesionalisme guru Pendidikan Islam, terutamanya dalam konteks pengajaran di sekolah vernakular. Dapatan kajian menunjukkan kepentingan kemahiran guru dalam mengadaptasi pendekatan pengajaran mengikut

keperluan pembelajaran murid yang pelbagai. Pemberian autonomi kepada guru menjadi satu keperluan penting agar mereka dapat menyumbang usaha yang bersungguh-sungguh dalam memilih dan menyesuaikan kaedah pengajaran (Tukiman & Md Noor, 2022) mengikut konteks pembelajaran di SJKC. Hal ini terbukti melalui keberkesanan kedua-dua pendekatan modular dalam meningkatkan pencapaian murid.

Kejayaan pelaksanaan kedua-dua pendekatan modular dalam kajian ini turut menyerlahkan peranan kritikal guru sebagai pelaksana kurikulum dalam sistem pendidikan Malaysia. Dapatan kajian membuktikan bahawa guru Pendidikan Islam di SJKC bukan sekadar penyampai kandungan DSKP secara pasif, sebaliknya berperanan aktif sebagai penterjemah kurikulum yang mengadaptasi Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) kepada aktiviti pembelajaran yang bermakna mengikut konteks bilik darjah (Mansor & Jamaludin, 2024; BPK, 2021). Dalam konteks SJKC khususnya, peranan ini menjadi lebih mencabar kerana guru perlu menyampaikan kandungan kurikulum yang sama dengan SK tetapi dalam masa yang lebih terhad (120 minit berbanding 180 minit seminggu) dan persekitaran yang berbeza dari segi budaya dan bahasa (Gray et al., 2024).

Keberkesanan kedua-dua pendekatan modular dalam kajian ini mencerminkan kemahiran guru dalam membuat pertimbangan profesional yang bijak tentang pemilihan pendekatan yang sesuai, penekanan topik pembelajaran, dan penyesuaian aktiviti mengikut keperluan murid minoriti Muslim di SJKC (Shan, 2021; Sommarström et al., 2021). Fleksibiliti yang ditunjukkan dalam pelaksanaan pendekatan modular secara bukan linear khususnya, membuktikan autonomi pertimbangan profesional guru dalam proses pelaksanaan kurikulum. Guru terlibat secara aktif dalam menterjemah, mengadaptasi, dan menyesuaikan kurikulum mengikut konteks sebenar bilik darjah mereka (Alvunger, 2021; Wang, 2022). Justeru, kajian ini memberi implikasi penting kepada dasar pendidikan bahawa autonomi guru dalam pelaksanaan kurikulum perlu disokong dengan latihan berterusan, bahan pengajaran yang berkualiti, dan sokongan pentadbir untuk memastikan guru dapat melaksanakan kurikulum dengan berkesan sambil mengekalkan integriti objektif pembelajaran (Mokhtar & Sahat, 2022; Mohan et al., 2024).

Kajian ini turut memberi implikasi kepada pembangunan dan penambahbaikan bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah. Dapatan menunjukkan kepentingan menyediakan modul pembelajaran yang fleksibel dan boleh diadaptasi mengikut keperluan pembelajaran murid. Keberkesanan pendekatan modular

secara linear dalam meningkatkan kemahiran amali dan pendekatan bukan linear dalam meningkatkan kefahaman konseptual mencerminkan keperluan untuk membangunkan bahan pengajaran yang menyokong kedua-dua bentuk pembelajaran ini. Ini selaras dengan matlamat Kurikulum Persekolahan 2027 yang menekankan kepentingan bahan pembelajaran yang kontekstual dan relevan.

5.3.3 Implikasi Metodologikal

Dari sudut metodologikal, kajian ini membuka dimensi baharu dalam penyelidikan pendidikan khususnya berkaitan pengajaran Pendidikan Islam dalam konteks sekolah vernakular. Reka bentuk kajian eksperimental yang menggunakan analisis perbandingan antara pendekatan modular secara linear dan bukan linear telah terbukti berkesan dalam menilai keberkesanan pendekatan pengajaran di SJKC. Dapatan kajian yang positif ini mencadangkan metodologi yang sama boleh diaplikasikan untuk mengkaji keberkesanan pendekatan modular dalam pengajaran Pendidikan Islam di SJKT, di mana murid muslim juga merupakan golongan minoriti dengan cabaran pembelajaran yang serupa. Kajian ini juga menyumbang kepada pembangunan metodologi penyelidikan berkaitan pengajaran Pendidikan Islam di kawasan pedalaman dan penempatan Orang Asli. Penggunaan tiga komponen pentaksiran iaitu lisan, bertulis dan amali dalam kajian ini boleh diadaptasi untuk menilai keberkesanan pendekatan modular dalam konteks pembelajaran murid muslim di kawasan pedalaman. Metodologi ini relevan kerana murid muslim di kawasan pedalaman dan penempatan Orang Asli juga menghadapi cabaran dari segi kemudahan dan akses kepada Pendidikan Islam yang berkualiti.

Seterusnya, metodologi kajian ini turut memberi implikasi kepada penyelidikan pendidikan di SJKC lain yang mempunyai demografi murid muslim yang berbeza. Penggunaan kaedah eksperimental dengan sampel bersandar membolehkan perbandingan yang tepat antara keberkesanan pendekatan pengajaran yang berbeza. Metodologi ini boleh digunakan untuk mengkaji keberkesanan pendekatan modular di SJKC lain dengan mengambil kira faktor-faktor demografi seperti lokasi sekolah, jumlah murid muslim, dan latar belakang sosio-ekonomi yang berbeza. Metodologi kajian ini juga menyumbang kepada pembangunan instrumen pentaksiran yang sesuai untuk menilai keberkesanan pendekatan pengajaran dalam konteks pendidikan minoriti.

Penggunaan pelbagai komponen pentaksiran dalam kajian ini boleh dijadikan asas untuk membangunkan instrumen pentaksiran yang lebih komprehensif dan sensitif terhadap keperluan pembelajaran murid muslim di sekolah vernakular lain atau kawasan minoriti. Dapatan kajian menunjukkan kepentingan mengambil kira pelbagai aspek pembelajaran dalam pentaksiran, termasuk kemahiran praktikal dan pemahaman konseptual, yang boleh diaplikasikan dalam konteks pendidikan minoriti yang lain.

Selain itu, kajian ini menawarkan satu kerangka metodologi yang inovatif untuk mengukur pembelajaran melalui gabungan instrumen kualitatif dan kuantitatif. Walaupun reka bentuk utama adalah eksperimental (kuantitatif), kajian ini menunjukkan bagaimana analisis terperinci terhadap hasil pentaksiran bertulis dan amali dapat memberikan pemahaman yang mendalam mengenai perbezaan kesan antara dua pendekatan modular. Implikasi metodologi ini adalah penting bagi penyelidik lain untuk mengintegrasikan elemen kualitatif seperti pemerhatian kelas atau temu bual dengan guru dan murid untuk mendapatkan data yang lebih kaya dan holistik. Metodologi gabungan ini berpotensi besar dalam mengkaji fenomena pembelajaran yang kompleks, terutamanya dalam konteks pendidikan minoriti di mana faktor-faktor sosio-budaya memainkan peranan penting. Pendekatan ini membolehkan penyelidik tidak hanya mengukur keberkesanan pendekatan pengajaran secara statistik, tetapi juga memahami sebab di sebalik dapatan tersebut dari perspektif murid dan guru.

Kajian ini juga menunjukkan kepentingan membezakan antara fokus kajian (pendekatan modular) dengan instrumen pengukuran (pentaksiran). Walaupun kajian menggunakan tiga komponen pentaksiran untuk mengukur tahap penguasaan, fokus analisis dan perbincangan adalah kepada perbandingan keberkesanan pendekatan modular secara linear dan bukan linear.

Implikasi metodologi ini penting bagi kajian masa hadapan. Kajian tentang pengajaran tidak semestinya memerlukan teori pentaksiran sebagai kerangka teoretikal, tetapi memerlukan justifikasi pemilihan instrumen pengukuran yang sesuai. Penggunaan pelbagai instrumen pentaksiran membantu mengukur keberkesanan pendekatan pengajaran secara holistik merangkumi pelbagai domain pembelajaran. Klarifikasi yang jelas tentang pembolehubah kajian membantu pembaca memahami fokus sebenar kajian.

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Berdasarkan limitasi dan dapatan kajian yang telah dijalankan, beberapa kajian lanjutan boleh dilaksanakan untuk mengukuhkan pemahaman tentang keberkesanan pendekatan modular dalam pengajaran Pendidikan Islam di SJKC. Pertama, kajian perbandingan multi-lokasi yang melibatkan beberapa buah SJKC di kawasan berbeza boleh dilaksanakan untuk mendapatkan saiz sampel yang lebih besar. Pendekatan ini dapat mengatasi limitasi jumlah sampel yang kecil dalam kajian asal dan menghasilkan dapatan yang lebih mantap untuk digeneralisasikan. Kajian seumpama ini juga membolehkan analisis perbandingan antara pelaksanaan di kawasan bandar dan luar bandar, sekaligus memberi gambaran yang lebih menyeluruh tentang keberkesanan pendekatan modular dalam konteks yang berbeza.

Kedua, kajian longitudinal jangka panjang perlu dijalankan untuk tempoh 2-3 tahun bagi mengkaji kesan jangka panjang kedua-dua pendekatan modular. Kajian jangka panjang ini dapat mengatasi limitasi keberadaan guru dan gangguan aktiviti sekolah kerana mempunyai tempoh masa yang lebih fleksibel untuk pengumpulan data. Pendekatan ini juga membolehkan pengumpulan data yang lebih komprehensif tentang perkembangan kognitif murid dan kesannya terhadap pembelajaran Pendidikan Islam.

Ketiga, kajian eksperimental dengan kumpulan Fasa 1 Ujian Pra yang berasingan sepenuhnya boleh dilaksanakan untuk mengatasi limitasi kesan pembawaan dalam perkembangan kognitif murid. Reka bentuk kajian ini membolehkan penilaian keberkesanan setiap pendekatan secara lebih tepat tanpa pengaruh silang antara kedua-dua kaedah. Pemisahan kumpulan Fasa 1 Ujian Pra dan rawatan akan menghasilkan data yang lebih jelas tentang keberkesanan setiap pendekatan. Keempat, kajian pembangunan instrumen pentaksiran standard perlu dijalankan untuk menghasilkan alat penilaian yang lebih konsisten bagi kedua-dua pendekatan modular. Ini dapat mengatasi limitasi pembinaan instrumen yang bergantung kepada guru individu dan menghasilkan alat pentaksiran yang boleh diguna pakai secara meluas. Pembangunan instrumen standard ini penting untuk memastikan konsistensi dalam pentaksiran dan memudahkan perbandingan keberkesanan antara sekolah.

Kelima, kajian kolaboratif multi-guru yang melibatkan beberapa orang guru Pendidikan Islam dari sekolah berbeza perlu dilaksanakan. Pendekatan ini dapat mengatasi limitasi kebergantungan kepada seorang guru dan masalah ketidakhadiran.

Kajian kolaboratif ini juga membolehkan perkongsian kepakaran dan pengalaman dalam pelaksanaan kedua-dua pendekatan, seterusnya menyumbang kepada pengayaan kaedah pengajaran Pendidikan Islam di SJKC. Kesemua cadangan kajian lanjutan ini direka untuk mengukuhkan metodologi kajian, meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan, serta menangani limitasi yang dikenal pasti dalam kajian asal. Pendekatan yang lebih komprehensif dan sistematik ini akan menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang keberkesanan pendekatan modular dalam konteks Pendidikan Islam di SJKC, sekaligus membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini di sekolah vernakular.

5.5 Penutup

Kajian ini telah menunjukkan keberkesanan pendekatan modular dalam pengajaran Pendidikan Islam di SJKC Kuang Hwa, Kuantan. Kedua-dua kaedah, sama ada secara linear mahupun bukan linear, memperlihatkan impak positif dalam meningkatkan penguasaan pelajar. Pendekatan modular secara bukan linear menunjukkan kelebihan dalam aspek pemahaman konseptual dan pemikiran kritis, terutamanya dalam bidang akidah, sirah, jawi dan adab. Sementara itu, pendekatan modular secara linear pula membuktikan keberkesanannya dalam pembentukan kemahiran praktikal, khususnya dalam pembelajaran ibadah yang memerlukan pemahaman berstruktur. Dari perspektif teoretikal, kajian ini mengukuhkan asas teori konstruktivisme Vygotsky dan konsep '*Malakah*' Ibn Khaldun dalam konteks Pendidikan Islam. Pendekatan modular secara bukan linear berkesan sebagai '*scaffolding*' yang membantu murid meningkatkan tahap penguasaan mereka, manakala pendekatan modular secara linear menyokong perkembangan kemahiran amali Pendidikan Islam secara sistematik. Selain itu, kajian ini mengetengahkan aplikasi Taksonomi Bloom versi Semakan Kembali yang berkesan dalam penilaian Pendidikan Islam berdasarkan dapatan kajian yang menunjukkan kedua-dua pendekatan menunjukkan keberkesanan dalam meningkatkan tahap penguasaan murid pada aras yang berbeza.

Dari sudut praktikal, dapatan kajian ini membawa implikasi penting terhadap transformasi sistem pendidikan, khususnya dalam konteks Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan Kurikulum Persekolahan 2027. Kajian menunjukkan

keperluan mengintegrasikan pelbagai bentuk pentaksiran dan kepentingan pembangunan profesionalisme guru dalam mengadaptasi kaedah pengajaran mengikut keperluan pelajar. Pembangunan bahan pengajaran yang fleksibel dan responsif terhadap keperluan pembelajaran juga menjadi fokus utama berdasarkan dapatan kajian. Metodologi kajian ini membuka dimensi baharu dalam penyelidikan Pendidikan Islam di sekolah vernakular. Penggunaan reka bentuk eksperimental dengan tiga komponen pentaksiran lisan, pentaksiran bertulis dan pentaksiran amali menyediakan kerangka yang boleh diadaptasi untuk kajian di konteks pendidikan melibatkan golongan minoriti yang lain. Pendekatan ini memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang keberkesanan kaedah pengajaran dalam situasi pembelajaran yang berbeza.

Berdasarkan limitasi kajian sedia ada, beberapa cadangan penyelidikan lanjutan telah dikenal pasti. Ini termasuk keperluan untuk menjalankan kajian perbandingan multi-lokasi, kajian longitudinal jangka panjang, dan kajian eksperimental dengan kumpulan Fasa 1 Ujian Pra yang berasingan. Pembangunan instrumen pentaksiran standard dan pelaksanaan kajian kolaboratif multi-guru juga dicadangkan untuk mengukuhkan dapatan sedia ada. Kesemua cadangan ini bertujuan untuk memberi kefahaman mendalam tentang keberkesanan pendekatan modular dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah vernakular, sekaligus menyumbang kepada peningkatan kualiti Pendidikan Islam di Malaysia.

RUJUKAN

- Ab Kadir, M. Z. (2023). Pembangunan Modul Kursus Asas Mekanik Struktur (KAMS) berasaskan Teori Konstruktivisme bagi Program Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional. *Global Journal of Educational Research and Management*, 3(1), 35-44.
- Ab Rahim, A., & Nor, M. R. M. (2020). Institusi pengajian pondok di Selangor: Kajian terhadap sejarah dan perkembangan. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 7(2), 1-12.
- Abaya, L. M., Cruz, J. D., & Llobera, C. (2023). Bridging the conventions: Effects of modular approach in teaching elementary grades. *International Journal of Multidisciplinary: Applied Business and Education Research*, 4(6), 1955-1962. <https://doi.org/10.11594/ijmaber.04.06.21>
- Abdul Rahman, A. B., Ismail, S., Radzi, N. A. M., & Zin, M. M. (2023). Aplikasi Pendidikan Islam dan moral dalam variasi etnik Malaysia. In *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, 14, 373-377.
- Abdullah Hadi, N. H., & Hamzah, M. I. (2020). Tahap amalan penghayatan Pendidikan Islam dalam kalangan pelajar Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020) – Dalam Talian 24 & 25 November 2020, 333-343.
- Abdurrohman, M. C. (2022). Perencanaan kurikulum Pendidikan Islam. *Rayah Al-Islam*, 6(01), 11-28. <https://doi.org/10.37274/rais.v6i01.524>
- Abu, A. T., Rashid, R. A. A., & Saleh, S. (2020). Pembinaan modul pengajaran Al-Quran (Al-Alaq) dengan menggunakan model instruksional ADDIE. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(3), 152-167.
- Adams, J. L., & Thomas, S. K. (2022). Non-linear curriculum experiences for student learning and work design: What is the maximum potential of a chat bot?. In *Handbook of Research on Future of Work and Education: Implications for Curriculum Delivery and Work Design* (pp. 299-306). IGI Global. <https://doi.org/10.4018/978-1-7998-8275-6.ch018>
- Adenan, F., Rani, M. A. M., Arif, M. I. A. M., Bahari, A., & Rani, S. A. M. (2020). Analisis modul pengajaran dan pembelajaran (p&p) kelas pengajian mualaf di pusat perlindungan Baitus Salam Selangor. *Jurnal Kesidang*, 5(1): 19-30.

- Agarwal, A. (2019). How modular education is revolutionizing the way we learn (and work). *Forbes*. www.forbes.com/sites/anantagarwal/2019/04/25/how-modular-education-is-revolutionizing-the-way-we-learn-and-work/#5e1f21c33a26.
- Ahamad, M. A., Bakar, E. W., & binti Juhary, J. (2022). Kemahiran berfikir aras tinggi melalui pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran seni bahasa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(7). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i7.1597>
- Ahmad, M. F., Zin, H. M., & Kuthi, H. A. (2020). Model pembangunan insan soleh kamil AD-DIN (PISKA) berdasarkan teori perubahan akhlak al-Ghazali dalam Pengajian Tamadun Islam Tamadun Asia (TITAS) di politeknik. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(4): 163-176.
- Ahmad, N., Othman, S., Sabil, A. M., Mokhtar, M. M., Nawawi, M. A. M., & Hason, Z. (2021). Pengaruh Didik Hibur dalam meningkatkan kesediaan belajar kemahiran membaca Bahasa Melayu murid belum menguasai tahap pencapaian minimum. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 3(1), 45-57.
- Ahmed, A.M., Seid, A.M. (2023). Enhancing students' linear algebra i learning using assessment through STACK. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (iJET)*, 18(19), 4–12. <https://doi.org/10.3991/ijet.v18i19.42371>
- Aisyah, S., Arisanti, K., & Yaqin, F. A. (2023). Adaptasi dan inovasi Madrasah Ibtidaiyah dalam menyambut kurikulum merdeka belajar. *Jurnal Educatio FKIP UNMA*, 9(1), 386–393. <https://doi.org/10.31949/educatio.v9i1.4583>
- Ajmain, M. T., & Mohamad, A. M. (2020). Konsep kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) menurut Ibn Khaldun dalam konteks pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(2), 146-157.
- Akta Pendidikan Kebangsaan (1996). Undang-Undang Malaysia.
- Al Thehli, S. M. (2025). The Importance of Designing a Curriculum That Fosters 21st -Century Skills Among Learners ٦٤٤-٦١٣, (٣٩)٩, *المجلة العربية للتربية النوعية*, <https://doi.org/10.21608/ejev.2025.450831>.
- A'la, B. A., Muzaqi, S., & Alimin, M. (2023). Kurikulum pendidikan agama Islam pendekatan multidisipliner, interdisipliner dan transdisipliner di perguruan tinggi. *Eduperia: Jurnal Studi Pendidikan dan Pedagogi Islam*, 7(2), 143-152. <https://doi.org/10.35316/edupedia.v7i2.2467>

- Aleas, M. & Salleh, N. M. (2021). Tahap pengetahuan kemahiran dan sikap guru terhadap pengajaran modular di Sekolah Rendah Daerah Hulu Langat, Selangor. *International Journal of Advanced Research In Islamic Studies And Education*, 1(3):93.
- Alvunger, D. (2021). Curriculum making and knowledge conceptions in classrooms in the context of standards-based curricula. *The Curriculum Journal*, 32, 607–625 . <https://doi.org/10.1002/curj.108>.
- Ambayon, C. M. (2020). Modular-based approach and students' achievement in literature. *International Journal of Education & Literacy Studies*, 8(3),32-36. <http://dx.doi.org/10.7575/aiac.ijels.v.8n.3p.32>
- Ambayon, E. E., & Millenes, C. (2020). Modular-based approach and students' achievement in literature. *International Journal of Education & Literacy Studies*, 8(3): 32-36. <https://dx.doi.org/10.2139/ssrn.3723644>
- Ambotang, A. S., Andin, C., & Minduru, N. (2021). Sumbangan pengetahuan dan kemahiran guru sekolah rendah terhadap amalan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah di Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Kesidang*, 6(1), 107-119.
- Anderson, L. W., & Krathwohl, D. R. (2001). *A taxonomy for learning, teaching, and assessing: A revision of Bloom's taxonomy of educational objectives: complete edition*. Addison Wesley Longman, Inc..
- Arinie, S., & Azmah, N. (2025). Komponen modul ajar dan manfaatnya bagi guru dalam meningkatkan efektivitas pembelajaran di abad 21. *IHSAN: Jurnal Pendidikan Islam*, 3(1), 291-297. <https://doi.org/10.61104/ihsan.v3i1.498>
- Arumainathan, K., Kway, E. H., & Shaffeei, K. (2023). Kajian keberkesanan aktiviti main peranan “I Can Communicate Too” terhadap murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 55-76. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp.5.2023>
- Arumugham, K. S. (2020). Kurikulum, pengajaran dan pentaksiran dari perspektif pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 152-161. <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.1.175>
- Aryani, I., Susiani, R., & Yanda, S. R. (2022). Konsep pendidikan dalam pemikiran Ibn Khaldun. *JURNAL AZKIA: Jurnal Aktualisasi Pendidikan Islam*, 17(1): 68-76. <https://doi.org/10.37216/tarbawi.v6i1.402>

- Asmarani, A., & Usman, O. (2019). Effect of competence teachers, motivation to learn, learn facilities, to achievement. *Motivation to Learn, Learn Facilities, to Achievement* (June 5, 2019). <https://dx.doi.org/10.2139/ssrn.3415334>
- Asysyauqi, M. F., & Arifin, Z. (2023). Relevansi konsep belajar Ibn Khaldun dalam perspektif teori belajar kontemporer. *Intelektual: Jurnal Pendidikan dan Studi Keislaman*, 13(1): 85-108. <https://doi.org/10.33367/ji.v13i1.3645>
- Awang, N. C., & Tayeb, A. (2022). Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan konsep kewarganegaraan inklusif: Antara normatif dan realiti suatu kajian komprehensif. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001500. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1500>
- Aziz, A., Hidayatullah, A., Ruswandi, U., & Arifin, B. (2021). Pembelajaran Pendidikan Agama Islam (PAI) di Sekolah Dasar. *Jurnal Penelitian Pendidikan Islam*, 9(1), 63-80. <https://doi.org/10.36667/jppi.v9i1.542>.
- Aziz, A., Ibrahim, M. A., Ismail, M. S. I. & Ismail, S. (2021). Kepentingan dan saranan menuntut ilmu menurut islam berdasarkan dalil Al-Quran Dan As-Sunnah, *Voice of Academia (VOA)*, 17 (2), 6, 62-71.
- Aziz, S. N. S., Baharudin, L., & Syahirah, N. I. (2024). Perbandingan Sikap Pelajar Terhadap Hafazan Al-Quran: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Putrajaya. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan isu-isu kontemporari*, 7(1), 10-18. <https://doi.org/10.53840/qiraat.v7i1.73>
- Azizan, N. I., Ismail, N., Zin, S. M. M., & Zainuddin, N. F. (2021). Metode pengajian tafsir al-Quran institusi pondok di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 14: 50-58.
- Azkia, Z. A. & Muslim, N. Z. (2024). Filsafat Pendidikan Islam: Kajian Pemikiran Ibn Khaldun. *Moral: Jurnal Kajian Pendidikan Islam*, 1(4), 28–41. <https://doi.org/10.61132/moral.v1i4.210>
- Azman, N. A., Zulkifli, H., & Tamuri, A. H. (2023). Implementasi Taksonomi Bloom dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam sekolah menengah: Satu analisis. *International Journal of Education, Psychology And Counselling*, 8(50), 152-168. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.850011>
- Azman, N., Hamzah, M., & Baharudin, H. (2025). Digital Teaching Strategies of Islamic Education Teachers: A Case Study in Primary Schools. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 24(3), 562-585. <https://doi.org/10.26803/ijlter.24.3.27>.

- Baco, S. (2021). Domain kognitif dan pencapaian ungkapan algebra dalam kalangan pelajar tingkatan dua. *Borneo International Journal of Education (BIJE)*, 3. <https://doi.org/10.51200/bije.v3i.4112>
- Bael, B. T., Nachiappan, S., & Pungut, M. (2021). Analisis kesediaan guru dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran, pengajaran dan pemudahcaraan abad ke ke 21. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(1): 100-119. <https://doi.org/10.33306/mjssh/115>
- Bahrum, N. B., & Samsudin, M. A. (2021). Kesan pendekatan pembelajaran STEM secara teradun dalam bilik darjah Sains. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 5(1), 12-22.
- Bahy, M., & Taufiq, M. (2023). Implications of Islamic education perspective of Ibn Khaldun in elementary schools. *Al-Mudarris: Journal Of Education*, 6(2), 110-121. <https://doi.org/10.32478/al-mudarris.v6i2.1636>.
- Baik, R. (2021). A Modular Based Approach on the Development of AI Math Curriculum Model. *Journal of Engineering Education Research*, 24(3), 50-57. <https://doi.org/10.18108/jeer.2021.24.3.50>
- Baker, R., Ma, W., Zhao, Y., Wang, S., & Ma, Z. (2020). The Results of Implementing Zone of Proximal Development on Learning Outcomes. In Rafferty, A. N., Whitehill, J., Romero, C., Cavalli-Sforza, V. [Eds.] Thirteenth International Conference on Educational Data Mining (EDM 2020) - Dalam Talian 10-13 Julai 2020, 749-753. International Conference on Educational Data Mining (EDM)
- Baratta, A., Cimino, A., Gnani, M. G., & Longo, F. (2023). Human Robot Collaboration in Industry 4.0: a literature review. *Procedia Computer Science*, 217: 1887-1895. <https://doi.org/10.1177/2158244016653987>
- Barua, L., & Lockee, B. (2025). Flexible assessment in higher education: A comprehensive review of strategies and implications. *TechTrends*, 69, 301-309. <https://doi.org/10.1007/s11528-025-01039-3>
- Basari, J., & Siew, N. M. (2022). Kerangka pemupukan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik Tambahan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1348>

- Basir, M. Z. K. (2023, November). Kesepaduan model bimbingan Al-Ghazali dan Ibn Khaldun dalam pelaksanaan program dakwah mualaf. In *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, 14, 228-238.
- Basri, S. (2022). *Modul basic concepts in genetics: Intervensi tahap penguasaan dan kerangka alternatif konsep asas genetik pelajar Biologi tingkatan empat*. [Tesis sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Belland, B. R. (2017). Instructional scaffolding in STEM education: Strategies and efficacy evidence (p. 144). USA: *Springer Nature*. <https://doi.org/10.1007/978-3-319-02565-0>
- bin Tuan Dalam, S. A. B., & bin Hamzah, M. I. (2020). Pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 berdasarkan metode pembelajaran surah An-Nahl ayat 125. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020) – Dalam Talian 24 & 25 November 2020, 462-472.
- binti Ahmad, F., & Iksan, Z. H. (2021). Pengintegrasian Bidang Adab Maharat Al-Quran Dalam Pembelajaran Kimia. *Sains Insani*, 6(1), 99-104. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no1.256>
- binti Hasmadi, D. B. N., Noh, M. A. C., & Rohmad, A. (2022). Pendekatan berpusatkan murid dalam pengintegrasian ilmu bagi subjek Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Nusantara*, 1(2): 111-118. <http://doi.org/10.55080/jpn.v1i2>.
- BPK, (2021). Kajian pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) sekolah rendah 2021, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- BPK. (2015). Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Islam Tahun 1, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- BPK. (2016). Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- BPK. (2018). Panduan Pendekatan Modular Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- BPK. (2019), Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Edisi Ke-2, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- BPK. (2021). Mata Pelajaran & Peruntukan Masa Minimum Jam Setahun, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bracey, G.W. (1999). Reducing class size: The findings, the controversy. *Phi Delta Kappan*, 81(3), 246-247.

- Brown, B., Kang, G., Schwartz, A., Rink, A., Gallant, N., Magpantay-Monroe, E., Empleo-Frazier, O., Windish, D., & Marottoli, R. (2023). Cognition and dementia with Raymond and Brain: Curriculum development and evaluation using interactive animated flipped-classroom modules to impact nursing students' attitude toward dementia care. *Nurse Education in Practice*, 71, 103696. <https://doi.org/10.1016/j.nepr.2023.103696>
- Caballes, D. G., & Delos Reyes, F. J. F. (2022). A narrative on students' satisfaction in Fully online and modular learning. *International Journal of Scientific and Research Publications*, 12(1), 235-239. <https://doi.org/10.29322/ijsrp.12.01.2022.p12129>
- Casal-Otero, L., Catala, A., Fernández-Morante, C., Taboada, M., Cebreiro, B., & Barro, S. (2023). AI literacy in K-12: A systematic literature review. *International Journal of STEM Education*, 10(1), 29. <https://doi.org/10.1186/s40594-023-00418-7>
- Castroverde, F., & Acala, M. (2021). Modular distance learning modality: Challenges of teachers in teaching amid the Covid-19 pandemic. *International Journal of Research Studies in Education*, 10(8), 7-15. <https://doi.org/10.5861/ijrse.2021.602>
- Chang, H. J., Huang, K., & Wu, C. (2006). Determination of sample size in using central limit theorem for Weibull Distribution. *International Journal of Information and Management Sciences*, 17(3), 153-174.
- Peters, C. C. (1941) A method of matching groups for experiment with no loss of population. *The Journal of Educational Research*, 34:8, 606-612, <https://doi.org/10.1080/00220671.1941.10881036>
- Chassan, J. B. (1979). Research design in clinical psychology and psychiatry. New York: *Irvington Publishers Inc.*
- Che Wil, N. (2022). Modul intervensi gabungan pendekatan kaunseling Islam dan kaunseling Adler bagi menangani resilien remaja salah laku. [Tesis doktoral tidak diterbitkan]. Universiti Teknologi Malaysia.
- Chee, S. C., & Thock, K. P. (2017). Masalah perkembangan SJK (C): Kajian pemindahan SJK (C) di negeri Selangor, 1999-2012. *Journal of Chinese Literature And Culture 馬大華人文學與文化學刊*, 5(2): 60-79.

- Chernenko, O. (2020). Modern pedagogical technologies in higher education. *Pedagogy and Education Management Review*, (2), 52-59. <https://doi.org/10.36690/2733-2039-2020-2-52>
- Clark, T., Foster, L., Bryman, A., & Sloan, L. (2021). *Bryman's social research methods*. Oxford University Press.
- Condo, E. G. G. (2024). Customizing english language teaching to suit individual learning styles of students. *ESPOCH Congresses: The Ecuadorian Journal of S.T.E.A.M.*, 3(4), 177–188. <https://doi.org/10.18502/epoch.v3i4.17172>
- Crotti, M., Rudd, J. R., Roberts, S., Boddy, L. M., Fitton Davies, K., O'Callaghan, L., Utesch, T., & Fowweather, L. (2021). Effect of linear and nonlinear pedagogy physical education interventions on children's physical activity: A cluster randomized controlled trial (SAMPLE-PE). *Children*, 8(1), 49. <http://doi.org/10.3390/children8010049>
- Dam, M. (2014). *Making educational reforms practical for teachers: Using a modular, success-oriented approach to make a context-based educational reform practical for implementation in Dutch biology education*. (Tesis doktoral tidak diterbitkan). Leiden University.
- Darus, K. (2022). Pembangunan dan penilaian keberkesanan VAELA bagi tajuk elektrokimia ke atas pencapaian dan tahap motivasi pelajar tingkatan empat. [Tesis doktoral tidak diterbitkan]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Dasopang, M. D., bin HJ Adam, H. S., & Nasution, I. F. A. (2022). Integration of religion and culture in muslim minority communities through islamic education. *Jurnal Pendidikan Islam*, 8(2), 221-238. <https://doi.org/10.15575/jpi.v8i2.19445>
- Daulay, H. P., Dahlan, Z., Tarmizi, M., & Murali, M. (2020). Pemikiran Pendidikan Islam Ibn Khaldun. *Jurnal Kajian Islam Kontemporer (JURKAM)*, 1(2), 78-83.
- De Guzman, M. (2022). Evaluation of modular approach in teaching science. *International Journal of Research Publications*, 101(1), 284-301. <https://doi.org/10.47119/ijrp1001011520223175>.
- De Simone, C. (2014). Problem based learning in teacher education: trajectories of change. *International Journal of Humanities and Social Science*, 4(12): 17–29.
- Dejene, W. (2019). The practice of modularized curriculum in higher education institution: Active learning and continuous assessment in focus. *Cogent*

<https://doi.org/10.1080/2331186X.2019.1611052>

- Delice, A. (2010). The Sampling Issues in Quantitative Research. *Educational Sciences: Theory and Practice*, 10(4), 2001-2018.
- Demirbaş, İ., & Demir, F. B. (2023). Evaluation of primary school teachers' questioning skills regarding teaching geography subjects according to Revised Bloom's Taxonomy. *Kastamonu Eğitim Dergisi*, 31(1), 87-96. <https://doi.org/10.24106/kefdergi.1246431>
- Dhanapalan, R. (2025). Pemahaman dan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah (PBD) dalam kalangan guru bukan opsyen Bahasa Inggeris di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). [Tesis doktoral tidak diterbitkan]. Universiti Utara Malaysia.
- Dmitruk, N., & Druzhnova, M. (2021). Continuity of educational practice programs from the position of a modular approach. In A. G. Shirin, M. V. Zvyaglova, O. A. Fikhtner, E. Y. Ignateva, & N. A. Shaydorova (Eds.), *Education in a Changing World: Global Challenges and National Priorities 114*, 719–726. European Publisher. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2021.07.02.86>
- Dzulkifli, I., & Fakhruddin, F. M. (2024). Profesionalisme guru Pendidikan Islam dalam pengajaran kepada murid berkeperluan khas. *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences*, 14(2), 2943-2960. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v14-i12/24264>
- Ebrahimi, M., Baakhlagh, H., Ebrahimzadeh, E., Najjari, B., Amirkalali, M. S., Raji, S., Ziaee, A., Omranzadeh, A., Norouz, S., Abedi, H., & Rajai, Z. (2021). Can a psychological-educational supportive intervention enhance the psychological well-being and academic performance of freshman medical students? *Future of Medical Education Journal*, 11(3), 36-41. <https://doi.org/10.22038/fmej.2021.57055.1391>
- Alvunger, D. (2021). Curriculum making and knowledge conceptions in classrooms in the context of standards-based curricula. *The Curriculum Journal*, 32, 607–625. <https://doi.org/10.1002/curj.108>
- Egorova, G. I., Niyazova, A. A., Chabarova, B. M., & Demidova, O. M. (2021). System of non-linear education for the sustainable development of regional community. In *European Proceedings of Social and Behavioural Sciences*, 669-673. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2021.12.02.81>

- Elayyan, S. (2021). The future of education according to the Fourth Industrial Revolution. *Journal of Educational Technology and Online Learning*, 49(1): 23-30. <https://doi.org/10.31681/jetol.737193>
- Elias, F., Hamzah, M. I., & Razak, K. A. (2022). Elemen-elemen pembelajaran berpusatkan murid dalam pengajaran akidah dan impaknya. *Malaysian Journal of Education*, 47(1): 31-41. <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2022-47.01SI-03>
- Ernawati, S. (2025). Improving Student Learning Motivation in Islamic Education Learning Using an Activity-Based Approach at SD Negeri Inpres Baralau. *DEEP LEARNING: Journal of Educational Research*, 1(1), 1-12. <https://doi.org/10.62945/deeplearning.v1i1.196>.
- Fahrudin, F., Ansari, A., & Ichsan, A. S. (2021). Pembelajaran konvensional dan kritis kreatif dalam perspektif Pendidikan Islam. *Hikmah*, 18(1), 64-80. <https://doi.org/10.53802/hikmah.v18i1.101>
- Faisol, M. A., & Raharjo, R. (2022). Islamic Education learning model in natural elementary school of Ar-Ridho. *Lentera Pendidikan: Jurnal Ilmu Tarbiyah dan Keguruan*, 25(1), 57-67. <https://doi.org/10.24252/lp.2022v25n1i5>
- Fakhrudin, A. & Awang, A. (2020). Sorotan literatur terhadap cabaran Pendidikan Islam anak-anak mualaf di Malaysia, *Journal Al-Irsyad*, 5(2), 444-455. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v5i2.149>
